




LAPORAN



TAHUNAN





KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016

PELAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN MALAYSIA
2013-2025

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Laporan Tahunan 2017

Ogos 2017

ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:



Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Parcel E, Presint 1

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604, Putrajaya, Malaysia

www.moe.gov.my



Memacu Peningkatan



Sistem Gelombang 2 (2016)





KANDUNGAN

PRAKATA

Menteri Pendidikan Malaysia vi

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia x

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia xiv

RINGKASAN EKSEKUTIF E-2

BAB 1

**MENINGKATKAN AKSES
KEPADA PENDIDIKAN** 1-1

MENINGKATKAN AKSES KEPADA
PENDIDIKAN PRASEKOLAH YANG
BERKUALITI 1-3

MEMASTIKAN PENYERTAAN
DALAM PENDIDIKAN RENDAH DAN
MENENGAH 1-16

TRANSFORMASI PENDIDIKAN
VOKASIONAL 1-19

MENGUKUHKAN PELBAGAI LALUAN
PENDIDIKAN 1-27

PENYEDIAAN PENDIDIKAN BAGI
KUMPULAN KHUSUS 1-42

PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH 1-46

RINGKASAN 1-48

BAB 2

**MEMPERTINGKATKAN KUALITI
DALAM PENDIDIKAN** 2-1

MENGGABUNG JALIN KEMAHIRAN
BERFIKIRAN ARAS TINGGI DALAM
PROSES PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN 2-3

MENGGALAKKAN PENDIDIKAN SAINS,
TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN
MATEMATIK (STEM) 2-17

MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN
DWIBAHASA DALAM KALANGAN
MURID 2-25

MEMPERKASA KUALITI GURU 2-56

MEMPERKASA KUALITI PEMIMPIN
SEKOLAH 2-65

MELAKSANAKAN LIBAT URUS IBU
BAPA, KOMUNITI, DAN SEKTOR
SWASTA UNTUK MEWUJUDKAN
EKOSISTEM PEMBELAJARAN 2-70

MENGGALAKKAN PERKONGSIAN
AWAM SWASTA DALAM PENDIDIKAN 2-76

RINGKASAN 2-85

BAB 3

**MEMASTIKAN EKUITI DALAM
PENDIDIKAN** 3-1

PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH 3-3

PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PRIBUMI 3-14

PENDIDIKAN INKLUSIF 3-25

RINGKASAN 3-34

BAB 4

MEMUPUK PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

MEMUPUK PERPADUAN MELALUI AKTIVITI KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

4-1 MENINGKATKAN PENGGUNAAN VLE UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN PEMBELAJARAN 5-15

4-3 MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI SEKOLAH BERENROLMEN RENDAH 5-22

MENGUKUR TAHAP PERPADUAN DALAM KALANGAN MURID DAN GURU DI SEKOLAH

4-9 RINGKASAN 5-24

MEMBANGUNKAN PELAN HALA TUJU PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN

BAB 6
4-11 UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN (PADU) 6-1

MEMBANGUNKAN MODUL LATIHAN UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN PEMIMPIN SEKOLAH DALAM MEMUPUK PERPADUAN

4-14 PADU: MEMACU AGENDA TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA 6-3

MENERAPKAN NILAI PERPADUAN DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP DI IPGM

PADU: MENGUBAH BUDAYA KERJA 6-6

RINGKASAN

4-15 LANGKAH KE HADAPAN 6-15

BAB 5

MENINGKATKAN KECEKAPAN

MENJAJAR SEMULA DAN MENGOPTIMUMKAN BELANJAWAN KE ARAH MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID

4-19 **RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 PENCAPAIAN TAHUN 2016** 7-1

MENAMBAH BAIK PROSES BIDAAN BAGI ANGGARAN PERBELANJAAN BELANJAWAN

AKSES 7-2

MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEUPAYAAN DALAMAN KEMENTERIAN

5-2 KUALITI 7-3

MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH DAN PENYELENGGARAAN

EKUITI 7-5

MENGUKUHKAN PANGKALAN DATA PENDIDIKAN BAGI MENYOKONG PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

PERPADUAN 7-7

5-3 KECEKAPAN 7-8

MELANGKAH KE HADAPAN

5-5 AKSES 8-1

KUALITI 8-2

EKUITI 8-4

PERPADUAN 8-9

KECEKAPAN 8-11

RINGKASAN 8-12

GLOSARI 8-14

G-1

PRAKATA: MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016 | PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025

Tahun 2016 merupakan tahun yang mengujakan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia kerana ia merupakan tahun pertama pelaksanaan Gelombang 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi jangka masa lima tahun akan datang (2016-2020), Kementerian akan terus melakukan perubahan struktur dan bergerak pantas bagi memacu transformasi yang telah dimulakan dalam Gelombang 1 (2013-2015) PPPM. Kementerian beriltizam untuk melaksanakan segala inisiatif dan melakukan penambahbaikan yang diperlukan bagi memastikan kemajuan pelaksanaan PPPM berada di landasan yang betul.

Pada tahun 2016, kekuatan dan ketahanan Kementerian telah diuji melalui krisis ekonomi global yang tidak menentu yang telah memberi cabaran besar kepada Kementerian dalam mengurus, membangunkan dan menambah baik sistem pendidikan negara kita. Mendepani cabaran yang dihadapi, Kementerian tetap utuh dan teguh dalam melaksanakan inisiatif di bawah PPPM dengan menjajarkan semula peruntukan yang diterima kepada inisiatif utama yang berimpak tinggi pada setiap tahun. Dalam hal ini, pada tahun 2015, Kementerian telah dapat mencapai peratus sasaran penjimatan bajet yang dijajarkan semula kepada aktiviti yang mendokong keberhasilan murid pada 27%. Seterusnya, pada tahun 2016, peratusan penjajaran semula bajet telah melepasi jangkaan Kementerian pada 30% iaitu mencapai sehingga 77%. Peningkatan peratusan ini menunjukkan bahawa Kementerian mempunyai semangat serta kekal komited untuk merealisasikan aspirasi PPPM. Komitmen yang bertopangkan disiplin kerja yang tinggi yang diterapkan dalam pelaksanaan Gelombang 1 telah dijadikan teras bagi memacu peningkatan sistem dalam Gelombang 2.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendapat pujian daripada komuniti antarabangsa seperti UNESCO dan negara-negara Komanwel atas kejayaan mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Gelombang 1 PPPM. Selain itu, pelantikan Malaysia sebagai Ahli Lembaga Eksekutif UNESCO (2015-2019) merupakan satu penghormatan daripada masyarakat global terhadap sumbangan Malaysia dalam transformasi pendidikan. Pelantikan tersebut juga melambangkan pengiktirafan terhadap segala usaha Malaysia dalam perkongsian amalan terbaik dan bantuan yang telah dihulurkan kepada negara kurang membangun dan kepulauan kecil melalui *Malaysia Fund-in-Trust* (MFIT). Lebih penting adalah keyakinan yang ditunjukkan oleh negara-negara luar terhadap keupayaan dan kewibawaan Malaysia dalam menganjurkan persidangan antarabangsa seperti Mesyuarat Menteri-Menteri Pendidikan dan Pegawai Tertinggi Pendidikan ASEAN Ke-9 (*9th ASEAN Education Ministers and the Senior Education Officials Meeting*, ASED) dan Forum Rantau Asia Pasifik berkaitan Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (*Asia Pacific Regional Forum on Early Childhood Care and Education*, APFEC) yang dianjurkan pada tahun 2016, merupakan suatu bukti tentang kecekapan Kementerian dalam menentukan hala tuju transformasi pendidikan negara.

Aspirasi Kementerian adalah untuk membangunkan murid secara menyeluruh sebagai individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Hal ini dibuktikan melalui usaha gigih Kementerian dalam memacu dan menyelaras inisiatif pendidikan yang berkaitan ke arah kecemerlangan aktiviti sukan, kebudayaan dan kokurikulum. Saya ingin menegaskan bahawa para atlet Olimpik dan Paralimpik yang mempamerkan kejayaan yang amat cemerlang semasa Sukan Olimpik dan Paralimpik di Rio, Brazil pada tahun 2016 lahir daripada sistem pendidikan yang telah melalui transformasi yang menggalakkan dan

“

“Sebagai sebuah negara, kita telah maju dengan pesatnya dalam tempoh beberapa dekad yang lalu dan saya amat percaya bahawa sebahagian besar daripada kemajuan negara adalah hasil daripada kesan langsung kemajuan dan penambahbaikan sistem pendidikan negara. Kemampuan rakyat untuk mengekalkan kesatuan berteraskan nilai sejagat dan identiti nasional yang utuh adalah penting dalam mengekalkan kemakmuran dan keharmonian negara. Kini, kita perlu bergerak pantas memacu peningkatan sistem pendidikan negara dan lebih bersedia untuk menghadapi masa hadapan.”

”

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



memberi sokongan kepada kecemerlangan sukan. Tidak dilupakan juga murid-murid daripada Sekolah Seni Malaysia Sarawak yang telah membanggakan negara apabila memenangi tempat kedua dalam pertandingan *International Folklore Competition* di Sepanyol serta kejayaan berterusan murid kita dalam Kejohanan Robotik Dunia - suatu pencapaian yang mengagumkan yang sudah semestinya memerlukan pemikiran aras tinggi dan semangat kebersamaan - satu petanda bahawa transformasi pendidikan di bawah PPPM telah mula menampakkan hasil yang memberangsangkan.

Kejayaan murid Malaysia dalam mencatat peningkatan skor dalam *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) 2015 membuktikan komitmen teguh kita untuk merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan dalam transformasi pendidikan negara. Malaysia berada pada kedudukan pertengahan antara 39 buah negara peserta TIMSS 2015 berbanding sepertiga terbawah pada tahun 2011. Pencapaian Malaysia dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) 2015 juga telah menunjukkan peningkatan skor dalam ketiga-tiga domain literasi - saintifik, matematik dan bacaan - berbanding dengan pencapaian PISA 2012. Kita kini telah beranjak ke arah purata antarabangsa.

Penyampaian pendidikan abad ke-21, suatu hal yang penting bagi menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia, memerlukan pelaburan yang besar dan berterusan. Pendidikan abad ke-21 juga menuntut kerjasama erat dan inovasi dalam pendidikan daripada semua pihak berkepentingan yang belum pernah dilakukan sebelum ini. Kementerian juga sedang memainkan pelbagai peranan dalam menerajui perubahan pendidikan negara. Peranan yang dimainkan termasuklah melakukan tindakan segera, meningkatkan kefahaman terhadap keadaan semasa yang memberi kesan kepada dunia pendidikan dan menyediakan perancangan jangka panjang berpandukan aspirasi PPPM.

Sebagai sebuah negara, kita telah maju dengan pesatnya dalam tempoh beberapa dekad yang lalu dan saya amat percaya bahawa sebahagian besar daripada kemajuan negara adalah hasil daripada kesan langsung kemajuan dan penambahbaikan sistem pendidikan negara. Kemampuan rakyat untuk mengekalkan kesatuan berteraskan nilai sejagat dan identiti nasional yang utuh adalah penting dalam mengekalkan kemakmuran dan keharmonian negara. Kini, kita perlu bergerak pantas memacu peningkatan sistem pendidikan negara dan lebih bersedia untuk menghadapi masa hadapan.

Rakyat kini sedang menantikan pelaksanaan inisiatif Kerajaan yang dapat dilaksanakan secara konsisten, berkesan dan mampu menyediakan keberhasilan yang dihasratkan. Oleh itu, kerjasama erat antara semua pihak - murid, guru, pemimpin pendidikan, ibubapa, komuniti dan sektor swasta - adalah amat penting dan menjadi teras utama kepada kejayaan transformasi pendidikan negara. Walaupun perjalanan transformasi kita masih jauh dan proses perubahan ini akan terus berhadapan dengan pelbagai onak dan duri, saya yakin sasaran untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam kalangan negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik dunia akan dapat dicapai dengan sokongan kuat daripada semua pihak.

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



PRAKATA: KETUA SETIAUSAHA

LAPORAN TAHUNAN 2016 | PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjaya melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam Gelombang 1 (2013-2015) dengan memperoleh pencapaian yang menggalakkan. Melangkah ke tahun 2016, cabaran yang dihadapi oleh dunia ekoran ketidakpastian ekonomi global akibat daripada kejatuhan harga minyak dunia dan komoditi telah mewujudkan ketidakpastian dari segi ekonomi bagi setiap negara di muka bumi ini. Namun, Malaysia sangat bertuah kerana melalui tadbir urus sektor awam yang mantap, negara kita telah dapat mengharungi kemelut ekonomi ini melalui Pengubahsuaian Bajet 2016 sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016.

Pihak Kementerian, bagaimanapun, mengambil keputusan untuk menjadikan senario kewangan yang meruncing pada tahun 2016 kepada suatu peluang untuk menyemak semula operasi pendidikan dan prosedur kewangan dalaman bagi memacu peningkatan sistem dalam Gelombang 2. Kementerian, melalui usaha yang bersepadu daripada semua Bahagian, dapat mengoptimumkan penggunaan bajet yang telah dikurangkan dan memaksimumkan keberhasilan. Inisiatif-inisiatif yang telah dirancang di bawah PPPM telah dilaksanakan dengan jayanya dalam Gelombang 1 dan kekal menunjukkan kejayaan yang memberansangkan dalam tahun satu Gelombang 2.

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam PPPM, keupayaan setiap pegawai pendidikan perlu dipertingkatkan untuk memastikan Kementerian sentiasa menjalankan peranannya sebagai sebuah badan kerajaan yang menguruskan pendidikan negara yang mampu melakukan penambahbaikan secara berterusan. Pada tahun 2016, Kementerian kekal melaksanakan pembangunan profesional melalui *High Potential Project* kepada sekumpulan pegawai pendidikan yang berkelayakan daripada 15,000 orang pegawai yang telah diprofil dan dikenal pasti dalam Gelombang 1. Projek fasa kedua yang merupakan kesinambungan daripada latihan yang dilaksanakan terdahulu, dijalankan untuk memperkasakan kompetensi asas yang perlu dimiliki oleh pemimpin pendidikan masa hadapan.

Usaha mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kekal menjadi salah satu daripada usaha Kementerian pada tahun 2016 dalam memastikan kewujudan sebuah organisasi yang kejut selari dengan amalan terbaik pada

“

Pembangunan infrastruktur sekolah adalah amat penting dalam usaha untuk membangunkan dan melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara. Kementerian amat komited dalam memastikan keperluan infrastruktur sekolah dapat dipenuhi termasuklah pendawaian semula, baik pulih bangunan dan pembinaan infrastruktur baharu.

”

DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



peringkat antarabangsa. Bagi mencapai tujuan ini, inisiatif Penstrukturan Kementerian telah diberikan keutamaan. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkemaskan dan menjajarkan fungsi utama daripada peringkat pusat ke peringkat JPN dan PPD, serta membangunkan dan memperkasakan keupayaan kepimpinan 150 hingga 200 jawatan kepimpinan utama dalam Kementerian. Kerajaan, melalui agensi pusat, telah meluluskan Penstrukturan Semula Kementerian Pendidikan Malaysia pada 14 Disember 2016. Kini, Kementerian sedang meneliti struktur organisasi yang baharu diluluskan dan membuat persiapan terakhir struktur peringkat makro dan mikro berasaskan kepada keseluruhan bilangan perjawatan di dalam Kementerian yang telah diluluskan.

Pembangunan infrastruktur sekolah adalah amat penting dalam usaha untuk membangunkan dan melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara. Kementerian amat komited dalam memastikan keperluan infrastruktur sekolah dapat dipenuhi termasuklah pendawaian semula, baik pulih bangunan dan pembinaan infrastruktur baharu. Pada tahun 2016, Kementerian telah menerima peruntukan berjumlah RM2.04bilion di bawah perbelanjaan pembangunan untuk membiayai 1,047 projek yang terdiri daripada 356 projek baharu dan 691 projek sambungan daripada tahun 2015.

Kementerian, dengan segala daya upaya, akan mengotakan komitmen seperti yang dinyatakan dalam PPPM bagi memastikan sasaran dan aspirasi yang ditetapkan dapat dicapai ke arah pendidikan berkualiti kepada generasi hari ini dan generasi akan datang.

DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



PRAKATA: KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016 | PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025

Negara kita merupakan salah satu daripada negara yang pesat membangun dalam rantau Asia. Sistem pendidikan kita yang terus berkembang, dipandu oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, memainkan peranan yang penting dalam membolehkan pembangunan ekonomi negara meningkat saban tahun dengan adanya sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Tambahan pula dan sewajarnya juga, telah wujud pemikiran ke arah kepentingan pendidikan dengan penekanan terhadap kualiti murid dan guru kita.

Dalam konteks yang lebih luas, sistem pendidikan negara juga adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari ke-4 (*Sustainable Development Goals 4, SDG4*) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sebagai rakyat global, kita semua perlu memastikan kelestarian pembangunan negara secara menyeluruh dan teras kepada pembangunan ialah pendidikan berkualiti. Kita juga perlu sentiasa sedia dengan ketidakpastian dan persekitaran pasaran yang dinamik, semakin bijak mengurus jangkaan perubahan, dan memanfaatkan proses yang mantap serta menerapkan amalan yang boleh dilestarikan dalam apa jua yang kita lakukan.

Tidak ada mana-mana sistem pendidikan di dunia ini yang kekal stabil. Untuk menyediakan sistem pendidikan yang berkesan serta berupaya menyampaikan pendidikan berkualiti, sistem itu perlu melalui proses pembangunan dan perubahan di samping melakukan transformasi bagi memenuhi tuntutan masa kini dan masa hadapan. Kini, sistem pendidikan di Malaysia sedang mengharungi arus transformasi dengan berfokuskan kepada penyampaian Lima Aspirasi Sistem dan Enam Aspirasi Murid.

Bagi memastikan penerapan Enam Aspirasi Murid yang terkandung dalam PPPM terlaksana, lebih banyak bilik darjah kini mengamalkan pembelajaran abad ke-21 dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berpusatkan murid secara aktif serta memberi peluang kepada murid mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam menyelesaikan isu dan masalah. Suasana di dalam bilik darjah telah berubah menjadi lebih dinamik, menarik dan kondusif bagi memupuk pembelajaran merentas disiplin untuk membolehkan perkongsian ilmu dan pengalaman pembelajaran. Kaedah ini menunjukkan KBAT diperkukuhkan aplikasinya dalam kurikulum, pentaksiran dan aktiviti kokurikulum serta menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) dalam menyediakan murid untuk landskap baharu pendidikan tinggi dan peluang pada masa hadapan.

Kualiti sistem pendidikan amat bergantung kepada kualiti guru, justeru, Kementerian mengambil langkah penting untuk meningkatkan kemahiran guru dalam perkhidmatan. Seramai 268,589 orang guru telah dilatih untuk menguasai kemahiran pedagogi abad ke-21 dengan memberi fokus kepada penerapan KBAT dalam kalangan murid. Pemantapan kemahiran guru untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran



“

Kualiti sistem pendidikan amat bergantung kepada kualiti guru, justeru, Kementerian mengambil langkah penting untuk meningkatkan kemahiran guru dalam perkhidmatan. Seramai 268,589 orang guru telah dilatih untuk menguasai kemahiran pedagogi abad ke-21 dengan memberi fokus kepada penerapan KBAT dalam kalangan murid.

”

TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

telah menunjukkan kesan yang mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran yang kritikal untuk abad ke-21 seperti kecekapan berkomunikasi dan kemahiran teknologi telah diterapkan dalam kurikulum. Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah yang konkrit untuk memastikan penyampaian kurikulum yang dihasratkan dapat dilaksanakan.

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) menjadi pemangkin kepada transformasi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Masyarakat semasa sememangnya menuntut sistem pendidikan negara yang holistik, mampu mencambuh pemikiran murid, dan bukannya sistem pendidikan yang hanya mementingkan peperiksaan dan mengejar bilangan 'A' yang diperolehi oleh murid. Menyambut hasrat ini, Kementerian memastikan bahawa murid yang telah melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) ditaksir secara menyeluruh melalui UPSR 2016 serta PBS. Kementerian juga amat prihatin tentang keperluan *ICT* dalam pendidikan masa kini. Kementerian juga amat peka terhadap keperluan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Hakikatnya, murid kita lebih ke hadapan dalam penggunaan *ICT* ini, justeru, guru kita perlu diberi sokongan untuk menggunakan sepenuhnya Persekitaran Pembelajaran Maya atau *Virtual Learning Environment* (VLE). Penggunaan VLE ini akan membolehkan guru dan murid kita mendapat akses kepada pembelajaran tidak kira di mana mereka berada. Pada tahun 2016, sahaja, kita telah menambah lebih daripada 13,000 laman pembelajaran bagi kegunaan murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Akses terhadap pendidikan berkualiti terus diberikan kepada murid di seluruh negara. Beberapa inisiatif telah mengatasi sasaran yang ditetapkan; antaranya kehadiran murid Orang Asli ke sekolah meningkat kepada 86.2% berbanding sasaran sebanyak 82%. Kadar enrolmen murid berusia 16 tahun ke atas dalam bidang vokasional juga mengatasi sasaran 6% kepada 6.2%. Secara keseluruhannya, enrolmen menengah rendah juga mencatatkan peningkatan yang ketara daripada 92.5% pada tahun 2015 kepada 95.0% pada tahun 2016.

Saya amat optimistik terhadap masa hadapan pendidikan negara. Cabaran tetap ada, namun ia juga menawarkan pelbagai peluang positif dalam lanskap pendidikan di Malaysia. Kami di Kementerian kekal komited kepada semua pihak berkepentingan dan komuniti di mana sahaja kami bekerja untuk memastikan pembangunan pendidikan dilestarikan.

Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga pendidikan yang telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memastikan kejayaan transformasi pendidikan negara. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam menjadikan anak-anak kita pembina negara yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi pada masa hadapan.

TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF

KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA





**Kang Kasut
dengan
Bunian**

Tikus Bandar dan Tikus Desa
bersahabat baik. Pada su-
hari, Tikus Bandar per-
melawat Tikus Desa



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PELAN PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN MALAYSIA
2013-2025

RINGKASAN
EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tiada jalan pintas dan penyembuh ajaib dalam usaha mentransformasi sistem pendidikan kita, namun apa yang lebih penting ialah menganjak pemikiran terhadap pendidikan dalam kalangan pihak berkepentingan. Sekiranya tidak dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan, perubahan boleh menjadi suatu proses yang amat memeritkan terutamanya apabila perubahan tersebut melibatkan semua pihak dalam negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ialah suatu pelan pendidikan yang menyeluruh tetapi suatu pelan yang tanpa sokongan, komitmen dan libat urus pihak berkepentingan hanya menjadi nukilan tinta tanpa makna di atas lembaran kertas. Bagi memastikan perubahan yang diinginkan berjaya dilakukan serta dilestarikan, perlu wujud suatu keinginan yang mendalam, suatu visi yang jelas tentang apa yang ingin kita capai, suatu pelan yang pasti dengan kaedah untuk sampai ke destinasi yang ditetapkan, dan suatu cara tersusun untuk memantau dan mengukur pelaksanaan pelan tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah entiti yang telah diamanahkan untuk menerajui perubahan terus teguh berusaha memastikan proses transformasi menjadi suatu usaha kerjasama yang baik antara pihak Kerajaan dengan sektor swasta, warga pendidikan dan segenap lapisan masyarakat. Langkah terpenting untuk mewujudkan suatu sistem pendidikan yang seimbang adalah dengan mengalihkan tumpuan rakyat daripada berpaksikan kepada amalan yang dipegang sekian lamanya yang mementingkan pencapaian berorientasikan peperiksaan sebagai ukuran kejayaan.

Perubahan minda, sekiranya dapat dilakukan, akan membolehkan pihak Kementerian berusaha ke arah pembangunan anak-anak kita secara lebih holistik berteraskan Enam Aspirasi Murid seperti yang terkandung di dalam PPPM. Usaha ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menghasilkan murid yang bersahsiah tinggi, seimbang ilmunya serta tinggi akhlakunya. Matlamat utama Kementerian adalah untuk memperlengkapkan generasi masa hadapan kita dengan pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional yang utuh.

Pelaksanaan PPPM telah dirangka secara sistematik mengikut fasa atau disebut sebagai Gelombang. Dalam Gelombang 1 (2013-2015), Kementerian telah mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama, sebelum memacu peningkatan sistem dalam Gelombang 2 (2016-2020) dan beranjak ke arah kecemerlangan pendidikan dalam Gelombang 3 (2021-2025). Penyusunan secara teratur ini adalah penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PPPM dan keutamaan diberikan kepada inisiatif berdasarkan kepentingan, khususnya kepada inisiatif yang membawa impak besar kepada keberhasilan murid.

Kegawatan ekonomi global pada tahun 2016 telah mencetuskan kebimbangan kepada kebanyakan negara di dunia dan kita, rakyat Malaysia, juga tidak terlepas daripada beberapa kesan kegawatan tersebut. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah penting dalam usaha untuk melindungi rakyat daripada terkesan dengan pergolakan yang berlaku dengan melakukan semakan semula ke atas belanjawan negara melalui Pengubahsuaian Bajet 2016 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2016. Namun begitu, faktor kekangan kewangan tidak mematahkan semangat Kementerian untuk memacu peningkatan sistem dalam Gelombang 2. Inisiatif PPPM telah disusun dengan rapi dan diujarkan semula dengan teliti serta diselaraskan dengan pengubahsuaian bajet untuk memastikan keberhasilan yang diinginkan masih dapat dicapai. Pada tahun 2016, Kementerian meneruskan usaha untuk meningkatkan momentum pelaksanaan inisiatif yang telah dimulakan dalam Gelombang 1.



AKSES : Peluasan kepada Pendidikan Berkualiti

Kementerian terus meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan dari peringkat prasekolah hingga lepas menengah melalui pelbagai aktiviti bagi menyediakan peluang yang lebih luas kepada semua murid untuk terus kekal bersekolah dan meningkatkan prestasi agar terus cemerlang.

KUALITI: Peningkatan Kualiti melalui Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Keberhasilan Murid dan Pelibatan Bersungguh-sungguh Semua Pihak Berkepentingan

Penerapan KBAT, penggalakkan penyertaan tinggi murid dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), pemerksaan kompetensi guru dan pemimpin sekolah, serta peningkatan penguasaan bahasa dalam kalangan murid terus dipertingkatkan selain menggalakkan lebih pelibatan menyeluruh pihak berkepentingan telah membantu meningkatkan keberhasilan murid.

EKUITI: Pengupayaan Pemimpin Pendidikan pada Peringkat Negeri dan Daerah Dapat Memastikan Kesaksamaan Sokongan serta Peningkatan Prestasi Sekolah secara Menyeluruh

Negeri dan daerah diupaya untuk menyediakan intervensi dan penyelesaian khusus serta menyokong sekolah, tanpa mengira jenis sekolah dan keperluan keupayaan murid, untuk meningkatkan keberhasilan murid dan prestasi sekolah berdasarkan konteks setempat.

PERPADUAN: Penerapan Ilmu dan Akhlak dalam Kalangan Murid melalui Aktiviti Kokurikulum bagi Memantapkan Perpaduan

Perpaduan antara murid pelbagai kaum tidak hanya dipupuk di dalam bilik darjah tetapi terus digalakkan melalui penerapan nilai-nilai perpaduan di luar bilik darjah. Pendekatan pengajaran kokurikulum yang menggalakkan usaha kolaboratif murid, mengukuhkan penerapan nilai murni, menjalin hubungan harmonis serta memupuk identiti nasional sentiasa digalakkan.



KECEKAPAN: Penguksuhan Sistem Penyampaian Kementerian secara Sistemik yang Berfokus kepada Keberhasilan

Fokus utama Kementerian dalam mewujudkan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan ialah dengan merapatkan jurang antara penggubalan dasar dan pelaksanaan. Kementerian telah mengamalkan perbelanjaan berhemah, meletakkan keutamaan kepada program dan aktiviti pendidikan kepada berteraskan peningkatan pencapaian murid, selain daripada memantapkan keupayaan sistem dengan memanfaatkan kelebihan teknologi.

AKSES: Peluasan Pendidikan Berkualiti

- Akses kepada pendidikan yang saksama kepada kanak-kanak Malaysia kekal menjadi salah satu daripada matlamat utama dalam pendidikan dan ke arah mencapai enrolmen sejagat daripada peringkat prasekolah hingga lepas menengah. Pada tahun 2016, enrolmen prasekolah secara keseluruhan telah meningkat kepada 85.6%, selari dengan peningkatan enrolmen prasekolah swasta kepada 51.9%. Bilangan kelas prasekolah telah bertambah menjadikan keseluruhan jumlah sebanyak 49,851 buah kelas. Bilangan prasekolah awam bertambah sebanyak 125 buah, manakala bagi bilangan prasekolah swasta bertambah sebanyak 2,240 buah. Galakkan dan sokongan terus diberikan kepada pengusaha prasekolah swasta untuk membuka lebih banyak prasekolah bagi menampung permintaan tinggi, khususnya di kawasan luar bandar untuk meningkatkan kesediaan murid dalam menghadapi pendidikan formal.
- Kadar enrolmen bagi pendidikan rendah adalah sebanyak 97.2%, manakala kadar enrolmen bagi pendidikan menengah rendah adalah sebanyak 95.0%. Enrolmen peringkat menengah atas berada pada 85.8% pada tahun 2016. Secara keseluruhan, sejumlah 4,732,783 orang murid berdaftar di 7,772 buah sekolah rendah dan 2,407 buah sekolah menengah.
- Transformasi Pendidikan Vokasional bertujuan mengurus perdanakan pendidikan vokasional setanding dengan aliran perdana. Transformasi tersebut telah berjaya mencorak landskap baharu sistem pendidikan negara dengan penekanan kepada dua bidang teras - akademik dan kompetensi kemahiran. Pada tahun 2016, peratus enrolmen murid dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional telah meningkat secara signifikan kepada 6.2% berbanding 5.3% pada tahun 2015.
- Kohort pertama daripada 16 buah program di 15 buah Kolej Vokasional rintis telah menamatkan pengajian dengan jayanya pada bulan April 2016. Sejumlah 2,273 orang pelajar telah dianugerahkan sijil dalam Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional Kali Pertama. Sebanyak 1,643 (72.3%) orang graduan daripada kumpulan pertama ini telah mendapat tawaran pekerjaan daripada pihak industri. Tawaran kerja ini menunjukkan bahawa kecenderungan murid terhadap latihan kemahiran memberi peluang kerjaya yang lebih meluas.
- Akses kepada pendidikan berkualiti berasaskan bakat dan kecenderungan murid juga disediakan kepada semua anak warganegara Malaysia melalui laluan pendidikan yang pelbagai,

fleksibel dan menjurus kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pada tahun 2016, 860 buah Pusat Latihan Daerah melaksanakan program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah di 144 buah daerah dan 681 buah sekolah di seluruh negara untuk mengenal pasti dan melahirkan atlet sukan negara dalam pelbagai jenis sukan. Murid dan bekas murid daripada sekolah sukan juga telah membanggakan Kementerian dan negara dengan memenangi beberapa pingat berprestij di Sukan Olimpik dan Paralimpik pada tahun 2016. Dua buah sekolah menengah harian di Perak dan Sarawak memperkenalkan Program Pendidikan Kesenian untuk menampung permintaan tinggi dalam bidang seni sebagai tambahan kepada sekolah seni.



KUALITI:

Peningkatan Kualiti Pendidikan melalui Penerapan KBAT, Keberhasilan Murid dan Pelibatan Bersungguh-sungguh Pihak Berkepentingan

- Peningkatan skor Malaysia yang memberangsangkan dalam pentaksiran antarabangsa *Trends in Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) telah dizahirkan hasil usaha bersepadu daripada semua pihak berkepentingan – guru, ibubapa, komuniti serta murid - dengan sokongan padu daripada barisan kepimpinan pendidikan. Inisiatif PPPM yang dirangka secara menyeluruh dan dilaksanakan secara bersepadu dan sistematik oleh semua pihak berkepentingan membuktikan bahawa pendidikan negara berada pada landasan yang betul untuk mencapai matlamat berada di dalam kelompok sepertiga teratas negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik di dunia.
- Latihan telah diberikan kepada 6,000 orang guru Sains sekolah menengah berkaitan pendekatan baharu mengendalikan amali Sains sebagai persediaan menghadapi kertas peperiksaan Amali Sains SPM pada tahun 2018. Pada tahun 2016, seramai 2,681 orang guru Sains telah menduduki Penilaian Kemahiran Kompetensi STEM. Keputusan menunjukkan sejumlah 2,545 (94.9%) orang guru memperoleh aras kompetensi sederhana dan tinggi.
- Jalinan kerjasama telah dilaksanakan dengan agensi luar bagi menerapkan KBAT dalam kurikulum sebagai persediaan kepada murid untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Sepuluh buah sekolah menengah telah terpilih untuk melaksanakan *International Baccalaureate Middle Years Programme* (IBMYB) bertujuan menggalakkan murid menjadi pemikir yang kreatif dan kritis serta menjadikan sekolah sebagai pemangkin dan agen penerapan KBAT kepada sekolah sekitar untuk mempercepatkan dan meningkatkan bilangan modal insan yang kreatif dan inovatif.
- Pemikiran futuristik dan kemahiran abad ke-21 berkait rapat dengan perkembangan dan kemajuan sains teknologi terkini dan masa hadapan. Selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, Kerajaan giat berusaha menyemarakkan minat terhadap bidang STEM dalam kalangan rakyat Malaysia. Audit telah dijalankan ke atas keadaan makmal sains di semua sekolah menengah dalam usaha mencetus perasaan ingin tahu dan mengekalkan ketakjuban

murid dalam mata-mata pelajaran STEM di samping menggalakkan penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang inovatif dalam bilik darjah.

- Kualiti guru dan pemimpin sekolah terus diperkasa kerana mereka menjadi tunjang kepada kejayaan sistem pendidikan. Kementerian mengambil langkah penting untuk meningkatkan kemahiran guru dalam perkhidmatan melalui pembangunan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK). Kompetensi barisan kepimpinan sekolah terus diperkukuh melalui penerusan program Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) dan program Program Residensi dan Immesif (PRLme).
- Pelibatan ibubapa, komuniti dan sektor swasta telah berjaya meningkatkan dengan ketara kadar kehadiran ibubapa dalam enam aktiviti utama yang berkaitan pada peringkat sekolah. Peratusan pelibatan ibubapa di sekolah telah meningkat daripada 83.3% kepada 92.5% pada tahun 2016. Kadar ibubapa yang menjadi sukarelawan sekolah juga telah meningkat dengan tinggi daripada 15.3% kepada 40.9%. Pihak swasta juga telah menunjukkan minat yang tinggi untuk membantu sekolah meningkatkan prestasi melalui pelbagai program Perkongsian Awam Swasta dan dizahirkan melalui peningkatan bilangan sekolah yang menerima sumbangan.



EKUITI:

Pengupayaan Pemimpin Pendidikan pada Peringkat Negeri dan Daerah dapat Memastikan Kesaksamaan Sokongan serta Peningkatan Prestasi Sekolah secara Menyeluruh

- Program Transformasi Daerah, melalui bantuan dan sokongan terus daripada peneraju pendidikan di daerah, telah dapat meningkatkan prestasi dan kualiti sekolah dalam dalam kawasan tersebut. Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar dapat dikurangkan. Peratusan sekolah berprestasi tinggi (Band 1 dan 2) kekal meningkat dari tahun ke tahun dan pada tahun 2016 berada pada 39.9% berbanding pada 36.8% pada tahun 2015.
- Penyediaan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) berhampiran penempatan murid Orang Asli dan pribumi serta penyediaan program pendidikan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi secara holistik telah berjaya meningkatkan kadar kehadiran dan meminimumkan kadar keciciran. Purata kadar kehadiran murid di Sekolah Orang Asli telah melonjak sebanyak 7.1% menjadikan purata kehadiran pada 86.3% melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2016. Kadar peralihan murid Orang Asli daripada pendidikan rendah ke pendidikan menengah juga telah meningkat kepada 83% pada tahun 2016 daripada 79% tahun sebelumnya. Empat buah sekolah K9 juga menawarkan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bagi membolehkan murid Orang Asli mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan meneruskan pensijilan ke tahap yang lebih tinggi di kolej vokasional.
- Program kesedaran masyarakat antara agensi mengenai pendidikan khas yang telah dijalankan telah membantu dalam meningkatkan keprihatinan terhadap keperluan Murid Berkeperluan Khas (MBK). Peningkatan bilangan MBK dalam pendidikan inklusif membuktikan bahawa masyarakat kini lebih terbuka dan sedar tentang peranan masing-masing dalam membantu golongan istimewa ini. Peratus enrolmen MBK dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah meningkat dengan ketara kepada 30.3% berbanding 23.2% pada tahun 2015.

- Kerjasama dan sumbangan masyarakat sivil dan sektor swasta untuk meningkatkan prasarana bagi keperluan MBK di sekolah-sekolah sangat dialu-alukan. Peluang MBK untuk mengikuti TVET juga telah terbuka luas dengan penawaran bidang vokasional di dua buah kolej vokasional. Peningkatan bilangan MBK kepada lebih 500 orang di pelbagai Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta juga sangat memberangsangkan.

PERPADUAN:

Penerapan Ilmu dan Akhlak dalam Kalangan Murid melalui Aktiviti Kokurikulum bagi Mengukuhkan Perpaduan

- Usaha memperkukuh perpaduan dan identiti nasional telah mula menampakkan hasil melangkaui Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti RIMUP masih kekal relevan terutamanya kepada tujuh buah negeri utama yang melibatkan penyertaan daripada 7,107 orang murid. Usaha bagi mengukuhkan penerapan nilai dan pemupukan identiti nasional adalah melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum seperti sukan dan permainan, kelab dan persatuan, serta badan beruniform. Murid berbilang bangsa dapat bekerjasama sebagai satu pasukan dalam suasana santai dan menyeronokkan serta fokus kepada pelaksanaan aktiviti tanpa mengendahkan asal usul mereka dan bekerja sebagai satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.
- Kajian untuk menentukan tahap perpaduan dalam kalangan murid dan guru di Malaysia telah ditadbir untuk kali kedua pada tahun 2016. Hasil kajian menunjukkan purata indeks keseluruhan perpaduan antara guru dan murid adalah pada indeks skor 6.6 (sederhana tinggi). Walaupun keupayaan untuk menghormati dan menguruskan perbezaan adalah tinggi dalam kalangan guru dan murid, keupayaan untuk menerima perbezaan dari segi bangsa, budaya, bahasa dan amalan keagamaan masih rendah. Cabaran kepada Kementerian, terutamanya kepada masyarakat umum, ialah mendidik anak-anak kita untuk melihat perbezaan dalam kalangan mereka sebagai kekuatan yang saling melengkapi kekurangan yang ada antara satu sama lain.

KECEKAPAN: Pengukuhan Sistem Penyampaian Kementerian secara Sistemik Berfokus kepada Keberhasilan Murid

- Usaha untuk memastikan kelancaran sistem penyampaian dalam menghadapi kegawatan ekonomi dunia dan belanjawan yang dikurangkan telah memaksa Kementerian melakukan beberapa perubahan dalaman dari segi pengurusan dan pentadbiran. Antara usaha yang dijalankan termasuklah menjajarkan semula dan mengoptimumkan perbelanjaan ke arah program pendidikan berimpak tinggi untuk memaksimumkan keberhasilan murid. Perancangan Kementerian untuk Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2017 juga telah diselaraskan dan sejumlah RM280 juta telah dapat diperuntukkan kepada program yang boleh memberi impak tinggi kepada prestasi murid.
- Cadangan penstrukturan Kementerian telah diluluskan oleh agensi pusat pada Disember 2016 bagi memperkemaskan struktur dan peranan pengurusan dan pentadbiran pendidikan pada peringkat pusat, negeri dan daerah. Organisasi baharu yang kejut nanti diharapkan dapat menjadikan Kementerian lebih upaya dan berdaya maju untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian ke arah kecemerlangan pendidikan. Kompetensi pegawai di jawatan utama Kementerian terus diperkasakan melalui program pembangunan profesional yang khusus. Pembangunan kemudahan sekolah dan penyelenggaraan sekolah tidak dihentikan malah menyaksikan 43 buah sekolah telah dibaik pulih dan dinaik taraf.
- Pengenalan kemudahan *Single Sign-on* (SSO) yang dimulakan dalam Gelombang 1 bagi mendapatkan akses kepada sistem pengurusan data melalui satu ID telah mengurangkan ketidakselesaan dalam pengurusan data. Pada tahun 2016, sebanyak tujuh sistem lagi telah berjaya disepadukan menjadikan keseluruhan bilangan sistem yang disepadukan kepada 35. Bilangan penggunaan VLE dalam proses pembelajaran juga telah meningkat dalam kalangan guru dan murid, selain lebih daripada 13,000 laman pembelajaran dibangunkan dan dimuat naik dalam VLE.

KESIMPULAN

Transformasi pendidikan tetap diteruskan oleh Kementerian seperti yang telah dirancang di dalam PPPM walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Pelibatan dan sokongan ibu bapa, masyarakat umum dan sektor swasta telah dapat membantu pihak Kementerian mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2016. Kejayaan yang diperoleh sepanjang perjalanan transformasi pendidikan, sama ada besar atau kecil, akan dijadikan sebagai pendorong dan semangat oleh Kementerian untuk mencapai hasrat dan cita-cita yang telah dinyatakan kepada rakyat Malaysia dan diketahui oleh masyarakat dunia melalui PPPM.



Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, m.s. E-9

MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN

Dalam Gelombang 1 (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian telah memulakan pelbagai langkah untuk meningkatkan enrolmen daripada peringkat prasekolah sehingga menengah atas. Antara langkah yang diambil termasuklah mempertingkatkan laluan pendidikan vokasional, memberi bantuan yuran prasekolah swasta, menyediakan geran pelancaran untuk pengusaha prasekolah swasta, melaksanakan kempen kesedaran pendidikan prasekolah serta kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi swasta untuk mengurangkan kadar keciciran murid. Bagi memacu peningkatan sistem dalam Gelombang 2 (2016-2020), Kementerian akan mempergiatkan usaha untuk mencapai enrolmen sejagat, khususnya bagi pendidikan prasekolah dan menengah atas menjelang tahun 2020.

Kementerian amat komited dalam menyediakan akses kepada pendidikan yang sama rata kepada kanak-kanak Malaysia bagi merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Pelbagai usaha sedang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan akses kepada pendidikan melalui aktiviti utama berikut:

- Meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti.
- Memastikan penyertaan dalam pendidikan rendah dan menengah.
- Melaksanakan transformasi terhadap pendidikan vokasional.
- Mengukuhkan pelbagai laluan pendidikan.
- Menyediakan pendidikan bagi kumpulan khusus.
- Menyediakan pendidikan lepas menengah.



MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH YANG BERKUALITI

Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak sejak usia muda bagi memupuk ciri-ciri yang positif. Kemahiran asas literasi dan numerasi yang kukuh dapat menyediakan mereka untuk mengikuti pendidikan formal. Pembinaan asas yang holistik dan mantap pada usia yang muda bakal menyediakan kanak-kanak untuk lebih berjaya semasa persekolahan dan di kemudian hari.

Pendidikan prasekolah di Malaysia ditawarkan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Prasekolah awam disediakan secara percuma atau dengan bayaran minimum pada bilangan tempat yang terhad. Pihak swasta yang lebih banyak menyediakan peluang pendidikan prasekolah mempunyai peranan yang penting dalam meningkatkan akses kepada pendidikan untuk murid di seluruh negara. Kementerian telah meletakkan sasaran untuk mencapai enrolmen sejagat terhadap pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak yang berusia 4+ dan 5+ menjelang tahun 2020.


Enrolmen Prasekolah Kebangsaan

Pada tahun 2016, enrolmen prasekolah mencecah 85.6% (865,464), iaitu peningkatan sebanyak 1% daripada 84.6% (839,921) pada tahun 2015 seperti Ekshibit 1-1.

Analisis mengikut kohort umur menunjukkan kadar enrolmen kanak-kanak berusia 5+ masih lebih tinggi daripada kanak-kanak berusia 4+. Pada tahun 2016, kadar enrolmen bagi kanak-kanak berusia 5+ adalah 92.0% dan 4+ adalah 79.4% seperti Ekshibit 1-2. Cabaran utama kepada Kementerian ialah meningkatkan kadar enrolmen kanak-kanak berusia 4+ ke dalam pendidikan prasekolah.


Enrolmen sasaran bagi prasekolah swasta menjelang 2020 adalah 60% seperti yang disasarkan melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area*, NKEA). Dalam tahun 2016, enrolmen prasekolah swasta telah meningkat kepada 51.9% (448,885) berbanding dengan 50.7% (426,246) dalam tahun 2015 seperti di Ekshibit 1-3. Data menunjukkan bahawa peningkatan bilangan prasekolah swasta agak perlahan dan lebih usaha diperlukan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Ekshibit 1-1: Kadar Enrolmen Kebangsaan bagi Prasekolah, 2010-2016



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Ekshibit 1-2: Trend Enrolmen Prasekolah Mengikut Kumpulan Usia, 2010-2016



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)




Mempertingkatkan Bilangan Kelas Prasekolah

Sejak tahun 2010, bilangan kelas prasekolah di seluruh negara sentiasa meningkat. Pada tahun 2016, jumlah keseluruhan kelas prasekolah telah meningkat kepada 49,851 (Ekshibit 1-4). Bilangan kelas prasekolah awam yang baharu dibuka ialah sebanyak 125 buah (89 oleh Kementerian, 36 oleh KEMAS), manakala bilangan kelas prasekolah swasta

telah meningkat sebanyak 2,240 buah (719 baharu dibuka, 1,521 baharu mendaftar). Peningkatan ini menunjukkan bahawa lebih ramai kanak-kanak mendapat peluang lebih awal untuk menyediakan diri mereka ke arah pendidikan formal.



Ekshibit 1-3: Kadar Enrolmen Prasekolah Awam dan Swasta, 2010-2016



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)


Ekshibit 1-4: Bilangan Kelas Prasekolah Awam dan Swasta, 2012-2016

TAHUN	AWAM	SWASTA
2012	• 21,368	• 22,965
2013	• 21,729	• 25,153
2014	• 21,980	• 26,523
2015	• 22,066	• 25,928
2016	• 22,162	• 27,689


Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Ekshibit 1-5: Taburan Pusat Prasekolah Mengikut Agensi, 2016



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Ekshibit 1-6: Taburan Kelas Prasekolah Mengikut Agensi, 2016



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



Geran Pelancaran Prasekolah Swasta

Selaras dengan sasaran NKEA serta kekangan tempat yang terhad pada peringkat prasekolah awam, Kementerian menggalakkan sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyediakan pendidikan prasekolah. Sebelum ini, Kementerian telah menyediakan geran pelancaran bagi menggalakkan penubuhan prasekolah swasta. Geran bernilai RM10,000 dan RM20,000 disediakan bagi membolehkan pengusaha prasekolah yang sedia ada menambah bilangan kelas. Sejumlah RM13.48 juta telah diberikan kepada 772 orang pengusaha prasekolah di seluruh negara sejak tahun 2010.

Peruntukan geran bagi penambahan kelas dan penubuhan prasekolah baharu walau bagaimanapun telah dihentikan pada tahun 2016 kerana wujudnya bebanan kewangan kepada pihak Kementerian. Kementerian

sedang mencari satu penyelesaian jangka panjang yang lebih berkesan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengusaha prasekolah sedia ada dan baharu untuk membantu Kementerian dalam menyediakan pendidikan awal dan pengasuhan kepada kanak-kanak.

Mempertingkatkan Pendaftaran Prasekolah Swasta

Pendaftaran semua prasekolah swasta adalah penting bagi membolehkan Kementerian mendapatkan pangkalan data yang komprehensif untuk merancang dan memantau serta menyediakan bantuan sewajarnya kepada kesemua pengusaha prasekolah. Kekangan masih wujud kerana pendaftaran prasekolah swasta masih memerlukan perakuan yang mungkin berbeza-beza antara satu pihak

Start | Carián - Kementerian Pendi | E-Prasekolah

→ eprasekolah.moe.gov.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera

E-Prasekolah

Carian Institusi
Carian Institusi hanya boleh dilakukan oleh pengguna yang berdaftar sahaja.

Log Masuk

No. mykad / id pengguna

Masukkan Katalaluan

Bahagian Admin

LOG MASUK

Daftar Pengguna | Lupa Katalaluan

Hakcipta terpelihara © 2017 Bahagian Pengurusan Maklumat | Kementerian Pendidikan Malaysia

Laman Sesawang Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan

berkuasa tempatan dengan pihak berkuasa tempatan yang lain.

Dengan bantuan Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia, Kementerian telah berjaya meyakinkan sejumlah 124 pengusaha prasekolah untuk mendaftar dengan Kementerian. Pendaftaran secara dalam talian melalui Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) telah berjaya menarik minat 7,360 lagi pengusaha prasekolah swasta untuk mendaftar dengan Kementerian.

Pangkalan data yang komprehensif juga membolehkan para ibu bapa mendapat maklumat awal dalam memilih prasekolah swasta yang bersesuaian. Kementerian sentiasa menggalakkan orang awam agar lebih teliti dalam memilih prasekolah supaya anak-anak mereka mendapat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Status pendaftaran prasekolah swasta boleh dicapai melalui <http://eprasekolah.moe.gov.my>. Pihak Kementerian melaksanakan penilaian tahunan terhadap kualiti prasekolah swasta melalui Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK).

Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan awal kanak-kanak serta menggalakkan pengusaha prasekolah agar membuat pendaftaran prasekolah, Kementerian telah menganjurkan program *Running Kids* pada bulan Ogos 2016. Kempen

ke seluruh negara itu dilaksanakan melalui pelbagai bentuk promosi media serta pengumuman awam untuk menggalakkan penyertaan dalam pendidikan awal kanak-kanak.



KUCHING: The state-level Running Kidz programme has kicked off to promote pre-schools enrolment in government and private kindergartens in Sarawak.

Jointly organised by Education Ministry and private schools, this outreach programme emphasises the importance of early childhood education.

A convoy, which was flagged off by state Education Department deputy director Abang Mat Ali Abang Masagus at the state Education Department headquarters, will travel more than 300km up to Sri Aman and back to Kuching on Sunday.

Ten officers, including two from Education Ministry, three from the state department and five district education officers from Kuching, Padawan, Serian, Sri Aman and Samarahan are taking part in the programme.

The officers will be visiting Serian, Samarahan, Eastern Mall and Kuching Sentral, among others.

They will collaborate with the private sector at each location to provide more information on pre-schooling to the public.

Abang Mat Ali said as of Aug 20, 68,503 children between the ages of five and six were enrolled in early childhood education institutions run by the ministry, community development department, National Unity and Integration Department and Education Department-supervised private schools.

"This programme also aims to remind parents and guardians of their responsibility to send their children aged five to six to pre-school," he said in his keynote



We Care
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pelancaran oleh:
ENCIK ABD HALIM BIN ISMAIL
Pegawai Bahagian Pendidikan Swasta,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Terikh: **25 Ogos 2016 (Khamis)**
Masa: **8:30 pagi** Lokasi: **Sri Pentas TV3**

Untuk maklumat lanjut, sila layari portal KPM www.moe.gov.my

Program Running Kidz di Paparan Media

Bantuan Yuran Prasekolah

Sejak tahun 2012, bantuan yuran dibekalkan kepada kanak-kanak daripada keluarga yang kurang bernasib baik serta murid berkeperluan khas (MBK) bagi memastikan mereka turut mendapat pendidikan prasekolah yang berkualiti. Keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM500 per kapita layak untuk menerima bantuan yuran. Dalam tahun 2016, kadar purata sebanyak RM508.80 telah diberikan kepada 35,376 orang penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM18 juta. Sehingga kini, lebih daripada RM114 juta telah diagihkan kepada seramai 143,374 orang kanak-kanak di seluruh negara. Dalam tahun 2015, seramai 860 orang kanak-kanak dalam kategori MBK telah didaftarkan di 197 buah

institusi prasekolah, manakala dalam tahun 2016 seramai 983 orang kanak-kanak telah didaftarkan, iaitu peningkatan 14.3% daripada tahun sebelumnya.

Mempertingkatkan Kualiti Institusi Prasekolah

Penilaian terhadap kualiti institusi prasekolah serta guru yang terlibat dilakukan oleh pihak Kementerian melalui pelaksanaan SKPK, iaitu sistem penilaian sendiri bagi menilai program serta kemudahan prasekolah. Data ini kemudiannya disahkan oleh pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada setiap tahun. Dalam tahun 2016, Kementerian telah mengarahkan sejumlah 23,171 buah institusi prasekolah di seluruh negara untuk melaksanakan penilaian melalui SKPK. Hasil dapatannya adalah seperti Ekshibit 1-7 berikut:

Ekshibit 1-7: Bilangan Prasekolah yang Mencapai Standard Minimum SKPK Mengikut Agensi, 2016

Agensi	KPM	KEMAS	JPNIN	SWASTA	JUMLAH
Bilangan Prasekolah	6,025	8,531	1,781	6,834	23,171
Bilangan Prasekolah yang Mencapai Standard Minimum	6,022	8,510	1,779	6,239	22,550
Peratus Prasekolah yang mencapai Standard Minimum	99.9%	99.8%	99.9%	91.3%	97.3%

Sumber: Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti (JNJK)


Keputusan penilaian SKPK yang diperoleh amat menggalakkan. Peratusan institusi prasekolah yang mencapai standard minimum telah meningkat sebanyak 6.3% daripada 91.1% dalam tahun 2015 kepada 97.3% dalam tahun 2016. Pemantauan secara berterusan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dan standard minimum yang ditetapkan akan dinaikkan secara berperingkat.

Meningkatkan Tahap Kecekapan Guru Prasekolah

Pada bulan April 2016, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan bagi menetapkan kelayakan minimum untuk guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang mengajar prasekolah di Malaysia dalam usaha meningkatkan kualiti Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-kanak (*Early Childhood Care and Education, ECCE*). Ini bertujuan untuk menyediakan kakitangan berkelayakan dan prihatin serta kompeten dalam mengaplikasikan kaedah dan pendekatan bersesuaian untuk memupuk sikap positif dan kesediaan untuk belajar dalam diri kanak-kanak. Kementerian telah menetapkan sasaran agar semua guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang mengajar prasekolah awam mahupun swasta memiliki sekurang-kurangnya kelayakan diploma dalam ECCE.

Sejak tahun 2013, Kementerian telah menggalakkan para pendidik prasekolah swasta untuk meningkatkan kelayakan masing-masing melalui institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di Malaysia. Kementerian memberi bantuan pengajian bernilai RM1,000 setahun untuk pendidik prasekolah dalam perkhidmatan yang layak sepanjang tempoh pengajian. Sejumlah RM784,000 telah diberikan kepada 784 orang guru prasekolah dalam perkhidmatan yang mengikuti pengajian diploma dalam ECCE pada tahun 2015. Inisiatif ini telah ditangguhkan pada tahun 2016 atas kekangan kewangan. Daripada 49,099 orang guru prasekolah yang berpengalaman, Kementerian telah mengenal pasti seramai 28,870 orang (58.8%) yang tidak memiliki kelulusan minimum peringkat diploma (Ekshibit 1-8). Kementerian sedang mengkaji cara-cara untuk mempromosikan profesionalisme dalam kalangan guru prasekolah disebabkan peri pentingnya untuk menyediakan anak-anak dengan baik untuk menghadapi alam persekolahan pada peringkat rendah.

Ekshibit 1-8: Bilangan Guru Prasekolah Swasta Mengikut Kelayakan Akademik, 2016



Sumber: Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK)

Ekshibit 1-9: Peratus Guru Memiliki Sekurang-kurangnya Diploma Mengikut Agensi, 2016



Sumber: Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK)

Mempromosikan Amalan Terbaik Pedagogi Melalui Kaedah *Flipped Classroom*

Kementerian telah memperkenalkan *Preschool Flipped Classroom* pada tahun 2015. Kelas ini merupakan pendekatan inovatif dalam pemodelan dan penjenamaan semula prasekolah semasa dengan memberi fokus terhadap penyampaian dan susun atur bilik darjah. *Preschool Flipped Classroom* ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian pendidikan awal kanak-kanak di prasekolah awam dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta memupuk pendekatan berasaskan murid. Usaha ini memberi fokus terhadap transformasi strategi

pembelajaran, penyusunan ruang bilik darjah, dan pelibatan ibu bapa bersesuaian dengan suasana pembelajaran abad ke-21. Murid prasekolah didedahkan kepada permainan kreatif serta diberi kebebasan untuk meneroka pelbagai medium dan membolehkan guru bertindak sebagai pemudah cara. Sebagai kesinambungan terhadap usaha tahun sebelumnya, Kementerian telah berjaya mewujudkan sebuah *Flipped Classroom* dalam setiap daerah di seluruh negara pada tahun 2016 untuk dijadikan model bilik darjah prasekolah bagi kelas-kelas lain berasaskan sumber kemudahan yang ada pada mereka.

Mengubah Lanskap Prasekolah Melalui *Flipped Classroom*

Flipped Classroom adalah projek yang dilaksanakan pada peringkat prasekolah di bawah kawal selia Kementerian dengan tujuan meningkatkan pengalaman prasekolah melalui pelbagai bentuk penambahbaikan. Melalui *Flipped Classroom*, bilik darjah tradisional diubah untuk memberi fokus kepada pembelajaran berasaskan situasi. Pembelajaran murid berlaku mengikut kemampuan diri dan guru menjadi pemudah cara melalui kajian kes dan eksperimen. Guru prasekolah dilatih semula dengan pendekatan pedagogi terkini.

Puan Mujimah Mujim, seorang guru prasekolah di Sabah, dan Puan Balqis Kader Bawa yang mengajar di Pulau Pinang, mengamalkan sepenuhnya konsep baharu ini dalam aktiviti harian di bilik darjah. Hasilnya amat menakjubkan kerana murid menjadi lebih proaktif, interaktif dan merasa seronok ketika berada di dalam bilik darjah, manakala guru pula bersikap lebih terbuka terhadap pelbagai pendekatan baharu, fleksibel dalam melaksanakan strategi pengajaran, serta menegaskan bahawa pendekatan ini menggalakkan mereka untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif. Ibu bapa pula dapat melihat hasil pembelajaran yang positif dan bersikap lebih mengambil tahu terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini merupakan sebahagian daripada peningkatan positif yang diperhatikan oleh guru.

Puan Balqis, seorang guru yang telah mengajar selama 25 tahun, dan mempunyai pengalaman 14 tahun pada peringkat prasekolah begitu yakin terhadap kaedah ini. Jelasnya, "*Flipped classroom membawa impak tinggi, khususnya buat guru-guru prasekolah anjuran pihak Kementerian. Hasil pembelajaran kanak-kanak amat mudah diperoleh setelah guru mengubah pendekatan pedagogi dan menjadi lebih besemangat dan*

gembira dengan hasil usaha mereka. Buku-buku panduan pelaksanaan Flipped Classroom yang dibekalkan mudah difahami dan senarai aktiviti yang disarankan mudah dipraktikkan di dalam bilik darjah. Kandungan pengetahuannya dapat diterjemah dan dijelmakan sebagai aktiviti interaktif di bilik darjah yang menarik minat kanak-kanak untuk belajar secara berterusan."

Pn Balqis Haji Kader Bawa

SK Bertam Indah,
Pulau Pinang

Puan Mujimah Mujim yang telah mengajar prasekolah selama 15 tahun yakin bahawa ini adalah kaedah terbaik setakat ini kerana telah menghasilkan impak serta-merta terhadap perkembangan murid.

"Secara peribadi, saya berpendapat bahawa Flipped Classroom adalah antara pendekatan terbaik untuk memajukan prasekolah. Saya berasa amat bertuah kerana dipilih untuk mengikuti program ini yang membuka peluang serta kemungkinan bagi guru mencipta gaya pengajaran tersendiri tanpa batasan."

Puan Mujimah Mujim

SK Bukit Padang,
Sabah

SK Bukit Padang Sabah



Kanak-kanak prasekolah belajar menggunakan mesin pembasuh di samping menguruskan cucian harian



Simulasi menguruskan kebun, daripada menanam biji benih kepada menuai dan menjual sayur-sayuran kepada rakan prasekolah

Meningkatkan Penyampaian Pendidikan Prasekolah

Di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), semua pengusaha prasekolah di Malaysia perlu akur kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sebagai kerangka umum untuk menyampaikan kurikulum. Ini amat penting bagi memastikan kanak-kanak dibekalkan dengan nilai dan set kemahiran asas yang diperlukan oleh pendidikan formal. Diperkenalkan pada tahun 2010, KSPK menjadi penanda aras kepada segala keperluan pengusaha prasekolah di negara ini.

Pada tahun 2016, pihak Kementerian telah membuat pindaan terhadap KSPK yang bakal dilaksanakan pada tahun 2017. KSPK

2017 yang telah dipinda ini mencerminkan aspirasi Kementerian dalam mempromosikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), membina kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan menanam nilai perpaduan pada diri kanak-kanak. Penekanan turut diberi terhadap aspek kesihatan dan keselamatan selain memperkenalkan perspektif yang lebih global terhadap ECCE. Kempen kesedaran secara besar-besaran serta sesi *Training-of-Trainers* (ToT) turut diadakan sepanjang tahun 2016 dengan tujuan untuk memastikan KSPK 2017 yang telah dipinda ini diterima baik serta difahami oleh semua agensi dan pengusaha prasekolah.




MEMASTIKAN PENYERTAAN DALAM PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH

Dalam tahun 2016, sejumlah 4,732,783 orang murid telah berdaftar di 7,772 buah sekolah rendah dan 2,407 buah sekolah menengah di seluruh negara. Kadar enrolmen keseluruhan bagi pendidikan rendah adalah 97.2% manakala bagi pendidikan menengah adalah 90.0%. Kadar enrolmen peringkat menengah rendah meningkat kepada 95.0% daripada 92.0% pada tahun 2015. Pada peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5), terdapat sedikit peningkatan pada kadar 85.8% berbanding dengan 85.0% pada tahun 2015

Merujuk pada Ekshibit 1-10, kadar enrolmen daripada peringkat menengah rendah kepada menengah atas menunjukkan bahawa terdapat murid yang tidak menamatkan persekolahan

menengah. Trend ini mencetuskan kebimbangan kerana masa depan murid mungkin terjejas serta boleh menyebabkan kekurangan sumber tenaga manusia yang berkemahiran untuk negara. Oleh itu, satu instrumen untuk mengenal pasti golongan murid yang mempunyai risiko tidak menamatkan persekolahan telah dibangunkan oleh pihak Kementerian bagi tujuan menyediakan beberapa program intervensi yang segera dan terbeza. Instrumen ini bakal mengenal pasti faktor di sebalik murid yang berhadapan dengan risiko keciciran pada peringkat daerah dan kebangsaan dan juga maklumat tentang peratus murid yang berisiko cicir di sekolah kerajaan. Instrumen ini mengandungi 31 item yang dikategorikan kepada empat domain – murid, keluarga, sekolah dan komuniti.

Ekshibit 1-10: Kadar Enrolmen Prasekolah, Rendah, Menengah Rendah dan Menengah Atas, 2013-2016



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Instrumen ini telah dirintiskan pelaksanaannya pada tahun 2016, melibatkan 459 buah sekolah rendah dan 323 buah sekolah menengah di seluruh negara. Dapatan kajian ini adalah seperti berikut:

- 2.0% murid sekolah rendah dan 4.3% murid sekolah menengah menghadapi risiko keciciran.
- 55.2% murid sekolah rendah dan 54.5% murid sekolah menengah yang berisiko tinggi untuk cicir adalah murid lelaki.
- 79.3% murid sekolah rendah dan 95.5% murid sekolah menengah yang menghadapi risiko keciciran datang daripada keluarga berpendapatan rendah di bawah RM1,500 sebulan.

Faktor penyumbang utama bagi murid yang menghadapi risiko keciciran berpunca daripada murid itu sendiri dan keluarga mereka. Faktor murid merangkumi kumpulan yang tidak menguasai kemahiran membaca dan mengira, gagal dalam lebih separuh atau keseluruhan mata pelajaran yang diambil, ponteng sekolah antara 40 hingga 60 hari, mempunyai masalah disiplin serta tidak mempunyai dorongan untuk belajar. Faktor keluarga pula merangkumi masalah kemiskinan, ibu bapa yang berpendidikan rendah dan ibu bapa yang mengabaikan pelajaran anak-anak. Cadangan-cadangan yang diajukan ekoran daripada kajian ini termasuklah menilai semula langkah intervensi

yang sedia ada, merangka semula langkah intervensi dengan kerjasama agensi awam dan swasta, dan menyediakan laluan pendidikan alternatif yang menjurus kepada minat dan bakat murid. Oleh itu, terdapat keperluan untuk

memberi tumpuan terhadap perubahan yang sistemik ke atas sistem pendidikan, khususnya dalam mengatasi masalah keciciran seperti yang dihasratkan dalam PPPM.

Sikap Mulia Guru Membuahkan Hasil



Gambar/Facebook Suraya Abdul Rahim

Guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota Puteri, Johor, Puan Suraya Abdul Rahim, sanggup memberi perlindungan dan menjaga murid yang berasal dari keluarga kurang bernasib baik. Sikap dedikasi luar biasa dan niat murni Puan Suraya telah membolehkan murid berkenaan, Farah Marcella Bandie, 18, mencapai keputusan 6A dalam Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2016.

“Farah sebelum ini pernah dibuang sekolah ketika Tingkatan 4, namun mendaftar kembali dan meneruskan persekolahan pada Tingkatan 5 atas inisiatif sendiri. Bagaimanapun, dia tidak

hadir ke sekolah selama hampir dua bulan kerana bekerja di warung menjual burger berhampiran rumahnya bagi meringankan beban ibu.”

“Saya percaya masih ramai murid yang berpotensi di luar sana yang terus dibelenggu masalah kehidupan, keluarga dan peribadi yang secara tidak langsung menyumbang ke arah keciciran. Isu ini adalah serius dan sekiranya tidak ditangani dengan segera, akan melibatkan lebih murid yang berisiko cicir daripada persekolahan.”

Puan Suraya Abdul Rahman

Guru,
SMK Seri Kota Puteri, Johor

“Saya bersyukur kepada Allah s.w.t dan juga kepada cikgu saya Puan Suraya, kerana tanpanya saya tidak dapat mencapai apa yang saya nikmati pada hari ini. Kesusahan hidup membuatkan saya berputus asa terhadap pendidikan, namun Cikgu Suraya lah yang mengajar saya bahawa pendidikan adalah jalan keluar yang terbaik bagi kesusahan hidup.”

Farah Marcella Bandie

Bekas Murid,
SMK Seri Kota Puteri, Johor



TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training, TVET*) terus memainkan peranan penting dalam menyokong agenda pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016-2020. Dijangkakan sebanyak 1.5 juta pekerjaan akan diwujudkan di bawah RMKe-11 tersebut dan 60% daripadanya bakal melibatkan kemahiran berkaitan TVET. Dalam memenuhi keperluan yang berterusan, Malaysia bercadang untuk meningkatkan pengambilan tahunan pelajar TVET daripada 164,000 orang pada tahun 2013 kepada 225,000 orang pada tahun 2020. Selaras dengan aspirasi negara, Kementerian

melalui institusi sedia ada, berusaha untuk meningkatkan pengambilan murid TVET daripada 20,289 orang pada tahun 2013 kepada 84,000 orang menjelang tahun 2020.

Pihak Kementerian telah bekerjasama dengan sektor swasta untuk menyediakan penyelesaian yang kos efektif terhadap latihan vokasional melalui program pembelian tempat sejak tahun 2012. Ini bertujuan untuk menambah bilangan tempat dan bidang kursus yang ada bagi tujuan memenuhi keperluan tenaga kerja masa hadapan dalam bidang ekonomi utama. Walau bagaimanapun, akibat kekangan ekonomi negara pada tahun 2016, bilangan murid yang ditempatkan di sepuluh buah Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) terpaksa dikurangkan secara drastik kepada 442 orang berbanding

1,403 orang pada tahun 2015. Dalam usaha untuk mengurangkan kesan terhadap kadar enrolmen keseluruhan, pihak Kementerian telah meningkatkan bilangan kelas Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) di 269 buah sekolah.

Pendidikan Asas Vokasional (PAV)

Pendidikan Asas Vokasional (PAV) merupakan salah satu daripada program yang dianjurkan di bawah Transformasi Pendidikan Vokasional. PAV menawarkan program tiga tahun kepada murid peringkat menengah rendah. Kurikulum PAV adalah berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard*, NOSS). Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dianugerahkan kepada mereka yang berjaya mengikuti program ini berasaskan keputusan ataupun kemahiran yang dicapai. Murid PAV juga diberi pilihan untuk melanjutkan pengajian peringkat menengah atas dalam jurusan akademik ataupun aliran vokasional.

Kajian rintis telah dilaksanakan pada tahun 2012 melibatkan 15 buah sekolah di seluruh negara. Pada masa ini, 81 buah sekolah sedang menawarkan 12 jenis kursus PAV. Hasil kajian menunjukkan bahawa PAV telah berjaya menggarap potensi murid untuk menyediakan mereka dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Tiga kohort murid PAV telah menunjukkan pencapaian yang ketara sejak tahun 2014. Pada tahun 2016, 80.4% daripada mereka telah memperoleh SKM Tahap 2 berbanding dengan pencapaian 62.3% pada tahun 2014 dan 68.7% pada tahun 2015.

Program Vokasional Menengah Atas (PVMA)

Kajian rintis bagi PVMA yang dijalankan pada tahun 2015 bertujuan untuk membuka lebih banyak peluang kepada murid bagi mengikuti pendidikan vokasional pada peringkat menengah atas. PVMA yang diperluas pada tahun 2016 menyumbang kepada peningkatan murid berusia 16 tahun di bidang TVET pada kadar 6.2% dalam tahun 2016 berbanding dengan 5.3% dalam tahun 2015. Peningkatan enrolmen murid menengah atas dalam TVET adalah atas usaha agresif pihak Kementerian untuk menambah bilangan tempat kepada 5,933 orang murid di 269 buah sekolah berbanding dengan 343 orang murid di 12 buah sekolah pada tahun 2015.

Kebolehpasaran Graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM)

Laluan bagi graduan pendidikan vokasional adalah menjurus kepada alam pekerjaan. Kementerian mensasarkan seramai 70% graduan TVET bakal menjadi sebahagian daripada tenaga kerja negara setelah menamatkan pendidikan dan latihan di kolej vokasional (KV) anjuran Kementerian. Kumpulan pertama seramai 2,273 orang graduan daripada 15 buah KV telah berjaya memperoleh DVM pada bulan Ogos 2016. Peratusan graduan yang telah diambil bekerja adalah sebanyak 83.1% pada Disember 2016. Seramai 1,982 orang (87.2%) graduan kini bertugas dalam sektor ekonomi utama negara khususnya di bidang Pembuatan, Automatif, Elektrik, Minyak dan Gas, Pendingin hawa, Pembinaan, Hospitaliti dan Pertanian. Daripada jumlah ini, seramai 425

orang (26%) graduan telah memulakan kerjaya dengan pendapatan di antara RM1,500 hingga RM3,500. Hal ini merupakan petanda baik terhadap permintaan ke atas graduan TVET di sebalik turun naiknya pasaran pekerjaan semasa.

Memastikan Kualiti dan Standard Program Teknikal dan Vokasional

Pada tahun 2012, 15 buah sekolah vokasional telah dinaik taraf menjadi KV yang menawarkan 16 program kepada sekumpulan murid perintis. Bilangan KV telah dipertingkatkan kepada 80 buah dan 20 lagi program ditawarkan pada tahun 2016. KV kini menawarkan 36 program diploma dalam bidang teknikal dan vokasional meliputi sektor Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal, Hospitaliti, Pertanian, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Perniagaan dan Perkhidmatan Sosial.

Dalam memastikan pematuhan terhadap kualiti dan laluan pendidikan yang jelas ke peringkat universiti, permohonan akreditasi untuk program diploma KV telah dimajukan kepada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualifications Agency*, MQA). Akreditasi sementara telah diberikan kepada 16 program awal yang ditawarkan oleh 15 buah KV di antara April dan Mei 2016 sebelum audit sepenuhnya dijalankan pada September 2016. Mengikut jangkaan, pengiktirafan sepenuhnya bakal diperoleh pada tahun 2017 justeru akan

mbolehkan para graduan KV melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di dalam dan luar negara. Graduan KV ternyata mempunyai ruang untuk menimba ilmu tanpa batasan termasuklah berpeluang untuk mengikuti pembelajaran sepanjang hayat.

Pembangunan Profesional Guru TVET

Pada tahun 2016, seramai 213 orang guru PVMA telah dianugerahkan SKM Tahap 2 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), manakala seramai 37 orang guru program DVM ditauliahkan dengan SKM Tahap 4 dan Tahap 5. Sehingga kini, terdapat 241 orang guru DVM yang memiliki SKM Tahap 5, 264 orang guru memiliki SKM Tahap 4 dan 2,277 orang guru DVM berkelayakan SKM Tahap 3. Seramai 1,110 lagi orang guru DVM sedang dalam proses untuk mendapat pengiktirafan SKM Tahap 4 dan SKM Tahap 5.



Kolej Vokasional: Pemangkin kepada Penyediaan Pekerja Berkemahiran

Kolej Vokasional (KV) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan bilangan pelajar dengan kemahiran teknikal dan vokasional dan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada lepasan sekolah. KV menawarkan pendidikan vokasional dan latihan kemahiran dengan 30% komponen akademik dan 70% komponen praktikal. Aliran vokasional menjurus kepada Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), manakala latihan kemahiran menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Lulusan KV telah mendapat permintaan tinggi dalam sektor pekerja berkemahiran separa mahir dan mahir. Pelajar lepasan KV juga telah memulakan perniagaan dan menjadi usahawan muda setelah tamat pendidikan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Empat orang bekas pelajar KV telah membuktikan bahawa pendidikan teknikal dan vokasional yang diterima bermanfaat untuk diri mereka dan menyumbang kepada kemajuan negara.



Mohd Qayyum Bin Mohd Shaimi, graduan **Kolej Vokasional Muadzam Shah, Pahang**, telah dianugerahkan DVM dalam bidang Teknologi Pembinaan pada tahun 2016

dan telah pun bergelar usahawan muda dalam bidang pembinaan. Minat Qayyum dalam bidang pembinaan telah dipupuk seawal umur 13 tahun oleh ayahnya yang juga merupakan seorang kontraktor pembinaan. Tanpa melengahkan masa untuk mencapai cita-citanya, anak muda ini telah menubuhkan Qsam Trading pada tahun akhir pengajiannya dengan modal pinjaman daripada keluarga. Sehingga kini syarikat beliau mampu menggaji seramai 10 orang pekerja dan beliau juga telah mengambil 2 orang rakan yang bersama-sama menuntut di KV Muadzam Shah untuk bekerja dalam syarikat beliau. Kini beliau sedang mengikuti latihan intensif di Tiling Academy untuk meningkatkan kemahiran khusus dalam pemasangan jubin secara profesional.

Mohd Qayyum amat bersyukur kerana kemahiran dan ilmu yang diperoleh selama empat tahun di KV telah merealisasikan cita-citanya untuk bergelar kontraktor binaan yang berjaya pada usia yang muda. Qayyum sangat mengesyorkan TVET dengan menyatakan, *“TVET adalah bagus untuk mereka yang berminat dengan latihan kemahiran. Di KV, saya telah belajar mengikat batu bata, memasang jubin dan pelbagai lagi aspek teknik pembinaan. TVET telah banyak mengubah saya daripada tidak tahu mengenai peralatan dan pembinaan sehingga tahu pelbagai banyak hal mengenai dunia pembinaan. Tanpa KV dan TVET, para pelajar tidak dapat mengembangkan minat dan kemahiran.”*

Mohammad Khalilbari bin Mohd. Sunainibari



merupakan salah seorang daripada graduan perintis **Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Rembau, Negeri Sembilan** dan telah mengambil jurusan agro industri penternakan ruminan. Kini Khalil

mengusahakan ladang ternakan sendiri. Khalil mengatakan bahawa, *“Banyak perkara telah saya pelajari di KV mengenai penternakan haiwan. Antaranya mengenai kerbau, lembu, seladang, kambing dan rusa. Apa yang saya pelajari dulu di KV telah dapat saya praktikkan kini. Pengalaman belajar di KV adalah sama dengan apa yang dilakukan dalam dunia pekerjaan. Apa sahaja ilmu yang diperolehi dalam TVET di KV bermanfaat dalam dunia pekerjaan saya kini.”*

Dua orang graduan wanita **Kolej Vokasional Sg. Petani 1, Kedah** berikutnya merupakan pelajar cemerlang dalam bidang kimpalan. Mereka telah membuktikan bahawa pelajar perempuan juga mampu bersaing dengan pelajar lelaki dan menjadi pekerja mahir dalam industri minyak dan gas dengan mengambil jurusan teknologi kimpalan. Kedua-dua graduan ini telah lulus kursus kepimpinan *Vocational Education Training Academy* (VETA) semasa belajar. Sijil VETA diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Pembangunan Kemahiran serta *Lloyd's Register* sebuah badan profesional antarabangsa.



Nurul Fatin Atikah binti Mohd. Zuljabar yang pernah bekerja di Sapura Kencana Berhad terus diperkenalkan dengan bidang TVET setelah memasuki **KV Sg Petani 1, Kedah**. Fatin memaklumkan,

“Ayah merupakan salah seorang pendorong kuat yang menggalakkan saya memasuki bidang TVET. Ayah mengajar bahawa kejayaan tidak

hanya dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang kemahiran. Bekerja di industri sangat mencabar tambahan pula saya hanya antara lima orang pekerja kimpalan perempuan.”

Fatin menasihati murid yang ingin memasuki bidang TVET, *“Belajarlah bersungguh-sungguh dengan harapan akan berjaya satu hari nanti. Pada mulanya kita tidak nampak kejayaan yang akan dicapai tetapi dengan pendedahan dan maklumat yang lebih mendalam, khususnya dalam teknologi kimpalan, kita akan nampak bahawa dunia luar amat memerlukan pekerja mahir seperti kita.”*



Siti Sarah binti Mohd. Samsuri juga graduan **Kolej Vokasional Sg Petani 1, Kedah** pula menyatakan, *“KV mampu menjamin masa depan saya. Antara cabaran utama saya semasa*

belajar ialah perlu bersaing dengan ramai pelajar lelaki. Apa yang saya lakukan ialah menyesuaikan diri dengan suasana bengkel dan kelas.” Kerjaya Sarah dalam bidang kimpalan bermula setelah lulus ujian *Lloyd's Register* dan kemudiannya ditempatkan di Sapura Kencana. Nasihat beliau kepada pelajar yang ingin memasuki bidang TVET, khususnya bidang kimpalan, *“Kalau ada masa terluang, pergilah ke bengkel untuk buat latihan sendiri kerana masa yang ada hanyalah semasa kita belajar. Gunakanlah masa yang ada dengan sebaiknya!”*

Sila imbas kod ini untuk menonton video



QR CODE

PVMA di SMK Putrajaya Presint 11(1) Membuka Pintu kepada Dunia Kulineri

“Kursus penyediaan makanan di bawah PVMA ini menarik minat saya kerana ia lebih bersifat ‘hands-on’, dan tidak tertumpu kepada pengajian akademik semata-mata. Alhamdulillah, kini saya sudah mahir dalam pelbagai teknik penyediaan makanan, serta mempunyai maklumat mendalam mengenai fungsi peralatan dan perkakasan dapur yang terdapat di dalam industri penyediaan makanan.”

“Saya berasa sangat gembira kerana melalui kelas PVMA ini, saya dapat menghasilkan pelbagai jenis hidangan dari negara barat dan tempatan dengan baik sekali. Pada setiap latihan amali hasil kerja kami dinilai dan sering mendapat pujian dan kritikan dari panel penilai. Saya juga sudah mahir untuk menghidang hidangan yang sudah dimasak dengan baik dan kreatif, di samping menjaga kualiti makanan yg dihidangkan”.

Nurul Farhain Bt Zainudin

Pelajar PVMA,
Penyediaan dan Pembuatan Makanan

“Saya berasa bersyukur dan gembira kerana diberi peluang untuk berada di dalam aliran PVMA ini, bukannya semua sekolah menengah menawarkan aliran PVMA. Alhamdulillah, kami semua dapat memperoleh pencapaian yang baik dalam SPM serta kami dapat memperoleh SKM Tahap 2. Dengan adanya sijil SPM dan SKM, kami dapat merangka masa depan kami untuk menjadi chef yang berjaya. Terima kasih kepada pihak sekolah dan guru-guru yang telah bersusah payah untuk menawarkan PVMA di sekolah ini.”



Muhammad Hadzwan Asyraf Bin Hisham

Pelajar PVMA,
Penyediaan dan Pembuatan Makanan

“Kami diberi peluang untuk merasai suasana dapur setanding seperti restoran sebenar. Kosnya juga rendah jika nak dibandingkan dengan kolej dan universiti yang lain; guru yang mengajar pula merupakan guru yang berpengalaman. Dengan adanya sijil SKM, saya boleh mencari pekerjaan dan meneruskan pengajian.”

Muhammad Shazwan Bin Mhd Shafiee

Pelajar PVMA,
Penyediaan dan Pembuatan Makanan







MENGUKUHKAN PELBAGAI LALUAN PENDIDIKAN

Kementerian menawarkan pelbagai laluan pendidikan kepada murid berdasarkan bakat dan minat secara berterusan. Selain pendidikan arus perdana dan pendidikan vokasional, murid

boleh memilih untuk memasuki sekolah sukan, sekolah seni ataupun sekolah agama mengikut minat dan kecenderungan masing-masing.

Sekolah Sukan

Sekolah Sukan Malaysia (SSM)

Objektif utama penubuhan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) adalah untuk melahirkan kumpulan ahli sukan negara bertaraf dunia melalui latihan dan proses pemilihan yang terperinci di samping memastikan murid memiliki latar belakang pendidikan yang kukuh. Melahirkan murid yang terlatih dalam pelbagai bidang sukan merupakan sokongan kepada agenda negara dalam membina sebuah negara yang aktif bersukan.

Kini terdapat lima buah SSM di Malaysia:

- Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
- Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor
- Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP)
- Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS)
- Sekolah Sukan Malaysia Kuala Terengganu (SSMT)

Pada tahun 2016, seramai 33 orang murid peringkat rendah dan 286 orang murid peringkat menengah layak diterima masuk ke SSM melalui program mengasah bakat (*Talent Identification Programme*). SSM turut menawarkan program pendidikan prauniversiti

dengan sejumlah 104 orang pelajar pada tahun 2016. Enrolmen keseluruhan murid telah meningkat sebanyak 29% daripada 1,103 dalam tahun 2013 kepada 1,423 pada tahun 2016 seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 1-11.

Ekshibit 1-11: Enrolmen Sekolah Sukan Malaysia Mengikut Jantina, 2013-2016

	TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
	2013	751	352	1,103
	2014	819	388	1,207
	2015	889	494	1,383
	2016	939	484	1,423



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2016

Pada tahun 2016, seramai 337 orang atlet murid SSM telah mengambil bahagian dalam 138 kejohanan antarabangsa, manakala 1,363

orang atlet murid lagi mengambil bahagian dalam acara kejohanan peringkat kebangsaan (Ekshibit 1-12).

Ekshibit 1-12: Penyertaan dalam Acara Kebangsaan dan Antarabangsa Mengikut Sekolah Sukan, 2016

Bil.	Sekolah	Acara Kebangsaan	Bil. Murid	Acara Antarabangsa	Bil. Murid	Jumlah Acara
1	SSBJ	60	453	89	170	149
2	SSTMI	81	478	20	114	101
3	SSMP	14	284	11	32	25
4	SSMS	20	140	18	21	38
5	SSMT	8	8	0	0	8

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

Daripada 31 pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, atlet murid SSM telah berjaya merangkul 216 pingat emas, 167 pingat perak dan 172 pingat gangsa.




Ekshibit 1-13: Pencapaian Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, 2016

BIL.	PERTANDINGAN	TEMPAT	BIL. MURID	PENCAPAIAN		
				EMAS	PERAK	GANGSA
1	<i>Olympic Games</i>	Rio	3	0	0	0
2	<i>Pontefract Open Junior Squash</i>	Yorkshire UK	6	3	0	1
3	<i>British Open Junior Squash</i>	Sheffield UK	4	0	1	2
4	<i>Germany Open Synchronised Swimming</i>	Bonn	4	0	1	1
5	<i>Oceania Junior Squash</i>	Australia	4	2	0	0
6	<i>Indonesia Badminton Circuit U15/U13</i>	Riau	9	1	1	0
7	<i>11th SEA Youth Athletics</i>	Thailand	10	9	0	3
8	<i>King & Princess Trophy Weight Lifting</i>	Thailand	11	3	0	0
9	<i>Pompui Badminton</i>	Thailand	32	5	3	0
10	<i>Vietnam Karate Open</i>	Vietnam	4	1	0	2
11	<i>Asia Junior Track & Field</i>	Vietnam	9	2	1	1
12	<i>South East Asian Karate</i>	Malaysia	4	1	1	2
13	<i>Track & Field Asian Junior</i>	Vietnam	9	2	1	1
14	<i>Singapore Diving Open</i>	Singapore	5	6	3	0
15	<i>South East Asian Table Tennis Cadet</i>	Cambodia	4	1	0	4
16	<i>ASEAN School Games</i>	Thailand	48	2	6	7
17	<i>International Little Athletics</i>	Singapore	14	5	7	0
18	<i>West Australia Little Athletics Championship</i>	Australia	3	1	3	3
19	<i>44th Asian School Football U18 Championship 2016</i>	Korea	20	0	0	1
20	<i>Asian Netball</i>	Thailand	3	1	0	0
21	<i>South East Asian Squash Junior</i>	Malaysia	10	1	2	2
22	<i>World Junior Wushu</i>	Bulgaria	5	2	3	5
23	<i>Commonwealth Gymnastic Junior</i>	Namibia	6	4	0	0
24	<i>Commonwealth Weight Lifting Junior & Senior</i>	Malaysia	4	2	0	1
25	Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM)	Malaysia	572	84	70	72
26	Sukan Malaysia (SUKMA)	Kuching	344	62	54	63
27	<i>Tun Razak Cup Hockey</i>	Kuala Lumpur	9	1	0	0
28	<i>Badminton GP Final</i>	Kuala Lumpur	54	8	6	0
29	Sepak Takraw GP Malaysia	Kuala Lumpur	15	1	1	0
30	<i>Malaysia Open Netball</i>	Bukit Kiara	10	1	1	1
31	<i>Squash Grand Final National CIMB</i>	Bukit Jalil	10	3	4	0
JUMLAH				216	167	172

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

Ekshibit 1-14: Pencapaian Atlet Murid dalam Sukan Malaysia (SUKMA), 2016

SEKOLAH	ATLET	EMAS	PERAK	GANGSA	REKOD BARU	REKOD KEBANGSAAN	ANUGERAH
SSBJ	160	52	41	46	5	0	 Atlet Lelaki Terbaik SSTMI
SSTMI	128	9	10	12	3	1	
SSMP	10	1	1	1	1	0	
SSMS	46	0	2	4	0	0	
JUMLAH	344	62	54	63	9	1	

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

Antara pencapaian cemerlang murid dan bekas murid SSM 2016 adalah seperti berikut:

- Khairul Hafiz bin Jantan, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Johor memecahkan rekod kebangsaan acara 100m padang dan balapan serta dinobatkan sebagai atlet lelaki terbaik Sukan Malaysia (SUKMA)
- 22 orang atlet murid yang mewakili kontinjen

Malaysia ke Sukan Olimpik 2016 di Rio, Brazil. Antaranya termasuklah Pandelega Rinong, Nur Dhabitah Sabri, Welson Sim, Johan Keirin Dunia Azizulhasni Awang serta pasangan regu badminton dunia Tan Weng Kiong dan Goh V Shem.



Pandelega Rinong dan Cheong Jun Hoong memenangi pingat emas pertama Malaysia di Sukan Olimpik Rio 2016 dalam acara terjun berpasukan.



Tan Weng Kiong & Goh V Shem mengharumkan nama negara dengan pencapaian pingat perak bagi acara regu badminton di Sukan Olimpik Rio 2016.



Nur Dhabitah Sabri bersama-sama ibu bapanya setelah memperoleh pencapaian cemerlang di Sukan Olimpik Rio 2016 dalam acara terjun.

Atlet Remaja Mencatat Rekod Baharu Untuk Acara 100 Meter



Sumber: Majlis Sukan Negara (MSN)

Khairul Hafiz Jantan secara rasmi telah menempa nama dalam sejarah sukan negara apabila berjaya memecahkan rekod Watson Nyambek dalam acara pecut 100 meter (10.30s) dengan catatan masa yang hebat iaitu 10.19 saat. Anak kelahiran Melaka ini, merupakan murid di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor. Hafiz telah mendahului rakannya yang lain dari Sarawak iaitu Jonathan Nyepa (10.36s) dan juara kebangsaan, Badrul Hisyam Abdul Manap (10.36s), yang masing-masing berada di kedudukan kedua dan ketiga dalam Sukan SUKMA ke-18 di Sarawak.

“Saya bersyukur kepada Allah s.w.t., dan juga merakamkan penghargaan kepada guru dan

kakitangan di SSTMI. Tanpa sokongan dan bimbingan mereka, kejayaan ini tidak mungkin saya kecapai.”

“Saya merasakan bahawa sekolah saya telah menyediakan pentas terbaik kepada murid yang cenderung dalam bidang sukan kerana program, kepakaran dan kemudahan yang disediakan adalah kondusif untuk perkembangan sukan murid. In shaa Allah, sekolah saya akan terus melahirkan lebih ramai ahli sukan bertaraf dunia untuk negara.

Khairul Hafiz Bin Jantan

Pelari Pecut 100m Kebangsaan,
Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) Johor

Sekolah Sukan Negeri

Sekolah Sukan Negeri (SSN) beroperasi sebagai sebuah sekolah sukan pada tahun 2009 mulai ambilan murid Tingkatan 1 secara berperingkat-peringkat. SSN melaksanakan sesi latihan sukan secara sepenuh masa, terancang dan sistematik. Namun begitu, status SSN masih lagi sebagai sekolah harian di bawah JPN. SSN juga merupakan pusat kecemerlangan sukan yang utama pada peringkat negeri. Atlet murid yang terbaik ditempatkan di SSN dan seterusnya disalurkan ke salah satu daripada lima buah Sekolah Sukan Malaysia.

Kini terdapat sebanyak 15 buah SSN di seluruh negara. Program latihan sukan di SSN adalah di bawah kendalian 68 orang jurulatih sukan sepenuh masa dan 155 orang jurulatih sambilan dalam kalangan guru SSN. Semua jurulatih tersebut merupakan jurulatih yang berkemahiran dan berkelayakan.

Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS)

Selain daripada sekolah sukan, murid yang cenderung dalam sukan tetapi ingin meneruskan persekolahan dalam laluan akademik bersama-sama dengan rakan sebaya di sekolah aliran perdana boleh menyertai program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS). Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat serta melatih atlet muda pada peringkat sekolah bermula seawal umur 6 hingga 18 tahun selain melahirkan sekumpulan jurulatih

SPTS yang bertauliah dalam kalangan guru. SPTS dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Pusat Latihan Daerah (PLD) di setiap negeri. Sukan yang disenaraikan bagi SPTS adalah sepak takraw, memanah, bola sepak, badminton, olahraga, hoki, gimnastik artistik dan gimrama. Secara proaktif, pihak Kementerian telah memperluaskan SPTS dengan memperkenalkan sukan skuasy seiring dengan pembinaan prasarana baharu untuk kemajuan sukan tersebut di sekolah.

Pusat Latihan Daerah (PLD)

Program SPTS dilaksanakan di kesemua 16 buah negeri di Malaysia bagi lapan jenis sukan yang telah ditetapkan. Setiap PLD yang terpilih akan melaksanakan satu jenis sukan SPTS. Jurulatih dalam kalangan guru yang dilantik akan ditempatkan di PLD. Pada tahun 2016, sejumlah 860 buah PLD melaksanakan program SPTS yang melibatkan 144 daerah dan 681 buah sekolah di seluruh negara.

Bahagian Sukan juga telah memperkenalkan satu instrumen baharu untuk memantau dan menilai kualiti pengurusan dan pentadbiran PLD. Bahagian Sukan, dengan kerjasama JPN dan PPD, telah berjaya melaksanakan pemantauan dan penggredan PLD di negeri Kedah, Pahang, Sarawak, Selangor dan WP Putrajaya. Taburan PLD di seluruh negara ditunjukkan dalam Ekshibit 1-16.


Ekshibit 1-15: Senarai Sekolah Sukan Mengikut Negeri, 2016

	1 JOHOR SMK Tun Hussein Onn		7 PERAK SMK Gunung Rapat		13 TERENGGANU SMK Bukit Nenas
	2 KEDAH SMK Tunku Anum Tunku Abdul Rahman		8 PERLIS SMK Syed Hassan		9 PULAU PINANG SMK Mutiara Impian
	3 KELANTAN SMK Putera		10 SABAH SMK Datuk Peter Mojuntin		14 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SMK Seri Titiwangsa
	4 MELAKA SMK Seri Kota		11 SARAWAK SMK Tabuan Jaya		15 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SMK Mutiara
	5 NEGERI SEMBILAN SMK Za'ba		12 SELANGOR SMK Seksyen Sebelas		
	6 PAHANG SMK Seberang Temerloh				

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

Ekshibit 1-16: Bilangan Pusat Latihan Daerah Mengikut Negeri, 2016

Perlis	14	Terengganu	46
Kedah	51	Kelantan	63
Pulau Pinang	32	Sabah	120
Perak	64	Sarawak	115
Selangor	68	Wilayah Persekutuan Putrajaya	6
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	32	Wilayah Persekutuan Labuan	6
Negeri Sembilan	45		
Melaka	26		
Johor	97		
Pahang	75		



Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)





Sekolah Seni

Kementerian berada di landasan yang betul dalam menyediakan saluran bagi murid mengasah dan menetengahkan bakat dan potensi kreatif mereka dalam bidang seni dan budaya. Usaha ini selaras dengan aspirasi RMKe-11 yang mengiktiraf peranan sukan, budaya dan tamadun dalam sesebuah negara yang sudah membangun. Sekolah Seni diperkenalkan berasaskan wawasan untuk menjana para pendokong warisan budaya serta membangunkan bakat dan potensi seni murid ke tahap paling optimum melalui pendidikan berkualiti. Sekolah ini bertujuan melahirkan warga muda kreatif yang memiliki kecenderungan untuk mempromosi dan memelihara warisan seni budaya yang akhirnya dapat membantu menyokong perkembangan sumber manusia yang kreatif dan pembangunan industri pelancongan negara.

Kini terdapat tiga buah sekolah seni di Malaysia yang menawarkan pengkhususan dalam bidang seni Muzik, Tarian, Teater dan Seni Tampak:

- Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ)
- Sekolah Seni Malaysia Sarawak (SSeMS)
- Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur (SSeMKL)

Pada tahun 2016, Kementerian memperkenalkan Program Pendidikan Seni yang dilaksanakan secara khusus di negeri Perak dan Sarawak disebabkan permintaan tinggi kepada laluan seni. Sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibbah, Sungai Siput, Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Elopura, Sandakan, Sabah

Ekshibit 1-17: Enrolmen Program Pendidikan Seni Mengikut Jantina, 2013-2016

**ENROLMEN
SEKOLAH SENI DAN
PROGRAM
PENDIDIKAN SENI**



TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
2013	250	323	573
2014	298	363	661
2015	317	403	720
2016	496	679	1,175

*termasuk enrolmen dalam Program Pendidikan Seni

Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Seni (BKK)

Enrolmen dan program pendidikan seni Tingkatan 1 hingga 5 di Sekolah Seni telah meningkat sekali ganda kepada 1,175 orang iaitu peningkatan sebanyak 105% berbanding tahun 2013 (Ekshibit 1-17). Peningkatan yang signifikan ini membuktikan keyakinan para ibu bapa terhadap bidang seni, justeru menunjukkan bahawa terdapat permintaan terhadap pendidikan seni di Malaysia.

Sejumlah 80 orang bekas murid dari Sekolah Seni Malaysia Johor dan Sekolah Seni Malaysia Sarawak kini sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi setelah tamat SPM dan lebih daripada 80% kekal mengikuti jurusan seni. Berdasarkan kajian pengesanan yang

dijalankan pada tahun 2015, 85.2% graduan sekolah seni meneruskan kerjaya dalam bidang seni, menjadi jurulatih seni, dan melanjutkan pelajaran di bidang berkaitan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Akademi Seni Budaya Warisan dan Kebangsaan (ASWARA), dan juga di Institut Pendidikan Guru (IPG).

Sekolah Malaysia Menjunjung Seni dan Budaya di Pentas Dunia

The International Folklore Competition 2016

Pasukan Malaysia, Sekolah Seni Malaysia Sarawak, telah membanggakan Malaysia dalam *the International Folklore Competition 2016* di Costa Brava, Sepanyol. Festival ini merupakan suatu siri pertandingan seni yang mengujakan dengan pelbagai persembahan seni dan kreativiti yang ditonjolkan secara berterusan sepanjang festival tersebut. Matlamat utama festival ini adalah untuk mengumpulkan semua kumpulan seni dari serata dunia bagi mempersembahkan dan mengetengahkan pencapaian mereka, menghargai budaya negara lain, meningkatkan kefahaman dan toleransi antara pelbagai budaya yang berbeza, memupuk kerjasama antarabangsa serta mewujudkan rangkaian sosial budaya. Pasukan Malaysia dengan penuh bangga telah mempersembahkan tarian tradisional Gawai iaitu Ngajat dengan lenggang lengok yang menawan dan telah berjaya menakluk hati para juri untuk diangkat menjadi pemenang tempat kedua daripada 40 buah pasukan dari serata dunia.

Kerjasama Kesenian Antarabangsa Malaysia-Indonesia

Pasukan Malaysia iaitu Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur telah mengambil bahagian dalam Kerjasama Kesenian Antarabangsa Malaysia-Indonesia, yang diadakan di Jogjakarta, Indonesia. Acara ini diadakan untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua



negara dalam bidang seni dan budaya. Pasukan ini telah memenangi beberapa kategori termasuk Johan Cerita Terbaik bagi kategori Teater, tempat kedua bagi kategori Muzik dan Seni Visual serta Johan dan Tempat Kedua bagi kategori Tarian.



The 44th International Children's Exhibition of Fine Arts Competition, Lidice 2016


Pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Republik Czech, Kementerian Pendidikan, Belia dan Sukan Republik Czech dan UNESCO ini bertujuan mempersembahkan karya seni kanak-kanak yang menarik, memberi pengiktirafan, memupuk kreativiti kanak-kanak dalam bidang seni serta mengukuhkan kerjasama antarabangsa antara negara peserta.

Pasukan Malaysia telah menghantar seramai 27 orang murid daripada Sekolah Seni Malaysia untuk menyertai pertandingan ini. Negara peserta lain dalam pertandingan ini ialah Mesir, India, Rusia, China, Lithuania, Kazakhstan, Bulgaria, Korea Selatan, Romania, Poland and Latvia. Empat orang daripada murid Malaysia telah membanggakan negara dengan memenangi anugerah atas hasil kreatif mereka.

**Muhammad Ikhwan
Akid bin Zairul
Shah Rizan,**
SSeMJ



**Mifdal Afkar
bin Basri**
SSeMJ



**Danish Syamil
bin Mat Yasir**
SSeMJ



**Muhammad Nuril Mustoffa
Khalis bin Khalid**
SSeMJ





Sekolah Agama Islam

Sekolah Agama Islam di bawah kelolaan Kementerian iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menawarkan mata pelajaran akademik dan mata pelajaran dalam bidang pendidikan Islam. Sekolah yang tergolong dalam kategori SABK termasuklah Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau sekolah agama persendirian atau sekolah yang dibina yang dibina secara wakaf oleh individu atau orang ramai yang kemudiannya berdaftar di bawah Kementerian. Ini juga termasuk Sekolah Agama Negeri yang asalnya dibina oleh kerajaan negeri.

Sebaik sahaja diubah taraf, Kementerian membekalkan bantuan ke sekolah-sekolah ini seperti penyenggaraan prasarana fizikal, penggajian guru dan kakitangan, geran per kapita dan buku teks. Pada tahun 2016, terdapat 58 buah SMKA dan 220 SABK dengan bilangan enrolmen seramai 109,933 murid.

Sekolah Agama Islam turut menerima pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam tahun 2016, khususnya dalam bidang inovasi. Ini termasuklah SMKA Kedah yang menerima tiga pingat dalam *National Innovation & Invention Competition Through Exhibition 2016*, manakala SMA Madrasah Alawiyah Ad Diniyah telah

Ekshibit 1-18: Bilangan SMKA dan SABK, 2013-2016

SEKOLAH AGAMA



	SMKA	SABK	JUMLAH
2013	57	203	260
2014	57	215	272
2015	57	216	273
2016	58	220	278

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

mendapat pingat gangsa dalam pertandingan *Innovative Research, Invention & Application 2016* di Universiti Teknologi MARA, Perlis. Pada peringkat antarabangsa pula Sekolah

Menengah Agama telah mengharumkan nama negara melalui penerimaan pelbagai anugerah dan pengiktirafan atas pencapaian mereka (Ekshibit 1-19)

Ekshibit 1-19: Pencapaian pada Peringkat Antarabangsa oleh SMKA dan SABK, 2016

Bil.	Tarikh	Program / Aktiviti	Tempat	Pencapaian	
				Johan / Emas	Anugerah Khas
1	8-10 April 2016	<i>International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2016</i>	UNIMAP	1. SM Imtiaz Kuala Terengganu 2. SM Imtiaz Kuala Berang 3. SM Imtiaz Besut 4. SMKA Kedah 5. SMKA Arau 6. SMKA Al-Irsyad 7. SAM Tengku Ampuan Jemaah Sungai Besar	Reruai Rempah
2	1-7 Februari 2016	<i>Bangkok International Intellectual Property Invention Innovation and Technology Exposition 2016</i>	Bangkok	SM Imtiaz Kuala Terengganu	Anugerah Khas daripada KIA
3	19-21 Mei 2016	<i>The 8th European Exhibition of Creativity and Innovation (Euroinvent) and the International Conference on Innovative Research (ICIR) 2016</i>	Lasi, Romania	SM Imtiaz Kuala Terengganu	Anugerah Khas (rekaan kajian baharu untuk pereka muda) daripada Kumpulan Corneliu, Romania
4	21-23 Julai 2016	<i>World Invention Creativity Contest 2016</i>	Seoul, Korea Selatan	SM Imtiaz Kuala Terengganu	Anugerah Terbaik WICC

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

SABK Cemerlang di Pentas Dunia



Sekolah Menengah (SM) Imtiaz Kuala Terengganu terus mengharumkan nama pada peringkat antarabangsa apabila memperoleh Pingat Emas dan Anugerah Khas Juri dalam pertandingan reka cipta dan inovasi di Bangkok, Thailand .

Produk ciptaan mereka, *Dr. Duster With Green Cleaner* yang diketengahkan dalam *Bangkok International Intellectual Property, Innovation and Technology Exposition (IPITEX) 2016*, mengulangi kejayaan yang pernah dicapai di Taiwan pada penghujung tahun 2015. Sekumpulan empat orang murid Tingkatan 4 yang menamakan kumpulan mereka *Al Fateh Inventors* itu berjaya mengalahkan kumpulan murid daripada 25 negara termasuk Turki, Rusia, Kanada, China, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

“Penyertaan ke pertandingan inovasi peringkat antarabangsa itu merupakan sebahagian daripada Program Pengantarabangsaan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) bagi mencapai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) Etos Reka Cipta SBT.

“Status sekolah ini sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) banyak membantu, membuka peluang kepada guru dan murid untuk mendapat pendedahan pada peringkat antarabangsa seperti ini. Antara faedah SABK adalah jaringan rangkaian pendidikan yang menyeluruh serta peluang yang sering ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.”

En Mohd Yusoff Othman

Pengetua,
SM Imtiaz Kuala Terengganu



MENYEDIAKAN PENDIDIKAN BAGI KUMPULAN KHUSUS


Kementerian secara berterusan memastikan anak-anak di Malaysia yang kurang bernasib baik mendapat akses pendidikan berkualiti yang sama rata untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam apa jua keadaan agar mereka berkeupayaan dan produktif untuk menyumbang kepada diri, keluarga dan juga negara.

Sekolah Dalam Hospital

Sekolah Dalam Hospital (SDH) merupakan suatu usaha sama antara Kementerian

Pendidikan dengan Kementerian Kesihatan. SDH bertujuan untuk menyediakan pendidikan kepada murid yang sedang melalui rawatan jangka panjang atau berulang di hospital kerajaan. Dilancarkan pada tahun 2011, bilangan SDH telah meningkat daripada 8 buah kepada 15 buah sekolah pada tahun 2016 (Ekshibit 1-20). Bilangan murid yang mendapat manfaat daripada usaha ini meningkat daripada 19,276 orang pada tahun 2013 kepada 41,452 orang pada tahun 2016.

Ekshibit 1-20: Lokasi Sekolah Dalam Hospital di Malaysia, 2016



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)


Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur. SBJK memulakan operasinya pada tahun 2013 untuk memberi peluang kepada anak-anak yang kurang bernasib baik mendapat akses kepada pendidikan formal dalam suasana persekitaran yang selamat. Sekolah ini juga bertujuan untuk membuka laluan bagi anak-anak ini menyambung pendidikan formal mereka selain daripada memelihara mereka daripada gejala sosial yang tidak sihat. Guru dan kakitangan sekolah ini telah dilatih khas untuk memberikan bimbingan akademik dan sokongan emosi kepada muridnya.

SBJK mengamalkan kelas bercantum memandangkan enrolmen muridnya adalah rendah dan terdiri daripada pelbagai lapisan usia. Modul pelajaran khas digunakan bagi membolehkan murid daripada pelbagai

peringkat umur dan tahap pencapaian yang berbeza ini belajar mengikut keupayaan masing-masing. Memahami akan keperluan SBJK dalam menyediakan pendidikan bagi golongan khusus ini, Kementerian, pada tahun 2016, telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta untuk membina bangunan asrama bagi sekolah ini. Enrolmen bagi SBJK pada tahun 2016 adalah seramai 148 orang murid (Ekshibit 1-21).

Ekshibit 1-21: Enrolmen Murid SBJK, 2014-2016



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)

SBJK Menyelamatkan Kanak-Kanak Jalanan

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) merupakan satu-satunya sekolah di negara ini yang menggunakan modul khas yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu kanak-kanak jalanan meneruskan pendidikan mereka.

Pengetua SBJK, En. Zulkernai bin Fauzi, memaklumkan bahawa sekolah ini menggunakan format Pembelajaran Pelbagai Gred yang membolehkan kanak-kanak ditempatkan di dalam bilik darjah mengikut tahap kemahiran mereka dan bukannya hanya berdasarkan peringkat usia.

“Kebanyakan kanak-kanak di sini tidak pernah bersekolah sebelum ini. Jika ada budak yang berumur 17 tahun yang datang ke sini, kami tidak boleh memasukkan dia terus ke dalam Tingkatan 5 kerana besar kemungkinan dia tidak dapat membaca dengan lancar. Inilah keistimewaan modul yang telah dibangunkan untuk kegunaan sekolah.”

“Saya berharap untuk dapat melihat lebih banyak sekolah seperti SBJK ditubuhkan di beberapa tempat lagi di negara kita untuk membolehkan lebih ramai

kanak-kanak daripada pelbagai latar belakang yang berbeza mendapat akses kepada pendidikan berkualiti. Sekolah ini merupakan salah satu contoh Kementerian mengambil berat mengenai kebajikan mereka tanpa mengira latar belakang murid.”

Encik Zulkernai Fauzi

Pengetua,
Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

“SBJK menyediakan akses kepada pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif kepada anak-anak yang tidak berumah atau kurang bernasib baik. SBJK membenarkan mereka menduduki peperiksaan awam berdasarkan keupayaan membaca, menulis dan mengira tanpa mengira tahap usia. Kesemua 11 orang guru mempraktikkan konsep pembelajaran yang menyeronokkan untuk murid kami yang berumur antara 4 hingga 19 tahun bagi memastikan mereka terus berminat untuk datang ke sekolah setiap hari.”

Puan Raihan Abd Hamid

Guru,
Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih



Sekolah Integriti and Sekolah Henry Gurney

Sekolah Integriti (SI) dan Sekolah Henry Gurney (SHG) diwujudkan melalui usaha sama antara Jabatan Penjara dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan penubuhan sekolah ini adalah untuk menyediakan khidmat pendidikan kepada anak-anak juvana dan banduan muda di bawah usia 21 tahun. Program ini memberi manfaat kepada golongan muda dalam menyediakan peluang pendidikan yang sama dengan rakan sebaya mereka di sekolah arus perdana. Murid SI dan SHG ini turut berpeluang menduduki peperiksaan awam.

Ekshibit 1-22: Bilangan Sekolah, Juvana dan Guru Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney, 2016

SEKOLAH INTEGRITI			
Bil. Sekolah	Juvana	Guru	
8	166	64	


SEKOLAH HENRY GURNEY			
Bil. Sekolah	Juvana	Guru	
4	249	31	

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

Seramai 100 orang murid SI dan 57 orang murid SHG telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2016 dan memperoleh pencapaian yang baik. Sebanyak sepuluh buah sekolah mencapai

100% lulus bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah berbanding dengan hanya lima buah sekolah pada tahun 2015.

Ekshibit 1-23: Peratus Lulus SPM Mengikut Mata Pelajaran, 2014 - 2016



BAHASA MALAYSIA		
2014	2015	2016
94.9%	95.0%	99.2%

SEJARAH		
2014	2015	2016
88.8%	89.0%	97.0%

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

Pada tahun 2016, Gred Purata Nasional (GPN) SPM bagi sekolah SI dan SHG adalah 5.1. Apa yang membanggakan ialah enam buah sekolah

telah melepasi GPN berbanding hanya dua buah sekolah pada tahun 2015.

Ekshibit 1-24: SI dan SHG yang Mengatasi Gred Purata Nasional (GPN) SPM, 2015 - 2016



2015 4.7	SHG Wanita Kota Kinabalu	2016 4.9
2015 4.8	SHG Telok Mas	2016 4.6
2015 Tiada Data	SI Bentong	2016 3.5
2015 Tiada Data	SI Kajang	2016 4.9
2015 Tiada Data	SHG Keningau	2016 4.6
2015 Tiada Data	SI Kuching	2016 5.1

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH



Pilihan laluan untuk pendidikan lepas menengah kini lebih meluas bagi menyediakan asas yang kukuh sebelum pelajar mengikuti pendidikan tinggi. Laluan yang disediakan oleh Kementerian merangkumi:

- Tingkatan 6.
- Tingkatan 6 (Aliran Agama).
- Program Matrikulasi.
- Program Asas dan Sarjana Muda Pendidikan.


Tingkatan 6

Kelulusan Tingkatan 6 membolehkan para pelajar mengikuti pengajian Sarjana Muda peringkat universiti atau menceburi bidang pekerjaan. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) diiktiraf setara dengan *A-Levels* dan diterima sebagai kelayakan masuk bagi program sarjana muda di universiti tempatan dan antarabangsa. STPM juga diiktiraf oleh JPA serta *Malaysia and Cambridge Assessment, England*.

Transformasi Tingkatan 6 telah dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun 2014 untuk meningkatkan imej serta kualitinya agar setaraf dengan pendidikan prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan

swasta yang lain. Transformasi ini melibatkan penggunaan sistem berasaskan semester bagi menyempurnakan pengajian dalam tempoh satu tahun setengah (3 semester) berbanding dengan tempoh dua tahun sebelum ini. Sukatan Pelajaran dan persekitaran pendidikan juga turut diubah bagi menyediakan dan menyesuaikan pelajar kepada kehidupan di kampus universiti. Garis Panduan Pengurusan Tingkatan 6 (GPPT6) telah dikeluarkan oleh Kementerian pada tahun 2016 sebagai sumber rujukan pengurusan berkualiti di sekolah dan pusat pendidikan yang menawarkan Tingkatan 6. Dalam tahun yang sama juga, enrolmen ke Tingkatan 6 turut meningkat sebanyak 5.3% berbanding tahun sebelumnya justeru, membuktikan bahawa semakin ramai pelajar dan ibubapa menerima Tingkatan 6 sebagai pilihan bagi pendidikan lepas menengah.

Ekshibit 1-25: Enrolmen Tingkatan 6, 2013-2016



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Tingkatan 6 (Aliran Agama)

Pelajar yang mengikuti pendidikan selepas menengah di sekolah agama akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) iaitu sijil yang diperkenalkan melalui kerjasama antara Kementerian Pendidikan dengan Universiti Al-Azhar, Mesir. STAM turut diiktiraf untuk kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi awam dan antarabangsa, khususnya bagi universiti di sekitar negara-negara Arab. Daripada seramai 8,784 orang pelajar yang mendaftar untuk STAM pada tahun 2016, peratusan pelajar yang mencapai Gred Cemerlang Mumtaz telah meningkat sebanyak 1.3%.

Program Matrikulasi

Program Matrikulasi menyediakan para pelajar untuk memasuki universiti tempatan dan antarabangsa. Penandaarasan program ini dibuat berasaskan kepada standard yang ditetapkan oleh badan pendidikan antarabangsa bagi mempertingkatkan dan

memperkayakan kandungan kurikulum dan penilaiannya agar setaraf dengan piawaian antarabangsa. Bermula tahun 2016, Kementerian menganjurkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) turut mengiktiraf sijil Matrikulasi agar diterima pakai dalam pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 2016 (SPP Bil. 2/2016) bertarikh 14 Disember 2016 berkuat kuasa 1 Januari 2017. Mulai tahun 2017, graduan Matrikulasi boleh memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

Ekshibit 1-26: Bilangan Kolej Matrikulasi dan Enrolmen, 2013-2016

MATRIKULASI & ENROLMEN



TAHUN	Bilangan Kolej	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
2013		8,025	19,463	27,488
2014		7,560	18,702	26,262
2015		6,202	16,050	22,252
2016	15	6,238	14,779	21,017

Sumber: Bahagian Matrikulasi (BMatrikulasi)

Program Persediaan dan Sarjana Muda Pendidikan Perguruan

Kementerian bertanggungjawab untuk menyediakan guru dalam pelbagai bidang pada peringkat pendidikan rendah melalui 27 buah Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) di bawah kelolaan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Untuk diterima masuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) calon-calon mestilah memperoleh gred yang baik dalam peperiksaan SPM dengan sekurang-kurangnya 5A dalam mana-mana mata pelajaran serta mendapat kepujian bagi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Mulai tahun 2014, calon yang terpilih mestilah mengikuti program asas satu tahun iaitu Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP). Mereka yang berjaya menamatkan pengajian akan ditempatkan ke mana-mana IPGK di seluruh negara bagi mengikuti program PISMP selama 4 tahun.

Ekshibit 1-27: Bilangan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) dan Enrolmen, 2013-2016

IPGK & ENROLMEN		LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
TAHUN	Bilangan Kampus			
2013	27	12,293	30,049	42,342
2014		11,382	22,300	33,682
2015		10,677	25,230	21,002
2016		4,168	11,565	15,733

Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

RINGKASAN

Kementerian berhasrat agar akses kepada pendidikan dan enrolmen penuh dapat dicapai oleh kesemua kanak-kanak daripada peringkat prasekolah hingga peringkat menengah atas menjelang tahun 2020 dengan menyediakan laluan pendidikan yang menarik yang dapat dinikmati oleh semua. Dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi keperluan dan

bakat murid yang bebez, Kementerian gigih berusaha untuk menyediakan laluan pendidikan yang terbaik. Hal ini telah terbukti melalui tumpuan usaha yang dilaksanakan untuk menyediakan pelbagai laluan pendidikan tanpa mengorbankan kualiti, keselamatan serta masa depan anak-anak kita.



“Semua kanak-kanak akan berpeluang mendapat pendidikan cemerlang berdasarkan keunikan sistem pendidikan di Malaysia, dan setanding dengan sistem terbaik antarabangsa”

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), m.s. E-10

MEMPERTINGKATKAN KUALITI DALAM PENDIDIKAN


Usaha tanpa jemu Kementerian untuk mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan, telah menghasilkan perubahan besar pada tiga tahun pertama pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Untuk menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti, Kementerian telah membangunkan landasan kukuh dalam Gelombang 1 yang telah menunjukkan perubahan ketara dalam bilik darjah.

Untuk menjamin Enam Aspirasi Murid dapat dicapai, pendekatan pedagogi abad ke-21 diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Murid menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri

dan akan dinilai berdasarkan kemajuan mereka yang berterusan, bukan sahaja dari segi akademik, bahkan juga dari aspek kokurikulum dan kesukanan. Kementerian berterusan mengadakan latihan kepada guru dalam perkhidmatan, dan program mempertingkatkan kemahiran kepada pemimpin sekolah demi menjamin kualiti kepemimpinan. Pembangunan profesional guru dan pemimpin sekolah yang berterusan akan dapat menyediakan murid untuk menempuh perubahan lanskap pendidikan dan masa depan mereka. Pelibatan ibu bapa, komuniti dan juga swasta dipergiatkan lagi untuk membangunkan satu sistem pembelajaran dalam komuniti.

Melangkah ke dalam Gelombang 2 PPPM pada tahun 2016, Kementerian telah meningkatkan usaha kepada akses pendidikan berkualiti menerusi pelbagai inisiatif, antaranya:

- Menggabung jalin Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- Menggalakkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).
- Memperkukuh penguasaan dwibahasa dalam kalangan murid.
- Memperkasa kualiti guru.
- Memperkasa kualiti kepimpinan sekolah.
- Melibatkan ibubapa, komuniti dan sektor swasta untuk membina satu ekosistem pembelajaran.



MENGGABUNG JALIN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sejak pelaksanaan PPPM pada tahun 2013, salah satu daripada elemen penting dalam menyediakan pendidikan berkualiti ialah menggabung jalin Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui KBAT, murid akan berupaya berfikir secara kritis dan kreatif, dapat menyelesaikan masalah, dan menjadi inovatif dalam menghadapi lanskap masa depan yang sering berubah-ubah. Kemahiran sebegini sangat diperlukan oleh sektor swasta dan awam yang senantiasanya berusaha mendapatkan pekerja yang serba boleh dan mampu mengadaptasi diri serta menyumbang secara produktif.

Kementerian secara berterusan memperkukuh dan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan dengan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran pada 2016 melalui aktiviti berikut:

Mempergiatkan Latihan dalam KBAT pada Semua Peringkat Pendidikan

Sejumlah 9,116 orang pemimpin sekolah dan guru sekolah telah menamatkan latihan dalam talian i-THINK. Taklimat daripada semua Bahagian yang berkaitan dengan pelaksanaan KBAT dalam bilik darjah telah diberikan kepada





425 orang nazir sekolah. Maklumat berkenaan membolehkan kumpulan nazir ini mempunyai kefahaman yang jelas mengenai penerapan KBAT semasa pemeriksaan mereka ke sekolah. Sejumlah 270 orang pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) telah dilatih menggunakan modul latihan KBAT supaya mereka dapat menyampaikan ilmu dengan lebih baik dan meningkatkan kesediaan guru pelatih semasa mereka ditempatkan di sekolah kelak. Untuk membantu guru dengan lebih baik dalam Literasi Matematik, Sains dan Bacaan dalam pelaksanaan aktiviti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) di sekolah, seramai 260 orang Jurulatih Utama telah dilatih.

Menyediakan Garis Panduan Aplikasi KBAT dan Manual Penilaian KBAT

Garis panduan Aplikasi KBAT disediakan bagi membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Garis panduan tersebut adalah berpandukan daripada buku-buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Manual Penilaian KBAT turut disediakan bagi membantu guru membina item dan soalan KBAT. Peratusan item KBAT yang diperuntukkan dalam UPSR dan SPM kekal sebanyak 20%. Item KBAT dimasukkan dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) untuk menilai pencapaian akademik murid pada peringkat menengah rendah.

Membina Bahan Sumber Bacaan PISA

Sejumlah 62 buah modul khusus untuk pengajaran Matematik dan Sains telah dibina dan diagihkan. Modul tersebut adalah sebagai bahan bantu mengajar bagi guru untuk secara berkesannya meningkatkan pemahaman murid kepada topik yang ditaksir dalam kerangka kurikulum TIMSS dan PISA. Untuk Literasi Bacaan, 40 buah modul telah dibina dan diagihkan bagi mempertingkatkan pemahaman dan membiasakan murid kepada format dan gaya item bacaan PISA. Sebagai tambahan, garis panduan strategik untuk pembinaan item KBAT-PISA juga dicetak sebagai rujukan untuk guru mereka bentuk item untuk Ujian Diagnostik Literasi Bacaan.

Menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan (TIMSS) 2019 Gred 4 (Tahun 4)


Kementerian bercadang menyertai TIMSS Gred 4 (Tahun 4) sebagai tambahan kepada pentaksiran TIMSS Gred 8 (Tingkatan 2) dalam Gelombang 2 sebagaimana yang dicadangkan dalam PPPM. Langkah ini akan membolehkan Kementerian menanda aras prestasi Matematik dan Sains dalam kalangan murid peringkat rendah berbanding standard antarabangsa. Walau bagaimanapun, berdasarkan dapatan kajian, cadangan telah dibuat bagi menanggukkan penyertaan Malaysia dalam TIMSS 2019 Gred 4 bagi memastikan kesediaan murid dan sistem - proses pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan kemudahan.

Kajian Kebolehlaksanaan TIMSS 2019 Gred 4 di Malaysia memberikan tumpuan kepada enam bidang utama bagi mana-mana negara yang ingin menyertai TIMSS. Kajian tersebut mendapati:

- Pengajaran dan Pembelajaran: Tahap kesediaan guru dalam menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran dan membina item dan soalan untuk pentaksiran murid berada pada tahap 'Sederhana'.
 - Latihan Profesional: Peratusan guru yang menghadiri kursus pentaksiran KBAT dan integrasi ICT adalah pada 66%.
 - Kurikulum: Peratusan item Matematik dan Sains bagi pentaksiran TIMSS yang dapat dipenuhi dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah masing-masing pada keseluruhannya 95.8% dan 36%.
 - Pentaksiran KBAT: Peratusan murid sekolah rendah yang boleh menjawab soalan Matematik berlegar antara 11% hingga 51%, manakala bagi Sains adalah antara 46% hingga 51%.
- Keupayaan Teknologi: Peratusan murid yang menggunakan komputer adalah antara 11% hingga 15%.
- Infrastruktur: Peratusan sekolah yang telah menyediakan bilik darjah Matematik adalah 21.5%.

Untuk memastikan Malaysia bersedia menyertai TIMSS Gred 4, cadangan adalah seperti berikut:

- Elemen KBAT mestilah diterapkan dalam kalangan semua murid peringkat sekolah rendah tanpa mengira prestasi mereka.
- Pelibatan mentor dan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah+ (SISC+) mestilah dipertingkatkan untuk memperkukuh penguasaan mata pelajaran dan kemahiran pedagogi guru.
- Latihan pembangunan profesional dalam pentaksiran KBAT dan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mestilah disediakan kepada semua guru sekolah rendah.
- Sekolah perlu diselia untuk memastikan kemudahan pembelajaran dimanfaatkan sepenuhnya untuk memberi impak kepada keberhasilan murid.
- Usaha ke arah penyediaan peluang kepada murid untuk menggunakan komputer semasa aktiviti kurikulum dan kokurikulum mestilah dilipat gandakan.



TRENDS IN INTERNATIONAL MATHEMATICS AND SCIENCE STUDY (TIMSS)

TIMSS merupakan suatu kajian perbandingan antarabangsa yang dijalankan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA)*. Selain daripada menilai tahap pengetahuan matematik dan sains dalam kalangan murid, pentaksiran ini juga melibatkan penilaian konteks pembelajaran. Murid, guru dan sekolah disoal berkaitan aspek persekitaran yang melibatkan kandungan pembelajaran yang diajar, dipraktikkan dan diaplikasikan. Keputusan TIMSS menyediakan sumber maklumat yang amat berharga untuk setiap negara berkaitan faktor yang mempengaruhi kejayaan matematik dan sains bagi membolehkan negara meningkatkan sistem pendidikan mereka.


Matlamat utama penyertaan Malaysia dalam TIMSS adalah untuk menilai keberkesanan pembelajaran matematik dan sains dalam kalangan murid berbanding rakan mereka daripada negara lain. Dapatan kajian dapat menyediakan input untuk tujuan penambahbaikan kurikulum, pendekatan pembelajaran dan pengajaran, dan pentaksiran pada peringkat sekolah dan kebangsaan. Malaysia telah mengambil bahagian dalam kitaran TIMSS 2015 yang bermula pada tahun 2013 dan berakhir pada Disember 2016. TIMSS 2015 melibatkan penyertaan sebanyak 9,726

orang murid Tingkatan 2, 326 orang guru, dan 207 orang pentadbir daripada 207 buah sekolah sampel. Pentadbiran TIMSS 2015 bermula pada 28 hingga 31 Oktober 2014. Aktiviti seterusnya ialah proses penskoran yang bermula pada Disember 2014.

Malaysia menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam Matematik dan Sains TIMSS 2015. Skor bagi kedua-dua mata pelajaran ini meningkat berbanding pentaksiran TIMSS 2011 seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-1.



Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mengumumkan keputusan TIMSS 2015



Ekshibit 2-1: Pencapaian Malaysia dalam TIMSS, 1999 - 2015

TIMSS	PENCAPAIAN MATEMATIK	PENCAPAIAN SAINS	BIL. SEKOLAH	BIL. MURID-MURID
TIMSS 1999	519	492	150	5577
TIMSS2003	508	510	150	5314
TIMSS2007	474	471	150	4466
TIMSS 2011	440	426	180	5733
TIMSS 2015	465	471	207	9766

Kedudukan Malaysia

	Matematik	Sains
TIMSS 2011	26	32
TIMSS 2015	22	24

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2016

Ekshibit 2-2: Pencapaian TIMSS 2015 dan Kedudukan Mengikut Negara

PENCAPAIAN TIMSS 2015
PERINGKAT **ANTARABANGSA**



PENCAPAIAN MALAYSIA


TREND PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM TIMSS DARI KITARAN 1999 HINGGA 2015

a) Malaysia mencatatkan pencapaian terbaik pada penyertaan pertama TIMSS 1999. Penyertaan seterusnya menyaksikan pencapaian yang menurun berturut-turut sebanyak tiga kitaran. TIMSS 2011 mempamerkan pencapaian yang paling rendah, namun pada TIMSS 2015 skor kembali meningkat sebanyak 25 mata.

b) Pencapaian terbaik Malaysia dalam sains ialah pada TIMSS 2013. Pencapaian kemudiannya merosot pada dua kitaran seterusnya iaitu pada TIMSS 2007 dan TIMSS 2011 menyaksikan prestasi terendah Malaysia. TIMSS 2015 mencatatkan lonjakan skor sebanyak 44 membaiki prestasi Malaysia kepada 471 mata.

MATEMATIK

SAINS



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2016

Keputusan bagi Malaysia dalam kajian TIMSS 2015 adalah seperti berikut:

- murid yang mempunyai lebih banyak bahan pembelajaran di rumah mendapat skor yang tinggi berbanding murid yang kurang mempunyai bahan.
- murid menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding purata antarabangsa di sekolah yang mempunyai persekitaran yang positif dan pengetua yang memberi tumpuan kepada pencapaian akademik.
- tahap keyakinan murid dalam Matematik menunjukkan perkaitan dengan prestasi murid dalam mata pelajaran tersebut, manakala bagi Sains, tidak ada perkaitan antara tahap keyakinan murid dengan pencapaian mereka.
- murid perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik bagi domain kognitif dan kandungan, secara umum.
- jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.

Pencapaian positif yang lain adalah seperti berikut:

- Malaysia menunjukkan peningkatan tertinggi antara 16 buah negara yang menunjukkan peningkatan dalam Sains (44 mata) berbanding prestasi TIMSS 2011.
- Malaysia antara 18 buah negara yang menunjukkan peningkatan pencapaian dalam Matematik (25 mata) berbanding prestasi TIMSS 2011.

Faktor kejayaan kritikal yang menyumbang kepada peningkatan prestasi dalam kalangan murid Malaysia termasuk persekitaran sekolah, latar belakang sosioekonomi murid, tahap kesediaan guru yang lebih baik dan komitmen pengetua sepenuhnya. Sebahagian besar guru Matematik dan Sains dan pengetua mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi (ijazah sarjana dan pasca siswazah). Lebih 50% daripada guru yang terlibat dalam kajian ini merupakan mereka yang telah mempunyai pengalaman mengajar lebih satu dekad. Guru di Malaysia juga mendapat latihan pembangunan profesional, khususnya dalam bidang berkaitan dengan KBAT, pendekatan pedagogi dan pentaksiran baharu.



PROGRAMME FOR INTERNATIONAL STUDENT ASSESSMENT (PISA)

Programme for International Student Assessment (PISA) adalah satu program pentaksiran sedunia dan satu kajian perbandingan antarabangsa tajaan Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Malaysia menyertai kajian PISA kali pertama pada tahun 2010. PISA ditadbir setiap tiga tahun dan mengukur murid berumur 15 tahun dalam bidang literasi Matematik, Sains dan Bacaan.

Dalam PISA 2015, 72 buah negara dan hampir 540,000 orang murid mengambil bahagian dalam kajian yang menentukan tahap penguasaan dan literasi dalam Matematik, Sains dan Bacaan. Murid juga dinilai kebolehan menyelesaikan masalah secara kolaboratif. Dalam PISA 2015, Malaysia buat pertama kalinya telah mengambil bahagian dalam pentaksiran berasaskan komputer, satu anjakan yang mencabar daripada kaedah pentaksiran secara penulisan yang biasa.



Keputusan PISA 2015 diumumkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Dr Amin Senin di Putrajaya

Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang signifikan dalam pentaksiran PISA 2015. Pencapaian tersebut adalah seperti berikut:

- Literasi Matematik: 446 mata, lonjakan 25 mata daripada PISA 2012.
- Literasi Sains: 443 mata, penambahan sejumlah 23 mata daripada PISA 2012.
- Literasi Bacaan: 431 mata, lonjakan sejumlah 33 mata daripada PISA 2012.

Ekshibit 2-3: Skor PISA dan Kedudukan Mengikut Domain, 2009+, 2012, 2015

LITERASI SAINTIFIK



PURATA OECD
2009+ • 501
2012 • 501
2015 • 493

MALAYSIA
2009+ • 422
2012 • 420
2015 • 443




LITERASI BACAAN

PURATA OECD
2009+ • 494
2012 • 497
2015 • 493


MALAYSIA
2009+ • 414
2012 • 398
2015 • 431

LITERASI MATEMATIK



PURATA OECD
2009+ • 496
2012 • 494
2015 • 490

MALAYSIA
2009+ • 404
2012 • 421
2015 • 446



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPDP), 2016

Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan prestasi dalam PISA 2015 ialah penerapan KBAT merentas bidang. Dapatan daripada Tinjauan Murid menunjukkan lebih 80% murid telah menyatakan mereka sangat berminat

dalam bidang Sains. Murid merasa seronok belajar dan memperoleh pengetahuan baharu dalam Sains. Hampir 80% mengatakan mereka gemar membaca dan melakukan tugas yang berkaitan dengan Sains.

PROGRAM *INTERNATIONAL BACCALAUREATE (IB) MIDDLE YEARS PROGRAMME (MYP)*

Kementerian sentiasa menjalankan kerjasama dengan lain-lain agensi dalam usaha menerapkan amalan antarabangsa KBAT yang terbaik ke dalam kurikulum sekolah demi menyediakan murid untuk berdepan dengan cabaran abad ke-21. Matlamat *Middle Years Programme (MYP)* ialah menggalakkan murid menjadi pemikir yang kreatif dan kritis. MYP menawarkan satu kerangka kurikulum yang mensyaratkan murid belajar sekurang-kurangnya dua bahasa, kemanusiaan, sains, matematik, kesenian, pendidikan jasmani dan teknologi. Sebagai sebahagian daripada pentaksiran, murid disyaratkan mengambil satu projek secara bersendirinya pada tahun akhir untuk mempamerkan kemajuan kemahiran dan pemahaman mereka.

Pada tahun 2016, SMK Sungai Tapang, Sarawak, merupakan sekolah awam pertama dianugerahkan *the International Baccalaureate (IB) World School Authorisation* yang menawarkan *IB Middle Years Programme* di Malaysia. Pencapaian ini kemudiannya disusuli tujuh sekolah lain pada tahun 2016 (Ekshibit 2-4). Kementerian memperakui peranan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dalam memperkenalkan *the International Baccalaureate (IB) MYP* kepada sepuluh buah sekolah kerajaan di serata negara semenjak 2014.

Ekshibit 2-4: Sekolah yang Terlibat Dalam Program IB



- | | | | |
|----------|---|-----------|--|
| 1 | SMK Sg. Tapang Sarawak
18 April 2016 | 2 | Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak
23 April 2016 |
| 3 | SMK Sultanah Bahiyah, Kedah
23 Jun 2016 | 4 | SMK Putrajaya Presint 9 (2), WP Putrajaya
29 Jun 2016 |
| 5 | SMK Pantai, WP Labuan
23 Julai 2016 | 6 | SM Sains Tg Muhd Faris Petra, Kelantan
20 September 2016 |
| 7 | SMK Seri Tualang, Pahang
27 September 2016 | 8 | Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan
23 September 2016 |
| 9 | SMK Dato' Sheikh Ahmad, Perlis
Menunggu pengiktirafan pada tahun 2017 | 10 | SMKA Sheikh Abd Malek, Terengganu
Menunggu pengiktirafan pada tahun 2017 |

The International Baccalaureate Middle Years Programme (IBMYP)



Ekshibit 2-5: Kerangka Kurikulum *International Baccalaureate Middle Years Programme Curriculum Framework*

<http://www.ibo.org/programmes/middle-years-programme/curriculum/>
Sumber: © International Baccalaureate Organization 2013

Projek IB di Malaysia telah berupaya mengenal pasti empat orang perunding dalam negara (*In-country Consultants, ICC*) yang merupakan guru bersara warga asing dari sekolah IB untuk menjalankan bengkel secara bersemuka di sekolah bagi menyokong latihan dalam talian kepada guru. Perunding ICC juga menjalankan sesi bimbingan dan pementoran untuk kumpulan kepimpinan, penyelaras MYP sekolah dan guru.

Kementerian memperkenalkan IB MYP untuk membantu murid berkembang secara holistik dan secara signifikan menyumbang kepada ekonomi global selain menggalakkan kefahaman dan saling menghormati antara budaya yang berbeza. Program ini memberikan tumpuan kepada teknik pembelajaran secara inkuiri dan penyoalan, dan membina kemahiran berfikir aras tinggi (pemikiran kritis, pemikiran kreatif, penyelesaian masalah, kemahiran keusahawanan, kemahiran kolaborasi, refleksi, kesedaran global, dan keupayaan menyesuaikan diri) untuk menghubungkan kaitkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam bilik darjah dengan persekitaran dan kehidupan seharian.

Untuk memahami apa yang telah dipelajari oleh murid dan menyelia kemajuan mereka, guru menggunakan pelbagai strategi pentaksiran. Maklum balas yang kerap dari guru membolehkan murid memahami idea, meneroka inovasi dan membuat rumusan antara kedua-duanya dan dapat diaplikasikan dalam konteks baharu. Pendekatan unik IB MYP membolehkan murid mengambil bahagian dalam satu perspektif pendidikan antarabangsa, manakala guru dapat bekerja dengan jaringan antarabangsa pakar-pakar dalam bidang pendidikan untuk memudah cara pembelajaran yang akan menggalakkan pengalaman menyeluruh kepada murid. Kementerian berharap pengenalan IB MYP di sekolah-sekolah di Malaysia akan memacu agenda transformasi dalam mewujudkan sekolah cemerlang yang akan berkongsi strategi dan pendekatan dengan sekolah lain, dan melahirkan murid dengan identiti nasional yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.

**SMK Sungai Tapang
Menerima Pensijilan
International Baccalaureate**

SMK Sungai Tapang telah menjadi sekolah awam yang pertama dianugerahkan *the International Baccalaureate (IB) World School Authorisation, IB Middle Years Programme* di Malaysia. Dengan pensijilan tersebut, sekolah itu kini telah menyertai satu komuniti hampir 1,149 buah sekolah dari 101 buah negara yang menawarkan MYP kepada murid berumur 11 hingga 16 tahun.

En Bekon Jenet, Pengetua, SMK Sg Tapang, menjelaskan bahawa terdapat banyak kemajuan semenjak mereka bercadang mendapatkan pensijilan IB.

"IB MYP mempromosi pemahaman dan saling menghormati antara budaya dan membantu murid membina kemahiran intelektual, personal, emosi, dan sosial untuk hidup dalam dunia yang sentiasa berubah-ubah. Program ini menumpukan kepada pembelajaran berdasarkan inkuiri dan teknik penyoalan, dan keupayaan murid berfikir pada aras tinggi yang membolehkan mereka melihat perkaitan antara disiplin yang bebeza."



"Murid menjadi lebih proaktif, bersikap ingin tahu dan menjadi lebih terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran, malah kadar kedatangan menunjukkan kemajuan! Ia telah meningkat dari 95% ke 98% selepas pensijilan. Secara umumnya, murid merasa lebih teruja untuk berada di dalam kelas. Potensi mereka lebih mudah

dibangunkan."

"Guru juga didapati lebih teruja dalam pengajaran seharian mereka. Mereka menyediakan lebih banyak aktiviti, dan lebih berinteraksi dengan murid. Kaedah berlandaskan pemudahcaraan ini juga membolehkan mereka menjadi lebih rapat dan biasa dengan perangai dan gaya murid."

"Semangat kerja dalam kumpulan adalah kunci kepada kejayaan kita. Kesemua guru, staf, dan murid sedar akan objektif, dan memiliki kesepunyaan dalam setiap bidang. Yang pentingnya, kebajikan guru perlu ditangani. Sebagai pemimpin, kita perlu bersama-sama dengan mereka dalam semua program, banyak membaca dan menjadi titik rujukan, dan mengaplikasikan kaedah amalan terbaik di mana-mana saja yang anda termampu."

Majlis Penganugerahan Sijil Pengiktirafan kepada lapan sekolah yang menyertai IB World School Middle Years, 19 September 2016, SMK Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah



Menteri mendengar dan menilai kemampuan murid menerangkan dan menghuraikan kepentingan projek.




Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sedang mendapatkan maklum balas daripada murid yang terlibat dalam IB MYP



Murid menerangkan projek yang telah dibangunkan bagi memenuhi ciri-ciri subjek Reka Bentuk



MENGGALAKKAN PENDIDIKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)



“Wujud keperluan untuk kita memastikan generasi baharu kanak-kanak dan remaja mempunyai minat yang mendalam tentang pendidikan STEM supaya mereka mahu memilih STEM sebagai satu kerjaya ... Pelaburan dalam STEM adalah juga pelaburan untuk masa hadapan.”

Dato' Sri Najib Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia

Sumber: Bernama, 23 September 2014

Pendidikan STEM memainkan peranan kritikal dalam membangunkan murid Malaysia sebagai generasi masa depan dengan pemikiran inovatif dalam ekonomi global yang penuh saingan. Pendidikan STEM menyediakan satu landasan kepada Malaysia untuk menyediakan bekalan tenaga kerja yang berkemahiran dan berbakat ke arah pembangunan ekonomi yang lestari dan memenuhi permintaan dalam bidang-bidang berkenaan. Pendidikan STEM bermatlamat untuk mempersiapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran sepatutnya demi memenuhi kehendak cabaran yang mendesak dalam bidang sains dan teknologi.

Dalam Gelombang 1 PPPM, Kementerian telah berupaya membina kesedaran tentang kepentingan pendidikan STEM kepada guru

dan murid, antara lainnya, dengan membina satu pusat sumber untuk membangunkan kandungan STEM, menyediakan infrastruktur dan kemudahan STEM di sekolah, dan menggunakan pendekatan pengalaman sebenar dan lebih praktikal kepada pembelajaran STEM.

Dalam Gelombang 2 PPPM, matlamatnya ialah untuk mencetuskan minat murid dalam pendidikan STEM dan mempertingkatkan kemahiran pedagogi para guru dalam mata-mata pelajaran berkaitan. Beberapa program dan aktiviti telah dijalankan dalam tahun 2016 yang melibatkan perkara berikut:

Memoden dan Menaik Taraf Makmal Sains Sekolah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) telah menjalankan satu audit ke atas keadaan makmal sains di semua sekolah menengah dan telah membahagikan makmal kepada empat kategori: baik, memuaskan, lemah dan daif. Dapatan daripada audit menunjukkan 3,609 (29.4%) buah makmal memerlukan baik pulih segera, 513 (4.2%) daif, 3,096 (25.2%) dalam keadaan lemah, manakala 8,665 dikategorikan sebagai berfungsi penuh dan boleh menjalankan uji kaji sains (3,990 atau 32.5% dalam keadaan memuaskan dan 4,675 atau 38.1% dalam keadaan baik). Adalah sangat mustahak bahawa kesemua makmal sains berada dalam keadaan operasional dan diperlengkapi dengan radas sains yang secukupnya bagi membolehkan murid lebih memahami konsep saintifik dan memanfaatkannya semasa menjalankan uji kaji sains.

Mereka bentuk dan Menghasilkan Bahan dan Video

Kementerian telah berjaya mereka bentuk dan menerbitkan sebanyak 18 buah video interaktif

STEM yang mengandungi tajuk-tajuk Biologi, Fizik, ICT, Kimia, Lukisan Teknikal, Matematik, Matematik Tambahan dan Sains.

Sejumlah 15 orang Jurulatih Utama dan 60 orang guru sekolah menengah dilatih untuk membina video interaktif ini. Lapan daripada video interaktif STEM itu dihasilkan dengan tahap bermutu dan ditanda aras mengikut standard antarabangsa. Latihan disediakan oleh pegawai dan guru yang dilatih di Univeriti Teknologi Malaysia dan *Massachusetts Institute of Technology*, Amerika Syarikat, di bawah projek *Blended Learning Open Source Science and Mathematics Studies* (BLOSSOMS).

Hasil daripada projek video interaktif, guru STEM berupaya memperkukuh kemahiran berfikiran kritis dan pengetahuan kandungan mereka dengan menyepadukan ICT untuk menghasilkan video; menggunakan video tersebut untuk memperkukuh pendekatan pedagogi mereka yang menepati keperluan pembelajaran abad ke-21, manakala minat serta sikap ingin tahu murid pada mata-mata pelajaran STEM dapat dibangkitkan, dan kekeliruan dielakkan dengan menggunakan video dalam proses pembelajaran mereka.

Aktiviti membina Video Interaktif STEM



Pembinaan papan cerita video



Murid beraksi untuk video




Penggambaran video di dalam makmal sains

Meningkatkan Keupayaan Guru Sains dan Pembantu Makmal

Selari dengan pengenalan semula peperiksaan praktikal sains pada peringkat SPM pada tahun 2018, Kementerian telah mempergiatkan latihan kepada 6,000 orang guru sains sekolah menengah mengenai pendekatan baharu dalam mengendalikan amalisains. Sejumlah 2,681 orang guru telah menduduki Penilaian Kemahiran Kompetensi STEM. Keputusan menunjukkan 24

(0.9%) orang guru memperoleh Aras 4 (aras kompetensi tertinggi); 1,299 (48.5%) di Aras 3; 1,246 (46.5%) memperoleh Aras 2, manakala 112 (4.2%) orang guru memperoleh Aras 1 (aras terendah). Di samping menyediakan latihan kepada guru, 5,000 orang pembantu makmal dari seluruh negara telah dilatih untuk membantu guru dalam persediaan uji kaji sains, penyimpanan selamat radas sains, dan penjagaan keselamatan murid semasa uji kaji sains secara menyeluruh.



STEM Skill

Aras 4 (Skor 25-32)
Berupaya mengintegrasikan kandungan penilaian STEM secara eksplisit dalam konteks kejuruteraan dan melibatkan pemikiran reka bentuk atau kreativiti saintifik dalam pengajaran

Aras 3 (Skor 17-24)
Berupaya menganalisis atau menilai kandungan apabila mengintegrasikan kandungan STEM, tetapi tidak mempunyai elemen reka bentuk atau saintifik kreativiti

Aras 2 (Skor 9-16)
Berupaya memahami atau mengaplikasikan kandungan yang telah dipelajari mengikut segmen bagi mata-mata pelajaran seperti Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik

Aras 1 (Skor 0-8)
Berupaya mengetahui atau memahami kandungan segmen yang dipelajari dalam mata-mata pelajaran Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik

Diskripsi Penilaian Kemahiran Kompetensi STEM

Mengendalikan Pemeriksaan Bertema untuk Pendidikan STEM di Sekolah Menengah

Sejumlah 129 orang pegawai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dalam bidang Matematik, Sains, dan Teknikal dan Vokasional telah menjalankan pemeriksaan ke atas 83 buah sekolah menengah (42 buah sekolah kawasan bandar dan 41 buah sekolah luar bandar) untuk menilai tahap pelaksanaan pendidikan STEM. Kumpulan nazir ini juga menyelia 417 pengajaran dalam mata-mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Biologi, Fizik, Kimia, ICT, Lukisan Teknikal, Teknologi Kejuruteraan dan Sains Pertanian.

Pemeriksaan menumpukan kepada dua bidang utama iaitu pengurusan pendidikan STEM yang melibatkan akauntabiliti sekolah, minat murid, keupayaan guru, pengurusan makmal sains, bengkel sekolah, dan studio sekolah. Bidang kedua utama melibatkan pengajaran dan pembelajaran mata-mata pelajaran STEM, termasuklah pemerhatian ke atas proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, penggunaan bahan bantuan mengajar yang berkaitan dengan STEM,

penyerapan kemahiran dan nilai pembelajaran abad ke-21, dan keupayaan guru menghubungkan kait pembelajaran murid semasa di bilik darjah dengan kehidupan seharian mereka.

Dapatan daripada pemeriksaan menunjukkan pemimpin sekolah telah bersedia dan berupaya melaksanakan pendidikan STEM dengan berkesan. Guru juga kompeten dan berupaya mengajar mata-mata pelajaran STEM secara berkesan. Tambahan pula, pelbagai kemahiran pedagogi dan pendekatan diguna dengan jayanya untuk meningkatkan minat murid kepada pendidikan STEM.

Membina Format Instrumen Pentaksiran untuk Peperiksaan Pusat Amali Sains SPM pada Tahun 2018

Aktiviti bagi pembinaan Format Instrumen Pentaksiran termasuk membina dan mereka bentuk konsep baharu pentaksiran untuk amali sains serta menyediakan instrumen sampel bagi mata-mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik Tambahan. Selain itu, maklumat juga disalurkan ke sekolah dan pihak awam mengenai format Amali Sains SPM 2018.

School Lab Malaysia 2016: Mencetus Minat dalam Pendidikan STEM



**MINISTRY OF
EDUCATION
MALAYSIA**

In support of:



School Lab Malaysia 2016 merupakan satu pertandingan komunikasi sains yang diadakan untuk menggalakkan pendidikan STEM dalam kalangan murid sekolah menengah di bawah kawal selia Kementerian Pendidikan Malaysia. *School Lab* bertujuan untuk membantu murid memahami dan menghargai cabaran dunia sains, membina kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta meningkatkan keyakinan dan kemahiran yang diperlukan dalam membentangkan dan menunjuk cara kefahaman mereka mengenai konsep sains.

Pertandingan yang julung kali diadakan ini merupakan kerjasama antara *British Council Malaysia*, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan *the Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MiGHT). Sebanyak 162 buah pasukan telah menghantar video bagi pertandingan ini. Selepas proses pemilihan yang

ketat, lima pasukan telah disenarai pendek untuk membentangkan secara langsung video mereka dalam pertandingan akhir yang diadakan pada 23 April 2016 iaitu pasukan *Psycho Science*, SMK Agama Tun Datu Mustapha (Papar, Sabah), *The Ingenious*, Sekolah Tinggi Kluang (Kluang, Johor), *St Teresa 1*, SMK St Teresa (Kuching, Sarawak), N7T, SMK SANZAC (Kota Kinabalu, Sabah), dan *Speed C*, SMK Taman Desa (Kuala Lumpur).

Bagi persediaan pertandingan akhir ini, kelima-lima pasukan teratas ini telah menghadiri Bengkel Komunikasi Sains yang dikendalikan oleh pengacara BBC, Dallas Campbell dan menerima pementoran daripada alumni *FameLab 2015*. Pasukan N7T daripada SMK SANZAC, Kota Kinabalu, Sabah telah berjaya muncul sebagai juara dalam Pertandingan *the School Lab Malaysia 2016*.



Juara 2016 School Lab Kebangsaan - N7T daripada SMK SANZAC, SABAH

Perkongsian pengalaman dengan pelawat di reruai pameran



“Menjadi salah satu pasukan dalam pertandingan akhir School Lab 2016 adalah satu peluang yang amat baik kerana saya dapat menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh pihak British Council. Saya seronok melakukan tugas dalam sesi bengkel yang dikendalikan oleh En. Dallas Campbell selain kami perlu membuat pembentangan dalam masa yang singkat. Saya tidak pernah menduga komunikasi mengenai Sains boleh menjadi suatu yang sangat tenang dan menyeronokkan! Daripada pengalaman yang diperolehi melalui bengkel dan penyertaan saya dalam School Lab 2016, saya telah dapat mengukuhkan kebolehan komunikasi dalam Sains dalam Bahasa Inggeris. Saya juga telah dapat memperluas jaringan saya melalui kerjasama dengan peserta lain daripada negeri lain semasa latihan.”

Nur Dania binti Adnan

“Saya sebenarnya tidak menyangka kumpulan kami akan dapat memasuki pertandingan akhir dan kemudiannya muncul sebagai juara! Semasa penghantaran video pertama, kami hanya menggunakan alatan mudah dan selepas hanya lima kali penggambaran. Saya sangat teruja apabila kawan-kawan dan rakan sekolah bersama-sama membantu menyediakan alatan dan secara sukarela menjadi penonton kami semasa sesi latihan. Mereka memberitahu mereka suka belajar konsep sains melalui kaedah yang dibuat kerana ianya menarik dan membuat mereka terpegun. Daripada maklum balas mereka, saya kini faham kepentingan komunikasi sains untuk menarik minat lebih ramai murid menghayati sains dalam kehidupan mereka. Saya sangat teruja untuk menggalakkan kawan-kawan yang lebih muda daripada saya mengambil bahagian dalam School Lab pada tahun hadapan!”

Nur Fathiha binti Osman

“Saya membina keyakinan saya dalam komunikasi apabila saya berkongsi berita terkini mengenai sains dengan kawan-kawan di sekolah. Saya juga dapat berkongsi minat saya dalam seni apabila saya dan kawan-kawan menyediakan alatan untuk pertandingan akhir SchoolLab di kawasan sekolah. Apabila saya kenangkan kembali, penyertaan saya dalam School Lab 2016 telah membolehkan saya memperkukuh minda saya yang kreatif dan inovatif semasa penyediaan jalan cerita. Kami mesti memikirkan cara untuk membuat penonton terpaku semasa persembahan kami. Daripada pengalaman tersebut, kami dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang telah dikutip dalam pertandingan ini dengan kawan-kawan.”

Nur Muzhirah binti Jalalemping

Mengasuh Pemimpin Kreatif dan Inovatif STEM Masa Hadapan



(Dakshaynie a/p Maniaruse - kuasa penggerak kumpulan)

Saya masih ingat hari pertama saya bersua dengan Dakshaynie. Dia datang ke bengkel robotik kami di sekolah, merayu supaya diambil menjadi ahli kumpulan. Tanpa mengendahkan beliau, saya hanya membiarkan dia dengan Phyton on Codecademy, satu platform pengekodan dalam talian. Minggu berikutnya dia datang semula dan menunjukkan kerjanya mengenai JavaScript – yang sama sekali tidak dijangkakan. Dia telah menunjukkan sesuatu yang bukan kebiasaan pada saya dan yang lebih rumit dari ‘bahasa’ yang saya paksa dia pelajari terdahulu, iaitu Phyton. Dakshaynie hanya berusia 13 tahun pada ketika itu.

Sejak itu, saya berazam bekerja dengan Dakshaynie dalam pelbagai projek baik di dalam, mahupun di luar sekolah, dari Young Innovate Competition hingga ke Career Talk, kedua-dua projek dianjurkan oleh Kelab Rotaract tempatan. Dakshaynie telah memberikan usaha kental dalam semua projek demi menjamin kejayaannya, sentiasa meletakkan dirinya mengharapkan sesuatu yang lebih, dan enggan menyerah apabila berhadapan kegagalan. Sahsiahnya berkembang daripada seorang budak perempuan yang pemalu yang akan mencemoi dirinya sendiri atas kesalahan kecil, kepada seorang budak perempuan yang penuh yakin akan dirinya untuk berucap dalam dewan yang penuh dengan orang dewasa profesional apabila dia mengetengahkan projeknya. Sejajurnya, saya ingatkan dia akan

menyerah kalah dek kerana soalan-soalan yang datang bertalu-talu yang ditujukan kepadanya secara langsung daripada panel hakim. Dia telah memadamkan kebimbangan saya.

Dakshaynie telah muncul antara sepuluh orang murid terbaik antara 33 orang peserta muda dan merupakan antara pemenang di Malaysia dalam pertandingan #mydigitalmaker Global Exchange 2016 (gerakan #mydigitalmaker ialah satu inisiatif untuk membangunkan pembina digital. Gerakan ini, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan sokongan sektor swasta dan akademik, akan mendedahkan belia Malaysia kepada aspek kreatif dan inovatif teknologi digital.)

Apabila Dakshaynie terpilih sebagai peserta Digital Maker Global Xchange (DMGX), satu program STEM antarabangsa, dia telah menelefon saya dan menjerit dengan kegembiraan. Ibunya, walau bagaimanapun, tidak berapa gembira dengan komitmen itu kerana PT3 semakin hampir – keluarganya memberikan tumpuan besar atas kecemerlangan akademik. Saya bersama-sama guru-guru, dan juga penyelaras DMGX dari MDeC, memberi jaminan kepada ibunya bahawa Dakshaynie mempunyai potensi besar untuk cemerlang. Ketidakhadiran dalam program ini akan mengekang potensi Dakshaynie dan merugikan diri beliau dengan pengetahuan yang dimilikinya. Ibu Dakshaynie akhirnya bersetuju dan menjadi penyokong kuat beliau.

Sekarang Dakshaynie telah berjaya mendapat peluang seumur hidup untuk mengunjungi Lembah Silikon dan mengetahui bagaimana rupa bentuk masa hadapannya, sudah tentunya dia akan menjadi harapan utama dan inspirasi dalam keluarga ibu tunggalnya. Kekurangan tidur pada malam-malam sebelumnya yang dihabiskan dengan menyempurnakan kod-kod dan prototaip robotik kini terbukti suatu pengorbanan yang berbaloi.

En. Chong Zhi Xiong

Guru,
SMK Puchong Batu 14, Selangor





MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DWIBAHASA DALAM KALANGAN MURID

Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS)

Penguasaan kemahiran asas dalam literasi dan numerasi pada peringkat awal bagi Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) akan membantu dalam pembelajaran murid serta memperbaiki pencapaian akademik mereka sepanjang pendidikan formal. Saringan Literasi dan Numerasi (*Literacy and Numeracy Screening*, LINUS) adalah program intervensi yang disasarkan bagi murid sekolah rendah Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) yang belum memperoleh kemahiran asas literasi (membaca dan menulis) dan numerasi (mengira).

Berikutan kejayaan pelaksanaan LINUS1.0 (2010-2012), yang terdiri daripada BM (literasi) dan Matematik (numerasi), LINUS2.0 diperkenalkan pada tahun 2013 sebagai peluasan program

sedia ada untuk membasmi masalah literasi bahasa Inggeris dalam kalangan murid Tahap 1 sekolah rendah. Langkah ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri utama untuk Anjakan 2 dalam PPPM yang bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mahir dalam kedua-dua bahasa. LINUS2.0 kini ditambah dengan literasi BI. Hasrat Kementerian melalui Program LINUS, murid akan membuat peralihan yang lancar ke Tahun 4 dengan landasan yang kukuh dalam kemahiran literasi dan numerasi asas.


Pada tahun 2016, 98.6% murid Tahun 3 mencapai literasi BM, 99.0% dalam literasi BI dan 94.7% dalam Numerasi seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-6. Murid yang tidak menguasai asas dalam literasi dan numerasi akan menjalani program intervensi lanjutan termasuklah mengikuti kelas pemulihan pada tahun berikutnya.

Ekshibit 2-6: Tahap Pencapaian dalam Saringan LINUS2.0, 2016

Komponen LINUS2.0	Tahun	Jumlah Murid	Saringan Pertama (%)		Saringan Kedua (%)	
			Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Literasi Bahasa Melayu	3	436,087	100	94.8	100	98.6
Numerasi	3	436,087	100	96.4	100	99.0
Literasi Bahasa Inggeris	3	436,087	90	86.4	95	94.8

Sumber : Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

Ekshibit 2-7: Pencapaian Kohort yang Sama dalam LINUS, 2014-2016



Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (BPK)

Berdasarkan data di Ekshibit 2-7, pada akhir tahun 2016, murid daripada kohort yang sama yang telah menjalani pelbagai proses saringan dari Tahun 1 hingga Tahun 3 telah meningkat dengan ketara dalam literasi dan numerasi BM dan BI. Murid yang tidak mencapai literasi dan numerasi asas akan menjalani program intervensi, termasuk menjalani kelas pemulihan dalam tahun persekolahan berikutnya. Penguasaan yang baik dalam literasi dan numerasi akan meningkatkan kesediaan murid dalam menghadapi Tahap 2 pendidikan rendah mereka.

Pada tahun 2016, sokongan untuk murid dan guru dalam program LINUS2.0 bagi meningkatkan tahap literasi dan numerasi seperti yang disasarkan adalah:

Membangunkan Bahan dan Sumber LINUS

Untuk mengenal pasti tahap asas literasi dan numerasi murid, salah satu aktiviti utama di bawah LINUS ialah menyediakan instrumen untuk dua penyaringan bagi 1,320,000 orang murid Tahap 1. Di samping itu, modul pengajaran dan pembelajaran LINUS2.0 telah dibangunkan dan diedarkan kepada semua sekolah rendah di seluruh negara. Bagi murid yang tidak memenuhi tahap literasi dan numerasi asas yang diperlukan selepas disaring, peralatan pengajaran dan pembelajaran untuk kelas pemulihan disediakan untuk membantu memperbaiki kemahiran mereka.

Mempertingkatkan Keupayaan dalam Kalangan Guru

Kejayaan LINUS bergantung kepada keupayaan guru untuk memudah cara pembelajaran dan penguasaan literasi asas dan numerasi dalam kalangan murid yang baharu saja memulakan persekolahan secara formal. Pelbagai latihan disasarkan kepada kumpulan guru yang berbeza dan mereka yang berkaitan dengan pendidikan rendah. Latihan adalah seperti berikut:

- Latihan mengenai pedagogi untuk 981 orang FasiLINUS (BM, BI dan Numerasi).
- Latihan untuk 7,766 orang guru Bahasa Inggeris dan 327 orang FasiLINUS untuk Bahasa Inggeris.
- Latihan untuk 800 orang guru pemulihan, 284 orang pegawai FasiLINUS dan JPN untuk pengajaran pemulihan.
- Latihan untuk 426 orang FasiLINUS dalam perkhidmatan.
- Latihan untuk pedagogi pemulihan bagi guru Bahasa Inggeris Tahun 4 di sekolah berprestasi rendah.
- Latihan pengenalan Program LINUS2.0 (BM, BI, Numerasi dan Pemulihan) kepada 108 orang pensyarah di 27 buah Institut Pendidikan Guru (IPG).


Memperkasakan Pelaksanaan LINUS pada Peringkat Sekolah dan Daerah

Kementerian berhasrat agar semua murid Tahap 1 sekolah rendah, boleh membaca, menulis dan mengira dalam BM dan BI. Oleh itu, Kementerian mengamalkan pendekatan holistik dalam melaksanakan LINUS. Sebanyak 300 orang pemimpin sekolah di sekolah berprestasi rendah dilatih dalam Pengurusan dan Intervensi LINUS2.0. Program khidmat masyarakat juga dijalankan kepada 5,175 murid Tahun 3 yang tidak mencapai kelayakan minimum selepas proses saringan kedua. Dialog intervensi telah diadakan dengan PPD berkaitan pencapaian rendah dalam LINUS untuk membantu mereka dalam membangunkan intervensi yang lebih baik. Untuk memastikan sekolah mematuhi prosedur pemeriksaan dan hasil LINUS mencerminkan pencapaian murid yang sebenar, satu siri pemeriksaan khas dilakukan di 300 buah sekolah rendah di seluruh negara.



PROGRAM LINUS2.0: Penyuluh Harapan Untuk Murid Yang Lewat Perkembangannya

SK Sungai Judah merupakan sebuah sekolah Orang Asli berenrolmen rendah yang terletak di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. Penguasaan kemahiran 3M merupakan satu cabaran besar kepada murid Orang Asli. Pengenalan program LINUS sejak tahun 2013 telah membolehkan guru mereka bentuk intervensi yang lebih baik untuk meningkatkan kadar literasi dan numerasi di sekolah tersebut.



Pn. Priyatharisini a/p Jeyabalan, seorang guru Bahasa Inggeris, telah terlibat dalam pelaksanaan LINUS2.0. Beliau memahami kepentingan LINUS dan menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan yang dicadangkan oleh FasiLINUS untuk memudah cara dan membantu murid dalam bilik darjah.

“Pada pandangan saya, pelaksanaan LINUS membantu para guru mengenal pasti murid yang lemah dan sedang berhadapan dengan masalah untuk membaca, menulis dan mengira. LINUS memberikan peluang kepada guru untuk mencari kaedah baharu dan penyelesaian yang terbaik untuk meningkatkan kualiti pemyampaian pengajaran dan pembelajaran.”

Pn. Priyatharisini mencadangkan, “LINUS perlu memberikan fokus kepada gerak kerja kumpulan berdasarkan kebolehan murid. Lebih banyak alat bantu mengajar perlu disediakan kepada guru Bahasa Inggeris, terutamanya bagi kelas pemulihan, untuk memastikan murid dapat menguasai konstruk dalam literasi Bahasa Inggeris dengan berkesan.”

Bagi memastikan murid Orang Asli menguasai 3M, semua pihak berkepentingan harus menyumbang kepada kejayaan pelaksanaannya. Sekolah perlu menyusun jadual waktu yang sesuai untuk kelas LINUS, guru perlu menggembelng tenaga untuk menyediakan alat bantu mengajar yang sesuai dan berkesan selain para guru lain juga membantu dalam proses bimbingan untuk murid.

Puan Priyatharisini A/P Jeyabalan

Guru,
SK Sungai Judah (Asli), Kuala Langat, Selangor



SJKT Sungai Sedu, Kuala Langat Selangor juga merupakan sebuah lagi sekolah berenrolmen rendah. Pn. Punitha a/p Sinnaraju, guru pemulihan BM dan Matematik, mengakui kepentingan Program LINUS.

“LINUS2.0 menumpukan kepada penguasaan dalam dua kemahiran asas – membaca dan menulis. LINUS2.0 ialah suatu program yang berfaedah kerana murid boleh belajar membaca dan menulis dalam tempoh yang lebih cepat.”

“Program ini memberikan lebih fokus kepada murid secara individu tanpa mengabaikan pencapaian pembelajaran mereka. Murid yang belum menguasai 3M menerima lebih perhatian daripada para guru yang menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan untuk memastikan penguasaan dalam 3M.”

Pn. Punitha mencadangkan supaya kaedah Mari Belajar Bersama iaitu belajar secara berpasangan antara murid yang menguasai dan tidak menguasai dipraktikkan dengan bimbingan guru secara berkala selain bahan pembelajaran yang bersesuaian. Aktiviti Bacaan Bergred juga adalah baik untuk membolehkan murid menguasai bacaan dengan lancar dalam tempoh masa yang singkat.

Puan Punitha A/P Sinnaraju

Guru Pemulihan BM/Matematik,
SJKT Sungai Sedu, Kuala Langat, Selangor



Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris

Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) diperkenalkan pada tahun 2009 untuk meningkatkan status bahasa kebangsaan dan meningkatkan kecekapan penguasaan BM dan BI dalam kalangan murid. Salah satu daripada Enam Aspirasi Murid dalam PPPM adalah kecekapan penguasaan dwibahasa dalam BM dan BI. Penguasaan bahasa tambahan sangat digalakkan kerana ia akan memperkaya kehidupan murid dan kebolehpasaran kerjaya mereka.

Inisiatif Bahasa Melayu

Mata pelajaran BM secara konsisten merupakan mata pelajaran dengan kadar lulus tertinggi berbanding semua mata pelajaran teras lain dalam UPSR dan SPM. Pencapaian murid dalam BM masih perlu diperbaiki pada masa akan datang untuk mencapai aspirasi yang ditetapkan dalam PPPM dalam memastikan bahawa 90% murid mencapai sekurang-kurangnya Kredit dalam BM pada peringkat SPM menjelang tahun 2025. Pada masa ini, 72.2% murid memperoleh Kredit dalam BM untuk SPM 2016. Kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mencapai sasaran yang dihasratkan seperti berikut:

Meningkatkan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu

Pada tahun 2016, Kementerian menjalankan dua kursus untuk membantu meningkatkan kecekapan BM dalam kalangan guru opsyen dan bukan opsyen. Kursus untuk meningkatkan profesionalisme guru BM disasarkan kepada guru BM yang memperoleh Tahap 5 dalam Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) yang dijalankan pada tahun 2015. Kursus ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa Pertama latihan terdiri daripada enam modul dalam talian dan sesi bersemuka. Modul dalam talian memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran abad ke-21; teknik dan pendekatan ke arah pengajaran dan pembelajaran; Kemahiran berfikir aras tinggi; pembelajaran yang menyeronokkan; tatabahasa; dan aplikasi teknologi sesawang. Sejumlah 1,938 orang guru BM menyertai kursus dalam talian, manakala 3,378 orang guru menghadiri sesi bersemuka. Analisis mengenai hasil kursus menunjukkan pemahaman yang lebih baik dan peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru berkaitan pengajaran dan pembelajaran BM pada abad ke-21 berbanding sebelum mengikuti kursus.

Kajian Fasa Kedua latihan dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM). Peserta terdiri daripada 90 orang guru bukan opsyen BM dan mod latihan adalah sesi bersemuka lima hari. Lima modul digunakan dalam latihan, termasuk topik-topik berikut: tatabahasa, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Semua peserta dikehendaki menjalani UKBM pada akhir latihan. Keputusan ujian UKBM menunjukkan hanya empat orang guru bukan opsyen (4.4%) mencapai Tahap 7, 73 orang guru (81.1%) mencapai Tahap 6, manakala 13 orang guru (14.4%) berjaya mencapai Tahap 5 iaitu hampir mahir dalam mengajar BM (Ekshibit 2-8). Lebih banyak sokongan dan bimbingan akan diberikan kepada guru bukan opsyen Tahap 5 UKBM untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran pedagogi mereka dalam mengajar mata pelajaran untuk mengelakkan kesan buruk terhadap pembelajaran murid.

Ekshibit 2-8: Tahap Kecekapan Bahasa Melayu Guru Bukan Opsyen, 2016



UJIAN KECEKAPAN BAHASA MELAYU (UKBM) TAHAP KEMAHIRAN

TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4	TAHAP 5	TAHAP 6	TAHAP 7	TAHAP 8
Definisi Sangat Terhad	Definisi Terhad	Definisi Agak Terhad	Definisi Mencukupi	Definisi Agak Mahir	Definisi Mahir	Definisi Lebih Mahir	Definisi Sangat Mahir
Bilangan Guru	Bilangan Guru	Bilangan Guru	Bilangan Guru	Bilangan Guru	Bilangan Guru	Bilangan Guru	Bilangan Guru
0	0	0	0	13	73	4	0

Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Makmal Bahasa Melayu

Untuk terus meningkatkan penguasaan dalam BM, bermula Gelombang 2, Kementerian melaksanakan pelan awal yang direka bentuk pada tahun 2015 di bawah dasar MBMMBI iaitu Program Menyemarakkan Inisiatif Memartabatkan Bahasa Melayu. Dalam Gelombang 2, rancangan ini memberi fokus kepada penekanan yang lebih besar untuk meningkatkan pemerolehan dan penggunaan BM dalam kalangan murid. Salah satu aktiviti di bawah program ini adalah untuk menghasilkan Pelan Strategik Meningkatkan Bahasa Melayu (PSMBM).

Sebuah makmal BM dianjurkan pada tahun 2016 untuk membangunkan pelan tindakan untuk semua sembilan strategi yang dirumuskan di bawah PSMBM. Makmal ini dijalankan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Cyberjaya dalam dua fasa: Fasa I (4-15 April) dan Fasa II (9-20 Mei). Dua matlamat utama makmal BM adalah untuk membangunkan strategi bagi

mempercepatkan pemerolehan dan kecekapan BM pada semua peringkat pendidikan, dan untuk memperjelaskan sembilan strategi utama PSMBM sejajar dengan aspirasi PPPM. Pelan strategik jangka panjang untuk BM juga dibangunkan untuk memastikan 90% murid mencapai sekurang-kurangnya Kredit untuk kertas SPM BM pada tahun 2025.

Skop Makmal BM adalah menyusun semula inisiatif dan program BM yang sedia ada dan mencadangkan program baharu untuk meningkatkan kecekapan berbahasa. Makmal ini telah membincangkan usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan kandungan dan kemahiran mengajar, terutamanya, untuk guru bukan opsyen BM. Makmal ini juga memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan minat murid dalam pembelajaran dan penggunaan BM dan juga untuk meningkatkan fungsi BM sebagai bahasa perpaduan dan integrasi nasional.



Ekshibit 2-9: Makmal Bahasa Melayu 2016 : Lima Bidang Keutamaan dan 14 Aktiviti Utama

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)
• alat untuk mengukur kecekapan dan penggunaan BM

Perkukuhan Pendidikan Bahasa Melayu

Peningkatan Profesionalisme Pengajaran BM

Penyelidikan, Inovasi dan Hubungan Luar

Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025

Aktiviti	Aktiviti	Aktiviti	Aktiviti	Aktiviti
Membangunkan: i. KSBM ii. Manual KSBM iii. Instrumen KSBM	i. Memperkukuhkan strategi pengajaran strategi Lisan BM dalam semua jenis sekolah ii. Memantapkan Ujian Lisan BM (ULBM) pada peringkat rendah dan menengah iii. Membangunkan format penilaian baharu untuk kertas SPM BM iv. Menjenamakan semula Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) di sekolah menengah v. Membangunkan Ujian BM untuk menilai tahap kemahiran murid sebagai kelayakan masuk pada peringkat tertiar vi. Membangunkan sarana untuk Program Interaktif Kemahiran BM (PIKeBM)	i. Memilih guru BM dengan Kredit dalam Sastera Melayu untuk mengajar subjek KMK ii. Membangunkan Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru dan Pensyarah BM iii. Mewujudkan pusat kecemerlangan BM <ul style="list-style-type: none"> • Mengubah IPGKBM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bahasa Melayu • Mewujudkan Lembaga Pengiktirafan Pendidikan BM, (LPPBM) 	i. Meningkatkan peranan dan fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai pihak yang bertanggungjawab menjaga kedaulatan BM dalam: <ul style="list-style-type: none"> • mempromosikan penyelidikan dan inovasi mengenai BM dan Kesusasteraan Melayu • menjadi agensi tunggal yang bertanggungjawab untuk memberi kuasa dan memberi akreditasi MUNSUYI untuk Bahasa Melayu, Kesusasteraan dan Budaya Melayu ii. Menggalakkan BM sebagai bahasa ekonomi dan perdagangan	i. Merancang dan membangunkan hala tuju strategik dan pelan tindakan program dan aktiviti untuk meningkatkan pendidikan BM daripada sekolah rendah ke pendidikan menengah

Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)



Timbalan Menteri Pendidikan 1, YB Dato' P. Kamalanathan merasmikan Majlis Pembukaan Makmal BM 2016.



Peserta menyumbang idea dalam kumpulan.


Inisiatif Bahasa Inggeris

Kementerian telah membuat pelaburan yang besar untuk mengukuhkan kemahiran BI dalam kalangan murid dan meningkatkan kemahiran pedagogi guru BI. Usaha untuk memperkukuhkan penguasaan dalam BI tertumpu kepada pentaksiran, latihan guru dan lebih pendedahan kepada murid dalam penggunaan bahasa.

Pencapaian dalam Peperiksaan Bahasa Inggeris, UPSR tahun 2016

Bermula tahun 2016, kertas Bahasa Inggeris bagi peperiksaan UPSR Tahun 6 telah dipisahkan kepada dua kertas untuk menilai kefahaman dan kebolehan murid menulis dalam BI. Kertas Pemahaman dan Penulisan diberi gred berbeza berbanding kertas Bahasa Inggeris UPSR tahun-tahun sebelumnya yang telah menggredkan kedua-dua komponen sebagai satu mata penggredan. Perubahan dalam format kertas Bahasa Inggeris UPSR telah direka bentuk untuk meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa tersebut. Guru akan lebih berupaya menilai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta menyediakan intervensi khusus semasa penilaian sumatif dan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dengan lebih baik. Keputusan awal kertas Bahasa Inggeris UPSR 2016 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila kadar kelulusan purata meningkat bagi kertas Pemahaman dari 75.7% pada tahun 2015 kepada 83.8% pada 2016. Kadar kelulusan purata kebangsaan bagi kertas Penulisan adalah pada kadar 77.4% seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-10 :

Ekshibit 2-10: Pencapaian Kertas Bahasa Inggeris UPSR 2016 : Komponen Pemahaman dan Penulisan



Sumber: Lembaga Peperiksaan, (LP)

Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris (ProELT)

Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris (*Professional Upskilling of English Language Teachers, ProELT*) adalah satu model latihan bersepadu yang menggabungkan interaksi bersemuka dan modul pembelajaran maya. Pada tahun 2016, ProELT telah menerima pengambilan Kohort 4 sejak penubuhannya pada 2012. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan guru BI yang tidak mencapai tahap minimum Band C1 untuk *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*.

Sejak tahun 2012, sejumlah 16,000 orang guru BI telah dilatih. Bilangan ini termasuk 500 orang guru Kohort 4 pada tahun 2016. Enam orang pensyarah daripada *English Language Teaching Centre (ELTC)* telah ditugaskan untuk melatih guru Kohort 4 yang dibahagikan kepada 20 kumpulan. Untuk memaksimumkan hasil latihan Kohort 4, modul latihan yang sebelumnya telah ditambah baik. Pada akhir setiap sesi latihan, guru menduduki Ujian Aptis untuk menentukan hasil pencapaian latihan. Ujian Aptis adalah ujian kecekapan yang ditadbir di awal dan di akhir program latihan untuk mengukur peningkatan guru dalam empat kemahiran berbahasa; membaca, menulis, bertutur dan mendengar.

Kesimpulannya, keputusan ujian Aptis bagi Kohort 4 adalah amat menggalakkan kerana guru telah mencapai prestasi yang baik sepertimana kohort sebelumnya. Hasil dapatan menunjukkan 85% guru mencapai Band B1, manakala 43% daripada guru yang mencapai Band B2 dapat meningkatkan tahap dalam kecekapan berbahasa. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa kualiti latihan yang disediakan oleh pensyarah ELTC Kohort 4 adalah setanding dengan kualiti pensyarah luar yang merupakan penutur jati dalam Kohort 1, 2 dan 3.

ELTC juga telah membangunkan *ProELT Refresher Course* pada tahun 2016 untuk membantu guru daripada kohort sebelumnya memperbaiki tahap penguasaan berbahasa untuk mencapai sekurang-kurangnya Band C. Seramai 30 orang guru mendaftar untuk kursus ini dan telah menduduki Ujian Aptis. Keputusan menunjukkan bahawa dua orang guru mencapai Band C2 CEFR dan 15 orang guru mencapai Band C1. Usaha berterusan sedang dijalankan oleh ELTC untuk membimbing guru yang belum mencapai tahap minimum Band C1 CEFR.

Maklumat Berkaitan ProELT Refresher Course

- Permohonan kursus dijalankan secara dalam talian
- Guru dikehendaki melengkapkan tugas secara dalam talian sebelum mendaftar untuk Ujian Aptis
- Tugas dalam talian berdasarkan format Ujian Aptis
- Tugas dimoderasi oleh jurulatih yang terlibat di dalam latihan ProELT
- Bimbingan diberikan kepada peserta, jika perlu



Meningkatkan Kemahiran Berbahasa dalam Kalangan Guru melalui ProELT

Kursus *Professional Upskilling of English Language Teachers* (ProELT) telah berjaya dijalankan dari Februari hingga April 2016. Sepanjang tempoh tersebut, peserta yang terdiri daripada guru baharu dan guru kanan didedahkan kepada pelbagai aktiviti bahasa yang telah dirancang secara teliti dan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan khusus para guru. Jurulatih daripada ELTC telah menunjukkan usaha yang luar biasa sepanjang program. Mereka telah menunjukkan sikap yang positif dan secara berterusan membantu para guru dengan memberikan maklum balas yang membina.

ProELT membolehkan guru melaksanakan interaksi secara perbualan, sekali gus membantu dalam memperkayakan suasana pembelajaran. Kursus ini menyediakan ruang bagi kedua-dua guru baharu dan guru kanan untuk berbincang dan berkongsi kerja mereka seterusnya memberikan maklum balas secara interaktif.

“Saya secara peribadi telah menambahkan pengetahuan saya dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, saya sangat mengesyorkan agar ProELT diteruskan kerana saya yakin bahawa melalui kursus ini, guru-guru akan dilengkapi dengan alat yang diperlukan dalam menjalankan tugas harian di bilik darjah.”

Balvir Kaur

Guru,
SMK USJ 4, Selangor

“Selepas kursus ini, kemahiran saya untuk bertutur, membaca, menulis dan mendengar dalam Bahasa Inggeris semakin bertambah baik. Melalui kursus ini, saya tahu kaedah untuk mengatasi kelemahan saya dalam mengajar Bahasa Inggeris (BI). Saya juga telah memperbaiki dan menambah baik kemahiran saya mengajar dalam BI. Melalui kursus ini juga, saya boleh mengajar murid saya kemahiran menulis dalam BI dengan mudah. Saya juga yakin untuk bertutur dengan lancar dan tepat dalam BI. Kursus ini telah meluaskan lagi pengetahuan saya tentang tata bahasa dan kemahiran menulis dalam BI.”

Lim Pek Lin

Guru,
SJKC Su Lai, Sibul, Sarawak

Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah

Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) merupakan program peningkatan berbahasa khusus untuk guru BI. Program ini telah bermula pada tahun 2014. Program ini disasarkan kepada 1,191 buah sekolah yang pencapaiannya di bawah purata kebangsaan dalam kertas Bahasa Inggeris SPM 2013. Sekolah-sekolah ini telah dikenal pasti dan diklasifikasikan sebagai “sekolah *hotspot*”.


PPKBIS memastikan bahawa intervensi yang dijalankan di semua sekolah *hotspot* melalui bimbingan SISC+, manakala beberapa sekolah *hotspot* yang terpilih diberi intervensi secara langsung oleh pensyarah ELTC melalui Rancangan Sokongan Sekolah. Pada tahun 2016, seramai 169 orang guru daripada sekolah *hotspot* terpilih telah menyertai program

ini. Pada penghujung kursus, para peserta dikehendaki menghasilkan perkara berikut :

- Sebuah pelan intervensi 7 minggu yang direka sendiri oleh guru untuk kegunaan murid.
- Aktiviti dan latihan yang direka khas untuk merapatkan jurang antara pengetahuan dan kemahiran murid.
- Satu laporan reflektif yang terperinci tentang proses intervensi yang dijalankan.

Dengan intervensi PPKBIS yang intensif, purata kadar lulus kertas Bahasa Inggeris SPM sekolah *hotspot* meningkat daripada 65.0% pada tahun 2015 kepada 69.2% pada tahun 2016. Peningkatan prestasi secara langsung menyumbang kepada peningkatan kadar kelulusan purata kebangsaan daripada 76.3% pada tahun 2015 kepada 79.4% pada tahun 2016 (Ekshibit 2-11).

Ekshibit 2-11: Perbandingan antara Kadar Lulus Sekolah *Hotspot* dengan Purata Kadar Lulus Kebangsaan Kertas Bahasa Inggeris, SPM 2016



Sumber: Lembaga Peperiksaan

Program Dwibahasa dan Program Imersif Tinggi

Program Dwibahasa (*Dual Language Programme, DLP*) dan Program Imersif Tinggi (*Highly Immersive Programme, HIP*) adalah program yang dimulakan di bawah makmal BI pada tahun 2015 sebagai sebahagian daripada usaha radikal untuk meningkatkan kecekapan BI di sekolah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pendedahan murid kepada BI dengan menambah jumlah jam interaksi

Program Dwibahasa (DLP)

DLP memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan jam interaksi murid dalam BI melalui pengajaran mata-mata pelajaran STEM. Pada tahun 2016, sejumlah 379 buah sekolah yang terdiri daripada 296 buah sekolah harian, 68 buah sekolah berasrama penuh dan 15 buah sekolah agama telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam program rintis. Sejumlah 379

buah sekolah yang terlibat iaitu 246 buah sekolah menengah dan 133 buah sekolah rendah. Sebanyak 37.8% daripada sekolah tersebut adalah sekolah luar bandar. Secara keseluruhan, sejumlah 39,474 orang murid dari Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1 telah menyertai program ini.

Satu kajian untuk menentukan kesan awal DLP terhadap kemahiran BI murid telah dijalankan oleh *Cambridge English* pada Julai 2016. Responden kajian terdiri daripada 3,520 orang murid Tingkatan 1 yang mengikuti dan tidak mengikuti program DLP yang dipilih daripada 110 buah sekolah menengah di seluruh negara. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur tahap pencapaian murid dan menentukan perbezaan prestasi BI antara murid yang mengikuti DLP dan murid yang tidak mengikuti DLP. Hasil kajian tersebut sangat menggalakkan.



Pelan Radikal untuk Meningkatkan Penguasaan dalam Bahasa Inggeris

Penguasaan bahasa Inggeris telah menjadi kemahiran asas yang disyaratkan oleh kebanyakan majikan. Graduan yang tidak menguasai kemahiran berbahasa Inggeris sering kali mendapati mereka telah dipinggirkan dari dunia pekerjaan dan mempunyai pilihan pekerjaan yang terhad. Kebelakangan ini, tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid kita telah menjadi hal yang sangat membimbangkan dan diberi perhatian khusus.

Dapatan menunjukkan wujud jurang yang luas antara tahap pendedahan dalam bahasa Inggeris antara murid sekolah rendah dan menengah; dan peringkat tertuari, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Walaupun bahasa Inggeris diajarkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah, hal ini sahaja masih tidak mencukupi. Murid memerlukan lebih masa untuk pendedahan dan penggunaan bahasa

Inggeris untuk mengukuhkan pemahaman dan penguasaan dalam bahasa tersebut.

Mengambil kira keprihatinan semua warga pendidikan, ibu bapa dan pihak berkepentingan dalam industri, dua makmal bahasa Inggeris telah dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mengenal pasti penyelesaian yang radikal untuk mempercepatkan penguasaan murid kita dalam bahasa Inggeris. Hasilnya, pihak Kementerian telah memperkenalkan Program Dwibahasa (*Dual Language Programme* (DLP)) dan program Imersif Tinggi (*Highly Immersive Programme* (HIP)) pada Januari 2016. Bermula dengan 367 buah sekolah rintis bagi DLP dan 1,200 buah sekolah rintis bagi HIP, kedua-dua program ini telah berjaya dilaksanakan dengan sokongan berterusan daripada para pendidik, pemimpin sekolah, guru, ibubapa, murid dan pihak berkepentingan dalam industri.

Sila susul pautan di bawah untuk menyaksikan transformasi yang sedang berlaku di sekolah-sekolah di seluruh negara melalui DLP dan HIP:

Mempercepat penguasaan bahasa Inggeris melalui Sains dan Matematik.



Video link:
<https://www.youtube.com/watch?v=3WVXmUVjYEE>

Faktor Asas yang Diperlukan dalam Mewujudkan Persekitaran Imersif Tinggi di Sekolah.



Video link:
<https://www.youtube.com/watch?v=GEIM41v0wmc>

Amalan Terbaik dalam Penyediaan Persekitaran Imersif Tinggi di Sekolah




Video link:
<https://www.youtube.com/watch?v=yldU1kRDmAw>

Kajian Maklumat Asas Prestasi Bahasa Inggeris antara Murid yang Mengikuti Program DLP dan Tidak Mengikuti Program DLP, 2016


“Secara umumnya, murid yang terlibat dengan DLP mendapat manfaat daripada segi pengukuhan dalam kebolehan berbahasa Bahasa Inggeris (BI). Tiga perempat daripada murid DLP telah diletakkan pada atau melebihi tahap sasaran ujian (60% pada A2 dan 15% pada B1), berbanding dengan 61% daripada murid yang tidak mengikuti program.” (ms.9)

Peratus calon pada setiap tahap CEFR (Prestasi Keseluruhan)



“Dari segi prestasi keseluruhan, 62% murid luar bandar menunjukkan prestasi pada atau di atas aras keputusan ujian (57% A2 dan 5% pada B1). Walaupun dapatan ini berada di bawah prestasi murid DLP bandar (61% pada A2 dan 18% pada B1), ia adalah lebih dekat kepada prestasi murid bukan DLP bandar (54% pada A2 dan 13% pada B1).” (ms.15)

Peratus calon pada setiap tahap CEFR (Prestasi Keseluruhan)



“Bagi sekolah yang melaksanakan sebahagian kelas dalam DLP, 890 orang murid diajar dalam program DLP, manakala 518 orang murid tidak berada di dalam kelas DLP. Perbandingan prestasi antara kedua-dua kumpulan calon ini menunjukkan bahawa murid DLP mendapat manfaat daripada pelibatan dalam program ini. Prestasi murid DLP adalah pada atau mengatasi tahap sasaran (79%) kertas (ujian) tersebut berbanding hanya 53% bagi murid bukan DLP.” (m.s. 17).

“Murid DLP jelas lebih baik, kedua-duanya dari segi bilangan yang tinggi mencapai standard dan juga bilangan murid yang sedikit berada di bawah sasaran iaitu tidak mencapai tahap A1. Mengambil kira kumpulan kawalan secara khusus dipilih daripada sekolah yang mencapai Purata Mata Gred yang sama dalam SPM Bahasa Inggeris tahun 2015, perbezaan ini amat memberangsangkan. Namun begitu, keputusan sebelumnya sekolah yang dipilih untuk melaksanakan program DLP dalam BI adalah baik dan mungkin masih menjadi faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut.” (m.s. 20)

Sumber: *Language Programme: Baseline Study 2016, English Language Teaching Centre (ELTC), 2016*

Program Imersif Tinggi (HIP)

HIP menumpukan kepada peningkatan imersif tahap BI bagi sesebuah sekolah melalui aktiviti dalam bilik darjah, luar bilik darjah, kelas tambahan dan program khidmat masyarakat. Pada tahun 2016, HIP dirintiskan dalam dua fasa, Fasa I (Januari – Jun) merangkumi 94 buah sekolah rendah, manakala Fasa II (Julai – November) menyasarkan peluasan kepada tambahan 1,106 buah sekolah di seluruh negara. Pada November 2016, HIP telah mengatasi sasaran pelaksanaan awal sebanyak 1,200 buah sekolah. Sejumlah 1,226 buah sekolah (873 buah sekolah rendah dan 353 sekolah menengah) melaksanakan HIP di seluruh negara.

Program Imersif Tinggi (HIP)

HIP bertujuan menerapkan tingkah laku positif terhadap pembelajaran dan penggunaan BI. Peningkatan pendedahan terhadap penggunaan bahasa diharapkan dapat meningkatkan penguasaan murid dalam BI. HIP dilaksanakan berasaskan kepada Pendekatan Menyeluruh di Sekolah (*Whole School Approach*) untuk menghasilkan persekitaran BI imersif tinggi di sekolah. Aktiviti HIP menjurus kepada peningkatan pencapaian murid, peningkatan kerjasama antara sekolah serta peningkatan pelibatan ibu bapa dan komuniti. Aktiviti HIP diklasifikasikan kepada empat kategori utama iaitu:



Tujuan :

Mewujudkan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang berkesan dan menarik



Tujuan :

Menggalakkan dan meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris



Tujuan :

Menyediakan sokongan tambahan kepada murid yang amat memerlukan dan murid cemerlang untuk mencapai potensi tertinggi mereka



Tujuan :

Meningkatkan tahap imersif bahasa Inggeris melalui program khidmat masyarakat dan pelbagai kerjasama

Tahap imersif Bahasa Inggeris diukur berdasarkan skala berikut:


Tahap Imersif	Deskripsi	Tahap Imersif	Deskripsi
4	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti sekolah secara keseluruhannya melibatkan murid dalam persekitaran BI yang sangat bermakna dan imersif. • Murid diberikan pengalaman pembelajaran yang sangat mencabar dan menyeronokkan. Semua murid mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti BI di dalam dan luar kelas. • Pemimpin sekolah sangat aktif dalam menyediakan persekitaran imersif BI, merupakan penggalak yang tekal dan memastikan kelestarian aktiviti BI. • Guru sentiasa dan secara sistematis mendedahkan murid kepada aktiviti pembelajaran BI di dalam dan luar bilik darjah. Hal ini dilakukan melalui penyediaan aktiviti pengayaan dan pemulihan yang dapat disesuaikan dengan pelbagai kebolehan murid dan mengukuhkan keyakinan murid dalam penggunaan BI. Guru menjadi suri teladan cemerlang dalam penggunaan bahasa. • Sekolah terlibat secara aktif dalam aktiviti khidmat masyarakat melalui alumni, libat urus dengan pakar BI daripada institusi pengajian tinggi dan badan korporat. • Pelibatan ibubapa dapat dilihat dengan jelas dalam merancang, menganjur dan menyokong sekolah dalam aktiviti BI. 	2	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti sekolah secara keseluruhannya cuba melibatkan murid dalam persekitaran BI yang imersif tetapi tidak secara konsisten. • Murid diberikan beberapa aktiviti BI tetapi berkemungkinan kurang mencabar dan tidak memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Hanya beberapa murid mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti BI di dalam dan luar kelas. • Pemimpin sekolah cuba membina persekitaran BI yang imersif dengan sedikit kejayaan. Aktiviti BI dilaksanakan tetapi tidak menunjukkan anyadapat dilestarikan. • Guru cuba mendedahkan murid kepada aktiviti BI di dalam dan luar kelas. Walau bagaimanapun, guru kurang pengetahuan tentang cara menguruskan aktiviti untuk meningkatkan keberhasilan murid. Aktiviti yang dijalankan selalunya tidak dapat mengukuhkan keyakinan murid dalam penggunaan BI. Guru dan murid jarang berkomunikasi dalam BI. • Wujud bukti sekolah terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat tetapi dengan skop pelibatan yang terhad (hanya melibatkan satu pihak). • Pelibatan ibubapa hanya kadang kala dalam menyokong sekolah dalam aktiviti BI.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti sekolah secara keseluruhannya melibatkan murid dalam persekitaran BI yang imersif. • Murid diberikan beberapa pengalaman pembelajaran yang mencabar dan menyeronokkan. Sekumpulan besar murid mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti BI di dalam dan luar bilik darjah. • Pemimpin sekolah dapat membina persekitaran BI yang imersif. Wujud bukti bahawa beberapa aktiviti BI dapat dilestarikan. • Guru dapat mendedahkan murid kepada aktiviti pembelajaran BI di dalam dan luar kelas. Walau bagaimanapun, hal ini tidak dipelbagaikan dari segi aktiviti pengayaan dan pemulihan. Aktiviti yang dilakukan hanya kadang kala dapat mengukuhkan keyakinan murid dalam penggunaan BI. Guru dan murid sangat kurang berkomunikasi dalam BI. • Wujud beberapa bukti sekolah terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat melalui alumni, libat urus dengan pakar bahasa Inggeris daripada institusi pengajian tinggi dan badan korporat. • Pelibatan ibubapa kurang dalam menyokong sekolah dalam aktiviti BI. 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti sekolah secara keseluruhannya kurang menyediakan persekitaran BI yang imersif. • Murid diberikan sedikit aktiviti BI dan tidak berpeluang atau diberikan peluang yang terhad untuk menyertai aktiviti BI di dalam dan luar kelas. • Pemimpin sekolah jarang terlibat dalam aktiviti BI dan tidak aktif dalam menyediakan persekitaran BI yang imersif. Pemimpin sekolah kurang berperanan sebagai penggalak kepada aktiviti BI. Kebanyakan aktiviti BI dijalankan secara <i>one-off</i> dan tidak menunjukkan kelestarian. • Guru kurang memberi pendedahan yang sistematis kepada murid untuk menggunakan BI di dalam dan luar kelas. Guru juga kurang kesedaran mengenai pelbagai kebolehan murid dalam BI. Terlalu sedikit atau tiada bukti aktiviti pengayaan dan pemulihan untuk meningkatkan penyertaan murid dari segi penggunaan BI. • Sekolah kurang libat urus dalam aktiviti khidmat masyarakat. • Pelibatan ibubapa amat kurang atau tidak dilihat sama sekali dalam merancang, menganjur dan menyokong sekolah dalam aktiviti BI.

Bagi mengukur tahap imersif BI sesebuah sekolah, pemimpin sekolah, guru, murid dan ibu bapa perlu melengkapkan instrumen penilaian sendiri dua kali setahun. Penilaian sendiri pertama adalah untuk mendapatkan data asas bagi memantau kemajuan sekolah. Penilaian sendiri kedua dijalankan untuk mengesahkan impak pelaksanaan HIP.

Untuk memastikan kesahihan data yang dikutip pada tahun 2016, satu pasukan pemantauan yang terdiri daripada pasukan petugas HIP dan diketuai oleh ELTC dan Pegawai BI daripada

JPN telah melawat setiap sekolah yang menyertai HIP. Dapatan penilaian menunjukkan bahawa purata tahap imersif telah meningkat daripada 2.42 (Penilaian 1 - Jun 2016) kepada 2.61 (Penilaian 2 - Oktober 2016) seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-12. Sekolah di Perak, Putrajaya dan Melaka mendapat skor paling tinggi, manakala sekolah di Kelantan, Kuala Lumpur dan Terengganu menunjukkan skor paling rendah. Sekolah di Perak, Melaka dan Pahang menunjukkan peningkatan terbesar dalam tempoh satu tahun.

Ekshibit 2-12: Tahap Imersif Bahasa Inggeris di bawah HIP Mengikut Negeri, 2016




Sumber: Highly Immersive Programme Phase 1 and Phase 2 Reports, ELTC 2016

Persepsi Murid dan Guru Terhadap HIP

Satu kajian tinjauan telah dijalankan ke atas guru dan murid merangkumi empat bidang bertema untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan HIP pada tahun 2016. Berdasarkan lebih daripada 1,000 soal selidik yang dianalisa, keputusan menunjukkan kekuatan dan kelemahan program ini.

A: Persepsi Murid dan Guru Terhadap HIP, 2016



Sumber: Highly Immersive Programme Phase 1 and Phase 2 Reports, ELTC 2016

Pembangunan Persekitaran Imersif Tinggi

Skor min untuk soal selidik murid (3.17) agak tinggi. Kadar ini menunjukkan murid memberikan maklum balas positif terhadap pembangunan persekitaran imersif tinggi yang menyokong pembelajaran murid.

Pembangunan Pendekatan Menyeluruh di Sekolah

Skor min paling rendah (2.60) bagi soal selidik murid. Item yang menyumbang kepada skor yang rendah adalah pelibatan ibu bapa, libat urus komuniti, dan alumni dalam aktiviti HIP. Usaha yang lebih diperlukan untuk melakukan libat urus dengan komuniti yang lebih besar untuk memastikan Pendekatan Menyeluruh di Sekolah menjadi realiti.

Keberhasilan Pembelajaran Murid

Analisis keseluruhan soal selidik guru dan murid menghasilkan skor purata 2.74 dan 2.69, masing-masing. Skor ini menunjukkan pelaksanaan HIP yang bertujuan untuk meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid merupakan satu proses berterusan kerana kebanyakan sekolah hanya melaksanakan program dalam tempoh enam bulan.

Perubahan Tingkah Laku Murid

Skor min untuk murid adalah tinggi (2.83) berbanding guru. Ini menunjukkan bahawa murid mula merasai perubahan positif dalam tingkah laku mereka terhadap BI di sekolah.



Pandangan Pemimpin Sekolah mengenai HIP

HIP adalah satu program yang baik. Ia membantu penguasaan murid dalam BI melalui pelbagai aktiviti yang menyeronokkan. Saya masih ingat apabila pertama kali memperkenalkan HIP, saya sebagai ketua telah memimpin guru dan

mengingatkan bahawa HIP ialah Pendekatan Menyeluruh di Sekolah. Saya rasa kita perlu mereka bentuk lebih banyak aktiviti, khususnya aktiviti program khidmat masyarakat.

SJKC Simanggang Seri Aman Sarawak

HIP adalah satu program yang baik kerana ia membantu mewujudkan persekitaran untuk murid menggunakan BI di sekolah dan belajar BI melalui permainan bahasa yang menyeronokkan.

**SK Sg. Lesung, Perak; SK Gunung Panjang;
SJKT Slim River, Perak**

HIP memberi penekanan kepada program BI yang dilaksanakan bertahun-tahun dahulu seperti program DEAR dan the Walking Dictionary

SK Bangsar, Kuala Lumpur

Saya bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan HIP untuk memastikan aktiviti dijalankan dengan cekap di sekolah saya.

SMK Pak Badol, Kelantan

Pandangan Guru terhadap HIP

HIP adalah satu program yang baik yang dapat membantu penguasaan guru dan murid terutamanya di sekolah luar bandar seperti sekolah kami. Apabila murid suka BI, mereka akan menggunakannya di rumah dan dalam masyarakat. HIP adalah sangat luas dan menyeronokkan dengan pelbagai aktiviti dan saya amat teruja untuk melaksanakannya dan HIP akan terus dilaksanakan. Program ini juga membantu kami untuk meningkatkan BI kami. Tumpuan kepada komuniti juga membantu komuniti untuk sama-sama membantu murid.

SK Pulau Rusa

Kami menjalankan mesyuarat dan Komuniti Pembelajaran Komuniti (PLC) dalam kalangan guru bahasa Inggeris pada peringkat sekolah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid

dan cabaran dalam melaksanakan HIP. Kami juga berbincang idea dengan guru besar dan guru-guru lain sebelum menjalankan aktiviti HIP.

SJKT Jalan Sialang, Johor

Kami melaksanakan Penulisan Jurnal kepada murid Tingkatan 1, 2 dan 4 yang membantu meningkatkan kemahiran menulis murid.

SMK Presint 11(1), Putrajaya

HIP mengalakkan semua guru mata pelajaran lain untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.

SJKC Chung Huah, Perak

HIP membantu membina keyakinan murid yang lemah. Melalui HIP, kami boleh mengadakan aktiviti luar kelas bagi membolehkan murid menggunakan BI.

SK Sacred Heart, Sabah

Di sekolah ini, dengan sedikit dorongan daripada kami, murid-murid akan lebih yakin untuk bercakap dan berbincang dalam bahasa Inggeris.

SJKC Khai Chee, Selangor

Pandangan Murid terhadap HIP

HIP bermula tahun lepas. HIP mengalakkan murid menggunakan BI dalam kehidupan seharian mereka. Apa yang saya boleh nampak ialah HIP menyepadukan BI dalam kehidupan seharian kami di sekolah seperti perhimpunan dalam BI dan Minggu Bahasa Inggeris. Oleh itu, murid mendapat lebih pendedahan dalam BI

Pelajar Tngkatan 5

SMK Putrajaya Presint 9 (1)

Pelan Hala Tuju Bahasa Inggeris

Pada tahun 2013, satu kajian untuk mendapatkan data asas bagi menentukan penguasaan guru dan murid dalam BI telah dijalankan dengan *Cambridge English (CE)*. Kajian ini memberi fokus kepada pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah di Malaysia dari peringkat prasekolah hingga prauniversiti. Lima dapatan penting yang perlu diberi perhatian telah dikemukakan melalui kajian ini iaitu:

- Peningkatan kemahiran bahasa secara menyeluruh dalam kalangan murid.
- Peningkatan kemahiran pengajaran BI dalam kalangan guru.
- Penjajaran kurikulum BI dengan standard antarabangsa.
- Penjajaran pentaksiran BI dengan standard pentaksiran antarabangsa.
- Peningkatan kualiti bahan pengajaran dan pembelajaran.

Bagi menumpukan perhatian kepada dapatan kajian ini, Majlis Kualiti dan Standard Bahasa Inggeris (*the English Language Standard and Quality Council, ELSQC*) membangunkan pelan pembangunan pendidikan BI iaitu Pelan Hala Tuju 2015-2025: Reformasi Bahasa Inggeris di

Malaysia (*The Roadmap 2015-2025: English Language Reform in Malaysia*) yang telah dilancarkan secara rasmi pada tahun 2016. Pelan ini memperincikan perubahan sistematik yang diperlukan bagi pendidikan BI dari peringkat prasekolah hingga universiti termasuk pembangunan profesional untuk guru meliputi transformasi dan penjajaran kepada standard antarabangsa CEFR dari segi kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran serta latihan guru.

Untuk merealisasikan cadangan dalam Pelan Hala Tuju tersebut, Kementerian telah bekerjasama dengan CE bagi memastikan tahap pendidikan BI di Malaysia setanding atau dapat mengatasi standard antarabangsa. CE, sebuah anggota gabungan kepada Universiti Cambridge, mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan dan pentaksiran BI selari dengan CEFR. Kerjasama antara Kementerian dan CE akan berlangsung untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun 2016 hingga 2020. Kerjasama ini menunjukkan komitmen tersirat Kementerian dalam melakukan reformasi pendidikan untuk menghasilkan perkara berikut:

- Hasilan 1** : Semakan Pelan Hala Tuju
- Hasilan 2** : CEFR - Pembangunan dan penerimaan Malaysia
- Hasilan 3** : Penilaian kurikulum, semakan dan pelaksanaan
- Hasilan 4** : Bahan pembelajaran
- Hasilan 5** : Penilaian pentaksiran, pembangunan dan peningkatan kapasiti
- Hasilan 6** : Penilaian program pembangunan guru
- Hasilan 7** : Kajian asas dan standard pemantauan

English Language Roadmap 2015-2025

“The purpose of this document is to propose a **Roadmap** for English Language Education from **preschool to university** to enable us to embark on the reform of our English language education system **aligned to international standards.**”



Education Level	CEFR Target	Description
Teacher Education	C1	Very advanced proficiency Mastery (Highly proficient) - can use English very fluently, precisely and sensitively in most contexts
University	B2/C1	High proficiency Effective Operational Proficiency - Able to use English fluently and flexibly in a wide range of contexts
Post-Secondary	B2	Upper Intermediate proficiency Vantage - Can use English effectively, with some fluency, in a range of contexts
Secondary School	B1/B2	Intermediate proficiency Threshold - Can communicate essential points and ideas in familiar contexts
Primary School	A2	Developing proficiency Waystage - Can communicate in English within a limited range of contexts
Preschool	A1	Basic proficiency level Beginner - Can communicate in basic English with help from listener

Bahasa Tambahan di Sekolah

Penguasaan bahasa ketiga selepas penguasaan BM dan BI amat digalakkan dalam kalangan murid untuk melahirkan sumber manusia yang berdaya saing melalui penguasaan pelbagai bahasa di pentas kebangsaan dan antarabangsa. Pelaksanaan Program Bahasa Asing diterajui oleh dua Bahagian di Kementerian. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) memastikan program ini dilaksanakan di sekolah harian kerajaan, manakala Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan program di sekolah berasrama penuh.

Program bahasa asing di sekolah harian

Kini, sebanyak 142 buah sekolah harian menawarkan kelas bahasa ketiga merangkumi 70 buah sekolah bagi bahasa Jepun, 40 buah sekolah bagi bahasa Perancis, dan 32 buah sekolah bagi bahasa Jerman. Ekshibit 2-13 menunjukkan bilangan sekolah, guru dan murid yang terlibat dalam program bahasa asing pada tahun 2016.

Ekshibit 2-13: Program Bahasa Asing di Bawah Kendalian Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2016

PROGRAM BAHASA ASING



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Program sokongan melibatkan murid dan guru juga dilaksanakan dengan kerjasama Institut Goethe Kuala Lumpur, Yayasan Jepun Kuala Lumpur dan the Alliance Française Kuala Lumpur. Agensi-agensi ini menyediakan program untuk peningkatan kompetensi guru dan program dalam bentuk pertandingan bagi meningkatkan penguasaan bahasa murid. Ekshibit 2-14 menunjukkan penyertaan guru dan murid dalam program tersebut pada tahun 2016.

Ekshibit 2-14: Penyertaan dalam Program Bahasa, 2016

<p>PERTANDINGAN UCAPAN BAHASA JEPUN Fokus: Penguasaan bahasa MURID</p>	<p>PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL (J-PRO): JFKL- MOE JLT Fokus: Kemahiran pedagogi GURU</p>	<p>SEMINAR GURU BAHASA JERMAN Fokus: Kemahiran pedagogi GURU</p>
<p>FESTIVAL BAHASA JEPUN Fokus: Bahasa dan menghargai budaya MURID</p>	<p>KEM ANTARABANGSA JERMAN Fokus: Penguasaan bahasa MURID</p>	<p>MINGGU BAHASA PERANCIS (FRANCHOPONIE) Fokus: Penguasaan bahasa MURID</p>
<p>FORUM PEMIDATO BAHASA JEPUN Fokus: Pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun MURID & GURU</p>	<p>MINGGU BAHASA JERMAN Fokus: Penguasaan bahasa MURID</p>	<p>SEMINAR BAHASA PERANCIS Fokus: Kemahiran pedagogi GURU</p>
<p>SEMINAR SERANTAU UNTUK GURU BAHASA JEPUN DI SEKOLAH MENENGAH Fokus: Kemahiran pedagogi GURU</p>	<p>PROGRAMME BIASISWA JERMAN (PRÄMIEN PROGRAMME) Fokus: Penguasaan bahasa dan pertukaran budaya MURID</p>	<p>BIASISWA IJAZAH SARJANA Fokus: Pembangunan profesional GURU</p>

Nota: Semua program yang dijalankan melibatkan guru dan murid dari sekolah di bawah kendalian BPSH, BPSBPSK dan BPI

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Bagi menyokong pengajaran bahasa Jepun, Program Rakan Nihongo diperkenalkan pada tahun 2015. Rakan Nihongo telah ditempatkan di beberapa buah sekolah bagi tempoh sepuluh bulan sebagai pembantu kepada guru bahasa Jepun tempatan untuk meningkatkan kemahiran mengajar bahasa tersebut. Dua aktiviti utama yang dilaksanakan adalah pengukuhan pembelajaran bahasa melalui aktiviti seperti origami, ikebana dan kaligrafi, dan aktiviti pembelajaran budaya Jepun seperti sesi adat minum teh, Festival Tanabata dan memasak masakan Jepun. Sebanyak 120 orang sukarelawan dalam kalangan penutur jati bahasa Jepun akan ditempatkan di sekolah berasrama penuh dan sekolah harian sehingga tahun 2020. Ekshibit 2-15 menunjukkan bilangan sekolah yang terlibat.

Ekshibit 2-15: Program Rakan Nihongo, 2015 - 2016

TAHUN	SEKOLAH BERASRAMA PENUH	SEKOLAH HARIAN	JUMLAH
2015	4	4	8
2016	10	10	20





Nota: Semua program yang dijalankan melibatkan guru dan murid dari sekolah di bawah kendalian BPSH dan BPSBPSK.

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Program bahasa asing di sekolah berasrama penuh

Pada tahun 2016, enam bahasa asing diajar di sekolah berasrama penuh di seluruh negara. Permintaan terhadap bahasa asing amat menggalakkan dan terus meningkat saban tahun. Kementerian telah melihat peningkatan trend dari segi bilangan murid yang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di negara-negara bahasa ketiga yang dikuasai oleh mereka. Ekshibit 2-16 menunjukkan bahasa asing yang ditawarkan di sekolah berasrama penuh dan bilangan guru dan murid yang terlibat dalam program tersebut pada tahun 2016.

Ekshibit 2-16: Program Bahasa Asing yang Dilaksanakan di Sekolah Berasrama Penuh, 2016

				
BAHASA ASING	BIL. SEKOLAH	BIL. GURU	BIL. MURID	BIL. KELAS
Arab (Komunikasi)	47	88	7,050	235
Cina (Komunikasi)	25	25	3,750	125
Jepun	54	59	8,100	270
Jerman	19	19	2,850	95
Perancis	44	46	6,600	220
Korea	8	8*	2,400	80
JUMLAH	202	249	30,750	1025

Nota: * Guru Sukarelawan Korea

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK)

Selain daripada mengambil kelas bahasa asing di sekolah, murid memantapkan penguasaan dalam bahasa asing melalui penyertaan dalam program sokongan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi. Guru bahasa asing juga mengukuhkan kemahiran pedagogi dalam pemerolehan bahasa ketiga melalui latihan yang disediakan oleh agensi berkaitan. Ekshibit 2-17 menyenaraikan program bahasa asing yang disertai oleh murid dan guru dari sekolah berasrama penuh pada tahun 2016.

Ekshibit 2-17: Penyertaan Sekolah Berasrama Penuh dalam Program Bahasa Asing, 2016

JEPUN

ONE STEP TO JAPAN
Fokus: Belajar di Jepun
MURID

KEM HOTARU
Fokus: Bahasa Jepun Tahap 2
MURID

**PERTANDINGAN UCAPAN
BAHASA JEPUN**
Fokus: Bahasa Jepun
MURID

BAHASA ASING HK
Fokus: Bahasa dan Budaya
MURID

KURSUS JANGKA PENDEK
Fokus: Bahasa Jepun
Komunikasi
GURU

LATIHAN PROFESIONAL
Fokus: Kemahiran Pedagogi
GURU

PENYERTAAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH

JERMAN

**PERTANDINGAN MENULIS
KARANGAN**
Fokus: Bahasa Jerman
MURID

BAHASA ASING HK
Fokus: Bahasa dan Budaya
MURID

KURSUS JANGKA PENDEK
Fokus: Bahasa Jerman
GURU

LATIHAN PROFESIONAL
Fokus: Kemahiran Pedagogi
GURU

PERANCIS

BAHASA ASING HK
Fokus: Bahasa dan Budaya
MURID

BIASISWA IJAZAH SARJANA
Fokus: Bahasa Perancis
GURU

LATIHAN PROFESIONAL
Fokus: Kemahiran Pedagogi
GURU

SEMINAR
Fokus: Bahasa Perancis &
Kemahiran Pedagogi
GURU



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK)



Program bahasa asing di sekolah agama

Bahasa asing diperkenalkan di sekolah agama bermula pada tahun 2014 selari dengan pengenalan Tahfiz Model Ulul Abab (TMUA). Pada tahun 2016, lapan buah sekolah agama menawarkan tiga bahasa asing iaitu bahasa Perancis, Jerman dan Cina selain bahasa Arab (Ekshibit 2-18).

Ekshibit 2-18: Bahasa Asing yang Ditawarkan di Sekolah Agama, 2016

BIL.	BAHASA	SEKOLAH	BILANGAN MURID	TAHUN DITAWARKAN
1	Perancis, Cina	SMKA Kuala Lumpur, Bandar Menjalara, KL	573	2014
2	Perancis, Cina	SMKA Kedah, Alor Star, Kedah	576	2014
3	Perancis, Cina	SMKA Maahad Muar, Muar, Johor	519	2015
4	Perancis, Jerman	SMKA Kerian, Taiping, Perak	412	2015
5	Perancis, Cina	SMKA Tok Bachok, Kota Bharu, Kelantan	502	2015
6	Perancis, Cina	SMKA Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah	237	2016
7	Perancis, Cina	SMKA Nibung Tebal, Pulau Pinang	310	2016
8	Jerman	SMKA Hj. Abu Hasan Sail, Pedas, N. Sembilan	279	2016

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)




MEMPERKASA KUALITI GURU

Asas untuk meningkatkan kualiti guru Malaysia supaya setanding dengan guru di negara maju telah ditetapkan dalam Gelombang 1 pelaksanaan PPPM. Kementerian telah berjaya, pada suatu tingkat, dalam mengubah tanggapan kebanyakan masyarakat tentang memilih profesion keguruan sebagai pilihan terakhir kepada salah satu profesion yang menjadi pilihan utama. Hal ini jelas ditunjukkan melalui peningkatan permohonan kemasukan ke 27 buah kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) yang diterima oleh Kementerian setiap tahun.

Memastikan Syarat Kemasukan yang Ketat ke Institut Pendidikan Guru

Sejak 2013, Kementerian telah mula menerima jumlah permohonan yang amat tinggi untuk kemasukan ke program Sarjana Muda Perguruan yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) berbanding dengan kekosongan tempat. Sambutan menakjubkan itu berterusan tiap tahun walaupun dengan syarat-syarat ketat dikenakan untuk kemasukan ke program tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-19.

Ekshibit 2-19: Pencapaian Guru Pelatih IPG dalam SPM, 2013-2016

	PENCAPAIAN KOHOT DALAM SPM	2013	2014	2015	2016
		Sekurang-kurang 5A's	90.0%	98.0%	99.0%
Sekurang-kurang 7A's	48.0%	50.7%	58.3%	62.4%	
Sekurang-kurang 9A's	42.0%	21.7%	20.7%	29.0%	


Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan Berterusan (CPD)

Pembangunan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) telah bermula pada tahun 2015 dan telah disiapkan pada tahun 2016. PIPPK dibangunkan bertujuan membantu semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di bawah kawal selia Kementerian untuk merancang kerjaya dan pembangunan profesionalisme mereka. PIPPK merupakan dokumen rujukan utama ke arah mempertingkatkan kualiti profesion keguruan. Dokumen tersebut juga menyediakan garis panduan laluan kerjaya kepada PPP untuk membina kompetensi mereka berdasarkan aptitud dan kebolehan, seterusnya mendorong kepada prestasi tinggi yang menepati trend semasa dan akan datang, sepanjang perkhidmatan mereka.

Konsep pembangunan profesionalisme berterusan yang diguna pakai oleh Kementerian dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu praperkhidmatan, dalam perkhidmatan, dan pemantapan kerjaya sepanjang tempoh perkhidmatan. PIPPK merupakan suatu rujukan untuk PPP merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan dan pemantapan perkhidmatan untuk memastikan kualiti perkhidmatan dan prestasi dikekalkan sepanjang perkhidmatan mereka. Hal ini akan menyumbang kepada peningkatan keberhasilan murid. Dengan pembangunan PIPPK ini, Kementerian beriltizam supaya profesion keguruan sentiasa diangkat sebagai profesion pilihan oleh rakyat Malaysia.

Ekshibit 2-20: Kerangka Pembangunan Profesionalisme Keguruan



Kerangka Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang diadaptasikan daripada *Model of Educator Talent Management Framework* (Sherratt et. al. 2013)

Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Ekshibit 2-21: Kandungan PIPPK



Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Nota: Dokumen PIPPK boleh diakses di <http://www.moe.gov.my/index.php/my/pegawai-perkhidmatan-pendidikan/dalam-perkhidmatan>

Transformasi IPG

Untuk memastikan IPG mengekalkan unjuran dalam menghasilkan guru berkelayakan tinggi yang akan menyumbang kepada kejayaan sistem dan aspirasi murid yang ditetapkan dalam PPPM, Pelan Hala Tuju Transformasi IPG (2016-2025) telah dibangunkan. Pelan Hala Tuju Transformasi IPG adalah satu pelan strategik komprehensif yang mengandungi pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan kualiti pendidikan guru di negara ini.

Kementerian telah memulakan usaha untuk mentransformasikan IPG sebagai penyedia latihan pendidikan keguruan bertaraf antarabangsa dan pusat kecemerlangan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi pembangunan profesional bermula pada tahun 2016. Inisiatif Transformasi IPG telah disenaraikan sebagai salah satu inisiatif utama dalam Gelombang 2. Pada tahun 2016, Kementerian telah memulakan proses awal ke arah transformasi melalui aktiviti berikut:

Membangunkan Instrumen Semakan Bakat

Instrumen Semakan Bakat telah dibina pada awal Januari hingga Oktober 2016 untuk mengenal pasti pensyarah yang berbakat dan berpotensi tinggi untuk Program Pembangunan Bakat Pensyarah. Instrumen dalam talian ini akan digunakan untuk menilai kompetensi dan kemahiran insaniah pensyarah IPG untuk mempertingkatkan kebolehan mereka dalam melatih dan membangunkan bakal guru pada masa hadapan. Satu pangkalan data komprehensif akan dibangunkan tentang pensyarah yang berpotensi tinggi bagi membantu Kementerian mengenal pasti ahli fakulti untuk pembangunan profesionalisme seterusnya dan kenaikan pangkat pada masa hadapan.



Meningkatkan Keupayaan Pensyarah IPG

Untuk memastikan kampus IPG menghasilkan guru berkualiti, jumlah pensyarah IPG yang mempunyai sarjana kedoktoran adalah penting. Pada April 2016, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), badan pentadbiran induk kepada kesemua kampus IPG di Malaysia, telah memulakan satu pelan strategik untuk menyemak semula kuota pensyarah dalam setiap bidang pengajian sarjana kedoktoran di bawah tajaan Kementerian. Kertas cadangan akhir telah diluluskan oleh Kementerian pada 15 Disember 2016 di dalam Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Staf (JIPS) Bilangan 3/2016. Kelulusan ini membolehkan 64 orang pensyarah mendapat biasiswa untuk meneruskan pengajian pascasiswazah dalam pelbagai bidang pendidikan.

Membangunkan Struktur Baharu IPG dan IPGM

Proses mewujudkan struktur baharu IPG dan IPGM telah bermula pada tahun 2016 dan bertujuan untuk mengupayakan IPG menjadi institusi pengajian tinggi untuk pendidikan kejuruan. Langkah ini akan memastikan IPG sentiasa berubah mengikut masa dan terus relevan dalam konteks Malaysia masa kini. Seajar dengan transformasi ini, adalah penting bagi kepimpinan dan pentadbiran IPGM dan kampus IPG mengambil kira kemahiran pengetahuan dan nilai-nilai yang diperlukan untuk kepemimpinan akademik.

Struktur baharu IPGM dan IPG akan melibatkan konfigurasi 16 buah kampus dengan setiapnya akan menjadi kampus kebitaraan bagi bidang tertentu. Penstrukturan IPG akan melibatkan:

- penyatuan peranan dan fungsi 27 buah kampus IPG kepada 11 buah kampus utama dalam mengendalikan latihan praperkhidmatan dan fungsi penyelidikan.
- penubuhan Pusat Pembangunan Profesionalisme Berterusan Guru, Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, dan Pusat Pembelajaran Pribumi.

Menubuhkan Pusat Jaminan Kualiti dan Pematuhan Dasar (QAPCC)

Tujuan penubuhan Pusat Jaminan Kualiti dan Pematuhan Dasar (*Quality Assurance and Policy Compliance Centre*, QAPCC) adalah untuk ketentuan kualiti latihan dalam perkhidmatan di kampus IPG. QAPCC juga akan bertindak sebagai badan akreditasi untuk program akademik yang ditawarkan. Proses penubuhan masih berlangsung dan telah hampir siap (90%) pada Disember 2016.


Menubuhkan Pejabat Pengurusan Transformasi IPG (TMO)

Dalam usaha untuk melaksanakan transformasi IPG, TMO telah ditubuhkan pada tahun 2016 dan dianggotai oleh enam orang pegawai. Peranan utama TMO ialah mengurus perancangan dan pembangunan transformasi IPG, menyelia aktiviti transformasi IPG, dan mengurus perubahan dan libat urus pihak berkepentingan yang relevan melalui komunikasi dan pengurusan keupayaan.

Instrumen Bersepadu

Instrumen Bersepadu yang juga dikenali sebagai Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) telah diluluskan oleh agensi pusat, Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk menggantikan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) dalam tahun 2015. Pada tahun 2016, PBPPP telah menjadi instrumen tunggal untuk menilai kompetensi dan potensi kesemua guru dan pegawai pendidikan dalam Kementerian.

Ekshibit 2-22: Peringkat Pelaksanaan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, 2014-2016



Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Pada tahun 2014, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK), menghasilkan instrumen dan Garis Panduan PBPPP, Garis Panduan untuk Penilai berserta video, senarai semak, Prosidur Operasi Standard (SOP), brosur dan manual. BPPK juga melaksanakan latihan kepada kesemua sekolah, Bahagian dan institusi pendidikan. Usaha ini adalah penting untuk memastikan kesemua guru dan pegawai pendidikan telah mempunyai pemahaman yang sama dalam melakukan penilaian menggunakan instrumen tersebut.

Pada tahun 2016, PBPPP telah berjaya digunakan untuk menilai prestasi 438,228 orang PPP di bawah Kementerian. Penilaian menggunakan PBPPP akan menentukan tahap kompetensi pegawai untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka melalui Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD). Skor penilaian juga akan digunakan bagi menentukan peningkatan gaji tahunan, memohon kelulusan untuk melanjutkan pengajian, mengenal pasti pegawai untuk Dasar Pemisah, kenaikan pangkat dan laluan kerjaya.


Meningkatkan Literasi ICT Untuk Guru

Pada tahun 2013, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), telah mentadbirkan satu Ujian Diagnostik kepada 413,233 orang guru dalam perkhidmatan di seluruh negara untuk mengukur tahap kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information Technology and Communication, ICT*) guru. Instrumen yang digunakan diperakui oleh *International Society for Technology in Education (ISTE)* dan telah ditadbirkan menggunakan platform *Microsoft Digital Literacy Course*.

Sejumlah 356,246 orang guru yang memperoleh skor tahap literasi *ICT* minimum telah melalui kursus *Teaching with Technology*, manakala yang selebihnya 56,987 orang guru yang tidak menepati tahap minimum literasi *ICT* telah disarankan melengkapkan satu siri latihan modul dalam talian melalui *Online Digital Literacy Course* (Ekshibit 2-23). Kursus ini menggunakan kurikulum *IT Academy* yang dibangunkan oleh Microsoft melalui *Enhanced Teachers Learning Network (ETLN)*. Guru perlu melengkapkan lima modul latihan sendiri sebelum mereka dibenarkan menduduki *Digital Literacy Self-Assessment* untuk mengenal pasti tahap *ICT* baharu mereka.



Ekshibit: 2-23: Proses Penilaian Tahap Literasi /CT Guru




Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Pelaksanaan Latihan Literasi /CT adalah bertepatan dengan aspirasi dalam PPPM untuk memastikan guru memperoleh sekurang-kurangnya tahap minimum literasi /CT menjelang tahun 2016. Dengan adanya kompetensi /CT, guru akan berupaya menggunakan inovasi dalam pedagogi untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid di masa akan datang. *Online Digital Literacy Course* (akses di <https://www.eltn.edu.my>) telah dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama telah dilaksanakan dalam tahun 2015, manakala fasa kedua telah dilaksanakan dalam tahun 2016 dengan seramai 20,000 orang guru pada tiap fasa.

Ekshibit 2-24: Pencapaian Keseluruhan untuk *Online Literacy Digital Course*, 2015-2016

Sasaran Pelibatan Guru: 40,000



Nota: Bilangan yang tamat kursus telah melangkaui sasaran

Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

Latihan Literasi ICT Dalam Talian Meningkatkan Semangat Guru Untuk Terus Belajar

Pn. Siti Rahayu binti Ramli, guru agama, yang mengambil bahagian dalam *Online Digital Literacy Course* menyatakan sokongan terhadap kursus ini, “Saya menyokong latihan dalam talian ini kerana ia mesra pengguna dan boleh diakses pada bila-bila masa. Guru boleh mengulang latihan sehingga mereka lulus ujian dengan jayanya. Garis panduan yang disediakan sangat menyeluruh dan membantu dalam meningkatkan pemahaman mengenai latihan dalam talian.”

“Saya percaya latihan ICT dalam talian memenuhi permintaan terhadap pembelajaran abad ke-21. Disebabkan keluwesan latihan, guru dapat menyiapkan tugas yang diberikan kepada mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja.”

En. Mohd Zaki bin Mahmood

Pegawai JPN Perak

“Saya mendapati modul yang disediakan mudah difahami. Kurikulum literasi digital telah membantu guru memahami setiap aspek ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.”

Cik Chuah Swee Hong

SK Jalan Panglima Bukit Gantang



MEMPERKASA KUALITI PEMIMPIN SEKOLAH

Kepimpinan yang teguh adalah penting dalam memastikan keberhasilan pembelajaran positif dalam pembelajaran murid. Pemimpin sekolah yang paling efektif bukan sahaja seorang pengurus, tetapi juga seorang pemimpin instruksional yang boleh merubah persekitaran sekolahnya. Kementerian akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan setiap sekolah, tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi, mempunyai pemimpin yang berkualiti tinggi dan kumpulan pasukan pemimpin sokongan yang kompeten dan membantu dalam meningkatkan prestasi sekolah.

Dalam Gelombang 1 PPPM, satu proses pemilihan baharu berdasarkan satu set kriteria baharu telah diperkenalkan bagi menambah baik proses pemilihan, pembangunan dan pengiktirafan untuk pemimpin sekolah. Kriteria baharu ini termasuklah penguatkuasaan Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (*National Professional Qualification for Educational Leadership*, NPQEL) sebagai kelayakan mandatori pelantikan kepemimpinan sekolah. Bagi meningkatkan lagi keupayaan pemimpin sekolah, prapersediaan berterusan dan pembangunan profesionalisme telah diterajui dan dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB). Secara langsungnya, dengan adanya calon berkelayakan dan

penambahbaikan perancangan penggantian oleh negeri, Kementerian dapat mengisi kekosongan jawatan dengan kadar yang lebih pantas.

Pada tahun 2016, Kementerian terus menyediakan program sokongan kepada pemimpin sekolah untuk membolehkan mereka menjadi pemimpin instruksional berprestasi tinggi dan seterusnya menjadi pemimpin distributif seperti yang dihasratkan dalam PPPM. Latihan NPQEL terus diadakan sebagai menyediakan bakal pemimpin sekolah ke arah kecemerlangan. Untuk memberi lebih sokongan berterusan kepada pemimpin pertengahan di sekolah, Kursus Kepemimpinan untuk Pemimpin Pertengahan (*Leadership Course for Middle Leaders*, LCML) telah diperkenalkan dan dirintis untuk membantu pemimpin peringkat pertengahan mempertingkatkan kemahiran kepemimpinan yang diperlukan untuk memastikan mereka diperlengkapi dengan kemahiran sebagai pemimpin pendidikan. Program sokongan lain yang dilaksanakan dalam tahun 2016 termasuklah PRIme (Program Residensi dan Imersif) – satu program pementoran bertujuan membantu pemimpin sekolah yang baharu dilantik melalui tempoh peralihan ke sekolah baharu dengan selesa dan mudah, dan kursus CPD – kursus dan program bimbingan untuk mempertingkatkan tahap kompetensi.



Antara kejayaan kepimpinan sekolah yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

- NPQEL: Sejumlah 1,685 orang peserta telah dilatih dan sehingga ini sebanyak 56% daripada pemimpin sekolah memperoleh kelayakan NPQEL.
- PRIme (imersif): Sejumlah 1,162 orang pemimpin sekolah yang baharu dilantik mendapat bimbingan daripada SIPartner+ di daerah.
- PRIme (Residensi): Lima orang bakal pemimpin sekolah telah menyertai program rintis Residensi selama satu bulan.
- CPD: Sejumlah 17 orang pemimpin sekolah (94.4%) yang menyertai latihan CPD telah mencapai set minimum tahap kompetensi.
- LCML: Satu modul latihan telah dibangunkan dan dirintis. Sejumlah 60 orang pemimpin sekolah telah menyertai program rintis tersebut.

Kementerian juga telah merangka satu garis panduan baharu untuk menempatkan pemimpin sekolah berprestasi tinggi ke sekolah yang berprestasi rendah untuk memperkenalkan satu pengurusan berdasarkan prestasi dan kompetensi. Kejayaan dalam tahun semasa telah membolehkan Kementerian mengisi kekosongan jawatan 96.7% pemimpin sekolah dengan kadar yang lebih pantas. Pemimpin sekolah baharu dapat dilantik pada kadar 9.7 hari pada tahun 2016, berbanding dengan 88.1 hari pada tahun 2014.



Guru Besar Muda Memecah Tembok Stereotaip Kenaikan Pangkat Berdasarkan Kekananan

Sejak dahulu, kriteria pemilihan bagi pemimpin sekolah baharu dikaitkan dengan tempoh perkhidmatan dan bukannya kompetensi.



Hasilnya, terdapat kohort majoriti pemimpin sekolah yang telah berusia dan akan bersara apabila mereka

dilantik ke jawatan pemimpin sekolah. Dengan terlaksananya proses pemilihan baharu dalam Gelombang 1 PPPM, Kementerian telah dapat memperhalusi kriteria pemilihan yang baharu berdasarkan prestasi dan kompetensi untuk membolehkan guru besar/pengetua dapat berkhidmat lebih lama sebelum sampai tempoh persaraan.

Seorang guru besar yang dapat bersinar dalam sistem pendidikan melalui gaya kepemimpinan beliau ialah **En. Ahmad Firdauz bin Abdullah Tahrin**. Pada usia muda iaitu 32 tahun, Ahmad Firdauz telah dilantik sebagai guru besar **SK Jaya Mulia, Johor** pada tahun 2015. Baru menamatkan pengajian daripada program NPQEL, pada awalnya beliau bergelut untuk menghadapi cabaran sebagai seorang pemimpin yang baharu dan muda di sekolah kurang murid tersebut. Pada masa itu, kebanyakan pegawai bawahan beliau yang merupakan pegawai kanan yang memegang gred jawatan yang lebih tinggi tidak menjangkakan untuk melihat seorang pegawai yang sangat muda telah dapat memecahkan tembok stereotaip usia dalam lantikan guru besar.

Ahmad Firdauz tahu bahawa beliau perlu mengatasi keraguan kakitangan beliau dan mula mendapatkan kepercayaan mereka melalui komunikasi berkesan, mendengar secara aktif, dan menunjukkan keprihatinan dan mendengar cadangan daripada semua guru, kakitangan sokongan, ibubapa dan masyarakat. Beliau juga menggunakan pendekatan perhati-analisis-bertindak dalam semua keadaan. Melalui pendekatan tersebut, beliau dapat melaksanakan beberapa inisiatif yang dapat menyumbang secara lebih holistik kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Ahmad Firdauz menggabungkan segala pengetahuan yang diperolehi melalui latihan NPQEL, sesi pementoran bersama-sama guru besar terdahulu, mentor di daerah dan penasihat *LeapEd*.



Kini, En. Ahmad Firdauz ialah guru besar di

SK Pekan Nanas, Pontian. Beliau masih mengekalkan pendekatan yang sama, menekankan faktor kemanusiaan dan bersama-sama dengan murid dan guru pada peringkat pelaksana. Beliau telah mendapat maklum balas positif mengenai gaya kepemimpinan beliau daripada rakan-rakan setugas. En. Ahmad Firdauz berjaya memecahkan tembok stereotaip usia melalui komunikasi berkesan, sifat percaya dan sentiasa berfikiran positif.

Program PRIme (Residensi) Membantu Guru Besar Menghadapi Cabaran

Sekolah Kebangsaan Sungai Las terletak di tanah rendah berdekatan **Sungai Tong, Setiu di Terengganu**. Akibat berhampiran dengan sungai dan letaknya di tanah rendah, SK Sungai Las sentiasa mengalami banjir sehingga 7 kaki tinggi setiap kali tibanya musim tengkujuh. Walaupun kebanyakan kampung di sekitar telah ditempatkan semula ke tanah yang lebih tinggi, lokasi sekolah kekal di tempatnya. Beberapa ibubapa dan guru kesal dengan banjir yang saban tahun melanda tetapi **En. Fauzi bin Ibrahim** menganggap ianya sebagai cabaran bagi dirinya yang baharu dilantik sebagai guru besar di sekolah tersebut.



Sebagai sebahagian daripada persediaan m e n e m p a t k a n pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi di setiap sekolah seperti

dihasarkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Fauzi menamatkan latihan NPQEL pada tahun 2016 sebelum dilantik sebagai guru besar SK. Sg Las. Selain itu, beliau juga menjalani program PRIme (Residensi) untuk membantu memudahkan peralihan beliau ke dalam jawatan baharu. Sebelum banjir melanda, Fauzi sempat berbincang dengan mantan guru besar mengenai pelan strategik sekolah pada tahun 2017 semasa program PRIme. Perbincangan tersebut banyak membantu beliau dalam menghadapi pelbagai cabaran di sekolah. Sebaik sahaja diantik sebagai guru besar, En.

Fauzi mengumpulkan semua pihak untuk membersihkan sekolah selepas banjir melanda. Beliau, secara berseorangan, telah mendapatkan peruntukan tambahan dan juga menggunakan duit beliau sendiri untuk membayar sebahagian daripada perbelanjaan tata rias bilik darjah. Walaupun usaha beliau kelihatan agak kecil, semangat murid dan guru telah meningkat, dan beliau telah mendapat lebih kepercayaan daripada kakitangan dan murid.

Melalui latihan kepemimpinan yang diterima daripada IAB sebelum m e m e g a n g jawatan baharu dan dengan sokongan berterusan daripada



PPD dan JPN, En. Fauzi telah dapat bersedia sepenuhnya untuk menghadapi apa jua cabaran yang bakal mendatang. Tindakan seterusnya, beliau berharap untuk meningkatkan motivasi ibubapa dan melonjakkan pencapaian akademik sekolah. En. Fauzi amat percaya bahawa tanpa sikap amanah, seseorang tidak dapat menjadi pemimpin yang baik. Beliau berharap kepimpinan beliau dalam menghadapi saat-saat sukar akan dapat meningkatkan sokongan komuniti terhadap sekolah.



MELAKSANAKAN LIBAT URUS IBU BAPA, KOMUNITI, DAN SEKTOR SWASTA UNTUK MEWUJUDKAN EKOSISTEM PEMBELAJARAN



Tahun 2016 merupakan tahun kemajuan yang pesat dilakukan oleh kesemua sekolah di seluruh negara dalam melaksanakan libat urus dengan ibu bapa dan komuniti setempat supaya terlibat dalam ekosistem pembelajaran di sekolah.

Pelibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah diukur melalui kedatangan mereka dalam enam aktiviti utama sekolah iaitu Hari Pendaftaran, Hari Kad Laporan, Hari Penetapan Sasaran, Hari Anugerah Kecemerlangan, Hari Sukan dan Hari Mesyuarat Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan

Guru (PIBG). Pada tahun 2016, terdapat peningkatan ketara dalam jumlah sekolah yang merekodkan pelibatan ibu bapa yang tinggi dalam enam aktiviti utama di sekolah. Peratusan sekolah di seluruh negara telah merekodkan pelibatan tinggi ibu bapa pada kadar 92.6% dalam enam aktiviti tersebut berbanding 83.3% pada tahun 2015. Terdapat juga peningkatan mendadak dalam peratusan ibu bapa yang menawarkan diri sebagai sukarelawan di sekolah pada 40.9% dibandingkan dengan catatan 15.3% pada tahun 2015. Pencapaian ini telah dapat dilakukan atas usaha gigih oleh Jurulatih Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti. Sejumlah 96 orang Jurulatih Kebangsaan telah ditempatkan di setiap daerah. Jurulatih tersebut bertanggungjawab dalam menyediakan bimbingan kepada sekolah untuk meningkatkan bilangan pelibatan ibu bapa. Kumpulan jurulatih ini juga memberikan instrumen dan senarai semak kepada sekolah bagi memastikan libat urus yang sihat dengan ibu bapa.

Untuk meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam ekosistem sekolah dalam Gelombang 2 PPPM, pelbagai strategi inovatif telah dicipta termasuklah memperluas peranan PIBG dalam menyokong sekolah, menggerakkan libat urus peringkat sekolah dengan komuniti yang lebih besar, menyediakan jaringan sokongan seperti Kumpulan Sokongan Ibu Bapa untuk belajar dan berkongsi amalan terbaik dalam bekerja bersama-sama dan memberi sokongan kepada perkembangan pembelajaran dan tumbesaran anak-anak mereka, dan menyeru kepada komuniti yang lebih besar untuk berganding rapat ke arah kemajuan pembelajaran murid.

Semua strategi di atas telah dibuktikan berjaya seperti di SMK Balung, Tawau, Sabah, melalui usaha kolaboratif antara pentadbir sekolah dengan ibu bapa telah secara mendadak mengurangkan jumlah kes disiplin dalam kalangan murid. Satu lagi kejayaan yang dapat dikesan ialah daripada kes libat urus ibu bapa di SK Paon, Lundu, Sarawak untuk meningkatkan tahap literasi dalam kalangan murid yang telah mengakibatkan pengurangan kes disiplin di sekolah tersebut.

Mahkamah Disiplin SMK Balung Membina Sahsiah Murid

Hal-hal disiplin selalunya mengundang perbalahan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang mempunyai beraneka pandangan tentang bagaimana seseorang murid sepatutnya diperbetulkan. Di SMK Balung, kes disiplin seperti ponteng sekolah, menunjukkan kelakuan agresif, membuli, kecurian kecil, vandalisme ke atas harta benda sekolah dan peras ugut kerap berlaku. SMK Balung melihat keadaan ini sebagai peluang untuk menyelesaikan perbezaan pendapat antara ibubapa dan kakitangan akademik di sekolah.

SMK Balung memutuskan untuk mewujudkan satu mahkamah disiplin dengan diketuai oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid untuk menangani hal-hal disiplin antara ibu bapa dan murid dengan pihak pentadbiran sekolah. Satu prosedur yang sistematik diwujudkan melibatkan prosiding yang dianggotai oleh murid dan ibu bapa, sidang mahkamah diadakan dan tuduhan dibacakan. Murid akan diberi peluang untuk mempertahankan dan menjelaskan perlakuannya. Ibu bapa dan pihak sekolah akan berbincang tentang hukuman dan mencapai satu rumusan terbaik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

SMK Balung mendapati Mahkamah Disiplin telah memberi kesan lebih positif kepada murid berbanding dengan kaedah konvensional mendisiplinkan mereka tanpa kehadiran ibubapa. Pihak sekolah juga telah melihat perkembangan yang sihat dalam sahsiah murid.

Strategi tersebut telah berjaya di SMK Balung iaitu ibu bapa telah dipersedari bahawa menyelesaikan isu disiplin di sekolah adalah suatu usaha sama. Kesimpulannya, SMK Balung mendapati lebih ramai ibu bapa terlibat dengan aktifnya dalam membentuk perwatakan anak-anak mereka dan menyumbang kepada persekitaran yang lebih kondusif untuk pembelajaran.



Satu ilustrasi prosiding Mahkamah Disiplin di SMK Balung



Satu perjanjian tiga penjuru dimeterai antara sekolah, murid dan ibu bapa

Aktiviti Bercerita Memberi Manfaat kepada Murid dan Ibu Bapa

Puan Cheng Yu Ting adalah seorang wanita berkerjaya dalam bidang pemasaran perniagaan di Kuala Lumpur. Ibu dua anak ini menjadi sukarelawan di sekolah anaknya, SJKC Lai Meng. Beliau mengambil keputusan untuk menjadi sukarelawan selepas mendengar cerita yang dikongsi oleh kawan-kawan beliau yang mengujakan mengenai pengalaman kesukarelawanan yang berharga di sekolah. Sekolah tersebut menyediakan peluang kepada ibubapa untuk turut terlibat secara aktif dalam



p e m b e l a j a n anak-anak mereka. Ibumama dibolehkan duduk dan bercerita kepada murid dalam bilik darjah untuk sesi bercerita.

Anak-anak Yu Ting sangat sukakan sesi bercerita di rumah dan hal ini mencetuskan idea kepada beliau. *“Menjadi sukarelawan di sekolah membolehkan saya berkongsi kegembiraan mendengar cerita dengan kanak-kanak yang lain. Saya menganggap usaha ini sebagai sesuatu yang bermakna untuk dilakukan. Saya sangat gemar apa yang saya lakukan dalam kumpulan ini, dan saya katakan ini secara jujur daripada hati saya.”*

Murid suka sesi bercerita kerana sukarelawan ibumama mempersembahkan cerita mereka melalui pelbagai kaedah. *“Kami menggunakan gambar untuk mempersembahkan cerita. Kadang kala kami juga bercerita melalui permainan dengan kanak-kanak. Kami juga mempersembahkan sketsa pendek daripada buku bergambar untuk bercerita.”* Ibumama percaya bahawa penceritaan penting dalam memperkaya pembelajaran murid kerana ia mengajar mereka nilai-nilai moral dan perkembangan sahsiah.

Yu Ting percaya dalam dunia hari ini, ibu bapa dan guru merupakan sebuah komuniti. *“Kita tidak boleh lagi bekerja secara bersendirian. Tanpa kerjasama erat antara ibumama, guru dan sekolah, kita akan meminggirkan anak-anak kita daripada pendidikan terbaik yang mereka boleh perolehi.”* Beliau juga percaya apabila ibu bapa memberi bantuan di dalam bilik darjah, mereka dapat mengesan hal-hal yang mungkin tidak dilihat oleh guru disebabkan terdapat ramai murid yang perlu dijaga. Pemerhatian mereka akan membantu guru dan sekolah untuk memberikan lebih sokongan kepada murid yang memerlukan. *“Sebagai contoh, kami mungkin dapat mengetahui terdapat beberapa murid dengan isu emosi atau berhadapan dengan masalah pembelajaran.”*

Walaupun, Pn. Yu Ting bekerja sepenuh masa dan sering bergelut dengan pengurusan masa, beliau sentiasa cuba menguruskan jadual sebaik mungkin untuk aktiviti kesukarelawan di sekolah. *“Sebelum menjadi sukarelawan di sekolah, saya sentiasa beranggapan pergi ke sekolah hanya bermanfaat kepada anak-anak saya dan guru sahaja. Walau bagaimanapun, apabila kami, ibu bapa berada di sekolah, kami terkejut kerana kami berasa sungguh selesa. Masa yang dihabiskan di sekolah ialah suatu tempoh terluang yang amat baik untuk kami.”*

“Kepada semua ibu bapa, silalah pergi ke sekolah untuk membantu menjadikan pembelajaran suatu pengalaman yang gembira dan menyeronokkan kepada anak-anak kita. Jika setiap seorang memberikan sedikit masa, macam setengah jam, untuk sukarela berada di sekolah bagi satu aktiviti ringkas seperti bercerita, ia akan menjadi sesuatu yang sangat bermanfaat.”

Puan Cheng Yu Ting

Ibu,
SJKC Lai Meng



Komitmen Bapa Mengubah Lanskap Sekolah

Kelibat seorang lelaki yang berjalan di sekitar sekolah bukanlah sesuatu yang asing bagi murid **SMK Putrajaya Presint 8(1)**. Lelaki tersebut, **En. Mohd Zaini bin Mohd Said**, bapa kepada dua orang anak di sekolah tersebut telah menjadikan sekolah ini sebagai rumah keduanya sejak Mac 2016 apabila dilantik sebagai Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) yang dipimpin oleh Tuan Hj Roslan Abu Hanif. AJK PIBG sekolah ini secara kolektif sering berbincang sama ada secara bersemuka ataupun melalui kumpulan Whatsapp bagi membantu sekolah menjalankan usaha meningkatkan pengetahuan dan sahsiah murid.

Perbincangan PIBG dengan pihak sekolah mendapati bahawa penyelenggaraan dan disiplin merupakan dua isu utama yang perlu ditangani dengan segera. Yakin bahawa kedua-dua isu ini saling berkait, En Zaini bersama-sama beberapa orang bapa telah mengambil langkah proaktif dengan memantau kawasan sekitar kejiranan selepas waktu sekolah bermula untuk mengenal pasti murid yang sering ponteng sekolah dan terlibat dengan masalah disiplin. Hasil daripada usaha berterusan selama lebih dua bulan, sekumpulan murid yang mempunyai masalah disiplin telah dikenal pasti dan satu perbincangan dengan ibu bapa telah diadakan di sekolah. Usaha bersepadu dijalankan bagi memastikan murid ini 'dipulihkan' dari segi akademik, manakala aspek sahsiah dipulihkan dengan bantuan kaunselor sekolah melalui persetujuan ibu bapa. Hukuman secara positif diberikan kepada kumpulan murid ini dengan membantu En. Zaini dan beberapa orang bapa membaiki tandas lelaki, menceriakan lanskap sekolah dan melakukan penyelenggaraan kecil di sekolah.

Menurut En Zaini, *"Kita dapati murid yang terlibat dengan kes disiplin seperti merokok atau ponteng sekolah ini adalah mereka yang memerlukan perhatian. Apabila mereka ini kita libatkan dengan perkara fizikal seperti baik pulih dan keceriaan, mereka dapat gunakan ilmu yang dipelajari secara praktikal, dan mereka dapat perhatian daripada kita. Bila kita sama-sama ajar mereka, habiskan masa dengan mereka, solat jemaah dan sebagainya, mereka dapat memberikan sumbangan positif pada sekolah. Alhamdulillah, sekarang ini mereka secara sukarela mengikut saya menjalankan usaha baik pulih di sekolah. Jadi kita dapat atasi kedua-dua masalah serentak - penyelenggaraan dan juga disiplin."*

"Pengalaman dan tugas saya sebagai kontraktor membolehkan saya membantu sekolah dalam usaha baik pulih ini. Saya juga bersyukur kerana saya mempunyai masa bersama-sama PIBG, untuk melaksanakan

pelbagai aktiviti, tidak kiralah dari segi akademik ataupun pembangunan sahsiah demi anak-anak kita," tambah beliau.

Puan Nor Hayati Ishak, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid merakamkan rasa bersyukur kerana mendapat komitmen yang tinggi daripada PIBG, terutamanya En Zaini sendiri yang sanggup membantu tidak kira masa.

"Daripada 80 orang guru di sekolah ini, 72 orang adalah guru wanita, justeru kehadiran kaum bapa untuk membantu memastikan disiplin, khususnya dalam kalangan murid lelaki, memang sangat-sangat kami hargai. Komitmen En Zaini yang sanggup datang ke sekolah untuk memastikan keselamatan pada waktu malam dan jam 2.00 pagi amat saya kagumi. Beliau telah berjaya mengajak masyarakat sekeliling untuk sama-sama memantau kegiatan murid di luar sekolah. Hasilnya, semangat sayangkan sekolah dalam kalangan murid yang dulunya mempunyai masalah disiplin dapat dipupuk, hinggakan murid ini kini membantu pula sekolah semasa mereka bercuti sementara menunggu keputusan SPM. En Zaini juga telah menjalankan program peningkatan akademik dengan bantuan sukarelawan daripada institusi pendidikan tinggi bagi membantu murid yang berpotensi untuk lulus. Usaha ini membuktikan bahawa jalinan kerjasama antara sekolah, ibubapa dan masyarakat dapat memastikan satu situasi pembelajaran dan pembangunan diri yang sihat dapat diwujudkan di sekolah kita."

"Selama menjadi pendidik sejak 33 tahun lepas, saya belum pernah berjumpa seorang bapa yang mempunyai komitmen tinggi untuk sekolah seperti En. Zaini. Dia lah runner, dia lah pegawai penyelenggara, dia lah mendisiplinkan murid, dia lah tukang kebun... dia lah McGyver di sekolah ini."

Datin Norbaya Mansor,

Pengetua,
SMK Putrajaya Presint 8(1), Putrajaya

Sila imbas
kod ini untuk
menonton
video



QR CODE



MENGGALAKKAN PERKONGSIAN AWAM SWASTA DALAM PENDIDIKAN

Sektor swasta memainkan peranan penting untuk menyokong sistem pendidikan kebangsaan. Perkongsian Awam Swasta (PPP) dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan untuk memberi keupayaan kepada komuniti di seluruh Malaysia membantu sekolah meningkatkan prestasi, dan seterusnya memberi motivasi supaya sekolah meletakkan cita-cita tinggi. Spektrum semasa PPP yang merangkumi pelibatan PPP Ringan sehingga PPP Penuh daripada sektor swasta dipaparkan dalam Ekshibit 2-25.

Ekshibit 2-25: Ekosistem PPP Semasa dalam Pendidikan

RINGAN
Perkongsian
Awam Swasta

PENUH
Perkongsian
Awam Swasta



**Program
One-off**

**Sekolah
Angkat**

**Sekolah
Amanah**

**Diurus Penuh oleh
Pihak Swasta**

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Program *One-off*

Program *One-off* ialah satu bentuk tajaan untuk program dan aktiviti pendidikan daripada individu atau syarikat dalam tempoh masa setahun atau kurang setahun. Penajaan boleh dilakukan dalam bentuk sumbangan kewangan, bahan mentah dan/atau tenaga kemahiran berdasarkan minat dan ruang lingkup kemahiran penaja.

Pada tahun 2016, Kementerian telah melaksanakan kajian garis asas untuk mengenal pasti trend dan peratusan sumbangan kepada program *one-off*. Kajian tersebut mendapati jenis sumbangan untuk program *one-off* merangkumi tenaga kemahiran dan peruntukan perkhidmatan sosial, sumbangan kewangan, dan sumbangan lain.

Ekshibit 2-26: Dapatan Kajian Garis Asas: Peratusan Sumbangan Mengikut Jenis bagi Program *One-off*




Khidmat	16%
Kewangan	20%
Lain	64%

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Program Sekolah Angkat

Program Sekolah Angkat membolehkan sektor swasta membantu sekolah kerajaan melalui program intervensi untuk jangka masa singkat (1 hingga 3 tahun). Program tersebut adalah berbagai iaitu daripada kecemerlangan akademik hingga aktiviti bukan akademik, khususnya untuk murid dari komuniti yang terabai. Syarikat yang telah menyumbang kepada program tersebut termasuklah Yayasan PINTAR, Yayasan SP Setia dan Yayasan Sime Darby. Yayasan PINTAR merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada program ini melalui sumbangannya kepada 483 buah sekolah pada tahun 2016. Bilangan sekolah yang dianak angkatkan dalam program ini telah meningkat kepada sejumlah 604 buah dalam tahun 2016 dari 539 buah dalam tahun 2015 seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-27.

Ekshibit 2-27: Bilangan Sekolah (Kumulatif) di Bawah Program Sekolah Angkat Mengikut Tahun 2013 - 2016



Nota: Bilangan sekolah adalah secara kumulatif dari tahun ke tahun.

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Program PINTAR: Sokongan Pihak Swasta ke Arah Transformasi Pendidikan

PINTAR Mobile Learning Unit (PMLU)

“Saya suka PMLU kerana ia telah memberi saya peluang untuk belajar dan menemui perkara baharu dalam persekitaran yang menyeronokkan. Saya gembira kerana saya dapat menerapkan apa yang saya pelajari semasa kelas dan menggunakannya di stesen interaktif di dalam PMLU. Saya tidak mempunyai aktiviti atau stesen interaktif kegemaran kerana saya suka semua! Terima kasih PMLU dan PINTAR kerana memberi saya peluang ini. Saya harap PMLU akan melawat ke sekolah saya lagi pada masa akan datang.”



Khairi Azahari Azizan

Murid,
SK Kuala Perlis, Perlis

Leadership Programme for PINTAR School Leaders (LPPSL)

“Saya dapati program LPPSL oleh Yayasan PINTAR benar-benar bermanfaat kepada guru kerana terdapat banyak input dan idea yang diperolehi daripada jurulatih. Program ini memberikan platform yang baik untuk guru berkongsi pemikiran dan kebimbangan mereka tentang murid mereka dan cara kita boleh mengatasi cabaran. Saya juga belajar begitu banyak perkara dari sekolah lain dari segi kaedah pengurusan dan pengajaran yang sesuai untuk murid pada masa kini. Terima kasih PINTAR Foundation untuk peluang ini.”




Mohammad Azhan Shahrom

Guru Disiplin,
SMK Seri Kota Paloh, Johor

Leadership Programme for PINTAR School Leaders (LPPSL)

“Pertama sekali, saya ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih terutama kepada Yayasan PINTAR & UEM Group untuk peluang yang baik. Sebagai salah seorang daripada ahli lembaga pentadbiran sekolah, saya dapat melihat matlamat kami dengan jelas. Bermula dengan dorongan visi & misi program ini membuka lembaran baharu untuk kami memberi tumpuan dan bergerak ke peringkat seterusnya serta membuat anjakan paradigma. SK Kampung Batu menjadi lebih cekap dalam pengajaran & pembelajaran ke arah abad ke 21. Saya percaya pada masa akan datang, SK Kampung Batu akan dapat bersaing dengan sekolah-sekolah hebat lain. Insya Allah ...”



Puan Sharidah binti Mustafa

Penolong Kanan, Pentadbiran dan Kurikulum,
SK Kampung Batu, Kuala Lumpur

Danajamin100 Leadership Programme

“Program ini amat memberi manfaat kepada saya. Ia telah membantu saya mengatasi rasa malu dan meningkatkan tahap keyakinan saya. Saya lebih selesa berinteraksi dengan orang sekarang dan gembira untuk berkongsi pendapat saya dengan orang lain. Program ini telah mengajar saya cara kerja yang tersusun, bekerja dalam satu pasukan dan meletakkan keutamaan, membolehkan saya mendapatkan lebih banyak faedah semasa ulang kaji, dan ini menjadikan kerja sekolah lebih mudah untuk diurus, bahkan menyeronokkan.”

Ghajejndran a/I Arnajalam

Murid,
SMK Chederiang, Perak



PINTAR Action Song Programme (PASP)

“Program Lagu Aksi PINTAR (PASP) adalah program yang sangat baik untuk saya kerana ia memberikan pendedahan asas tentang kepentingan bahasa Inggeris untuk murid saya dan pada masa yang sama, saya dapat memperoleh pengetahuan dan pengalaman baharu dalam melaksanakan persembahan pentas. Saya berharap program ini akan diteruskan pada masa akan datang kerana ia pasti membantu memotivasi murid sekolah rendah untuk belajar bahasa Inggeris dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka dalam bahasa Inggeris.”

Amirul Sufie B. Mohd Saleh

Guru,
SK Senawang, N. Sembilan



PINTAR-HELP Programme (PHP)

“Salah satu program yang paling berfaedah yang pernah saya lalui dengan banyak aktiviti menarik dan jurulatih yang berpengalaman. Program ini penuh dengan pengetahuan penting yang membantu para guru untuk mengatasi cabaran dalam mengajar murid berkeperluan khas (MBK) dan membina rancangan pengajaran yang sesuai untuk mereka. Ia merupakan program yang baik untuk guru MBK kerana ia memberikan maklumat dalaman dan persiapan yang lebih baik untuk guru meningkatkan keberhasilan secara konsisten dan menyesuaikan diri dengan pengajaran zaman moden pada masa kini.”

Izhar Raihan Bin Muhamad Yaziq

Guru,
SK Parit Penghulu, Melaka



Aflateen Financial Programme

“Saya telah melihat banyak hasil positif dan maklum balas daripada pelajar saya selepas kami menyertai program Aflateen. Kami merasa hebat menjadi sebahagian daripada program ini kerana kami memperoleh begitu banyak manfaat dan mempelajari begitu banyak perkara mengenai cara menguruskan kewangan kami. Pelajar saya gembira menerapkan apa yang telah mereka pelajari sepanjang program dan sering bertanya kepada saya bila PINTAR akan menjemput kami sekali lagi untuk menyertai mana-mana program PINTAR yang lain.”

Rohana Bt. Yunus @ Unus

Guru,
SMK Tengku Temenggong Ahmad, Johor



Sumber: Yayasan PINTAR, 2016




Program Sekolah Amanah

Menerajui pencapaian dalam PPP ialah Program Sekolah Amanah iaitu satu inisiatif perkongsian awam swasta yang digerakkan oleh Kementerian untuk mentransformasi sekolah kerajaan. Program Sekolah Amanah bermatlamat untuk mentransformasi ekosistem pendidikan melalui empat matlamat strategik: Guru, Murid, Pemimpin Sekolah dan Komuniti. Sekolah Amanah berkonsepkan pembangunan sekolah secara menyeluruh ke arah kecemerlangan. Sumbangan sektor swasta akan memberikan faedah kepada sekolah dari segi pembangunan keupayaan kepemimpinan sekolah, menyediakan kepakaran dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan menyediakan sumber tambahan dan perkhidmatan lain yang mempunyai nilai tambah untuk meningkatkan pencapaian akademik dan prestasi sekolah. Kementerian berterusan menyediakan dana dan sumber untuk operasi seharian sekolah.

Program Sekolah Amanah adalah satu usaha kukuh perkongsian kolaboratif yang menggunakan model serahan secara berperingkat berasaskan jangka panjang sekurang-kurangnya 5 tahun. Program ini menumpukan kepada transformasi yang dapat dilestarikan bagi sekolah yang terlibat dan mencipta nilai tambah kepada sektor swasta apabila natijahnya dapat dilihat pada penghujung program. Dalam tahun 2016, sektor swasta telah menyokong 21 buah sekolah baharu untuk program tersebut. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2011, Program Sekolah Amanah telah memberi kesan kepada 83 buah sekolah di seluruh Malaysia.

Ekshibit 2-28: Bilangan Sekolah Amanah, 2013-2016



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Sesi Libat Urus Sektor Swasta

Kementerian sentiasa komited melakukan libat urus dengan sektor swasta untuk meningkatkan kesedaran, pemahaman dan komitmen melalui pelbagai saluran media seperti editorial, iklan, *edumercials*, sesi libat urus bersemuka, media sosial, surat khabar dan majalah.



Lawatan Kementerian ke Ibu pejabat Kumpulan Weststar pada May, 2016



Salah satu sesi Perbincangan Meja Bulat Sabah di Kota Kinabalu, Sabah pada April, 2016

DEVELOPING FUTURE LEADERS THROUGH PUBLIC-PRIVATE INITIATIVE

It is Friday, the last day of school for the week, and the Year 6 students of SK Sultan Hisamuddin Alam Shah in Kuala Lumpur are excited because they are going on a trip to Cameron Highlands.

They are visiting a school in Tanah Rata on Saturday to make new friends and share their experiences about new ways to do homework and enjoy learning.

One of them is Nursyazwani Shahirah, who enjoys the Virtual Learning Environment. She

Salah satu artikel mengenai PPP dalam Majalah Perniagaan, *The Edge*, keluaran tahun 2016

Adopting a new approach
By initiating a new school adoption programme the Ministry of Education is hoping to improve education standards nationwide

...new era has begun in the education for that promises to revolutionise the rising process in schools. The Ministry of Education (MOE), through its Malaysia Education Blueprint 2013-2025, has opted a new approach by initiating a programme focused on helping schools to their full potential via Public-Private Partnership (PPP).

Simply put, the aim is to form partnerships between private enterprise and government schools to improve the quality of teaching as well as the way students learn to deliver long-term benefits. MOE deputy director-general, Datuk Ahmad Tajudin Jali, says it will however reach much more than just the ministry and involves working together.

"Teachers, parents and students must be involved to ensure the success of the transformation. Our aim is to raise the comparative advantage of the various parties to deliver quality education in an integrated, effective, and cost manner and while the MOE will try to bring everyone together, it will come down to the effort put in by anyone. One of the measures we're trying to scaling up the 'Trust Schools' programme and other areas for private involvement," he adds.

Currently, the PPP programme covers the main areas which are the School option programme, Trust Schools programme and the One-Off programme. Partners from the private sector collaborating in the MOE include large corporations, governmental organizations (NGOs), education technologies, conducting after school activities as well as running literacy projects and motivational talks for the students with a minimum commitment of three years.

Since its launch in 2014, 66,848 students and 2,743 school leaders and teachers have benefited from it. One of them is a student from Selangor who says the programme has helped him improve the way he learns his subjects in school.

"Before this, I have always felt overwhelmed, as I find it difficult to juggle all the subjects I have to learn, and even

to manage to a point it has even become enjoyable."

Another student from Penang says he has learned new skills. "I was able to learn about what it's like to be a news reader in a news broadcast setting. I was also taught how to play musical instruments such as the violin and bass, which were totally new to me," he adds.

Meanwhile, a teacher from Malacca shares that since the implementation of the programme, his students have become more aware of the importance of conserving the environment for future generations.

have since retained all lessons learned through the Go Green Programme in all subjects, including co-curriculum activities — similar before where it was confined to just the Science module."

Foundation supported Pinar Foundation has been one of the key supporters of the MOE in the school adoption programme and through its support, several initiatives have kicked off. Among them are the Pinar Mobile Learning unit, a leadership programme for Pinar school leaders, Pinar Go Green School, Pinar D'Arts Literacy, Pinar Bantustan Challenge and the Pinar basic life support training and school preparedness programme.

It is hoped that these programmes will instil the right competencies in students and at the same time, the foundation is working at providing educational support for both students and teachers.

Foundation partners of the school adoption programme include Yayasan SP Setia, Yayasan Sime Darby, CIMB Foundation, Telekom Malaysia Bhd, Borneo Holdings Bhd and many others. Going forward, the MOE will continue to explore areas where the private sector can continue to play a part to deliver benefits for students in government schools.

Paparan mengenai Program Sekolah Amanah dalam majalah Focus Malaysia, Okt 29-Nov 4 keluaran tahun 2016

Makmal Perkongsian Awam Swasta

Bagi merancang fasa seterusnya dalam Gelombang 2, satu makmal dijalankan untuk mengenal pasti isu dan merangka penyelesaian berasaskan kerangka PPP yang diluluskan pada September 2016. Makmal yang dikendalikan secara sepenuh masa tersebut telah disertai oleh 52 orang peserta daripada sektor swasta dan Kementerian. Objektif utama makmal ialah menjajarkan semua aktiviti pendidikan yang berkaitan bagi memastikan aspirasi Kementerian untuk menjadi rakan kongsi strategik pilihan dalam perkongsian awam swasta dalam

pendidikan terhasil. Skop keutamaan input dibahagikan kepada empat teras utama: inovasi produk, kerjasama strategik dan khidmat masyarakat, tadbir urus dan operasi prosedur standard, dan modal insan. Sebanyak 17 isu dan 14 pelan tindakan strategik dicadangkan dan direka bentuk oleh ahli makmal. Cadangan dan idea tersebut telah dibentangkan kepada Timbalan Menteri Pendidikan, YB Senator Datuk Chong Sin Woon dan pengurusan tertinggi Kementerian. Dapatan daripada makmal, seterusnya, akan dijadikan pelan tindakan pada tahun 2017.



RINGKASAN

Tumpuan kepada peningkatan kualiti dalam pendidikan telah dipusatkan kepada memperkukuhkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan memastikan sekolah mendapat pengiktirafan IB MYP serta bertindak sebagai pemangkin kepada penerapan KBAT merentas sekolah di seluruh negara. Usaha awal untuk pembangunan pendekatan praktikal dalam pengajaran mata-mata pelajaran STEM telah disiapkan – guru dan pembantu makmal telah dilatih dan makmal sains telah dikenal pasti untuk penyelenggaraan. Untuk mengukuhkan penguasaan bahasa dalam literasi bahasa dan numerasi, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, Kementerian secara berterusan menyediakan sokongan kepada murid dan guru. Kualiti guru dan pemimpin terus diperkasa dan menjadi tumpuan utama dalam transformasi pendidikan melalui pelaksanaan PIPPK, pelbagai latihan dan transformasi IPG.

Transformasi pendidikan ke arah menyediakan pendidikan berkualiti dan memberi motivasi untuk peningkatan pencapaian, menerapkan nilai-nilai sejagat dan membina keperibadian positif dalam kalangan murid merupakan suatu usaha kolaboratif antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan semua ibubapa, masyarakat dan pihak swasta. Pembentukan anak-anak yang bersedia untuk menghadapi masa hadapan serta merupakan para pembina negara memerlukanelibatan aktif semua pihak yang akan menjadi pemangkin kepada kemajuan dan kemakmuran negara kita.



JAGA MASA



“Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibubapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka.”

**Pelan Pembangunan Pendidikan
Malaysia, 2013-2025, m.s. 2-4**

MEMASTIKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN

Sejak kemerdekaan, ekuiti pendidikan yang ideal kekal menjadi salah satu daripada matlamat asas dalam sistem pendidikan negara. Melangkah ke tahun 2016, tahun pertama Gelombang 2 transformasi pendidikan, Kementerian masih gigih dalam usahanya untuk mencapai ekuiti dalam pendidikan pada semua peringkat pendidikan dengan merapatkan jurang pencapaian antara sekolah, tanpa mengira lokasi dan keperluan khusus. Usaha ke arah itu terus ditingkatkan oleh Kementerian melalui pelaksanaan inisiatif utama berikut di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025:

- Program Transformasi Daerah
- Pendidikan Orang Asli dan Pribumi
- Pendidikan Inklusif

“Ekuiti dalam pendidikan adalah cara untuk mencapai kesaksamaan. Ekuiti dapat menyediakan peluang yang terbaik kepada semua murid untuk mencapai potensi diri sepenuhnya dan bertindak untuk menangani masalah kekurangan yang menghalang pencapaian pendidikan. Hal ini memerlukan perubahan khusus/tindakan untuk mengubah sejarah dan ketidakadilan sosial yang menghalang murid daripada mendapat akses dan manfaat daripada pendidikan yang sama rata. Pengukuran ekuiti tidak dapat menjadi adil sepenuhnya tetapi dilaksanakan untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan terhasil.”

UNESCO
World Education Forum 2015





PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH

Program Transformasi Daerah (*District Transformation Programme*, DTP) membolehkan semua negeri dan daerah mempercepatkan penambahbaikan sekolah, memberi tumpuan kepada kualiti sekolah dan keberhasilan murid, termasuk untuk murid berkeperluan khas. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kini mempunyai lebih kuasa dan akauntabiliti untuk menyokong dan memantau sekolah. PPD perlu menganalisis data sekolah, mengesan punca masalah dan menyediakan sokongan yang berbeza kepada pihak sekolah. Dialog prestasi diadakan pada semua peringkat bagi menyediakan proses yang lebih berstruktur untuk tujuan pemantauan, penyelesaian masalah dan mengambil tindakan pemulihan. Untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan karenah birokrasi serta kebuntuan, PPD menjadi saluran komunikasi utama kepada sekolah, menyelaraskan semua arahan dari peringkat Kementerian atau JPN.

Tahun 2016, merupakan tahun keempat pelaksanaan DTP. Program ini berusaha untuk mencapai matlamat berikut:

- Mengurangkan peratusan sekolah berprestasi rendah (Band 6 dan 7) kepada 0.8%.
- Meningkatkan peratusan sekolah berprestasi tinggi (Band 1 dan 2) kepada 37%
- Merapatkan jurang pencapaian antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar sebanyak 30%.
- Meningkatkan peratusan PPD mencapai penarafan kecemerlangan 4 dan 5 Bintang kepada 2%.

Pelbagai program intervensi telah dirancang dan dilaksanakan pada peringkat Kementerian, negeri dan daerah untuk mempercepatkan peningkatan sekolah. Pada peringkat

Kementerian, intervensi utama berikut telah dilaksanakan pada 2016:

- Menatarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada negeri dan daerah.
- Melaksanakan pemantauan dan lawatan sokongan ke semua PPD.
- Mengendalikan dialog prestasi berfokus peringkat Kementerian mengikut zon.
- Melaksanakan program peningkatan kemahiran kepada Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches+*, SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner+*, SIPartner+).
- Mengkaji semula Penilaian Penarafan Kecemerlangan PPD dan mengumpul data asas.

Menatarkan KPI kepada Negeri dan Daerah

Kementerian telah membangunkan satu set KPI berdasarkan peningkatan prestasi sekolah. Antara KPI tersebut termasuklah mengurangkan bilangan sekolah berprestasi rendah, meningkatkan bilangan sekolah berprestasi tinggi, merapatkan jurang pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar, dan meningkatkan bilangan PPD yang mendapat penarafan empat atau lima bintang. KPI disebarikan atau diturunkan dari peringkat Kementerian kepada negeri dan daerah serta sekolah bagi memastikan ketekalan dan keselarasan sasaran pada semua peringkat sistem. Pada tahun 2016, KPI untuk DTP telah disebarikan melalui pelbagai sesi penetapan sasaran dari peringkat Kementerian kepada negeri dan daerah.

Menjalankan Pemantauan dan Lawatan Sokongan ke Semua PPD

Pemantauan dan lawatan sokongan telah dijalankan kepada semua 141 PPD pada tahun 2016, yang diketuai oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Bidang-bidang penambahbaikan dalam pengurusan pada peringkat daerah telah dikenal pasti dan cadangan intervensi telah dibincangkan. Sebagai contoh, hasil lawatan pemantauan mendapati bahawa walaupun dialog prestasi telah dijalankan dengan sewajarnya, keberhasilan dan tindakan lanjut tidak dikesan oleh sesetengah PPD, mengakibatkan tindakan susulan yang lemah. PPD yang belum mencapai standard prestasi disasarkan juga dibimbing untuk meningkatkan kompetensi mereka dalam bidang yang dikenal pasti untuk penambahbaikan. Beberapa PPD tidak menjalankan aktiviti intervensi seperti yang dirancang. Oleh itu, PPD berkenaan dilatih mengenai tadbir urus yang betul untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program intervensi di daerah. PPD juga dilatih mengenai perancangan dan prosedur kewangan untuk memaksimumkan keberhasilan murid

Mengendalikan Dialog Prestasi Berfokus Peringkat Kementerian Mengikut Zon

Sesi dialog prestasi secara berkala dijalankan untuk memastikan sekolah, daerah dan negeri berada pada landasan yang betul untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Dialog prestasi dilaksanakan menggunakan data prestasi terperinci untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, diikuti dengan penilaian semula pelan pelaksanaan untuk memastikan isu-isu berkaitan diselesaikan. Isu-isu penting yang menghalang pencapaian

murid dan kemajuan sekolah pada peringkat daerah telah dibincangkan dan diselesaikan. Dialog prestasi ini juga berfungsi sebagai platform untuk negeri mendapatkan sokongan dan bantuan khusus daripada Kementerian. Pada tahun 2016, Dialog Prestasi peringkat kebangsaan telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada bulan Mei dan Disember. Dialog tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia atau Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan disertai oleh semua Pengarah JPN.

Pada tahun 2016, enam dialog prestasi peringkat zon telah dilaksanakan - zon tengah, utara, selatan, timur dan Sabah dan Sarawak. Dialog prestasi memberi tumpuan kepada prestasi akademik, kehadiran dan disiplin murid. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelia pelaksanaan DTP dan memudah cara dialog. Dialog prestasi ini juga menjadi model bagi pelaksanaan dialog secara berkesan oleh pemimpin pada peringkat daerah. Dialog ini telah diterima baik oleh semua ketua PPD kerana ia memberi fokus kepada peningkatan proses kerja dan bukan sesi untuk mencari kesalahan.

Melangkah ke hadapan, skop dialog prestasi akan diperluaskan daripada pencapaian akademik dengan memasukkan pencapaian kokurikulum dan sukan, hasil penilaian psikometrik dan penilaian berasaskan sekolah (PBS) ke arah menghasilkan keberhasilan murid secara holistik.

Menjalankan Program Peningkatan Kemahiran untuk SISC+ dan SIPartner+

Selaras dengan peranan PPD yang diperluas untuk menyokong sekolah, bilangan pegawai

pada peringkat daerah telah ditambah bagi menyediakan intervensi yang lebih berfokus kepada pihak sekolah berdasarkan keperluan mereka. SISC+ dan SIPartner+ ditempatkan di semua PPD untuk membantu mengupayakan pemimpin sekolah bagi meningkatkan prestasi sekolah dengan menyediakan latihan kepada guru dan guru besar serta pengetua yang terpilih. Pada tahun 2016, sebanyak 1,133 daripada 1,287 perjawatan SISC+ (88.7%) diisi, manakala bagi jawatan SIPartner+ sebanyak 266 daripada 342 jawatan (77.8%) telah diisi. Beberapa PPD, terutamanya di kawasan luar bandar di Sarawak, menghadapi masalah dalam mengenal pasti bakat untuk mengisi jawatan SISC+ dan SIPartner+. Melangkah ke hadapan, Kementerian akan meneroka alternatif yang kreatif terutama di daerah terpencil dengan masalah kekosongan yang teruk untuk mengisi jawatan dan mengekalkan SISC+ dan SIPartner+.

Kementerian juga akan mengkaji semula peranan SISC+ sebagai jurulatih pedagogi berdasarkan mata pelajaran dan meneroka kesesuaian untuk mengubah peranan SISC+ sebagai pakar pedagogi dalam semua mata pelajaran. SISC+ juga akan berfungsi sebagai saluran komunikasi dan jurucakap bagi pihak Kementerian mengenai dasar pendidikan. Sehingga kini, semua SISC+ telah ditingkatkan kemahiran dalam kejurulatihan generik dan kandungan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Kursus peningkatan kemahiran termasuk kemahiran berfikir aras tinggi, penggunaan Kurikulum dan Penilaian Standard Dokumen, Penilaian Berasaskan Sekolah serta kajian tindakan.

SIPartner+ diletakkan di PPD untuk membantu kepimpinan sekolah dalam pengurusan


pendidikan dan meningkatkan kemahiran instruksional. Sehingga kini, semua SIPartners+ telah ditingkatkan kemahiran bagi memberi sokongan yang lebih baik kepada guru besar dan pengetua dalam mengurus sekolah. Kementerian juga akan menilai impak latihan yang dijalani oleh SISC+ dan SIPartner+ bagi meningkatkan penyampaian latihan.

Mengkaji Instrumen yang Digunakan Untuk Menilai Prestasi PPD

Pada tahun 2015, Kementerian telah membuat keputusan untuk menilai prestasi PPD berdasarkan pencapaian KPI mereka. Satu instrumen telah diperkenalkan untuk menilai dan mengenal pasti amalan terbaik dan bidang penambahbaikan dalam pengurusan daerah. Prestasi PPD dinilai berdasarkan indikator yang terdiri daripada kualiti pengurusan

dan keberhasilan murid serta akses kepada pendidikan. Berdasarkan keputusan data asas, penilaian tersebut tidak memberi gambaran sebenar kualiti pengurusan sesuatu daerah kerana setiap PPD mempunyai profil, keperluan dan cabaran yang berbeza. Pada tahun 2016, Kementerian telah mengkaji semula dan merombak instrumen dan cara penilaian prestasi PPD. Instrumen yang diperbaharui kini mengandungi petunjuk kepada kepimpinan daerah, kecemerlangan organisasi dan juga pengukuran prestasi daerah dan keberhasilan sekolah. Data asas penarafan yang telah dirombak kemudiannya telah disemak oleh penyelidik luar dari badan bebas. Data asas kecemerlangan PPD pada tahun 2015 menunjukkan sejumlah 32 PPD (22.5%) telah ditaraf pada 4 Bintang dan ke atas.

Ekshibit 3-1: Penarafan Kecemerlangan PPD, 2015



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Jurang Pencapaian


Pada tahun 2016, peratusan sekolah berprestasi rendah (Band 6 dan 7) telah meningkat kepada 1.9% dan peratusan sekolah berprestasi tinggi (Band 1 dan 2) terus menunjukkan trend meningkat dari 36.8% pada 2015 kepada 39.9%.

Jurang Pencapaian dalam UPSR 2016

Jurang pencapaian pada peringkat nasional antara sekolah bandar dan luar bandar secara drastik melebar sebanyak 26.3% bagi UPSR 2016 berbanding UPSR 2012 seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 3-2.

Semua negeri menunjukkan penurunan dalam keputusan tahun 2016. Negeri yang mempunyai bandar besar mengalami penurunan yang lebih kecil berbanding negeri di Pantai Timur yang menghadapi penurunan yang besar dalam pencapaian UPSR 2016 seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 3-3.


Ekshibit 3-2: Jurang Pencapaian UPSR Bandar-Luar Bandar, 2012-2016



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Ekshibit 3-3: Penurunan Purata Mata Gred Negeri bagi UPSR 2016

**PURATA
KEBANGSAAN**




Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)



Ekshibit 3-4 menunjukkan pencapaian UPSR 2016 antara bandar dan luar bandar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Secara keseluruhan, prestasi sekolah bandar lebih baik berbanding sekolah luar bandar dalam semua mata pelajaran. Jurang pencapaian terbesar antara sekolah bandar dan luar bandar mengikut mata pelajaran ialah Bahasa Inggeris dan Matematik. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada pelebaran jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar adalah penguasaan bahasa Inggeris. Penguasaan yang lemah dalam bahasa Inggeris dalam kalangan murid di kawasan luar bandar telah dilemahkan lagi dengan perubahan kepada kertas Bahasa Inggeris UPSR 2016 apabila kertas tersebut dibahagikan kepada dua kertas iaitu Kefahaman dan Penulisan serta digredkan secara berasingan.

Pada tahun 2016, Kementerian memperkenalkan format baharu bagi UPSR berdasarkan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang memberi tumpuan kepada kreativiti dan inovasi, keusahawanan, teknologi maklumat dan komunikasi serta diperluaskan skop dari 3M (membaca, menulis, mengira) kepada 4M dengan memasukkan penaakulan (Ekshibit 3-5). KSSR telah diperkenalkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2011. Guru-guru telah dilatih untuk menyemai dan menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta pentaksiran. Jurang pencapaian menunjukkan masih terdapat jurang kesediaan antara sekolah bandar dan luar bandar. Dapatan awal mendapati bahawa murid di kawasan pedalaman kurang mendapat pendedahan penggunaan bahasa

Ekshibit 3-4: Pencapaian Bandar-Luar Bandar dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, 2016




Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Inggeris. Seseengah guru dan murid banyak bergantung kepada pembelajaran hafalan berbanding melaksanakan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi kesan negatif kepada keputusan peperiksaan mereka. Selain itu, masih terdapat guru yang belum memahami dan menghayati sepenuhnya standard yang ditetapkan dalam KSSR.

menguasai kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam abad ke-21. Lebih banyak penyelidikan perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor dalaman dan luar bilik darjah bagi menyediakan kemahiran pedagogi dan pelbagai pendekatan inovatif serta pengetahuan kandungan yang relevan dengan persekitaran murid untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid di kawasan luar bandar.

Pihak Kementerian menghadapi cabaran untuk menyediakan sokongan terbeza kepada sekolah luar bandar untuk memastikan murid

Ekshibit 3-5: Perbezaan antara Format UPSR 2016 dengan Format UPSR Tahun-tahun Sebelumnya



Sumber: Lembaga Peperiksaan (LP), 2016

Jurang pencapaian SPM 2016

Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar pada peringkat SPM terus mengecil sebanyak 22.9% berbanding tahun 2012 (Ekshibit 3-6). Jurang pencapaian ini mengecil disebabkan oleh prestasi murid luar bandar yang lebih baik berbanding prestasi murid di kawasan bandar.


Kebanyakan negeri terus menunjukkan peningkatan yang memberansangkan dengan

peningkatan terbesar daripada Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 3-7.

Kementerian akan meneruskan usaha untuk mempersiapkan sekolah bagi menterjemahkan secara berkesan Kurikulum Standard Sekolah Menengah baharu dalam pengajaran dalam bilik darjah.


Bersamaan dengan trend pada peringkat kebangsaan, jurang bandar-luar bandar dalam

Ekshibit 3-6: Trend Jurang Pencapaian Kebangsaan antara Bandar-Luar Bandar dalam SPM, 2012-2016



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)


Ekshibit 3-7: Gred Mata Purata Pencapaian dalam SPM 2016 Mengikut Negeri



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)


setiap negeri pada peringkat UPSR (Ekshibit 3-8) melebar, manakala pada peringkat SPM jurang semakin mengecil. (Ekshibit 3-9).

Ekshibit 3-8: Jurang Pencapaian Bandar-Luar Bandar dalam Setiap Negeri bagi UPSR, 2012-2016



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Ekshibit 3-9: Jurang Pencapaian Bandar-Luar Bandar dalam Setiap Negeri bagi UPSR, 2012-2016



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)



PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PRIBUMI

Kementerian sentiasa berusaha gigih untuk mencapai matlamat bagi memastikan semua murid termasuk Orang Asli dan masyarakat pribumi menerima pendidikan berkualiti yang relevan dengan keperluan mereka. Orang Asli dan masyarakat pribumi di Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dengan budaya yang unik, latar belakang dan bahasa. Kumpulan-kumpulan etnik tertumpu di beberapa kawasan penempatan yang berlainan di negara ini dan lebih daripada satu pertiga daripada penempatan Orang Asli terletak di pedalaman. Penyediaan pendidikan yang memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli dan kanak-kanak pribumi merupakan cabaran yang sangat berbeza berbanding menyediakan pendidikan kepada murid di kawasan arus perdana di bandar. Kumpulan minoriti ini berisiko tinggi untuk tercicir kecuali intervensi khusus disediakan untuk mereka.

Enrolmen, Kadar Kehadiran dan Kadar Peralihan Murid Orang Asli dan Pribumi

Akses kepada pendidikan dapat meningkatkan mobiliti sosial dalam kalangan masyarakat Orang Asli serta meningkatkan produktiviti kerja. Pada tahun 2016, enrolmen murid Orang Asli adalah berjumlah 40,257 orang.

Kehadiran ke sekolah secara tetap adalah penting bagi membolehkan murid Orang Asli menguasai kandungan mata pelajaran dan memperolehi kemahiran. Usaha secara kolektif dalam menyokong sekolah berisiko kehadiran rendah telah menunjukkan peningkatan kehadiran sekolah Orang Asli daripada 79.1% pada tahun 2015 kepada 86.3% pada 2016, jauh melebihi 82% yang disasarkan. Sebanyak 71 daripada 98 buah sekolah Orang Asli, yang telah dipantau oleh PPD masing-masing juga


Ekshibit 3-10: Enrolmen Murid Orang Asli, 2012-2016

	2012	2013	2014	2015	2016
Pendidikan Rendah (Prasekolah hingga Tahun 6)	28,567	28,619	27,978	28,985	27,697
Pendidikan Menengah (Kelas Peralihan hingga Tingkatan 6)	10,304	10,530	13,229	11,691	12,561
JUMLAH	38,871	39,149	41,207	40,676	40,257

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

telah berjaya mengekalkan purata kehadiran murid di atas 82% (Ekshibit 3-11).

Ekshibit 3-11: Kadar Kehadiran di Sekolah Asli, 2013 - 2016




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Kadar peralihan dalam kalangan murid Orang Asli dari sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah juga menunjukkan peningkatan

yang signifikan, dari 79% pada tahun 2015 kepada 83% pada tahun 2016 (Ekshibit 3-12).

Ekshibit 3-12: Kadar Peralihan Murid Orang Asli daripada Tahun 6 ke Tingkatan 1, 2008 - 2016




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Pencapaian Akademik di Sekolah Orang Asli dan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9)

Prestasi sekolah Orang Asli dan Sekolah K9 menurun dari sudut gred kumulatif 3.7 pada tahun 2015 kepada 4.3 pada tahun 2016 (Ekshibit 3-13), seiring dengan kemerosotan kadar penguasaan kertas UPSR dari 45.6% pada tahun 2015 kepada 43.8% pada tahun 2016 (Ekshibit 3-14). Sekolah Model Khas Komprehensif telah ditubuhkan untuk menyediakan sembilan tahun persekolahan hingga ke peringkat menengah rendah dalam usaha mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli terutama selepas pendidikan rendah.


Walau bagaimanapun, pencapaian keseluruhan UPSR 2012 hingga 2016 menunjukkan kumpulan murid ini masih jauh ketinggalan berbanding murid lain, dengan kadar lulus sebanyak 43.8% berbanding dengan kadar lulus peringkat nasional sebanyak 86.5%. Jurang pencapaian yang besar menunjukkan kadar penguasaan yang rendah dalam kalangan murid Orang Asli bagi 3M - membaca, menulis dan mengira. Kemahiran literasi dan numerasi yang rendah juga menjadi penghalang kemajuan dan pencapaian murid Orang Asli pada peringkat menengah dan menimbulkan risiko keciciran yang tinggi.

Ekshibit 3-13: Mata Gred Kumulatif Peringkat Kebangsaan dan Sekolah Orang Asli/K9 dalam UPSR, 2012-2016



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)


Ekshibit 3-14: Kadar Lulus Kertas UPSR Sekolah Orang Asli/K9 dan Kebangsaan, 2012-2016



Murid Orang Asli masih sukar untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu. Cabaran yang lebih besar bagi murid Orang Asli adalah menguasai Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa ketiga kepada mereka. Oleh itu, penurunan dalam pencapaian kertas Bahasa Inggeris UPSR 2016 adalah dijangkakan.

Mata pelajaran Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran paling sukar dengan kadar penguasaan sebanyak 33.3% bagi komponen Kefahaman dan 27.7% untuk komponen Penulisan seperti dalam Ekshibit 3-15.

Ekshibit 3-15: Taburan Gred di Sekolah Orang Asli / K9 Mengikut Kertas Mata Pelajaran UPSR, 2016





Unit 4
Around the School

Let's go to the school together.
School starts with Early Morning.

When school starts, please stand firm.
When school starts, please go to your class.

Unit 4
Around the School

Let's talk.

chant
The Sun, Snails, and Ants
See the sun,
It shines brightly.
See the ants,
See the ants,
On the ground.
See the...

Menyediakan Akses dan Mengurangkan Kadar Keciciran Murid

Pada masa ini, terdapat 98 buah sekolah rendah yang memenuhi keperluan murid Orang Asli. Pada tahun 2016, enrolmen murid Orang Asli berjumlah 40,257. Kadar keciciran dalam kalangan murid Orang Asli secara beransur-ansur berkurangan tetapi kekal tinggi berbanding purata nasional. Sehingga tahun 2016, tujuh buah sekolah K9 telah beroperasi, dikendalikan oleh 269 orang guru, dengan 3,295 murid Orang Asli dan Pribumi.

Pendidikan Asas Vokasional (PAV) ditawarkan di empat buah sekolah K9. PAV memberi peluang kepada murid Orang Asli dan murid Pribumi yang berumur 13 hingga 15 tahun mengikuti pendidikan vokasional. Kementerian sedang berusaha untuk memastikan sekolah K9 memenuhi kriteria akreditasi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) termasuk tenaga pengajar, kemudahan latihan dan premis bagi memastikan murid yang telah menamatkan PAV pada peringkat menengah rendah dapat dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 2. Dengan akreditasi ini murid Orang Asli dan pribumi boleh meneruskan pensijilan tahap kemahiran yang lebih tinggi di sekolah vokasional.


Menyokong Guru dalam Bilik Darjah

Kementerian mengiktiraf kepentingan pengajaran dan pembelajaran berkesan untuk meningkatkan keberhasilan murid dan berusaha untuk terus menyokong guru-guru di sekolah Orang Asli melalui latihan pedagogi dan peningkatan keupayaan guru. Guru novis di sekolah Orang Asli telah dibantu dan disokong oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan PPD dalam aspek menyesuaikan strategi pengajaran dan pembelajaran mereka untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Murid Orang Asli yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan telah diterima mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) untuk menyediakan guru dalam kalangan Orang Asli yang lebih memahami konteks tempatan dan berkhidmat semula kepada masyarakat Orang Asli demi kepentingan komuniti. Pertimbangan khas diberikan kepada murid Orang Asli dan Pribumi yang bercita-cita untuk memasuki profesion perguruan. Syarat kemasukan minimum ke PISMP untuk Orang Asli dan Pribumi adalah enam kepujian dalam SPM, berbanding syarat lima kecemerlangan dalam SPM bagi pemohon lain. Dalam tahun 2016, 30 orang pelajar Orang Asli dan Pribumi telah mendaftar sebagai guru pelatih. Kohort perintis masyarakat Orang Asli dan Pribumi telah menamatkan program dan telah berkhidmat di pelbagai sekolah Orang Asli di seluruh negara (Ekshibit 3-16).

Ekshibit 3-16: Bilangan murid Orang Asli dan Pribumi dalam PISMP Mengikut Kohort, 2010-2016

ENROLMEN DALAM PISMP



Tahun Ambilan	Bilangan Ambilan
2010	10
2011	-
2012	25
2013	14
2014	30
2015	30
2016	30
Jumlah	139

Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Meningkatkan Kadar Literasi


Kurikulum Orang Asli dan Penan (KAP) merupakan sukatan pelajaran dan kurikulum yang diubah suai dan disesuaikan mengikut konteks dan perspektif Orang Asli dan Penan. Kurikulum ini sedang dilaksanakan di 30 buah sekolah Orang Asli di Perak, Pahang, Terengganu, Kelantan, dan enam sekolah Penan di Sarawak. Melangkah ke hadapan, Kementerian akan mengemas kini dan menyemak semula KAP untuk diajarkan dengan kerangka kerja dan prinsip KSSR.

Dalam usaha meningkatkan kadar literasi dalam kalangan Orang Asli dan komuniti Pribumi, Kementerian telah memperkenalkan Kelas Dewasa Orang Asli dan Pribumi, (KEDAP) untuk memberi penguasaan asas literasi dan

numerasi dalam kalangan komuniti dewasa bagi menyokong pembelajaran anak-anak mereka. Pada tahun 2016, sebanyak 89 buah KEDAP telah dilaksanakan, penurunan dari 119 buah kelas yang dijalankan pada tahun 2015. Pembukaan kelas KEDAP bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh Kementerian.

Kerjasama dengan Sektor Swasta

Matlamat Kementerian adalah untuk mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan badan antarabangsa bagi menyokong agenda transformasi pendidikan Orang Asli. Pemimpin pendidikan dan daerah digesa untuk mewujudkan ekosistem yang komprehensif untuk mencapai matlamat ini. Pada tahun 2016, Kementerian berjaya melibatkan 32 buah sekolah dengan pelbagai



Timbalan Menteri Pendidikan II, YB Senator Dato' Chong Sin Woon mempengerusikan Meja Bulat Pendidikan Orang Asli

agensi kerajaan, rakan korporat, NGO dan universiti tempatan untuk sama-sama menyumbang ke arah peningkatan pendidikan Orang Asli. Beberapa contoh kejayaan kerjasama antara sekolah dan pelbagai agensi termasuk EMPOWER ECER, Kolej Marlborough, Syarikat Kentucky Fried Chicken, Universiti Sains Islam Malaysia dan T7-Global yang membantu membina empat kelas di SK Sg Berua, Terengganu dan SK Ladang Pen, Gelang Patah, Johor.

Perbincangan Meja Bulat dan Makmal Pendidikan Orang Asli

Bagi menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua, Kementerian perlu mengambil kira isu-isu utama yang menghalang akses murid ke sekolah dan menghalang pencapaian akademik murid. Perbincangan meja bulat telah diadakan pada 29 September 2016 untuk memahami isu dan cabaran yang dihadapi berkaitan dengan pendidikan Orang Asli. Perbincangan itu dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, YB Senator Dato Chong Sin Woon dan dihadiri oleh ahli akademik, NGO, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pusat Kecemerlangan Pedagogi Pribumi Kebangsaan, wakil komuniti dan pengetua dan guru besar sekolah. Perbincangan ini sangat penting kepada Kementerian bagi mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu utama berkaitan prestasi murid Orang Asli dan membangunkan pendekatan holistik untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan.

Isu-isu yang dibincangkan semasa perbincangan meja bulat telah dijadikan skop perbincangan dalam Makmal Pendidikan Orang Asli bagi membangunkan pelan tindakan untuk tahun 2017. Makmal ini telah dikendalikan oleh PADU dan PEMANDU. Ahli-ahli makmal terdiri daripada wakil Bahagian di Kementerian, JPN, PPD, pemimpin sekolah dan guru, Institut Pendidikan Guru, pemimpin masyarakat, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, ahli akademik dan NGO. Pemimpin-pemimpin masyarakat Orang Asli telah menegaskan bahawa mereka juga mempunyai harapan yang tinggi dan mahu pendidikan yang terbaik untuk anak-anak mereka sekali gus menafikan andaian bahawa pendidikan formal adalah tidak relevan dalam kehidupan Orang Asli.

Cadangan daripada Makmal Pendidikan Orang Asli

Kementerian akan mengukuhkan tadbir urus pengurusan dan pentadbiran sekolah Orang Asli bagi memastikan semua isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak Orang Asli dapat diselesaikan dengan segera, dengan mengambil kira amalan sosiobudaya yang sedia ada.

Bermula pada tahun 2017, Kementerian akan menumpukan usaha untuk melaksanakan 11 inisiatif yang dicadangkan dalam makmal penyelesaian masalah untuk menangani isu penyediaan pendidikan berkualiti untuk masyarakat Orang Asli itu. Sebelas inisiatif yang dicadangkan untuk meningkatkan prestasi murid Orang Asli adalah seperti berikut:

1. Pengukuhan Program Pedagogi Orang Asli untuk memastikan murid Orang Asli mendapat manfaat sama rata daripada kurikulum arus perdana.
2. Perkongsian amalan terbaik pengurusan pendidikan Orang Asli dan dikongsikan dengan semua 98 sekolah Orang Asli.
3. Memastikan infrastruktur yang mencukupi untuk Sekolah K9.
4. Mengembangkan Sekolah K9 di Kelantan, Perak dan Pahang.
5. Memberikan keluwesan berkaitan hari persekolahan dan jadual waktu untuk sekolah Orang Asli berdasarkan keperluan tempatan.
6. Mewujudkan Sekolah Komuniti Tengku Ampuan Afzan (SKTAA) khusus untuk murid Orang Asli.
7. Memastikan Sekolah K9 yang menawarkan PAV memenuhi kriteria akreditasi daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk kemudahan latihan dan premis, guru, latihan kurikulum dan sistem jaminan kualiti.
8. Mengembangkan PAV dan PVMA di sepuluh buah sekolah menengah dengan kemasukan Orang Asli yang lebih ramai di Kelantan, Perak dan Pahang.
9. Mewujudkan Pusat Pendidikan Komuniti untuk kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga Tahun 2 yang melibatkan ibu bapa dan anggota masyarakat sebagai tenaga pengajar dibimbing oleh guru sekolah rendah berhampiran.
10. Menguatkuasakan biasiswa bersyarat bagi Orang Asli untuk memastikan mereka kembali berkhidmat kepada masyarakat mereka.
11. Menirikan asrama murid dan rumah transit ibubapa melalui perkongsian awam-swasta.



Murid Orang Asli di SK RPS Banun Cemerlang melalui Usaha Bersepadu

SK RPS Banun adalah sebuah sekolah terletak jauh di Grik, Perak, kira-kira 150km dari Lebuhraya Utara-Selatan. Pada tahun 2015, SK RPS Banun adalah sekolah Orang Asli yang paling lemah dengan keseluruhan kadar penguasaan literasi dan numerasi hanya pada 10%. Mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah mata pelajaran paling kritikal - tiada murid mencapai kemahiran minimum dalam bahasa Inggeris.

Pada tahun 2016, Kementerian telah menjalankan satu siri sesi pencarian fakta di SK RPS Banun untuk menganalisis punca kelemahan prestasi dalam kalangan murid dan strategi intervensi bersama-sama dengan pihak sekolah dan PPD. Pada Julai 2016, Kementerian mengarahkan penempatan guru pelatih Orang Asli dari IPG Tengku Ampuan Afzan di sekolah tersebut untuk program praktikum mereka selama 3 bulan. Langkah itu membolehkan guru pelatih berkenaan mendapat pengalaman sebenar dalam pengajaran di sekolah Orang Asli yang mencabar dan memberi sokongan kepada guru sedia ada di sekolah tersebut dalam penyampaian pengajaran dengan berkesan.

Guru pelatih yang ditempatkan di sekolah dengan sokongan pensyarah berpengalaman dari IPG Tengku Ampuan Afzan, telah merancang dan melaksanakan program OPS 3M melibatkan masyarakat setempat. Tumpuan program adalah meningkatkan literasi asas. Dalam program OPS 3M, murid mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru setiap hari untuk meningkatkan literasi mereka. Aktiviti ini dijalankan selama 30 minit setiap hari dalam kumpulan kecil.

Murid yang dapat menguasai asas literasi kemudiannya digalakkan untuk mempamerkan fonik penguasaan mereka dalam perhimpunan pagi. Guru dan murid mengajar fonem kepada murid yang masih belum menguasainya.



Lawatan Sokongan Dato' Hj. Tajuddin bin Jab, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan) ke SK RPS Banun

Permainan dan aktiviti sukan telah diperkenalkan bersama-sama dengan pengajaran untuk menggalakkan kehadiran dan mencetuskan keseronokan dalam pembelajaran. Guru pelatih juga memupuk hubungan rapat dengan masyarakat setempat dengan mengadakan lawatan bulanan pada hujung minggu ke kampung-kampung Orang Asli.

Usaha bersepadu ini telah menghasilkan peningkatan memberangsangkan seperti yang ditunjukkan pada keputusan UPSR 2016. Kadar penguasaan untuk Kefahaman Bahasa Inggeris menunjukkan peningkatan yang paling tinggi, dari kadar penguasaan 0% pada tahun 2015 kepada 21% pada tahun 2016. Begitu juga dengan kadar penguasaan Sains melonjak daripada 7% pada tahun 2015 kepada 35% pada tahun 2016. Kadar Penguasaan untuk komponen Penulisan Bahasa Melayu dan Matematik juga menunjukkan peningkatan.



PENDIDIKAN INKLUSIF

Penyediaan peluang untuk murid berkeperluan khas (MBK) menerima pendidikan berkualiti setanding dengan arus perdana jelas ditekankan dalam PPPM. Kementerian memperhebatkan usaha untuk menyediakan pendidikan khas kepada lebih ramai MBK melalui pelaksanaan pendidikan inklusif dalam Gelombang 2.

Program Pendidikan Inklusif (PPI) bertujuan untuk menyediakan peluang pendidikan kepada MBK untuk berada dalam kelas biasa dengan murid arus perdana. Murid akan mengikuti kurikulum yang sama dan mendapat bimbingan daripada guru arus perdana dengan bantuan guru pendidikan khas. Bantuan yang sewajarnya disediakan untuk membolehkan MBK mengambil bahagian dalam interaksi sosial dan belajar bersama-sama rakan mereka di dalam kelas arus perdana.

Pada tahun 2015, Kementerian telah menetapkan sasaran yang tinggi iaitu 30% MBK mendaftar dalam PPI pada akhir

“Program Pendidikan Inklusif” bermaksud satu program pendidikan untuk murid berkeperluan khas, yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama murid lain di dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan.”

Sumber: Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas), 2013

Ekshibit 3-17 : Peratus MBK dalam Program Pendidikan Inklusif, 2013 - 2016

PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF				
TAHUN	2013	2014	2015	2016
MURID (%)	9.5%	18.4%	23.2%	30.3%

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)



Gelombang 1 (2013-2015). Sasaran ini tidak tercapai kerana enrolmen MBK dalam PPI pada akhir 2015 hanya pada 23.2%. Oleh itu, sasaran tersebut dikekalkan untuk tahun pertama Gelombang 2 (2016).

Kementerian berbangga dengan pelbagai usaha dan perhatian yang telah diberikan untuk memperluas PPI. Peratusan MBK telah meningkat dengan ketara di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sejak awal pelaksanaan PPPM pada tahun 2013. Pada 2016, peratusan MBK dalam PPI telah meningkat kepada 30.3% (Ekshibit 3-17). Terdapat juga peningkatan besar dalam bilangan sekolah melaksanakan PPI, selari dengan pertambahan enrolmen. Bilangan sekolah melaksanakan PPI meningkat dengan ketara kepada 5,811 buah sekolah pada tahun 2016 daripada 4,869 buah sekolah pada tahun 2015 iaitu tambahan sebanyak 942 buah sekolah.

Penting untuk diketahui bahawa sebelum pelbagai usaha berfokus dipergiatkan untuk melaksanakan PPI, kebanyakan MBK didaftarkan di sekolah pendidikan khas atau sekolah dengan Program Integrasi Pendidikan Khas. Iubapa merasa bimbang untuk mendaftarkan anak-anak mereka dalam PPI kerana kurang pengetahuan dan pemahaman mengenai manfaat PPI terhadap potensi anak-

anak mereka. Oleh itu, beberapa kempen kesedaran dijalankan di seluruh negara untuk mendidik ibubapa dan masyarakat tentang kepentingan dan penyediaan pendidikan khas. Usaha murni ini membuahkan hasil apabila lebih ramai MBK diterima untuk belajar bersama-sama murid arus perdana.

Untuk menyokong dan menggalakkan lebih ramai MBK mendaftar dalam PPI, sekolah dilengkapi dengan sumber yang relevan seperti infrastruktur fizikal, guru pendidikan khas yang terlatih dan perkhidmatan sokongan. Sejak tahun 2013, latihan berterusan juga disediakan untuk guru arus perdana dan guru pendidikan khas bagi membantu MBK dalam PPI. Mulai tahun 2016, PPI telah dipertingkatkan dengan pelbagai strategi untuk menggalakkan kemasukan MBK dalam program ini. Sasaran yang telah ditetapkan iaitu 30% MBK mendaftar menjelang akhir tahun 2016, dijadikan KPI untuk Program Pendidikan Inklusif.

Program Pendidikan Inklusif Holistik (HIEP)

HIEP dirintis oleh Universiti Sains Malaysia (USM) di lima buah sekolah rendah di daerah Larut, Matang dan Selama mulai Mac 2015 sehingga Oktober 2016. Satu konsep holistik PPI telah dibangunkan yang terdiri daripada tiga aspek utama seperti yang ditunjukkan

dalam gambar rajah di bawah (Ekshibit 3-18). Konsep holistik akan membantu sekolah untuk

melaksanakan PPI dengan lebih berkesan bagi meningkatkan potensi murid.

Ekshibit 3-18: Konsep Program Pendidikan Inklusif Holistik (HIEP)



Berdasarkan konsep PPI, model HIEP yang sedia ada telah direka bentuk semula berdasarkan maklum balas dan cadangan yang diterima daripada guru sekolah dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam program perintis. Model HIEP yang disesuaikan

akan digunakan sebagai panduan untuk melaksanakan IEP yang lebih berkesan ke arah pembangunan holistik murid MBK. Model ini terdiri daripada dua komponen utama seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 3-19.

Ekshibit 3-19: Model Program Pendidikan Inklusif Holistik (HIEP)



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)



Pendidikan Inklusif: Membina Keyakinan Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Pendidikan Inklusif bermatlamat untuk menyediakan peluang pendidikan yang saksama kepada murid berkeperluan khas (MBK) dalam satu bilik darjah yang sama dengan murid arus perdana. Pergaulan antara MBK and murid arus perdana akan memberikan manfaat kepada semua melalui peningkatan kefahaman murid arus perdana mengenai rakan MBK mereka selain menyemai sikap bekerjasama, dan saling membantu. MBK pula akan dapat membina keyakinan diri dan berpeluang bersama-sama rakan mereka dalam melakukan pelbagai aktiviti sekolah.

SK Changkat Larut, Taiping, Perak dan SK Long Jaafar, Kamunting, Perak terletak di dalam Daerah Larut, Matang dan Selama di Perak. Dua buah sekolah ini adalah antara lima buah sekolah yang terpilih untuk melaksanakan Program Pendidikan Inklusif Holistik iaitu program rintis bagi model baharu untuk pendidikan inklusif. Program ini merupakan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Universiti Sains Malaysia.

SK Changkat Larut mempunyai lima buah kelas pendidikan khas dengan enam orang guru dan empat orang pembantu guru. Kebanyakan murid adalah dalam kumpulan murid bermasalah pembelajaran yang belum menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira). Murid daripada kelas pendidikan khas disaring

bagi memastikan mereka dapat menguasai 3M dan mencapai tahap yang sesuai untuk membolehkan mereka dimasukkan ke dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan mengikuti pelajaran bersama-sama rakan daripada aliran perdana.

Penolong Kanan Pendidikan Khas, En. Mohd. Azaini Sham bin Mohd Ali menyatakan program pendidikan khas telah dilaksanakan secara menyeluruh di SK Changkat Larut. Pembelajaran murid adalah mengikut kemampuan murid. Bagi murid yang tidak cenderung kepada akademik, murid diinkluskikan dalam aktiviti kokurikulum dan sukan serta badan beruniform.

Guru Pendidikan Khas, Pn. Jasmiah binti Abu Bakar menyatakan, *“Sebagai guru aliran perdana, saya membantu murid khas ini secara individu. Kita akan bawa dia bersama-sama murid aliran perdana supaya tidak rasa dipinggirkan. Kita layan dia seperti murid normal. Pembelajaran dia bertambah bagus dan dia menjadi murid yang berkeyakinan.”*

Pn. Faridah binti Ghazali, Guru Penolong Kanan, SK Long Jaafar menyatakan MBK merupakan murid yang emosional. Beliau menegaskan, *“Guru perlu bersabar dan menarik mereka untuk belajar. Kaedah belajar untuk MBK lebih kepada visual dan permainan....Program Pendidikan Inklusif banyak membantu kerana MBK yang diinkluskikan boleh membawa diri dan menyesuaikan diri dengan rakan mereka di dalam kelas.”*

Ustaz Affendy mempunyai salah seorang anak dalam pendidikan inklusif di sekolah ini. Anak beliau mengalami Disleksia dan atas nasihat pakar beliau telah menghantar anaknya ke SK Long Jaafar. Beliau memaklumkan, *“Alhamdulillah, setakat ini, guru Bahasa Inggeris telah berjumpa dan memaklumkan anak saya telah menunjukkan perubahan.”*

Guru Besar, SK Long Jaafar, Tn. Hj. Mohd Nasir bin Abu Bakar memaklumkan bahawa pendidikan inklusif di sekolah beliau diterima baik oleh ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas. Beliau menyarankan supaya ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas mengenal pasti keupayaan anak lebih awal. Ibu bapa perlu menghubungi sekolah yang mempunyai pendidikan inklusif dan berhubung dengan doktor untuk mendapatkan pengesahan atau mendapatkan sokongan daripada pihak yang berkaitan supaya anak-anak dapat dimasukkan ke sekolah pendidikan khas atau sekolah dengan program pendidikan khas.

Nur Affini binti Muhammad Nasrun merupakan MBK (kurang upaya fizikal) yang sedang mengikuti pendidikan inklusif di SK Changkat Larut. Affini gembira berada di dalam PPI kerana dapat bergaul dengan rakan-rakan dan mempunyai guru yang prihatin tentang keupayaan beliau. Affini menyatakan perasaannya terhadap sekolah, *“Guru dan rakan-rakan sangat baik terhadap saya. Mereka*

membantu saya dari segi pembelajaran dan keperluan saya. Sekolah ada menyediakan tandas OKU khas yang memudahkan saya. Guru banyak membantu dan memberi semangat untuk saya terus belajar.” Nasihat Affini kepada rakan-rakan berkeperluan khas, *“Berusaha dan jangan berputus asa serta sentiasa berdoa.*

Muhammad Irfan Hakimi merupakan salah seorang MBK di SK Long Jaffar. Irfan menyatakan perasaan beliau berada di sekolah, *“Saya suka sekolah ini kerana seronok, ramai kawan, cikgu baik dan makanan di kantin sedap. Cikgu mengajar kami menulis, membaca dan seronok. Di dalam kelas kawan saya mengajar saya menulis.”* Irfan juga merupakan salah seorang ahli pasukan bola sepak sekolah beliau.

Sila imbas
kod ini untuk
menonton
video



QR CODE

Pembangunan Buku Panduan Pelaksanaan Pedagogi Inklusif

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah inklusif memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran yang berkesan untuk MBK. Pada tahun 2016, Buku Panduan Pelaksanaan Pedagogi Inklusif telah dibangunkan untuk membantu guru arus perdana dan guru pendidikan khas dalam menjalankan PdP mereka untuk MBK dalam bilik darjah secara inklusif. Panduan ini mengandungi maklumat mengenai ciri-ciri kategori kecacatan yang berlainan, kaedah PdP khusus untuk MBK, serta perkhidmatan sokongan lain seperti terapi, kemudahan pembelajaran dan alat pembelajaran khas yang boleh digunakan di dalam bilik darjah.

Instrumen Penempatan untuk MBK: Semakan Semula

Instrumen penempatan untuk MBK (Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas, IMPaK) untuk 4 hingga 6 tahun telah dibangunkan pada tahun 2014 sebagai edisi percubaan. Instrumen ini digunakan untuk menilai murid dalam bidang seperti kognitif, pertuturan dan bahasa, kemahiran motor serta tingkah laku. Keputusan dari penilaian ini digunakan untuk menempatkan MBK ke prasekolah dalam program pendidikan khas yang sesuai berdasarkan kebolehan dan potensi masing-masing. Ia juga boleh digunakan untuk membantu guru dalam merancang dan membangunkan sokongan yang diperlukan oleh setiap murid. Pada tahun



Buku Panduan Pelaksanaan Pedagogi Inklusif



Instrumen Penempatan untuk MBK: Semakan Semula

2016, instrumen tersebut telah disemak semula berdasarkan maklum balas dan cadangan daripada guru dan profesional yang berkaitan untuk digunakan oleh MBK prasekolah pada tahun 2017.

Sokongan dan Intervensi untuk MBK

Pada tahun 2016, pegawai Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (PPPK) yang terdiri daripada ahli audiologi, ahli psikologi, ahli terapi pertuturan, ahli terapi pekerjaan dan peripatetik telah menyediakan sokongan kepada 1,186 orang murid yang menjalani program inklusif penuh atau separa di sekolah-sekolah di seluruh negara. Jenis perkhidmatan yang diberikan adalah penilaian tahap prestasi dan kebolehan murid, pelan intervensi untuk membantu meningkatkan potensi pembelajaran dan kesejahteraan murid serta rundingan kepada murid dan guru dalam menguruskan isu-isu yang berkaitan. Hasilnya, murid yang memerlukan intervensi yang lebih intensif dirujuk kepada PPPK terdekat untuk sesi lanjutan secara individu.

Penilaian Mengenai Keberkesanan Latihan Pendidikan Khas

Dari tahun 2013 hingga tahun 2015, sejumlah 8,722 orang guru arus perdana dan pendidikan khas menghadiri latihan pembangunan profesional untuk pendidikan inklusif. Pada tahun 2016, satu kajian telah dijalankan untuk mengukur keberkesanan latihan melalui pelibatan 351 orang guru arus perdana. Berdasarkan penemuan, majoriti responden memberikan maklum balas positif, terutamanya dari segi kesan ke atas strategi pengajaran dan pendekatan mereka terhadap mata pelajaran yang diajar dan tanggapan positif dari MBK.

Ekshibit 3-20: Perkhidmatan Sokongan oleh Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (PPPK)



Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)

Meningkatkan Kesedaran mengenai PPI dan MBK

Pada tahun 2016, usaha mempromosi PPI bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kesediaan pendidikan untuk MBK dilaksanakan melalui akhbar-akhbar utama di Malaysia. Liputan mengenai pelaksanaan PPI menunjukkan komitmen Kementerian dalam meningkatkan pendaftaran MBK.

Keratan Akhbar: Liputan Mengenai PPI



PPI yang dilaksanakan di SMK Bukit Baru memberi peluang kepada 13 murid berkeperluan khas belajar na pelajar normal dalam kelas yang sama.

Program Pendidikan Inklusif itu pelajar SMK Bukit Baru

TAN ABU BAKAR

Menengah Kebangsaan it Baru di Ayer Keroh, merupakan salah sebuah menengah harian yang

tanpa memerlukan pengawasan yang maksimum," katanya ketika ditemui di sekolah tersebut, baru-baru ini.

Menurut Rosli, kaedah tersebut lebih kepada teknik mudah merupakan anak kepada psangan polis dan kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di negeri ini. Bagi pelajar tingkatan enam, Muhammad Aris Abu Bakar, 20, pula, dia tidak berasa terasing wa-

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Maluri

Peluang murid keperluan khas bersaing secara sihat

MASIH ramai dalam kalangan masyarakat hari ini berpendapat kanak-kanak yang mengalami masalah disleksia sebagai bocah dan digolongkan di bawah Orang Kurang Upaya (OKU).

Hakikatnya, golongan ini hanya mengalami masalah gangguan dalam proses pembelajaran dan ia bukan sejenis penyakit. Maka potensi untuk mereka bertukar menjadi seperti individu lain adalah besar.

Buktinya, Penyelaras Program Disleksia Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Maluri, Shairah Ali memberitahu, hampir semua murid yang pernah belajar di sekolah itu berjaya dipulihkan dan hidup secara sihat dengan masyarakat luar apabila mengijak ke sekolah menengah.

"Rahsianya, kita menjalankan ujian saringan terhadap murid yang berada di Program Pendidikan Khas Integrasi, dengan menitikberatkan aspek tingkah laku dan mampu mengurangkan diri sendiri."

"Selepas mendapati tahap mereka itu berkecayaan tinggi untuk bersaing, kita letakkan mereka di bawah



SHABIAH ALI

SYARIZMA MOHAMED

iaitu mereka akan berada di dalam kelas arus perdana kecuali bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Melayu," katanya.

Jelas Shairah yang telah sembilan tahun berpengalaman mengendalikan kanak-kanak yang mengalami gangguan tersebut, dua mata pelajaran itu perlu diasingkan kerana murid-murid disleksia mengalami keclaruhan dalam mengeja, fonologi (bunyi) dan tindak balas terhadap visual-verbal.

Sebagai contoh katanya, sesetengah mereka mengalami masalah untuk menyebut perkataan yang

satu-satu perkara kerana mudah keliru.

"Misalnya, jika pelajar menyebut mengenai tumbuhan, saya akan metid-murid disleksia ini menyentuh sendiri pokok randa di sekitar sekolah ini."

Sementara itu, Syarizma Mokhtar merupakan Pe sekolah itu memberi murid disleksia berbimurid yang mengalami seperti autisme dan leni

MBK di kelas inkulajajar bersama-sama m kelas arus perdana dan didikan khas akan m MBK tersebut mengikut

"Tugas utama guru khas dalam kelas ini lah untuk membantu jalani pembelajaran di berkesan."

"Dalam masa s pendidikan khas itu bekerjasama dengan g arus perdana mengenai gan murid berkenaan. "Kebiasaannya kita

ENSURING EDUCATION IS INCLUSIVE

ANNA HANNA KUMALASURI
reporter@anin.com

The Inclusive Education Programme where students with special needs are placed in the same educational setting, as other school children demonstrates the priority the Education Ministry places on access to education. The Inclusive Education Programme is available at government schools and government aided schools at pre-school, primary, secondary and post-secondary levels.

Special Education Division Ministry of Education Malaysia said the programme sees high functional students with special educational needs being together in the same classrooms with other students. The programme can be conducted in all schools. These students learn using the national standard curriculum like other students, with little or no additional support," she said. There are six categories of students with special educational needs. Such as: They are hearing impairment, visual impairment, speech disabilities, physical disabilities, learning disabilities (such as Dyslexia, Dyscalculia, Autism, Attention Deficit Hyperactivity Disorder, Dyspraxia etc.), and multiple disabilities for those having more than one disability.

Outlined in the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, the Inclusive Education Programme supports the national aspiration to increase access of education to all groups, including those with disabilities. "The main objective of this programme is to give students with special educational needs the opportunity to develop their potential optimally by learning together with mainstream students in the same classrooms. The programme does not only benefit the students with disabilities, but also their classmates. The programme increases awareness among mainstream students about their classmates who have special needs. The disabled students, on their part, learn to socialise with others, thus increase their confidence level. "It enables both groups to learn the lesson of tolerance."

Even so, there have been challenges making the understanding, awareness and acceptance of the community at large. Another challenge is preparing relevant support systems for these students as the programme requires teaching and learning materials, and equipment," she said. "Sebagai Kebangsaan Taman Maluri has implemented the programme since 1992. Headmistress Shabiah Ali stated the programme was able to reduce the gap between mainstream and special needs students. "The major observation we made is that socialisation occurs between the two groups. As a result of this, students with disabilities are able to improve their communication skills through their daily interactions with their peers."

"Since the introduction of the Inclusive Education Programme, many quarters have reached out to help us financially. We received contributions and funds, and even have an increased number of specialised teachers," she said. "When the students are placed in the programme, they go through stringent screening tests so that they can be placed in classes which fit their disability. Usually, the difference between their actual age and the grade they are placed in is one or two years."

"This means an 8 year old student with autism, for example, could be placed in Year One." Shabiah Ali, and M. Yusoff, it would maintain their place in mainstream classes and further improve as time goes by, especially in terms of socialising and communicating."



Shabiah Ali, Kebangsaan Taman Maluri

Program Pendidikan Inklusif Platform serlah potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK)

■ KUALA LUMPUR - Apabila ramai yang beranggapan bahawa murid berkeperluan khas (MBK) adalah golongan yang memerlukan perhatian khas, namun di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Maluri, mereka dapat bersaing dengan murid normal dalam kelas yang sama. Program Pendidikan Khas Integrasi (PDKI) ini telah dilaksanakan sejak 1992 dan telah menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan prestasi akademik dan sosial murid MBK.



Menyuarakan suara mereka, Shabiah Ali, Pengetua SK Taman Maluri, berkata, hampir semua murid yang pernah belajar di sekolah itu berjaya dipulihkan dan hidup secara sihat dengan masyarakat luar apabila mengijak ke sekolah menengah. "Rahsianya, kita menjalankan ujian saringan terhadap murid yang berada di Program Pendidikan Khas Integrasi, dengan menitikberatkan aspek tingkah laku dan mampu mengurangkan diri sendiri."

Buktinya, Penyelaras Program Disleksia Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Maluri, Shairah Ali memberitahu, hampir semua murid yang pernah belajar di sekolah itu berjaya dipulihkan dan hidup secara sihat dengan masyarakat luar apabila mengijak ke sekolah menengah. "Rahsianya, kita menjalankan ujian saringan terhadap murid yang berada di Program Pendidikan Khas Integrasi, dengan menitikberatkan aspek tingkah laku dan mampu mengurangkan diri sendiri."

Sebagai contoh katanya, sesetengah mereka mengalami masalah untuk menyebut perkataan yang satu-satu perkara kerana mudah keliru. "Misalnya, jika pelajar menyebut mengenai tumbuhan, saya akan metid-murid disleksia ini menyentuh sendiri pokok randa di sekitar sekolah ini."

RINGKASAN

Kementerian akan memperkukuhkan pelbagai usaha untuk menyediakan sokongan yang saksama kepada lebih 10,000 buah sekolah di bawah bidang kuasanya. PPD dan pemimpin sekolah digalakkan bekerja secara berkolaboratif dan membentuk jaringan dengan agensi-agensi lain ke arah membangunkan intervensi bagi meningkatkan pencapaian sekolah dan merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar. Semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar Kementerian perlu

bekerjasama dan menyokong program pembangunan kreatif untuk mengubah pencapaian yang rendah dalam kalangan murid, tanpa mengira lokasi dan kebolehan. Pendekatan pedagogi yang inovatif dan perkongsian amalan terbaik perlu dikongsi untuk meningkatkan prestasi sekolah termasuk sekolah Orang Asli dan Pribumi, dan sekolah yang melaksanakan program pendidikan khas untuk mempercepatkan peningkatan sistem dalam Gelombang 2.



MEMUPUK PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, m.s. E-11

Kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada perpaduan rakyatnya untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat bersama tanpa mengira perbezaan latar belakang dan kepercayaan. Kementerian beriltizam dalam memastikan nilai-nilai perpaduan diterapkan dari awal usia untuk memastikan semua warga pendidikan dan murid dari pelbagai kumpulan sosioekonomi, latar belakang agama, etnik dan lokasi yang berbeza dapat memahami, menerima dan menghargai kepelbagaian untuk mewujudkan identiti kebangsaan selaras dengan Perlembagaan Negara, Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Dalam Gelombang 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian sentiasa terus menekankan kepentingan perpaduan dan semangat patriotik di sekolah sebagai satu landasan kepada perpaduan negara. Pada tahun 2016 Kementerian telah memberi fokus kepada aktiviti utama untuk memupuk perpaduan di sekolah:

- Memupuk perpaduan melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum.
- Mengukur tahap perpaduan dalam kalangan murid dan guru di sekolah.
- Membangunkan Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan.
- Membangunkan modul latihan untuk meningkatkan keupayaan pemimpin sekolah dalam memupuk perpaduan di sekolah.
- Menyemai nilai perpaduan dalam kalangan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG).

MEMUPUK PERPADUAN MELALUI AKTIVITI KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

Aktiviti kokurikulum memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan yang menyeluruh ke arah membangunkan insan yang seimbang memandangkan ia memberi murid suatu peluang untuk menggilap ciri-ciri kepimpinan, meningkatkan kemahiran insaniah, di samping menyuburkan interaksi dan persefahaman antara rakan sebaya yang terdiri daripada berbilang bangsa, latar belakang dan budaya. Nilai-nilai seagat dan konsep yang dipelajari di bilik darjah boleh dilatih dan disemai melalui penyertaan di dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum.


Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) adalah merupakan salah satu daripada program yang dilaksanakan untuk menyemai perpaduan dalam kalangan murid dan guru di sekolah dan dengan sekolah yang lain. Aktiviti RIMUP memberi fokus kepada latihan kokurikulum di dalam lima kategori utama iaitu: akademik, seni dan budaya, khidmat masyarakat, semangat patriotik serta sukan dan permainan.

Pada tahun 2016, pelaksanaan aktiviti RIMUP ditumpukan kepada tujuh negeri (Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak) yang mempunyai bilangan sekolah yang paling banyak dengan murid yang sama bangsanya. Aktiviti RIMUP bertujuan untuk meningkatkan interaksi dan penyatuan antara sesama murid yang melibatkan penyertaan seramai 7,107 murid dari 630 buah sekolah pelbagai jenis seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 4-1.

Empat objektif utama RIMUP:

- 01 Menggalakkan penyertaan masyarakat tempatan, guru dan murid dari sekolah rendah hingga ke peringkat menengah.
- 02 Memantapkan sikap bekerjasama, saling bantu membantu dan membina suasana yang harmoni dan saling mengambil berat antara satu sama lain.
- 03 Membina sikap saling memahami dan toleransi antara pelbagai kaum dan etnik di sekolah.
- 04 Berkongsi kemudahan, peralatan, tenaga kerja dan kepakaran untuk memastikan kejayaan sesuatu aktiviti.

Ekshibit 4-1 : Penyertaan Murid dalam Aktiviti RIMUP di Tujuh Negeri Utama, 2016



Menyemai Perpaduan Melalui Aktiviti Kokurikulum



Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jelutong

SMK Bukit Jelutong ialah sebuah sekolah yang terletak di kawasan perumahan Guthrie di Bukit Jelutong, Shah Alam. Sekolah ini mula beroperasi pada 6 Januari 2003. Sekolah ini merupakan sekolah bercampur lelaki dan perempuan dengan murid daripada pelbagai latar belakang dan ras. Dengan jumlah bilangan murid melebihi 1,000 orang, sekolah ini sentiasa menggalakkan perpaduan antara murid dalam semua aktiviti yang dilaksanakan. Semua murid diberi peluang untuk menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah.

Salah satu aktiviti kokurikulum yang membanggakan sekolah pada tahun 2016 ialah penyertaan dan kemenangan pasukan sekolah dalam *the STEP Sunburst Brain Camp International Competition* yang dianjurkan oleh *National University of Singapore (NUS)* di Singapura. Pasukan sekolah terdiri daripada Muhammad Adam Jefri bin Johan (Ting 4), Yew Wan Hui (Ting 4), Mohamad Mukhzuhayr bin Mohd Rashid (Ting 4) dan Barghavi a/p Visualingam (Ting 4), manakala guru pembimbing ialah Pn Seow Sek Ling. Pasukan ini telah memenangi tempat pertama dalam kategori Kertas Penyelidikan dan mendapat tempat kedua dalam kategori Persembahan Kajian.



Persiapan untuk penyertaan pasukan sekolah dalam pertandingan *Sunburst Brain Camp* tersebut telah berjaya mewujudkan sikap bersatu padu dan tolong menolong antara murid berlainan kaum.

Cikgu Seow Sek Ling, guru pembimbing pasukan sekolah, menekankan mengenai kerjasama antara ahli pasukan sekolah dengan rakan-rakan mereka yang lain, "*Aktiviti kokurikulum sememangnya dapat melahirkan para pelajar yang berdedikasi, amanah, dan mempunyai jati diri yang mantap.... Dari sini terbukti bahawa melalui kokurikulum kita dapat memupuk semangat perpaduan dan semangat kerjasama yang amat baik dalam kalangan pelajar.*"

"Sunburst Brain Camp telah membuka mata saya. Setiap peserta mempunyai pemikiran yang terbuka, berkongsi maklumat daripada pelbagai negara. Semua orang sangat ramah dan berkenalan dengan rakan-rakan peserta tidak menjadi masalah."

Barghavi a/p Visualingam

Murid,
SMK Bukit Jelutong

"Ia mengambil masa satu bulan untuk kami membuat persediaan. Pertama sekali, kami mulakan dengan menyediakan kertas penyelidikan."

Kami membuat banyak kajian dalam talian dan selepas itu kami menggabungkan semua kerja kami.”

Yew Wan Hui

Murid,
SMK Bukit Jelutong



“Kami mentadbir sesi soal selidik secara besar-besaran, Semuanya berjalan lancar tanpa mengira kaum. Untuk acara sains ini, khususnya, saya boleh katakan, kesungguhan, kerja keras dan kerjasama banyak membantu. Jika kita memahami ahli pasukan kita, dan rapat dengan mereka, kita boleh menghabiskan masa yang banyak dengan mereka. Jika kita tidak memahami antara satu sama lain, kita akan susah untuk bercakap dan menyampaikan maklumat.”

Muhammad Adam Jefri bin Johan

Murid,
SMK Bukit Jelutong

St. John’s Institution

St. John’s Institution ialah sekolah kerajaan dengan kesemua murid lelaki dan merupakan salah satu sekolah tertua di Kuala Lumpur.

Pelbagai jenis aktiviti kokurikulum dilaksanakan dengan penyertaan oleh murid dari peringkat menengah rendah hingga lepas menengah. Salah satu aktiviti kokurikulum yang menjadi kebanggaan sekolah ialah pasukan pancaragam sekolah, Pancaragam Kadet Tentera Laut, yang dianggotai oleh murid Tingkatan 1 hingga 5. Pada tahun 2016, pasukan pancaragam St John’s Institution terus mengharumkan nama sekolah pada peringkat antarabangsa dengan menjadi antara lima pancaragam terbaik dalam 2016 World Championship of Marching Showbands. Penyertaan pelbagai peringkat murid daripada pelbagai bangsa telah mewujudkan semangat perpaduan dan semangat berpasukan yang tinggi antara murid.



“Rahsia di sebalik kejayaan pancaragam ini ialah disiplin.....Keakraban yang ditunjukkan oleh para pelajar pancaragam ini menggambarkan suasana harmoni sekolah kami yang berbilang kaum. Saya sebenarnya berasa bangga melihat sikap toleransi dan bersatu padu walaupun mereka daripada pelbagai bangsa dan juga budaya.”

Mohamad Fakrul Abadi bin Abdullah

Guru Muzik,
St. John’s Institution



“Mula-mula, abang-abang sayalah yang mengajar dan membantu saya, ajar saya untuk disiplin dan cara main instrumen. Saya dilayan dengan tegas dan kadang kala have fun juga dan saya enjoy.”

Max Khoo Yan Jie

Ahli Pancaragam,
St. John's Institution

“Selalunya pelajar senior Tingkatan 5 akan mengajar dan memudah cara kaedah nak main dan belajar nota muzik kepada junior yang baharu masuk. Dalam band teamwork amat penting kerana band perlukan bunyi yang sama bukan individu. Teamwork amat penting bagi pancaragam.”

Amin Haidir bin Abdul Malek

Ahli Pancaragam,
St. John's Institution

“Apa yang penting untuk berjaya dalam pertandingan adalah kerjasama antara seniors dan juniors dan komunikasi antara satu sama lain”

Callitus Jeriah Chew

Ahli Pancaragam,
St. John's Institution



SMK Cheras, Kuala Lumpur

SMK Cheras merupakan sebuah sekolah yang terletak di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur iaitu kira-kira lima kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur. Sekolah yang terletak di kawasan seluas 14.6 ekar ini boleh menampung murid yang



berbilang kaum, lelaki dan perempuan sekitar Cheras. Sekolah ini mempunyai komposisi murid yang pelbagai - 55% murid Melayu, 35% murid Cina dan bakinya ialah murid India dan lain-lain. Sebanyak 50% murid di sekolah ini tergolong dalam kategori miskin bandar. Sekolah ini mempunyai 42 buah unit kokurikulum yang terdiri daripada sukan dan permainan, persatuan dan kelab, dan badan beruniform.

Cikgu Jamail Kaur menegaskan peri pentingnya perpaduan diperkukuh dalam kalangan murid, *“Kita memang menggalakkan perpaduan. Jadi bila dikatakan contoh, dalam kelas keadaan tempat duduk mereka berbilang kaum dan tidak diagihkan mengikut kaum. Aktiviti kumpulan, menjalankan eksperimen, yakni aktiviti pengajaran dan pembelajaran memang menggalakkan perpaduan kaum.....Bila pelajar itu mula biasa dengan satu sama lain, pelajar Melayu, Cina dan India, mereka biasa bergaul, ia akan menjadi amalan dalam kehidupan mereka.”*

Gamelan, salah satu daripada aktiviti kurikulum, juga telah dapat menyatukan murid SMK Cheras daripada pelbagai kaum melalui latihan dan persembahan muzik yang diadakan.



“Saya berminat untuk bermain Gamelan apabila melihat senior saya memainkannya. Walaupun Gamelan merupakan alat muzik tradisional Melayu, saya nak cuba juga alat muzik ni.”

Devisha a/p Punithakumar

Pemain Gamelan,
SMK Cheras

“Kita orang bekerjasama setiap hari, stay back dan datang untuk latihan dan kita orang asyik membantu antara satu sama lain kalau tak faham sangat.”

Wong Li Wen

Pemain Gamelan,
SMK Cheras



Sila imbas kod ini untuk menonton video



QR CODE

MENGUKUR TAHAP PERPADUAN DALAM KALANGAN MURID DAN GURU DI SEKOLAH



Pada tahun 2016, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan telah menjalankan kajian untuk menentukan tahap perpaduan dalam kalangan murid dan guru di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian yang kedua untuk menentukan tahap perpaduan di sekolah selepas kajian pertama dilaksanakan pada tahun 2014.

Tiga instrumen yang telah digunakan pada tahun 2014 telah ditadbir pada tahun 2016 untuk mengumpul data kuantitatif - Soal Selidik untuk Murid Sekolah Rendah, Soal Selidik untuk Murid Sekolah Menengah dan Soal Selidik untuk Guru Sekolah Rendah dan Menengah. Instrumen ini mengandungi tiga konstruk utama dan sepuluh sub-konstruk tentang perpaduan. Konstruk utama adalah menghargai kepelbagaian, menghormati perbezaan, dan menguruskan kepelbagaian, sementara sepuluh sub-konstruk (nilai perpaduan) adalah bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, berhemah tinggi, menghargai, prihatin, adil, amanah dan rasional. Responden kajian adalah terdiri daripada 2,949 orang guru dan 2,981 orang murid daripada 253 buah sekolah rendah, dan 3,542 orang guru dan 3,584 orang murid daripada 303 buah sekolah menengah.

Ekshibit 4-2: Perbandingan Indeks Perpaduan untuk Guru dan Murid, 2014 dan 2016

Konstruk Utama Perpaduan	Sub-Konstruk Perpaduan	Guru		Murid	
		2016	2014	2016	2014
Menerima Kepelbagaian	Bersikap Terbuka	6.3	5.9	5.2	5.8
	Toleransi	6.2	7.1	5.6	6.3
	Bekerjasama	6.7	6.1	5.7	6.5
	Percaya	5.7	7.0	5.2	6.5
Menghormati Kepelbagaian	Berhemah tinggi	7.8	7.5	7.1	7.2
	Menghargai	7.8	7.5	6.5	6.8
	Prihatin	7.6	7.6	6.3	6.9
Mengurus Kepelbagaian	Adil	7.6	7.7	6.1	6.5
	Amanah	7.9	7.9	6.5	6.6
	Rasional	7.3	7.6	6.1	6.5

Nota: Responden guru dan murid adalah kumpulan yang berbeza bagi tahun 2014 dan 2016

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Hasil kajian ditunjukkan dalam bentuk Indeks Perpaduan. Dapatan menunjukkan purata keseluruhan indeks perpaduan antara guru dan murid adalah 6.6 daripada indeks keseluruhan 10. Ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa keupayaan menghormati dan menguruskan kepelbagaian berada pada tahap sederhana dan tinggi antara guru dan murid. Walau bagaimanapun, keputusan bagi konstruk utama iaitu menerima kepelbagaian daripada aspek bangsa, budaya, bahasa dan amalan keagamaan masih rendah dalam kalangan murid dan guru.

Ekshibit 4-3: Indeks Perpaduan Negara bagi Guru dan Murid di Sekolah



Responden	Indeks Perpaduan	Tahap	Indeks	Tahap Perpaduan
Murid Sekolah Rendah	6.0	Sederhana Tinggi	0.00 - 2.50	Rendah
Pelajar Sekolah Menengah	6.1	Sederhana Tinggi	2.51 - 5.00	Rendah-Sederhana
Guru Sekolah Rendah	7.3	Sederhana Tinggi	5.01 - 7.50	Sederhana-Tinggi
Guru Sekolah Menengah	6.9	Sederhana Tinggi	7.51 - 10.00	Tinggi
Purata Indeks	6.6	Sederhana Tinggi		

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2016

Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai bangsa, budaya, bahasa dan amalan agama, adalah penting bagi rakyat untuk memahami dan menerima kepelbagaian tersebut untuk hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Cabaran bagi pihak Kementerian khususnya di sekolah, adalah untuk memupuk perasaan kebersamaan dalam menjalankan semua aktiviti sejak kecil dan menyemai pemikiran yang positif untuk melihat semua kepelbagaian ini sebagai suatu kekuatan.

MEMBANGUNKAN PELAN HALA TUJU PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN

Pembangunan Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan bermula dengan Fasa 1 Makmal Perpaduan pada bulan Oktober 2015. Makmal ini telah dapat mengenal pasti beberapa faktor yang menyumbang kepada kepincangan perpaduan di sekolah. Antara faktor penyumbang yang dikenal pasti adalah:

- Kurangnya pengetahuan dalam kalangan guru dan pemimpin sekolah dari segi amalan terbaik untuk menyemai perpaduan.
- Peluang yang terhad dalam berinteraksi sesama murid dari pelbagai kaum.
- Penggunaan Bahasa Melayu yang kurang di SJKC dan SJKT.
- Kurang sokongan daripada ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam meningkatkan amalan perpaduan.

Fasa 2 bagi Makmal Perpaduan ini dilaksanakan pada bulan Mac 2016. Makmal ini memberi fokus untuk memantapkan pelan strategik bagi mengukuhkan perpaduan antara murid di sekolah. Sejumlah 11 strategi telah dibina dan dikategorikan kepada tiga aspek, iaitu; dasar, sekolah dan masyarakat. Makmal ini menjalankan latihan penyelesaian masalah yang menyeluruh dan libat urus dengan 34 orang wakil daripada Kementerian, agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN), Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Kajian Etnik (KITA) dan badan bukan kerajaan termasuklah *Teach for Malaysia* (TFM), Pertubuhan Buddha Malaysia, Komuniti Bahai, Hindu Sangam Malaysia, *Global Peace Foundation*, Yayasan Generasi Gemilang dan Yayasan 1Malaysia. Pelan ini dijangka akan diterbitkan pada 2017.

Datuk Dr. Denison Jayasooria, Institut Kajian Etnik, UKM semasa sesi perkongsian mengenai Lanskap Perpaduan Nasional Malaysia.



Wan Saiful Wan Jan CEO dari *Institute for Democracy and Economic Affairs* (IDEAS) semasa sesi perkongsian mengenai Lanskap Perpaduan Nasional Malaysia.



Dato' Sri Khairil bin Awang, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Dasar dan Pembangunan Pendidikan) dan Dr. Amin bin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Pembangunan Profesionalisme Keguruan) semasa sesi sindikasi Makmal Perpaduan 2.0



Memahami Malaysia dan Kepelbagaianya

Keunikan Malaysia dari aspek etnik, agama dan kepelbagaian budaya telah memberikan satu kekuatan dan cabaran yang besar. Kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia adalah bermula dengan penjajahan dalam sejarah negara. Cabaran bagi Malaysia untuk mencapai “perpaduan dalam kepelbagaian” ini ditunjukkan melalui ciri-ciri berikut:

- **Sifat Positif** - kepelbagaian kata yang diucapkan, disambut dan dikomersialkan misalnya melalui Program Melawat Malaysia.
- **Sifat Negatif** - kepelbagaian etnik, agama, bahasa dan adat istiadat yang berpotensi menyebabkan konflik melalui khabar angin, prejudis dan stereotaip.
- **Sifat Ideal** - fenomena kepelbagaian yang bersifat emosi, mengharapkan perpaduan yang paling ideal dalam membentuk keseragaman “perpaduan dalam kesatuan”.

Walaupun Malaysia mengiktiraf secara terbuka bahawa ia adalah negara yang mempunyai “perpaduan dalam kepelbagaian”, tetapi ia masih belum mencapai perpaduan. Malaysia menikmati “kesepaduan sosial”, yang aman, selamat, stabil dan makmur kerana kesepakatan yang kuat telah dibina selama ini. Perpaduan sukar dicapai dan memakan masa yang lama; usaha-usaha yang dilakukan hanya boleh membuka jalan kepada kesepaduan, yang merupakan prasyarat atau langkah sebelum “perpaduan”. Walau bagaimanapun, jika terdapat kepelbagaian, usaha untuk mencapai pemuafakatan mesti diteruskan.

Sumber: *Unity, cohesion, reconciliation: one country, three cherished concepts*, 1951
Prof Unggul Datuk Shamsul Amri Baharuddin, Institut Kajian Etnik (KITA)

Perpaduan dan integrasi nasional telah menjadi agenda utama Kementerian. Perpaduan juga telah menjadi keutamaan dalam kalangan pemimpin negara sejak kemerdekaan sehingga masa kini. Kementerian memperakui kepentingan ini dan akan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk mencapai ciri perpaduan yang ideal.

MEMBANGUNKAN MODUL LATIHAN UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN PEMIMPIN SEKOLAH DALAM MEMUPUK PERPADUAN

Seorang pemimpin sekolah yang berpengetahuan, kompeten dan bijaksana menjadi tunjang dalam mendorong murid dan guru ke arah kejayaan akademik dan pembinaan sikap yang baik. Untuk memastikan kepimpinan sekolah dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memupuk perpaduan antara guru, murid dan komuniti sekolah, Institut Aminuddin Baki (IAB) telah mengambil inisiatif dalam membina modul berkaitan dengan perpaduan untuk kepimpinan sekolah iaitu Modul Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar pada tahun 2016.

Satu siri perbincangan telah diadakan untuk memastikan idea dan cadangan komprehensif tentang perpaduan dalam pendidikan diperolehi dari pelbagai pihak. Ahli-ahli panel yang mempunyai kepakaran untuk membina modul tersebut termasuklah pakar-pakar dari KITA, JPNIN dan pensyarah IAB. IAB telah menjalankan beberapa siri analisis keperluan latihan dengan pengetua, guru besar dan penolong kanan dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Perak.

Analisis keperluan latihan terhadap kepimpinan sekolah telah dijalankan untuk mengukur pemahaman mereka mengenai perpaduan dan pelaksanaan aktiviti bagi

memupuk perpaduan. Analisis kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman pemimpin sekolah terhadap perpaduan berada pada tahap sederhana dan tinggi. Kemahiran mereka dalam melaksanakan tugas yang berkaitan dengan peningkatan perpaduan di sekolah adalah sederhana. Berdasarkan penemuan ini, pembangunan modul tertumpu kepada peningkatan kemahiran dan pengetahuan untuk mengukuhkan perpaduan di sekolah yang merangkumi topik Perancangan Minda, Konsep Perpaduan, Peranan Pemimpin Sekolah untuk Meningkatkan Perpaduan di Sekolah, Isu dan Cabaran berkaitan Perpaduan, Pelaksanaan RIMUP, Penilaian Kendiri, Perancangan Pelan Tindakan, Pengendalian Bengkel, Penganjuran Forum Perpaduan serta Pemahaman mengenai Dasar dan Perlembagaan.

Modul yang dibina telah diluluskan oleh pihak pengurusan tertinggi Kementerian pada bulan Julai 2016. Melalui sesi praktikal yang disediakan dalam modul semasa latihan di IAB, diharapkan para pemimpin sekolah mempunyai keupayaan untuk mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang harmonis dan kondusif untuk menyemarakkan perpaduan di dalam dan di luar sekolah.

MENERAPKAN NILAI PERPADUAN DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP DI IPG



Guru memainkan peranan penting dalam menanamkan nilai moral yang baik kepada murid. Oleh yang demikian, guru mestilah menjadi suri teladan dalam membentuk pemikiran yang positif dan menunjukkan tingkah laku yang boleh diteladani. Amat penting bagi Kementerian untuk memastikan semua bakal guru mampu menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada anak-anak Malaysia, tanpa cenderung terhadap sesuatu pihak, tanpa mengira latar belakang, bangsa, agama dan tempat tinggal. Perpaduan terus diberikan tumpuan dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui Laporan Razak 1956 yang menyatakan bahawa semua kanak-kanak perlu diberikan suatu persekitaran pembelajaran yang mendokong perpaduan melalui penghayatan kepelbagaian bangsa.


Pada tahun 2016, Institut Pendidikan Guru (IPG) telah menjalankan kajian untuk menentukan elemen perpaduan yang dimasukkan dalam kurikulum latihan untuk memastikan bakal guru mempunyai kemahiran untuk memupuk kesatuan dalam kelas. Kajian ini dijalankan di 27 buah IPG kampus di seluruh Malaysia. Responden adalah guru pelatih tahun akhir dari ambilan program Sarjana Muda Pendidikan (Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, PISMP) pada Julai 2013. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkara berikut:

- tahap perpaduan dalam kalangan guru pelatih.
- kesediaan guru pelatih untuk melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan perpaduan di sekolah.
- sejauh mana unsur perpaduan diterapkan dalam tiga kursus utama dalam IPG.
- kekuatan dan kelemahan dalam melaksanakan unsur perpaduan melalui tiga kursus utama dalam IPG.
- strategi pengajaran dan pembelajaran untuk melaksanakan nilai perpaduan dalam tiga kursus utama dalam IPG.

Responden kajian terdiri daripada 2,374 orang guru pelatih untuk komponen kuantitatif manakala 140 orang guru pelatih untuk komponen kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik dalam talian antara bulan Julai hingga Ogos 2016 semasa Program Latihan Amali Sekolah, sementara data kualitatif dikumpul melalui temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen semasa sesi akademik.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap perpaduan secara keseluruhan dalam kalangan guru pelatih adalah tinggi (Jadual 4-4). Tahap perpaduan guru pelatih juga tinggi bagi semua unsur Perpaduan - Menghormati Kepelbagaian, Mengurus Kepelbagaian, dan Menerima Kepelbagaian antara semua kumpulan etnik utama. Penemuan dari sub-elemen juga menunjukkan tahap perpaduan yang tinggi - tahap tertinggi adalah Menghargai dan yang paling rendah ialah Percaya. Tahap perpaduan responden adalah berdasarkan jantina, lokasi, jenis sekolah responden ditempatkan, bangsa, agama, daerah atau negeri asal dan daerah kejuranan juga didapati pada tahap tinggi.

Ekshibit 4-4: Tahap Perpaduan dalam Kalangan Guru Pelatih Mengikut Elemen Perpaduan



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2016

Ekshibit 4-5: Skor bagi Sub-konstruk Perpaduan bagi Guru Pelatih, 2016

Konstruk Utama Perpaduan	Sub-konstruk Perpaduan	Guru Pelatih
Menerima Kepelbagaian	Sikap Terbuka	4.45
	Toleransi	4.47
	Bekerjasama	4.36
	Percaya	4.25
Menghormati Kepelbagaian	Berhemah Tinggi	4.48
	Menghargai	4.54
	Prihatin	4.42
Mengurus Kepelbagaian	Adil	4.43
	Amanah	4.43
	Rasional	4.43

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2016

Dapatan kajian menunjukkan hampir semua (99%) guru pelatih yang ditemu bual menyatakan kesediaan mereka untuk melaksanakan unsur perpaduan di sekolah. Kesediaan guru pelatih dikategorikan kepada empat bidang: pemahaman latar belakang budaya / etnik di Malaysia; melaksanakan perpaduan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar kelas; mengintegrasikan perpaduan di sekolah melalui praktikum dan komponen dalam latihan amali; dan memahami intipati kandungan tiga kursus utama yang berkaitan dengan perpaduan yang diajar dalam IPG.

Untuk menilai keberkesanan pelaksanaan unsur perpaduan melalui kursus yang diajar di IPG, tiga kursus utama dinilai terutamanya, Hubungan Etnik (HE), Budaya dan Pembelajaran (B&P), dan (Bina Insan Guru (BIG)). Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) bagi kursus di atas diterangkan di bawah:



Keputusan menunjukkan guru pelatih memahami unsur-unsur perpaduan dalam pendidikan kerana kursus HE, B&P, dan BIG jelas menyatakan unsur-unsur perpaduan dalam CLO mereka. Kajian ini juga menunjukkan kekuatan setiap kursus yang difokuskan kepada perpaduan dan berkaitan dengan pemahaman terperinci mengenai nilai perpaduan dan unsur-unsur dalam kalangan pelajar IPG. Beberapa kelemahan yang dilaporkan dari kajian ini adalah dalam aspek strategi pengajaran dan pembelajaran, kewangan, keupayaan pensyarah, sikap pelajar, dan kandungan pro-forma dalam kursus yang ditawarkan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa BIG menyediakan elemen perpaduan yang jelas dan merupakan kursus yang paling digemari. Aktiviti dalam BIG menekankan kemahiran dalam meningkatkan keperibadian dan kemahiran bekerja dalam kumpulan yang penting dalam mewujudkan kesedaran terhadap perpaduan. Kekuatan BIG dalam meningkatkan keyakinan para pelatih untuk menerapkan nilai perpaduan melalui pelajaran mereka harus dicontohi dalam HE, B&P, dan kursus-kursus lain yang ditawarkan di semua IPG.

Cadangan kajian ini adalah seperti berikut:

- Penempatan pelajar PISMP di IPG hendaklah dibuat secara heterogen.
- Kursus HE perlu diperkenalkan pada semester 1 PPISMP.
- Program BIG harus dimasukkan pada semester 2 PPISMP dan semester 1 hingga semester 4 PISMP.

- Bahasa Cina, Tamil dan Asli harus ditawarkan sebagai subjek elektif dan nilai tambah untuk komunikasi asas.
- Topik tambahan mengenai kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia perlu ditambah dalam Ringkasan Maklumat Kursus HE.
- Penekanan pada aspek Kemahiran Insaniah hendaklah dibuat secara eksplisit dalam semua subjek.
- Strategi pengajaran pensyarah mesti merangkumi kedua-dua aktiviti, di dalam dan di luar bilik darjah.
- Pensyarah HE harus menjalani kursus khas yang berkaitan dengan HE.
- Panel Ringkasan Maklumat Kursus HE, B&P dan BIG harus mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar dalam bidang yang berkaitan.
- Semua aktiviti yang dijalankan di IPG terutamanya di kalangan kampus homogen harus mempertimbangkan pelibatan semua kaum / etnik untuk kesinambungan perpaduan.

RINGKASAN

Usaha Kementerian untuk memupuk perpaduan termasuk menerapkan unsur perpaduan melalui aktiviti kokurikulum, menjalankan penyelidikan untuk mengukur perpaduan dalam kalangan murid dan bakal guru, dan menjalankan libat urus dengan rakan strategik. Pemupukan nilai sejagat yang baik, terutamanya perpaduan dan kepercayaan, mesti bermula di rumah oleh setiap keluarga di Malaysia. Pemupukan perpaduan tanpa mengira bangsa, agama, budaya dan tempat. Membina perpaduan harus menjadi tanggungjawab semua.





Kementerian akan memastikan pihaknya mempunyai kebolehan dan keupayaan menyediakan pelbagai jenis dan peringkat sokongan yang sesuai untuk sekolah dan murid. Usaha ini memerlukan transformasi asas dalam organisasi Kementerian bagi membangunkan JPN dan PPD yang lebih rapat dan lebih sesuai dalam memenuhi keperluan khusus sekolah.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, ms.6-1

MENINGKATKAN KECEKAPAN

Mewujudkan suatu sistem penyampaian yang cekap melalui penambahbaikan yang berterusan merupakan salah satu fokus Kementerian dalam usaha merapatkan jurang antara penggubalan dan pelaksanaan. Dalam Gelombang 1, Kementerian telah mematuhi prinsip Perbelanjaan Berasaskan Keberhasilan (*Outcome-Based Budgeting*, OBB) dalam usaha mengurus kewangan secara berkesan bagi memastikan pulangan yang optima dalam pelaburannya. Jawatan utama kepimpinan telah diperkukuhkan melalui program pembangunan profesional khusus dalam usaha membangunkan pemimpin yang mampu menerajui transformasi pendidikan.

Sistem penyampaian telah ditambah baik secara berterusan dengan kejayaan melancarkan kemudahan *Single Sign-on* (SSO) yang membolehkan pihak Kementerian mendapatkan akses kepada sistem pengurusan data dengan menggunakan satu ID pengguna dan kata laluan. Sebanyak 22 buah sistem sendiri telah berjaya diintegrasikan yang mampu menggalakkan ketepatan data melalui sumber data tunggal. Capaian kepada internet melalui rangkaian 1BestariNet dan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya

(*Virtual Learning Environment*, VLE) telah meningkat dalam jangka masa tiga tahun sejak mula diperkenalkan. VLE membolehkan para guru mengoptimumkan gedung sumber pengetahuan yang terdapat di dunia ke dalam bilik darjah.

Pada tahun 2016, Kementerian telah menggandakan usaha dalam meningkatkan kelancaran sistem dengan memberi fokus kepada perkara berikut:

- Menjajar semula dan mengoptimumkan belanjawan ke arah memaksimumkan keberhasilan murid.
- Menambah baik kemahiran dan kompetensi dalaman Kementerian.
- Meningkatkan infrastruktur dan penyelenggaraan sekolah.
- Mengukuhkan pangkalan data pendidikan bagi memudahkan proses membuat keputusan.
- Menggalakkan penggunaan VLE untuk mengukuhkan keupayaan pembelajaran.
- Meningkatkan kecekapan operasi sekolah berenrolmen rendah.


MENJAJAR SEMULA DAN MENGOPTIMUMKAN BELANJAWAN KE ARAH MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID

Komitmen kerajaan terhadap usaha mentransformasi sistem pendidikan merupakan faktor kejayaan utama dalam memacu kemajuan negara. Jumlah belanjawan tahunan yang diperuntukkan kepada Kementerian merupakan bukti janji kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Ikrar untuk melaksanakan agenda transformasi pendidikan memerlukan perancangan yang rapi dan perbelanjaan berhemah oleh Kementerian bagi memastikan keberhasilan murid yang dihasratkan dapat dicapai.

Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, belanjawan yang diberikan kepada Kementerian telah berkurangan

dengan agak ketara disebabkan oleh kemelesetan ekonomi global akibat daripada kejatuhan harga petroleum dan juga kekangan perdagangan global pada tahun 2015 dan 2016. Keadaan ini sangat memberi kesan kepada kekuatan produktiviti dan ekonomi Malaysia yang mendorong kepada penurunan kadar peruntukan yang dapat disalurkan untuk kesemua kementerian dan agensi kerajaan. Pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan telah menerima peruntukan sebanyak RM7.8 billion bagi tujuan belanjawan operasi (bukan emolumen). Jumlah tersebut menunjukkan kadar penurunan sebanyak 18% berbanding pada tahun 2015 seperti Ekshibit 5-1:

Ekshibit 5-1: Peruntukan Belanjawan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015-2016



Sumber: Bahagian Kewangan (BKew)

Disebabkan oleh penurunan kadar peruntukan ini, peratus yang disasarkan untuk penajajaran semula daripada aktiviti bukan emolumen serta program untuk menyokong keberhasilan murid telah dikaji semula. Hasilnya, kadar peratus untuk aktiviti bukan emolumen dikaji dan disesuaikan semula kepada 1%, manakala untuk program yang menyokong keberhasilan murid adalah sebanyak 30%.

Perancangan yang teliti dan pengutamaan aktiviti ke atas program yang mempunyai

impak yang tinggi membolehkan pihak Kementerian berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 5-2. Aktiviti yang mendapat faedah daripada penajajaran semula belanjawan adalah seperti berikut:

- Peruntukan Elaun Pelajar Matrikulasi.
- Program Dwibahasa
- Program Imersif Tinggi.
- Peruntukan Elaun Kokurikulum.

Ekshibit 5-2: Sasaran dan Prestasi Penajajaran Semula Belanjawan, 2016

KPI	Sasaran	Pencapaian
Peratus penajajaran semula belanjawan daripada belanjawan bukan emolumen 2015	1% (RM78,161,696)	1.08% (RM84,140,000)
Peratus penajajaran semula perbelanjaan yang disalurkan kepada program dan aktiviti yang menjurus kepada keberhasilan murid	30% (RM23,448,509)	77% (RM60,035,250)

Sumber: Bahagian Kewangan (BKew)

MENAMBAH BAIK PROSES BIDAAN BAGI ANGGARAN PERBELANJAAN BELANJAWAN

Kementerian sedia maklum akan keperluan untuk mengkaji semula kesemua program dan aktiviti pendidikan selaras dengan Pengubahsuaian Belanjawan Kerajaan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada Januari 2016. Atas keperluan itu Bahagian Kewangan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan serta Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) telah bekerjasama dengan menyemak semula semua program yang dirancang di bawah Kementerian sebelum ABM 2017 dibentangkan kepada Kementerian Kewangan. Hasil usaha ini, sejumlah RM280 juta telah berjaya diperuntukkan semula kepada program dan aktiviti yang berimpak tinggi terhadap keberhasilan murid pada tahun 2017. Pendekatan untuk meningkatkan kecekapan proses bidaan bagi ABM 2017 adalah seperti berikut:

1. Pemansuhan Lebihan Belanjawan

Permohonan belanjawan daripada semua Bahagian di Kementerian ditapis dan pertindanan telah ditolak atau dikurangkan. Peruntukan belanjawan untuk semua inisiatif di bawah PPPM yang dicadangkan untuk tahun 2017 dipusatkan di PADU.

2. Pengutamaan Program

Program sedia ada yang berimpak rendah terhadap keberhasilan murid atau kurang memberi impak kepada peningkatan sistem penyampaian digugurkan atau dikurangkan.

3. Program Berteraskan Pencapaian

Keutamaan pertimbangan untuk permintaan belanjawan dan peruntukan diberi kepada program dan aktiviti yang menyumbang kepada Petunjuk Prestasi Utama Menteri dan pengurusan tertinggi Kementerian.

PADU dan Bahagian Kewangan bekerjasama dengan kesemua Bahagian di Kementerian untuk mengkaji dan menajjar semula ABM KPM 2017

Analisis & Pemetaan Keberhasilan oleh PADU

20-29 April 2016

- Sesi 8 hari
- Mesyuarat dari 4- 6ptg untuk menganalisa ABM
- Dihadiri oleh 49 orang peserta daripada 16 Bahagian



Sesi Kajian Semula ABM dengan 16 bahagian di KPM pada 20 hingga 29 April 2017

Bengkel bersama-sama Bahagian & PADU

4-6 Mei 2016

- Bengkel 3 hari
- Dihadiri oleh 181 peserta daripada 33 Bahagian
- Hari ke-3: 21 orang Pengarah/SUB hadir untuk menyemak belanjawan yang dikemaskini dan berbincang mengenai hal-hal yang belum diputuskan



Bengkel ABM selama 3 hari di IPGM, Cyberjaya



MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEUPAYAAN DALAMAN KEMENTERIAN

Kementerian mempunyai keazaman yang tinggi dalam usahanya untuk menyediakan asas kepada pelan penstrukturan yang akan mengukuhkan lagi sistem penyampaian ke arah pelaksanaan dasar pendidikan yang lebih berkesan. Walaupun menghadapi cabaran dalam Gelombang 1 disebabkan oleh penggabungan dan pemisahan antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi, struktur baharu Kementerian akhirnya telah diluluskan pada 14 Disember 2016. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mempercepatkan proses penyusunan semula Kementerian. Fasa seterusnya dalam penstrukturan semula organisasi adalah untuk menentukan peranan dan fungsi semua Bahagian dan agensi berdasarkan struktur baharu yang telah diluluskan.

Kementerian mengakui kepentingan untuk mewujudkan satu saluran bakat kepemimpinan yang berkecambah dan berpotensi untuk mengisi jawatan kepimpinan utama bagi memastikan bekalan pemimpin berkualiti mencukupi untuk menerajui transformasi pendidikan. Untuk mencapai matlamat ini, dalam Gelombang 1, Kementerian telah memulakan pelaksanaan profil secara besar-besaran merangkumi para pegawainya pada semua peringkat dan Bahagian termasuk Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah bagi mengenal pasti potensi

pemimpin yang terdapat di Kementerian. Pada tahun 2016, satu program pembangunan profesional untuk pemimpin pendidikan masa depan telah dijalankan dari bulan April hingga Disember di bawah seliaan Institut Aminuddin Baki. Program ini bertujuan meningkatkan kompetensi fungsian peserta dalam bidang berikut:

- Pengurusan pendidikan dan kepimpinan dalam bidang kepemimpinan instruksional.
- Pengurusan dan pembangunan manusia.
- Pengurusan sumber dan peruntukan.
- Perancangan strategik dan hala tuju.

Seramai 62 orang peserta dari JPN dan PPD yang dikenal pasti dalam Gelombang 1 melalui pelaksanaan profil telah berjaya menamatkan program ini. Peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap modul latihan yang merangkumi transformasi minda, peningkatan pembelajaran serta kejurulatihan dan pementoran. Program ini terbukti menjadi satu modul latihan yang berkesan kerana ia memberi ruang kepada pemimpin yang berpotensi untuk meningkatkan kompetensi melalui pendekatan penemuan diri yang telah memberi kesan kepada kerjaya dan pembangunan sendiri mereka.

Membangunkan Pemimpin melalui Program Pengesanan Bakat



“Program Pengesanan Bakat ini telah berjaya membangunkan konsep kepimpinan dalam diri saya. Ia mengalakkan transformasi minda dan memupuk kemahiran bimbingan dan pementoran yang akan mengukuhkan lagi gaya kepimpinan saya pada masa akan datang.

Saya juga sedar bahawa sebagai seorang pemimpin, perkara yang wajar dilakukan adalah memimpin dan tidak hanya mengurus. Program ini juga memperlihatkan bahawa pemimpin yang baik mempunyai dua elemen iaitu Pengurusan Sainifik dan Pengurusan Kemanusiaan untuk menjadi seorang pemimpin transformasi yang efektif.

Ilmu paling berharga dalam program ini bagi saya adalah pendedahan yang diberikan tentang pemimpin sebagai suri teladan dan perkongsian ilmu semasa perbincangan mengenai buku ‘The Five Practices of Exemplary Leaders’ (Kouzes dan Posner, 1995) “

Mr. Vaea bin Sarima

Ketua Unit Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
PPD Tawau, Sabah



Ucapan oleh Datuk Dr. Amin bin Senin di majlis tamat pengajian pada Disember 2016



Pembentangan oleh peserta program di majlis tamat pengajian pada Disember 2016

MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH DAN PENYELENGGARAAN

Tumpuan kepada memperbaiki prasarana asas di sekolah dalam Gelombang 2 (2016-2020) bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan aset di Kementerian sambil meneruskan usaha menyediakan prasarana asas untuk keperluan sekolah. Infrastruktur asas termasuk akses kepada air bersih, pembekalan sekurang-kurangnya 12 jam elektrik setiap hari, memastikan bilangan tandas, bilik darjah, meja dan kerusi mencukupi. Sejumlah 10,464 buah (11,374) projek membaiki dan menaik taraf telah dilaksanakan dalam Gelombang 1 di bawah inisiatif ini. Pihak Kementerian terus meningkatkan infrastruktur asas di sekolah bagi memenuhi set piawaian minimum seterusnya menyediakan persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif untuk pembelajaran.

Pada Jun 2016, pihak Kementerian, dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) telah berjaya membangunkan Garis Panduan Infrastruktur Standard. Garis panduan ini dirangka untuk membantu JPN, PPD dan pihak sekolah menyeragamkan kaedah penilaian dan konsisten dalam menilai keadaan infrastruktur sekolah. Ia juga membolehkan sekolah melakukan penilaian sendiri mengenai keadaan infrastruktur dengan lebih berkesan seterusnya menyediakan laporan penambahbaikan infrastruktur. Laporan ini akan membantu pihak Kementerian dalam mendapatkan data muktamad untuk membuat keputusan.

Peruntukan yang Diterima dan Perbelanjaan bagi Projek Infrastruktur pada Tahun 2016

- RM1.394bilion di bawah perbelanjaan pembangunan untuk menjalankan proses membaiki pulih dan menaik taraf kemudahan asas dan infrastruktur sekolah termasuk membaiki pulih dan menaik taraf 20 buah sekolah usang di Sarawak. Kementerian berjaya menggunakan 99.9% belanjawan yang diperuntukkan.
- RM500juta di bawah perbelanjaan operasi untuk memastikan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan pendidikan. Kementerian berjaya menggunakan 99.0% belanjawan yang diperuntukkan.



Dengan garis panduan dan belanjawan yang diperuntukkan untuk projek menaik taraf dan penyelenggaraan, Kementerian berjaya melaksana dan meningkatkan kualiti infrastruktur di 43 buah sekolah (Ekshibit 5-3). Projek menaik taraf sekolah yang terlibat adalah pembinaan projek dewan serba guna, menaik taraf padang sekolah dan beberapa kemudahan baharu yang merangkumi blok asrama, gelanggang serba guna, kemudahan tandas, bilik guru dan blok akademik tambahan.

Ekshibit 5-3: Bilangan Sekolah yang Terlibat dengan Projek Naik Taraf Mengikut Negeri, 2016



Jumlah 43

Sumber: Bahagian Pembangunan Pendidikan (BPP)



Projek 'My New School'

My New School adalah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy, NBOS*) yang bertujuan untuk menjadikan sekolah luar bandar sebagai gerbang komuniti. Program ini tidak hanya akan menguntungkan pihak sekolah tetapi juga masyarakat sekeliling terutamanya di kawasan di mana kemudahan awam adalah terhad. Kawasan persekitaran sekolah dibuka dan dikongsi kepada orang ramai sebagai tempat untuk masyarakat setempat berkumpul dan menjalankan pelbagai program kemasyarakatan.

Pada tahun 2016, Kementerian telah melaksanakan projek dengan kerjasama erat pelbagai agensi dan kementerian lain. Projek ini telah menggalakkan pelibatan masyarakat secara sukarela daripada aspek masa dan tenaga untuk memulihkan bangunan sekolah yang telah usang. Projek dipilih berdasarkan tiga prinsip iaitu, berimpak tinggi, kos yang rendah dan pelaksanaan yang cepat. Sejumlah empat buah sekolah luar bandar yang usang telah dinaik taraf dan dimodenkan di bawah projek *My New School*.

Empat buah sekolah luar bandar yang usang dinaik taraf dan dimodenkan di bawah Program NBOS *My New School*



SK Pinang, Kota Samarahan, Sarawak



SK Tanjung Bako, Kuching, Sarawak



SK Penimbawan, Tuaran, Sabah



SK Gadong, Beaufort, Sabah

MENGUKUHKAN PANGKALAN DATA PENDIDIKAN BAGI MENYOKONG PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

Inisiatif Pembangunan Repositori Data Pendidikan dan Peluasan Penggunaan *Dashboard* merupakan hasrat Kementerian untuk mewujudkan sistem pengurusan pendidikan yang tunggal seterusnya mampu meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan sekolah. Sistem yang bersepadu dan *dashboard* ini akan memberi kesan yang ketara dalam penyediaan data yang lebih komprehensif dan diyakini bagi memudahkan proses membuat keputusan dan penyampaian maklumat seterusnya menyelesaikan isu pendidikan pada semua peringkat pengurusan pendidikan.


Kementerian sentiasa memikirkan cara untuk meningkatkan sistem penyampaian dan mengatasi kekangan pentadbiran dan pengurusan dengan penggunaan teknologi.

Walaupun perkembangan pesat telah ditunjukkan dalam Gelombang 1 melalui pengenalan kemudahan SSO dalam pelbagai aplikasi, namun usaha sangat diperlukan untuk mempercepatkan proses peningkatan sistem daripada segi pentadbiran dan pengurusan pendidikan. Walau bagaimanapun, ketidakselarisan teknologi wujud antara aplikasi kerana kebanyakan aplikasi belum disepadukan sepenuhnya dengan keseluruhan ekosistem teknologi.

Berdasarkan pencapaian menyepadukan aplikasi di bawah SSO dalam Gelombang 1, tambahan tujuh aplikasi sistem lagi telah berjaya disepadukan pada tahun 2016. Pengintegrasian telah dapat meningkatkan jumlah aplikasi yang disepadukan hingga 35 berbanding 28 aplikasi bersepadu pada tahun 2015.

Ekshibit 5-4: Aplikasi yang Diintegrasikan di bawah SSO

PENGINTEGRASIAN DATA dan SSO YANG TELAH DISIAPKAN





Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Kemudahan SSO telah disambut baik oleh para guru kerana ia membolehkan mereka mendapatkan akses kepada pelbagai aplikasi dengan hanya menggunakan satu ID pengguna tunggal. Lebih 440,000 orang pengguna telah mendaftar untuk SSO pada tahun 2016 dan maklum balas yang diterima amat baik.

Ekshibit 5.5: Komen Positif tentang SSO di dalam Facebook Rasmi Menteri Pendidikan

INITIATIVE #43: DATA INTEGRATION



Untuk memastikan bahawa data pendidikan boleh dipercayai, tepat dan konsisten untuk membolehkan keputusan dibuat secara bermaklumat dan berkesan, Bengkel Pengesahan Data telah dijalankan di kesemua enam zon di seluruh negara. Pegawai PPD diajar untuk memperbaiki ketepatan data dan mengenal pasti kesilapan data dan membuat pembetulan dengan wajar.

Aktiviti di Bengkel Pengesahan Data



Pegawai-pegawai PPD Sarawak dalam perbincangan semasa bengkel



Sesi Taklimat Modul Pengurusan Sekolah di zon utara, Penang

Pada Julai 2016, cadangan penyelidikan untuk menentukan skop pembangunan Ekosistem ICT untuk Pendidikan yang komprehensif telah diluluskan oleh pihak Kementerian. Kajian ini akan memberikan cadangan bagi penyelesaian jangka panjang dalam menangani isu pangkalan data yang terencil daripada capaian sistem aplikasi lain yang wujud di pusat data pendidikan iaitu di Pusat Data Enstek. Berdasarkan hasil kajian, inisiatif baharu untuk mengkaji semula keseluruhan ekosistem ICT Kementerian akan diperkenalkan pada tahun 2017.



Aktiviti dalam Modul Pengurusan Sekolah (Infra) di Sabah.



MENINGKATKAN PENGGUNAAN VLE UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN PEMBELAJARAN

1BestariNet telah dibangunkan untuk mentransformasikan platform pendidikan di Malaysia dan merapatkan jurang digital antara murid di kawasan bandar dan luar bandar dengan menyediakan pendidikan berasaskan internet yang berkualiti. Dalam Gelombang 1, sejumlah 8,934 buah sekolah di seluruh negara telah berjaya disambungkan kepada 1BestariNet. Pada Julai 2016, Kementerian Kewangan telah meluluskan perjanjian pelaksanaan Fasa 2 1BestariNet. Sebagai sebahagian daripada perjanjian itu, sambungan internet untuk sekolah telah dinaik taraf kepada profil jalur lebar berkelajuan tinggi 4G yang baharu.


Fasa 2 1BestariNet

Fasa 2 1BestariNet akan memastikan jalur lebar internet yang lebih baik di sekolah untuk mempercepatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta proses pengurusan dan pentadbiran. Tumpuan utama adalah untuk mempertingkatkan pengurusan jalur lebar bagi kesemua sekolah yang memiliki saluran 4G. Sementara itu, sekolah yang tiada saluran 4G akan terus diprofil atau dikenal pasti untuk ditambah baik kepada saluran 4G pada masa akandatang. Sehingga Disember 2016, sebanyak 8,604 buah sekolah telah disambungkan ke

1BestariNet, 8,185 dengan kemudahan jalur lebar 4G berkelajuan tinggi dan 1,547 dengan sambungan talian pelanggan iaitu with *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) (Ekshibit

5-6). Sejumlah 3,940 buah sekolah di seluruh negara menerima peningkatan jalur lebar yang baharu daripada 6Mbps ke 15Mbps berdasarkan kesediaan makmal komputer sekolah.

Ekshibit 5-6: Peningkatan Jalur Lebar yang Baharu di bawah Fasa 2 1Bestarinet



Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)


Guru di semua sekolah jalaran 4G telah diberi plan data individu 2Gb bulanan untuk membantu tugas pengajaran dan pembelajaran serta tanggung jawab pengurusan dan tugas-tugas pentadbiran tanpa gangguan dalam talian.

Penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE)

Penerimaan VLE oleh murid, guru dan ibubapa amat menggalakkan. Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) bersama-sama dengan Pusat Kegiatan Guru (PKG) sentiasa memberi sokongan dan latihan kepada guru untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam membangun dan menggunakan VLE sebagai bahan bantu mengajar yang menarik. Pada 2016, penggunaan VLE terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan untuk meningkatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran. Amalan-amalan yang terbaik daripada bidang kecemerlangan dan idea-idea inovatif yang dikenal pasti dalam Gelombang 1 telah diterima pakai.

Pada penghujung Disember 2016, pencapaian untuk penggunaan VLE telah melepasi sasaran Indeks Prestasi Utama sebanyak empat kali: April (1.3 juta), Mei (1.2 juta), Ogos (1.5 juta) dan Oktober (1.1 juta). Catatan pada bulan Ogos telah direkodkan sebagai pencapaian VLE yang tertinggi seperti yang digambarkan dalam Ekshibit 5-7 di bawah. Pencapaian ini menunjukkan keberkesanan program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2016.

Ekshibit 5-7: Penggunaan Bulanan VLE Murid, 2016




Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)

Penggunaan bulanan yang rendah dalam bulan Jun (0.8 juta), Julai (0.9 juta) dan November (0.2 juta) adalah kerana waktu tersebut merupakan tempoh peperiksaan peringkat sekolah dan nasional iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta cuti perayaan.

Walaupun terdapat potongan belanjawan dan ketiadaan bengkel pembangunan kandungan VLE di seluruh negara, BTP

berjaya mendapatkan sumber dari guru dan pegawai dalaman bagi membangun dan memuat naik bahan lebih daripada KPI yang disasarkan. Ekshibit 5-8 di bawah menunjukkan perkembangan bulanan pembelajaran laman sesawang VLE yang dibangunkan dan dimuat naik ke dalam repositori VLE. Menjelang akhir Disember 2016, sejumlah 13,196 laman pembelajaran VLE baharu telah berjaya dimuat naik ke dalam repositori VLE untuk digunakan oleh guru.

Ekshibit 5-8: Perkembangan Laman Web Pembelajaran VLE yang Dimuat Naik, 2016



Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)

Usaha lain yang ketara untuk melengkapkan aktiviti di atas termasuk:

- i. pemantauan penggunaan VLE pada peringkat negeri dan daerah melalui PKG dan PPD.
- ii. latihan dan bengkel *Frog* VLE pada peringkat sekolah.
- iii. mengadakan seminar berterusan untuk menggalakkan penggunaan VLE pada peringkat negeri.
- iv. mengesahkan kandungan modul pembelajaran VLE yang dihasilkan oleh guru untuk jaminan kualiti.

Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE): Pembelajaran Menyeronokkan di Hujung Jari Walau di Mana Anda Berada

Persekitaran Pembelajaran Maya (*Virtual Learning Environment*, VLE) ialah satu sistem



pembelajaran berasaskan laman sesawang dalam talian yang mudah, menyeronokkan serta menarik. Sekolah di seluruh Malaysia telah dibekalkan dengan Frog VLE secara percuma. Frog VLE ialah satu platform pembelajaran mudah guna dan merupakan gerbang kepada pelbagai sumber pendidikan dan aplikasi menarik daripada pelbagai laman sesawang. VLE juga merupakan satu platform yang

mbolehkan guru, murid dan ibu bapa mendapatkan akses kepada maklumat berkaitan pembelajaran dan berita pendidikan terkini.

SK Meru 2 ialah salah satu daripada contoh sekolah yang berjaya memanfaatkan VLE dalam pembelajaran murid. SK Meru 2 terletak di Meru, sebuah pekan kecil di Daerah Klang, Selangor. Pekan ini kini sedang membangun dengan pesat akibat pembangunan banyak bandar baharu di sekitarnya. SK Meru 2, dengan keluasan sekolah merangkumi 2.3 hektar dan dikelilingi oleh ladang kelapa sawit serta perkampungan Melayu terus berkembang dari segi kualiti pendidikan yang ditawarkan kepada anak-anak setempat melalui penggunaan internet untuk pembelajaran.

Pembelajaran berasaskan VLE di SK Meru 2 diterajui oleh **Cikgu Mohammad Azmi bin Hj. Muda**. Cikgu Azmi bersemangat untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran melalui VLE lebih mudah dan menyeronokkan untuk murid dan guru di sekolah. Azmi menegaskan, *“VLE ialah platform yang selamat dan tidak terhad kepada kelompok tertentu. Sebaliknya, ia adalah perkongsian yang boleh dijana oleh seluruh komuniti pendidikan di Malaysia secara percuma. VLE berkonsepkan pembelajaran yang lebih seronok kepada murid.”* Murid menjadi teruja dengan pendekatan menggunakan teknologi disebabkan pembelajaran sangat menyeronokkan dan interaktif. Guru juga mendapat faedah kerana pentaksiran dan proses penskoran telah diautomasikan dan cekap. Penggunaan VLE di SK Meru 2 juga telah mengukuhkan komunikasi serta proses perbincangan antara guru dan murid. Guru mendapati ianya membantu perkongsian bahan pembelajaran dan pembahagian kerja berkumpulan. Untuk melestarikan penyepaduan teknologi dalam pembelajaran, Cikgu Azmi telah melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran termasuk pertandingan dan kuiz dalam talian antara kelas. Atas kesungguhan dan komitmen beliau melestarikan pembelajaran maya, Cikgu Mohammad Azmi telah dianugerahkan dengan Anugerah Guru 1BestariNet (1BNTA) dalam Komunikasi pada tahun 2016.



“Pembelajaran melalui komputer merupakan suatu yang baharu dan yang paling best saya suka menggunakannya sebab ia merupakan salah satu cara baharu iaitu pembelajaran abad ke-21 menggunakan teknologi.”

Mohamad Akbal bin Hazim

Murid,
SK Meru 2



“Saya suka VLE kerana ia membolehkan saya terlibat secara total. Melalui VLE, saya boleh memantau segala perkembangan anak-anak. Contohnya, saya boleh memantau assignment anak, latihan anak, dan yang paling saya seronok saya sendiri sebagai parent telah dibekalkan dengan ID oleh pihak sekolah dan saya sendiri boleh masuk ke dalam VLE dan melihat sendiri kemajuan pembelajaran anak-anak.”

Puan Zuriati binti Zakaria

Ibu Murid,
SK Meru 2

SMK St Mary, Kuala Lumpur ialah sebuah sekolah menengah perempuan dengan lebih daripada satu ribu murid. SMK St Mary yang terletak di kawasan padat penduduk dengan pelbagai kemudahan awam telah mula menggunakan VLE sejak tahun 2013. Kesemua guru menggunakan VLE dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. **Pengetua sekolah, Puan. Chee Poh Kiew** memaklumkan *“Semua guru di St Mary digalakkan membina tapak pembelajaran di atas platform Frog VLE dan sebaiknya setiap tapak pembelajaran atau VLE sites berbentuk interaktif.”*



“Pengalaman saya menggunakan VLE amat menyenangkan sebab murid saya berminat. Selama ini murid hanya tengok guru di hadapan bilik darjah tetapi kini mereka boleh tengok video. Macam saya mengajar Matematik, ada video dan cara-cara mudah berkaitan Matematik menjadikan pengajaran saya lebih menarik.... Murid juga boleh bermain permainan yang merangsang minda mereka untuk belajar.”

Cikgu Puan Siti Zarina

Guru Matematik,
SMK St Mary

“Apabila VLE pertama kali diperkenalkan, saya tidak berapa pasti mengenai Frog kerana saya beranggapan ia kedengaran agak pelik. Guru-guru kami memberikan nota dan video yang

menyeronokkan tetapi kami juga diberikan kuiz dan latihan serta kadang kala permainan.....Melalui pembelajaran konvensional, kami memerlukan buku dan juga lebih banyak buku rujukan untuk membantu kami tetapi dengan Frog VLE apa yang diperlukan hanyalah capaian internet yang berfungsi.”

Levin Low

Murid,
SMK St Mary

SJKT Ladang Sungai Sebaling, Bahau, Negeri Sembilan ialah sebuah sekolah kurang murid. Walaupun terletak agak jauh di luar bandar dengan bilangan murid yang sedikit, sekolah ini tidak dipinggirkan daripada capaian internet dan pembelajaran maya amat digalakkan di sekolah ini.

“Saya suka menggunakan VLE kerana ia menarik dan senang. Ia membantu meningkatkan pembelajaran saya. Frog VLE memudahkan saya berhubung dengan murid lain dan guru.”

N. Nitya Sri a/p Murulee

Murid,
SJKT Ladang Sg. Sebaling

“Semua mata pelajaran saya menggunakan Frog VLE. Saya membuat kerja rumah dan mencari maklumat dalam Frog VLE. Contohnya menghantar tugasan dan bertanya soalan kepada guru.”

M. Pavithra a/p Muganeswaran

Murid,
SJKT Ladang Sg. Sebaling

En. Manisekaran a/I Kuppusamy, guru di **SJKT Ladang Sg. Sebaling** mengatakan bahawa terdapat banyak kebaikan daripada penggunaan VLE. *Jika dulu kita banyak menggunakan chalk and talk; pada masa kini ia lebih advanced. Pembelajaran melalui VLE boleh menunjukkan sesuatu yang lebih realistik.....ia menarik minat murid dan murid boleh belajar di mana sahaja. Guru boleh menyediakan latihan dan nota yang boleh dimasukkan dalam VLE.....ia menyenangkan guru dalam pengajaran dan pembelajaran.”*



En. Manisekaran a/I Kuppusamy

Guru,
SJKT Ladang Sg. Sebaling

Sila imbas kod ini untuk menonton video



QR CODE

MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI SEKOLAH BERENROLMEN RENDAH

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian pendidikan adalah penting bagi mencapai hasil positif untuk murid. Sejak tahun 2015, Kementerian telah menjalankan kajian rapi dan menyeluruh mengenai isu berkaitan dengan sekolah berenrolmen rendah atau juga dikenali sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM)

di seluruh negara. SKM adalah sekolah rendah dengan bilangan murid seramai 150 orang murid atau kurang dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Salah satu daripada isu utama di SKM ini adalah kos operasi yang tinggi untuk seorang murid.

Ekshibit 5-9: Bilangan SKM Sekolah Rendah, 2016



Sekolah Rendah

1 Sekolah Kebangsaan (SK)	2,058
2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	578
3 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKT)	360

Data seperti pada 31 Mac 2016

Jumlah 2,996

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)



SJKT Ladang Kampung Baru, Kuala Selangor



SK Dato' Abu Bakar, Kuala Lumpur



SK Sg Betul, Perak

Untuk menyelesaikan isu operasi di SKM, dasar semasa telah dikaji. Cadangan untuk membangunkan Pelan Hala Tuju bagi SKM telah diluluskan pada Mesyuarat Pasca Kabinet pada Ogos 2016. Terdapat sejumlah 2,996 sekolah yang diklasifikasikan sebagai SKM seluruh negara. Kementerian telah merumuskan satu pelan jangka pendek (12 bulan) dan pelan jangka

panjang (lebih daripada 12 bulan) dengan melaksanakan pelan untuk meningkatkan keberkesanan operasi SKM. Pihak Kementerian sangat komited dalam mengkaji semula operasi SKM berdasarkan dua objektif utama: untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan mengurangkan kos operasi sekolah.

Ekshibit 5-10: Pelan Strategik untuk Meningkatkan Kecekapan di bawah Pelan Hala Tuju SKM

PELAN JANGKA PENDEK PELAN JANGKA PANJANG

Kelas Pelbagai Gred

Di bawah program ini, murid Tahun 2 dan Tahun 3 serta murid Tahun 4 dan Tahun 5 digabungkan ke dalam 1 kelas.

Pelantikan Perkhidmatan Keselamatan (Perkhidmatan Kawalan Keselamatan - PKK) di SKM berdasarkan norma semasa

Perlantikan PKK di SKM berdasarkan norma semasa dengan meningkatkan kawalan keselamatan di dalam sekolah. Amalan semasa, empat orang pegawai keselamatan ditempatkan di beberapa SKM melalui permintaan khas oleh sekolah yang tidak mempunyai kawalan keselamatan mencukupi.

Perlantikan Perkhidmatan Kebersihan (Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan - KBK) berdasarkan norma semasa

Mengkaji semula norma semasa untuk KBK agar bilangan pekerja pembersihan di SKM optimum

Penggabungan SKM

Meneroka kemungkinan menggabungkan dua atau lebih SKM dari jenis yang sama yang terletak dalam jarak radius 10km.

Penempatan Semula SKM

SKM akan ditempatkan semula atau berpindah ke sekolah baharu bagi menampung pertambahan bilangan penduduk setempat

Kekal dalam Operasi

SKM dengan isu kebolehcapaian (contohnya: di pulau atau di kawasan terpencil) meneruskan operasi seperti biasa

Menghentikan Operasi

SKM yang digabungkan atau dipindahkan dihentikan operasi mengikut prosedur yang betul

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPDP), 2016

RINGKASAN

Pada tahun 2016, pihak Kementerian tetap memperhebatkan usaha untuk meningkatkan sistem penyampaiannya dengan penjajaran dan mengoptimumkan peruntukan belanjawan untuk program berimpak tinggi. Pemimpin masa depan yang dikenal pasti terus dilatih untuk mempertingkatkan kompetensi kepimpinan mereka. Lebih banyak aplikasi telah disepadukan untuk meningkatkan kecekapan sistem; capaian internet sekolah terus dipertingkatkan, manakala beribu-ribu laman pembelajaran telah diwujudkan dan dimuat naik untuk memperkayakan pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran. Infrastruktur asas sekolah diselenggara dan suasana pembelajaran yang lebih baik telah disediakan melalui projek menaik taraf.

UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN (PADU)

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (*Education Performance and Delivery Unit, PADU*) ditubuhkan pada 20 Mac 2013 sebagai satu unit bebas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Penubuhan PADU telah termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Bab 8, muka surat 11-12) dan mandat serta peranan PADU telah dinyatakan secara jelas iaitu sebagai sebahagian daripada strategi bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PPPM. Peranan utama PADU adalah untuk menjadi rakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berpadu tenaga untuk memudah cara, memberi sokongan dan merealisasikan visi Kementerian dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara. Hal ini dilakukan dengan memberikan sepenuh tumpuan kepada tempoh masa pelaksanaan yang tepat dan kejayaan pelaksanaan PPPM. Untuk memastikan PPPM berjaya dilaksanakan, peri pentingnya PADU bergerak sederap dengan Kementerian dan menjalinkan kerjasama erat dalam menyediakan pelan tindakan untuk memastikan kualiti sistem pendidikan negara ditingkatkan secara berterusan yang merangkumi keseluruhan spektrum inisiatif di bawah 11 Anjakan yang digariskan dalam PPPM. Bagi memenuhi janji tersebut, PADU diterajui oleh sepasukan pegawai yang bersemangat tinggi yang terdiri daripada mereka yang berbakat dan berkemahiran tinggi daripada sektor awam dan swasta.

Gabungan kepakaran antara penjawat awam dan swasta membolehkan PADU memanfaatkan pelbagai pengetahuan tinggi, pengalaman dan kompetensi untuk melakukan perubahan positif ke arah transformasi. Salah satu daripada bidang fokus PADU ialah mencari penyelesaian berkesan untuk mengatasi sebarang cabaran sepanjang kembara transformasi pendidikan. Proses ini membantu dalam usaha menerapkan budaya berorientasikan penyelesaian iaitu usaha-usaha untuk meneroka penyelesaian baharu bagi memastikan anjakan berjaya dilakukan ke arah pembangunan suatu sistem pendidikan bertaraf antarabangsa. Untuk menjadikan sesebuah organisasi dapat berkembang maju dan kekal relevan, setiap ahli dalam organisasi mesti mempunyai matlamat dan wawasan yang sama. Tenaga kerja di PADU sentiasa bersatu hati dan komited dalam memberikan sokongan padu kepada satu sama lain sebagai satu Unit serta memberikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah PADU kepada semua pihak berkepentingan untuk merealisasikan Lima Aspirasi Sistem dan Enam Aspirasi Murid merentas 11 Anjakan. PADU bersedia untuk membangunkan strategi yang berkesan, memantau pelaksanaan, menguruskan saling keberbergantungan antara Bahagian, dan memperkenalkan pendekatan baharu yang mendorong Kementerian untuk melonjakkan kualiti pendidikan serta menyediakan permulaan yang baik bagi murid untuk menjadi tenaga kerja dan pemimpin masa hadapan yang akan membawa negara ke arah kemajuan yang lebih hebat dan berdaya saing pada peringkat global.




Ketua Pegawai Eksekutif PADU, Puan Khadijah Abdullah.

PADU: MEMACU AGENDA TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA

Sejak permulaan Gelombang 1 pada tahun 2013, PADU telah menyokong pewujudan dan penyediaan inisiatif PPPM bersama-sama dengan Bahagian peneraju. Inisiatif-inisiatif ini dikategorikan kepada inisiatif utama dan sokongan. Inisiatif utama bersifat kompleks dan kebiasaannya memberikan impak yang sistemik. Inisiatif utama dipantau dengan ketat melalui laporan *dashboard* mingguan. Kumpulan inisiatif ini dianalisis dan diberikan penyelesaian masalah secara intensif. Inisiatif sokongan mempunyai tahap kerumitan yang sederhana dan dipantau melalui laporan *dashboard* bulanan. Bahagian peneraju mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas pelaksanaan inisiatif serta mendapat sokongan penuh daripada PADU.

Ekshibit 1: Bilangan Inisiatif Utama dan Sokongan di Bawah PPPM, 2013-2016



Fasa	Tahun	Bilangan Inisiatif Utama	Bilangan Inisiatif Sokongan
Gelombang 1 (2013-2015) Mengubah sistem dengan menyokong guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran utama	2013	25	75
	2014	14	25
	2015	20	26
Gelombang 2 (2016-2020) Memacu peningkatan sistem	2016	24	8

Sumber: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Nilai-nilai utama PADU: *Proactive* (Proaktif), *Accountable* (Bertanggungjawab), *Driven* (Terdorong) dan *United* (Bersatu padu), dapat dilihat dalam cara PADU menjalankan kerjasama dengan Kementerian dalam memacu, memudah cara dan memantau transformasi sistem pendidikan di Malaysia. PADU sentiasa bersedia untuk membantu semua Bahagian dalam Kementerian untuk mencapai sasaran yang ditetapkan oleh setiap inisiatif dan sama-sama bertanggungjawab atas kejayaan dan kegagalan pelaksanaan inisiatif tersebut serta agenda transformasi Kementerian. Setiap inisiatif diletakkan di bawah tanggungjawab seorang pegawai PADU yang dikenali sebagai Pegawai Bertanggungjawab (*Officer-in-Charge, OIC*) yang berperanan untuk melibatkan diri secara proaktif dalam pelaksanaan inisiatif PPPM. Apa yang lebih penting ialah OIC bekerja rapat dan menyokong Pengurus Program (*Programme Manager, PM*) daripada Kementerian iaitu para pegawai yang menerajui pelaksanaan inisiatif.



Bagi memastikan aspirasi PPPM dapat dicapai, setiap tahun PADU akan mengkaji semula senarai inisiatif dan mengenal pasti inisiatif utama dan sokongan serta Bahagian peneraju yang bertanggungjawab ke atas setiap inisiatif. Setelah inisiatif ditetapkan, bengkel perancangan akan diadakan dengan PM dan Ketua Aliran Kerja (*Work Stream Leader, WSL*) yang telah dilantik oleh setiap Bahagian untuk menyokong PM masing-masing dan berbincang serta merancang aktiviti bagi setiap inisiatif. Pada akhir bengkel tersebut, Bahagian peneraju akan mengemukakan piagam inisiatif, kamus KPI dan pelan yang terperinci. Satu taklimat pengenalan kemudiannya diadakan untuk memaklumkan kepada PM dan WSL berkaitan proses pelaporan *dashboard*. Pelan pelaksanaan inisiatif kemudiannya akan dipantau secara mingguan melalui laporan *dashboard* untuk melihat status kemajuan serta mengemukakan isu yang perlu diselesaikan dengan bantuan PADU. Sekiranya terdapat isu yang tidak boleh diselesaikan pada peringkat Bahagian dan perlu dibawa ke peringkat pengurusan tertinggi Kementerian bagi tujuan intervensi atau mendapat keputusan, maka isu tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Penyelesaian Masalah (*Problem Solving Meeting, PSM*) yang diadakan kebiasaannya sebulan sekali dan dipengerusikan secara bersama-sama oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Aktiviti yang dinyatakan di atas merupakan aktiviti rutin yang dijalankan oleh PADU dalam usaha untuk mempercepatkan pencapaian PPPM, di samping program dan aktiviti lain yang dianjurkan bagi menyokong pelaksanaan inisiatif.

Dalam melaksanakan peranan yang telah dimandatkan oleh Kementerian, PADU menggabungkan amalan transformasi yang terbaik dan terkini bagi merealisasikan hasrat PPPM dan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators, KPI*) yang ditetapkan setiap tahun. PADU juga mengamalkan amalan yang terdapat dalam *Managing Successful Programmes (MSP)* salah satu standard program pengurusan terunggul di dunia dengan proses dan peranan yang jelas yang direka bentuk secara khusus untuk membantu pasukan program melaksanakan projek dan mendapat faedah yang secara langsung menyumbang kepada objektif strategik. Sehingga kini, sejumlah 35 orang pegawai PADU telah diperaku dan memperoleh pensijilan MSP, dan PADU akan terus memastikan pegawai baharu turut mendapat perakuan tersebut.

PADU: MENGUBAH BUDAYA KERJA

Data numerasi sentiasa menjadi petunjuk utama kejayaan bagi mana-mana pelan, program dan projek. Selain daripada pengukuran secara kuantitatif, PADU memberi penekanan yang serius terhadap kualiti penyampaian kerja dengan menerapkan dan menggalakkan perubahan dalam budaya kerja. Strategi untuk perubahan budaya dan transformasi merangkumi elemen bimbingan dan pementoran, penerapan budaya penggunaan data, penyelesaian masalah dan perundingan, perkongsian pengetahuan dan pemuafakatan, dan penerapan amalan terbaik. Apabila semua elemen ini diterima dan menjadi sebahagian daripada budaya kerja dalam Kementerian, kecekapan dan keberhasilan dapat dicapai. Oleh yang demikian, kualiti sistem pendidikan, secara keseluruhannya, akan dapat ditambah baik seperti yang dihasratkan di dalam PPPM.

Bimbingan dan pementoran

Sejak tahun 2013, PADU telah memberi sokongan kepada Kementerian dalam pelbagai bentuk program bimbingan dan pementoran. Pelbagai isu telah dikenal pasti dan data dianalisis supaya input bernilai dapat disediakan bagi merangka intervensi yang bersasaran untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit.

Antara aktiviti bimbingan dan pementoran yang dijalankan pada tahun 2016 adalah:

- bimbingan dan pementoran kepada pegawai baharu daripada Institut Pendidikan Guru Malaysia berkaitan perancangan, pengurusan dan kaedah untuk memacu transformasi kampus Institut Pendidikan Guru.
- bimbingan kepada Bahagian peneraju oleh OIC inisiatif dalam memastikan peruntukan belanjawan yang sesuai diterima dan dibelanjakan secara berhemah.
- bimbingan dan pementoran kepada pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan FasiLINUS oleh OIC inisiatif LINUS dalam usaha meningkatkan kualiti proses saringan program LINUS.

Menerapkan budaya penggunaan data

Penggunaan data yang boleh dipercayai secara cekap adalah penting dalam membuat keputusan yang tepat. Sebelum sesuatu aktiviti dan program dirancang dan dilaksanakan, Bahagian di Kementerian perlu memahami sepenuhnya data yang ada dan menganalisis data tersebut bagi membolehkan keputusan yang dibuat berlandaskan maklumat yang sahih. Perubahan positif dalam membuat keputusan yang dahulunya lebih bergantung kepada andaian yang boleh mengundang risiko kepada kebergantungan kepada data sebagai bukti telah mula dilihat. Dialog prestasi juga dijalankan pada peringkat daerah, negeri dan Kementerian untuk lebih memahami keadaan pada peringkat pelaksanaan dan mengatasi halangan ke arah kejayaan pelaksanaan inisiatif. Dialog yang diadakan telah berjaya memusatkan tumpuan utama kepada penyampaian dan kebertanggungjawaban. Sesi dialog sebegini telah membolehkan PADU memantau prestasi, mengemukakan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit. PADU menyediakan analisis yang terperinci untuk membantu memudahkan cara sesi dialog supaya libat urus yang dilaksanakan lebih terarah kepada isu-isu sebenar dan menjadi lebih bermakna kepada kumpulan pelaksana.

Penyelesaian masalah dan perundingan

Salah satu kaedah yang diamalkan oleh PADU dalam mencari dan menyelesaikan punca masalah adalah dengan mengadakan makmal. Makmal merupakan bengkel yang memberi penekanan serius terhadap penyelesaian masalah, analisis data yang terperinci yang melibatkan pihak berkepentingan, dan dimudah cara serta disokong oleh sekumpulan fasilitator yang berkebolehan. Makmal juga merupakan satu strategi yang digunakan untuk mencapai keberhasilan yang pantas di samping menganalisis secara mendalam isu-isu yang dibincangkan. Melalui makmal, pemuafakatan dilakukan dengan pakar dalam pelbagai bidang untuk mendapatkan pandangan, idea dan perspektif baharu. Libat urus dengan pihak pengurusan tertinggi Kementerian diadakan bagi menentukan kebolehlaksanaan dan kebolehjayaan cadangan yang telah dikemukakan. Pihak luar Kementerian yang berminat dalam hal-hal tertentu juga diundang untuk memberikan pandangan bagi memastikan wujudnya kerjasama erat dan sinergi yang kuat untuk mencapai matlamat yang sama.

Pada tahun 2016, PADU telah menjalankan empat makmal inisiatif untuk membantu Bahagian di bawah Kementerian menyediakan penyelesaian serta cadangan strategik bagi mempercepatkan keberhasilan inisiatif. Berikut merupakan beberapa makmal yang telah dianjurkan oleh PADU:

Ekshibit 1: Makmal yang dilaksanakan oleh PADU sepanjang 2016



Selain daripada makmal, PADU juga bekerjasama rapat dengan Bahagian peneraju dan menyediakan laluan bagi memudahkan proses birokrasi yang kompleks dan mempercepatkan prosedur di dalam Kementerian. Latihan ProELT iaitu latihan pengukuhan bahasa Inggeris untuk guru merupakan salah satu contoh kejayaan inisiatif di bawah PPPM yang telah dibantu oleh PADU untuk mempercepatkan proses perolehan bagi membolehkan 500 guru opsyen Bahasa Inggeris dilatih.

Di bawah inisiatif Transformasi IPG: Pelan Hala Tuju dan Pelaksanaan, PADU memberi sokongan kepada IPG untuk menerajui dan memantau pelaksanaan aktiviti yang dikenal pasti di dalam Pelan Hala Tuju IPG. Kejayaan yang diperolehi melalui perkongsian ini adalah dengan tertubuhnya Pejabat Pengurusan Transformasi IPG dan pelaksanaan sepenuhnya Latihan Penilaian Bakat.

PADU juga memainkan peranan sebagai sebuah entiti perundingan kepada Kementerian. Salah satu pengiktirafan utama bagi sumbangan PADU kepada Kementerian pada tahun 2016 adalah pelantikan PADU oleh Kementerian Kewangan untuk membantu menyemak semula permohonan bajet Kementerian tahun 2017 atau Anggaran Belanja Mengurus (ABM 2017). Objektif utama bagi kajian semula ini adalah untuk meletakkan keutamaan pada program pendidikan sedia ada dan menyelaraskan belanjawan untuk aktiviti di bawah Kementerian. Sebelum bengkel tiga hari diadakan untuk memutuskan jumlah ABM 2017, PADU telah menganalisis trend perbelanjaan bagi setiap Bahagian. Kemudiannya, sindikasi bersama-sama Bahagian yang berkaitan telah diadakan untuk memastikan tidak terdapat lebih dan pertindihan dalam permohonan kewangan serta pematuhan kepada garis panduan prosedur kewangan sedia ada. Bengkel yang dijalankan telah berjaya menjimatkan sebanyak RM280 juta belanjawan Kementerian.





Perkongsian pengetahuan dan permuafakatan

Semenjak penubuhannya, PADU telah mengambil bahagian dalam pelbagai simposium dan majlis antarabangsa untuk berkongsi amalan terbaik berkaitan pelaksanaan PPPM. Sehingga kini, PADU telah dihubungi oleh pelbagai agensi antarabangsa dan negara luar bagi memberi pengiktirafan terhadap pembangunan PPPM dan kejayaan dalam melaksanakan inisiatif di bawah PPPM. Perjalanan yang ditempuhi dalam melaksanakan PPPM telah menarik perhatian negara luar dan sering kali kisah transformasi pendidikan di Malaysia mendapat permintaan supaya dikongsi dan diketengahkan di mata dunia. Sebahagian daripada tetamu luar yang telah berkunjung ke pejabat PADU termasuklah delegasi daripada Perkhidmatan Awam Andhra Pradesh India; Kementerian Pendidikan Arab Saudi, Belanda, Iran, Brunei, Vietnam, Thailand, Myanmar, Nigeria dan Bhutan. Agensi antarabangsa seperti UNESCO, Bank Dunia dan beberapa individu yang mewakili badan-badan antarabangsa juga telah mengadakan lawatan ke pejabat PADU untuk mendapatkan maklumat mengenai kisah transformasi pendidikan di Malaysia.

Selain daripada pengiktirafan antarabangsa dan perkongsian pengetahuan yang diterima daripada pelbagai negara, PADU juga mewujudkan permuafakatan dengan pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah dan platform pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Peningkatan ketelusan untuk kebertanggungjawab bagi pihak awam

Semenjak tahun 2013, PADU menerbitkan sebuah Laporan Tahunan berlandaskan kemajuan sebenar pelaksanaan inisiatif berbanding sasaran yang telah ditetapkan dalam PPPM. Laporan Tahunan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang untuk dibaca oleh pihak awam. Majlis pelancaran Laporan Tahunan ini diadakan setiap tahun bertujuan untuk berkongsi kejayaan pelaksanaan inisiatif di bawah PPPM dan juga bidang-bidang yang memerlukan lebih sokongan. Laporan Tahunan 2015 telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 9 Ogos 2016. Majlis tersebut telah dihadiri oleh lebih 500 orang jemputan daripada pelbagai bidang pendidikan dan pihak luar. Laporan Tahunan 2015 juga menandakan berakhirnya Gelombang 1 dan dokumen tersebut telah melaporkan, secara keseluruhan, pencapaian inisiatif dalam Gelombang 1 (2013-2015). Di samping itu, galeri susur minda yang mempamerkan pencapaian inisiatif PPPM dalam Gelombang 1 juga dikongsikan bersama-sama pihak awam termasuk kisah kejayaan dan amalan terbaik oleh PPD dan JPN. Keberhasilan murid dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, Pembelajaran Abad ke-21 dan Pendidikan Khas juga telah dipamerkan kepada semua.



Penataran maklumat berkaitan PPPM 2013-2025

PADU mengambil bahagian dalam pelbagai program dan pameran bagi mempromosi dan meningkatkan kesedaran pihak awam terhadap PPPM. Penataran maklumat berkaitan kemajuan inisiatif dibuat secara berterusan melalui jerayawara, televisyen, radio, media cetak dan media sosial.

Sektor Pengurusan Perubahan dan Komunikasi PADU bersama-sama Bahagian berkaitan di Kementerian juga terlibat dalam jerayawara anjuran Unit Komunikasi Korporat (UKK) di bawah Kementerian untuk menatar maklumat mengenai dasar dan program pendidikan kepada pihak awam di seluruh negara. PADU juga membantu beberapa Bahagian dalam merancang pelan komunikasi dan mencipta mesej komunikasi, khususnya berkaitan dengan inisiatif di bawah PPPM.



Penerapan amalan terbaik

PADU mengamalkan dan menyesuaikan amalan yang terbaik bagi memastikan kejayaan dalam pengurusan program yang merupakan mercu tanda peranan utama PADU. Selain daripada mengamalkan MSP, PADU juga merujuk kepada KPI inisiatif dan prinsip Belanjawan Berasaskan Keberhasilan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan apabila merancang sesuatu program. Berdasarkan garis panduan ini, PADU telah melaksanakan rangka kerja berasaskan keberhasilan apabila memulakan perancangan setiap inisiatif yang baharu. Pengetahuan ini kemudiannya dikongsi bersama-sama Bahagian peneraju apabila melaksanakan inisiatif di bawah tanggungjawab mereka. Rangka kerja berasaskan keberhasilan merangkumi empat komponen utama: Perancangan untuk Keberhasilan, Belanjawan untuk Keberhasilan, Pemantauan dan Penilaian serta Pelaporan Keputusan.

Ekshibit 2: Kerangka Berasaskan Keberhasilan



Perancangan untuk Keberhasilan

Langkah pertama dalam perancangan ialah penyediaan piagam merangkumi skop, konsep dan KPI untuk inisiatif, disusuli dengan penyediaan pelan tindakan yang mengandungi KPI dan aktiviti utama. Kamus KPI juga disediakan bagi memperincikan definisi bagi KPI dan metodologi pengukuran. Dokumen yang akhir ialah pelan 3-kaki yang merupakan pelan tindakan terperinci bagi membantu membimbing dalam pelaksanaan aktiviti.

Belanjawan untuk keberhasilan

Berdasarkan arahan daripada Kementerian Kewangan, semua perancangan harus berdasarkan kepada keberhasilan. Oleh itu, pelan 3-kaki perlu menyediakan perincian pelaksanaan aktiviti atau program dengan memasukkan implikasi kewangan bagi setiap aktiviti atau jumlah keseluruhan peruntukan bagi inisiatif.

Pemantauan dan penilaian

PADU menjejak dan memantau kemajuan inisiatif PPPM melalui laporan *dashboard*. PM dan OIC akan mengemas kini status kemajuan setiap minggu bagi inisiatif utama, manakala inisiatif sokongan dipantau setiap bulan. Apabila terdapat isu atau berlaku halangan dalam proses pentadbiran atau dalam membuat keputusan dasar yang tidak dapat diselesaikan pada peringkat Bahagian, PADU membantu untuk mengemukakan isu berkenaan dalam PSM. PSM merupakan suatu platform yang membolehkan pihak pengurusan tertinggi Kementerian menyelesaikan isu dan menetapkan keputusan untuk membolehkan inisiatif bergerak maju ke hadapan.

Pelaporan keputusan

Kemajuan bagi setiap inisiatif di bawah PPPM dilaporkan dalam dua majlis tahunan anjuran PADU dan dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan iaitu Kajian Pertengahan Tahun (*Mid Year Review*, MYR) dan Kajian Akhir Tahun (*Year End Review*, YER). MYR dijalankan bagi menilai kemajuan pelaksanaan inisiatif bagi pertengahan tahun dan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk mencapai hasil yang disasarkan. YER pula dilaksanakan bagi menilai prestasi inisiatif pada akhir tahun dan menyediakan saranan untuk perancangan seterusnya. Pada bulan Ogos 2016, sebanyak 24 Bahagian peneraju telah membentangkan kemajuan inisiatif melalui penggunaan kaedah kad laporan dalam MYR. Pegawai tertinggi Kementerian, Pengarah JPN dan Ketua PPD juga turut hadir bagi menyumbang input. Input dan keputusan dalam kajian semula ini dicatat dan PADU memberi sokongan kepada Bahagian bagi memastikan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mempercepatkan proses atau untuk mencapai keberhasilan yang dihasratkan pada akhir tahun.

Nota: YER 2016 telah dijalankan pada Januari 2017 akibat isu penjadualan.



LANGKAH KE HADAPAN

Memasuki Gelombang 2, PADU berazam untuk terus mengukuhkan perkongsian dengan semua pihak di dalam Kementerian bagi memastikan kemajuan berada di landasan yang betul, penyampaian yang cekap dan kejayaan dalam melaksanakan inisiatif di bawah PPPM. Selain daripada menjadi rakan kepada Kementerian, PADU juga akan berusaha untuk berganding bahu dengan pihak berkepentingan di luar Kementerian bagi mewujudkan kerjasama padu dengan mereka. Berdasarkan pengajaran yang diperoleh dalam tahun 2016, PADU telah menyediakan pelan penambahbaikan untuk pelbagai aktiviti dan program. Sebagai contoh, PADU akan terus menambahkan sokongan kepada PPD melalui forum transformasi dan mengadakan YER untuk menentukan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai dan perancangan yang lebih baik untuk tahun yang akan datang. Perbandingan antara pencapaian sebenar dengan sasaran KPI dan dapatan pengajaran daripada aktiviti ini akan memberi input bagi mempertingkatkan lagi perancangan dalam Gelombang 2 untuk memacu peningkatan sistem pendidikan negara. Walaupun PPPM akan kekal sebagai tonggak dan menjadi asas kepada transformasi sistem pendidikan, PADU juga akan berusaha untuk menjadi lebih luwes dan pantas dalam menerima dan mengadaptasi perkara dan keperluan baharu. Kembara transformasi pendidikan merupakan suatu perjalanan yang dinamik dan senantiasa memerlukan pelarasan dan penyesuaian berterusan untuk kekal relevan dan berdaya maju



PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 PENCAPAIAN TAHUN 2016

Pada tahun 2016, terdapat sebanyak 23 inisiatif yang telah dirancang, dilaksanakan, dipantau dan dilaporkan setiap minggu. Pelaksanaan inisiatif ini juga menandakan bermulanya Gelombang 2 PPPM. Inisiatif tahun 2016 juga adalah penting dalam menentukan kejayaan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.



AKSES

Peratusan bagi enrolmen prasekolah kebangsaan untuk kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ di sekolah awam dan sekolah swasta meningkat daripada 84.6% kepada 85.4%. Peratusan enrolmen murid menengah atas pula telah menunjukkan penurunan daripada sasaran yang ditetapkan pada 90.0% dengan hanya 85.8% murid yang berdaftar di dalam sistem. Namun begitu, peratusan enrolmen ini merupakan suatu peningkatan berbanding 84.9% pada tahun 2015. Sementara itu, enrolmen dalam pendidikan teknikal dan vokasional terus menunjukkan peningkatan dan telah melepasi sasaran dengan pencapaian 6.2%. Usaha perlu dipergiatkan untuk memastikan peratusan sasaran yang ditetapkan pada 20% pada akhir Gelombang 2 dapat dicapai pada tahun 2020.

Akses: Sasaran dan Pencapaian 2016

KPI	Pencapaian 2015	Sasaran 2016	Pencapaian 2016	Sasaran Gelombang 2
Peratus enrolmen kebangsaan bagi prasekolah untuk kanak-kanak umur 4+ dan 5+ (awam dan swasta).	84.6%	90%	85.4%	Sasaran Sejagat
Peratus enrolmen prasekolah swasta untuk kanak-kanak umur 4+ dan 5+.	50.7%	55.0%	51.9%	58.0%
Peratus enrolmen peringkat menengah atas.	84.9%	90%	85.8%	Sasaran Sejagat
Peratus enrolmen umur 16+ dalam Pendidikan Teknikal dan Vokasional.	5.2%	6.0%	6.2%	20.0%

KUALITI

Kementerian berhasrat untuk menjadi salah sebuah negara yang berada dalam kumpulan sepertiga teratas dunia dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for international Student Assessment* (PISA).

Pencapaian bagi literasi bahasa Inggeris menunjukkan peningkatan yang sangat baik sejak ia mula diperkenalkan melalui program Saringan Literasi dan numerasi (*Literacy and Numeracy Screening*, LINUS) pada tahun 2013 dengan mencatatkan pencapaian tertinggi sebanyak 98.6%. Walau bagaimanapun, pencapaian bagi numerasi mencatatkan penurunan daripada 99.1% kepada 94.7%.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) kekal mengenakan syarat kemasukan yang ketat bagi ambilan ke program ijazah pertama dengan memastikan 30% lepasan SPM dengan keputusan cemerlang diterima masuk sebagai guru pelatih. Pada tahun 2016, sebanyak 99.9% daripada guru pelatih memperoleh skor yang baik dalam SPM. Oleh itu, Kementerian beriltizam untuk menghasilkan graduan berkualiti tinggi untuk memantapkan lagi kualiti pendidikan di negara ini.

Kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta dalam pendidikan melalui konsep Sekolah Amanah telah terbukti sebagai satu model yang berkesan untuk meningkatkan prestasi sekolah dan keberhasilan murid. Pada tahun 2016, sebanyak 21 buah sekolah lagi yang dikawal selia oleh Kementerian telah menyertai program ini menjadikan jumlah keseluruhan sekolah amanah sebanyak 83 buah di seluruh Malaysia.



Kualiti: Sasaran dan Pencapaian, 2016

KPI	Pencapaian 2015	Sasaran 2016	Pencapaian 2016	Sasaran Gelombang 2
Peratus literasi Bahasa Inggeris (Tahun 3)	94.1%	100%	98.6%	100%
Peratus literasi Bahasa Melayu (Tahun 3)	98.6%	100%	99.0%	100%
Peratus Numerasi (Tahun 3)	99.1%	95.0%	94.7%	100%
Peratus komponen berasaskan KBAT dalam UPSR	20.0%	20.0%	20.0%	40.0%
Peratus komponen berasaskan KBAT dalam SPM	20.0%	20.0%	20.0%	50.0%
Peratus guru opsyen yang mengikuti latihan ProELT meningkat pencapaian sekurang-kurangnya 1 band CEFR daripada a)B1: b)B2:	a) 87.4% b) 42.0%	a) 85.0% b) 50.0%	a) 84.5% b) 42.6%	a) 85.0% b) 50.0%
Peratus pengambilan calon ke IPG bagi mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	99.1%	100%	99.9%	30% terbaik dalam SPM
Peratus jawatan pengetua/guru besar diisi.	99.1%	100%	96.6%	100%
Peratus guru memperoleh CGPA 3.75 dan ke atas dalam NPQEL	43.7%	N/A	30.0%	65.0%
Bilangan Sekolah Amanah	62	82	83	140
Peratus sekolah di Band 1 dan Band 2	38.8%	37.0%	39.9%	50.0%
Peratus sekolah di Band 6 dan 7	1.9%	0.8%	1.9%	0%

Nota: N/A - data tidak diperoleh



EKUITI

Kementerian masih meneruskan usaha untuk merapatkan jurang yang telah dikenal pasti dalam sistem pendidikan. Oleh itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bertujuan untuk merapatkan jurang antara murid bandar dan luar bandar dengan meningkatkan prestasi murid dalam dua peperiksaan awam (UPSR dan SPM).

Murid Berkeperluan Khas (MBK) sentiasa diberi peluang untuk meningkatkan kecemerlangan sepertimana murid di aliran perdana. Pelibatan MBK dalam pendidikan inklusif telah meningkat beransur-ansur daripada tahun ke tahun dan pada tahun 2016, sebanyak 30.3% MBK mengikuti program ini.

Tumpuan juga diberikan terhadap peningkatan kadar kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Sehingga kini, inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian telah menunjukkan kesan yang positif apabila kadar kehadiran meningkat tinggi daripada 79.1% pada tahun 2015 kepada 86.2% pada tahun 2016. Usaha bagi memastikan murid Orang Asli kekal di dalam sistem selepas tamat pendidikan rendah sedang dipantau oleh beberapa Bahagian di Kementerian.

Ekuiti: Sasaran dan Pencapaian, 2016



PERPADUAN

Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan telah disediakan pada 2016 dan sedang diajarkan dengan Pelan Tindakan Perpaduan Nasional. Hanya tiga buah negeri (Labuan, Sabah dan Sarawak) berjaya mencapai skor minimum indeks perpaduan iaitu 6.9. Keputusan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran menerima kepelbagaian.

Perpaduan: Sasaran dan Pencapaian, 2016

01

KPI

Peratus kemajuan pembangunan Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan.

Pencapaian 2015

100% Isu berkaitan perpaduan di sekolah dikenal pasti.

Sasaran 2016

100% pelan strategik dibangunkan dan Draf Pelan Hala Tuju Perpaduan dihasilkan.

Pencapaian 2016

100% draf Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan diluluskan.

Sasaran Gelombang 2

5 dari 11 pelan strategik dilaksanakan

02

KPI

Peratus negeri yang mencapai skor minimum indeks perpaduan 6.9 dalam kalangan guru dan murid.

Pencapaian 2015

Tiada Data

Sasaran 2016

100%

Pencapaian 2016

18.7%

Sasaran Gelombang 2

100%


KECEKAPAN

Bagi memastikan sistem pendidikan beroperasi pada tahap optimum, Kementerian berikrar untuk mengagihkan semula belanjawan apabila keadaan membenarkan, bagi mencapai keberhasilan murid. Keadaan ini dilaksanakan melalui perbelanjaan berhemah dan perancangan yang teliti dengan menjajarkan semula belanjawan untuk program pendidikan yang mempunyai impak besar kepada murid. Pada tahun 2016, Kementerian telah berjaya mengagihkan semula sejumlah besar daripada belanjawan iaitu sebanyak 77.0% kepada program berimpak tinggi.

Kementerian juga telah mengambil langkah untuk menambah baik kecekapan pangkalan data pendidikan melalui pengintegrasian sistem aplikasi yang pelbagai. Penggunaan satu ID pengguna dan kata laluan telah meningkatkan kecekapan dalam operasi pendidikan dan meringankan beban pentadbiran kepada guru dan pentadbir. Tujuh sistem telah diintegrasikan pada tahun 2016 menjadikan jumlah sistem yang telah diintegrasikan bertambah kepada 35.

Kementerian juga meneruskan usaha untuk mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan dengan menyepadukan Persekitaran Pembelajaran Maya (*Virtual Learning Environment, VLE*) dalam pengajaran seharian. Penggunaan VLE dipantau dan sejumlah 1.5 juta murid telah mengakses VLE sehingga November 2016. Perkembangan ini telah merangsang Kementerian untuk terus meningkatkan bilangan sumber pembelajaran dalam VLE.

Kecekapan: Sasaran dan Pencapaian, 2016



MELANGKAH KE HADAPAN

Memasuki tahun kedua dalam Gelombang 2 pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian terus mengorak langkah untuk mempertingkatkan momentum yang telah dimulakan pada tahun 2016. Pada tahun 2017, kami berhasrat untuk terus meningkatkan akses kepada pendidikan, meningkatkan kualiti pendidikan, memastikan ekuiti terhasil merentas sekolah tanpa mengira

lokasi, menggalakkan dan mengukuhkan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan murid serta terus memantapkan kecekapan sistem melalui pelaksanaan 28 inisiatif. Usaha yang bersungguh-sungguh dalam kalangan pihak berkepentingan dalam dan luar Kementerian adalah penting ke arah memacu dan melestarikan peningkatan pencapaian yang terhasil dalam Gelombang 1.



AKSES

Setiap anak Malaysia berhak mendapatkan akses yang sama dalam pendidikan untuk membolehkannya mencapai potensi diri. Oleh itu, Kementerian beriltizam untuk memastikan akses sejagat and enrolmen penuh kepada semua kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga menengah atas menjelang 2020. Bagi meningkatkan akses kepada pendidikan, aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2017 merangkumi aktiviti berikut:

Meningkatkan Akses kepada Pendidikan Inklusif Berkualiti

Untuk menggalakkan pelibatan lebih ramai Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam sekolah arus perdana, sasaran peratus penyertaan MBK dalam kelas inklusif dinaikkan kepada 35%. Kami berharap lebih ramai keluarga yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas akan bersikap lebih terbuka dan sanggup menghantar anak mereka untuk belajar bersama-sama rakan mereka di sekolah aliran perdana. Selari dengan itu, lebih banyak sekolah akan digalakkan untuk terlibat dalam Program Pendidikan Inklusif melalui penyediaan kemudahan dan alatan pembelajaran yang sesuai. Kemahiran guru arus perdana dan guru pendidikan khas akan dipertingkatkan untuk mengukuhkan kompetensi dalam kaedah pengurusan kelas inklusif.

Meningkatkan Kualiti Prasekolah

Perkembangan awal kanak-kanak adalah penting dalam membentuk masa hadapan anak-anak kita. Pertumbuhan emosi, sosial dan fizikal kanak-kanak memberi kesan langsung kepada perkembangan keseluruhan hidup dan alam dewasa mereka. Oleh yang demikian, Kementerian akan terus memastikan standard minimum bagi kemudahan dan kelayakan guru yang ditetapkan di bawah Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan dicapai oleh semua pengusaha prasekolah.


Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dari Prasekolah hingga Menengah Atas

UNESCO memperaku bahawa pendidikan adalah hak kemanusiaan sepanjang hayat untuk semua dan akses kepada pendidikan mesti disesuaikan dengan kualiti. Selaras dengan hal tersebut, Kementerian berusaha untuk memastikan dasar pendidikan wajib 11 tahun dapat dicapai pada tahun 2018. Kementerian akan terus memantau dengan rapi kadar enrolmen anak-anak kita dari peringkat prasekolah hingga menengah atas serta usaha untuk meminimumkan keciciran melalui program khusus dan terbeza pada peringkat rendah dan menengah akan diperhebatkan oleh JPN, PPD dan sekolah.

Meningkatkan Kualiti Pendidikan Vokasional

Kementerian berhasrat untuk menghasilkan graduan separa mahir dan mahir bagi memenuhi permintaan industri. Pada tahun 2017, kami akan menjalankan usaha terbaik melalui kerjasama dengan pihak industri untuk memastikan graduan yang dikeluarkan dapat terus diambil bekerja dalam sektor ekonomi utama negara dengan gaji permulaan yang baik. Usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan vokasional sedang berjalan bagi memastikan 16 program rintis mendapat akreditasi penuh, manakala 20 program vokasional mendapat akreditasi sementara daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).





KUALITI

Semua kanak-kanak akan berpeluang untuk mendapatkan pendidikan yang cemerlang bersifat unik bagi Malaysia namun setanding dengan sistem antarabangsa yang terbaik. Aspirasi pendidikan bagi Malaysia ialah menjadi antara negara sepertiga teratas dari segi prestasi dalam pentaksiran antarabangsa seperti yang diukur berdasarkan keberhasilan dalam TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun. TIMSS dan PISA, kini, hanya menguji pengetahuan dan kemahiran dalam Sains, Matematik dan literasi. Pentaksiran tambahan yang menguji dimensi kualiti yang lain relevan dengan konteks Malaysia berkemungkinan akan disertai apabila pengukuran tersebut dibangunkan dan diterima sebagai standard antarabangsa.

Melaksanakan Aktiviti di bawah Piagam Guru

Pembangunan profesionalisme guru adalah penting untuk menjulang standard pendidikan di Malaysia. Oleh itu, usaha meninggikan aras kompetensi guru adalah penting untuk memastikan guru berprestasi rendah dapat mencapai tahap kompetensi minimum 88% berdasarkan instrumen PSYNNNOVA-iBMT(Guru) setelah tamat kursus peningkatan prestasi. Pada tahun 2017, kelulusan untuk pelaksanaan laluan kerjaya yang lebih berstruktur akan dipohon dan dijalankan selari dengan pelaksanaan pelesenan guru. Bagi memastikan agenda transformasi berjaya, Kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya 50% daripada guru sekolah swasta berdaftar dengan pihak Kementerian.

Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran Abad ke-21

Istilah “kemahiran abad ke-21” digunakan secara umum untuk merujuk kepada beberapa kompetensi utama seperti kemahiran kolaborasi, literasi digital, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah yang menyokong kepercayaan bahawa sekolah perlu mengajar dan membantu murid berjaya dalam dunia hari ini. Kementerian menasarkannya supaya sekurang-kurangnya 40% murid yang diuji dengan Pentaksiran Kompetensi Literasi Sains, Matematik dan Bacaan (PKLSMB) mencapai skor minimum 500 dalam ketiga-tiga domain tersebut. Bagi mencapai sasaran tersebut, lebih daripada 200,000 orang guru akan diberi pendedahan penuh mengenai pendekatan dan strategi menggabungkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, sekolah-sekolah yang berjaya melaksanakan dan menerapkan KBAT dalam diri murid akan diberi pengiktirafan atas usaha mereka.

Kementerian juga akan memperkenalkan Kerangka Pembelajaran Abad ke-21 Malaysia untuk menjajarkan semua aspek dalam sistem pendidikan ke arah memperlengkapkan rakyat muda Malaysia dengan kemahiran abad ke-21 yang akan membolehkan mereka bersaing dalam arena global. Satu kajian kebolehlaksanaan akan dijalankan untuk meneroka pengenalan konsep Pemikiran Rekabentuk (*Design Thinking*) di sekolah sebagai sebahagian daripada metodologi kerangka ke arah perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Mengukuhkan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Science, Technology, Engineering and Mathematics, STEM)

Dalam abad ke-21, inovasi sains dan teknologi telah menjadi semakin penting sedang kita mendapat manfaat dan menghadapi cabaran globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Untuk berjaya dalam masyarakat baharu yang mahir teknologi dan berasaskan maklumat, murid perlu meningkatkan keupayaan dalam bidang STEM ke tahap yang melangkaui apa yang dianggap sesuai pada masa dahulu. Oleh itu, Kementerian bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran mengenai STEM dalam kalangan pentadbir sekolah, guru, murid dan ibubapa melalui pelaksanaan pembelajaran yang menyeronokkan seperti gamifikasi STEM dan program realiti televisyen. Pengenalan semula amali sains akan memberikan murid pengalaman praktikal dan lebih pemahaman mengenai pendidikan STEM. Selari dengan itu, bilangan dan kualiti radas dalam makmal sains di seluruh Malaysia akan diaudit untuk memastikan bilangan radas yang mencukupi bagi kegunaan murid.

Meluaskan Pelibatan Ibubapa dan Komuniti dalam Ekosistem Sekolah

Pelibatan ibubapa dilihat sebagai asas kepada kejayaan pendidikan anak-anak. Penyertaan ibubapa di sekolah menyumbang secara signifikan ke arah pencapaian murid dan keseronokan mereka di sekolah. Kementerian berharap untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai keperluan ibubapa dan komuniti bekerjasama dengan sekolah dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik melalui penyediaan garis panduan yang jelas dan amalan terbaik. Sarana Sekolah dan Sarana Ibubapa 2.0 yang ditambah baik dengan kaedah semasa dalam pendidikan dan kaedah yang telah terbukti berjaya serta perubahan semasa yang dilakukan oleh Kementerian akan dibangunkan dan diletakkan dalam talian untuk kemudahan akses kepada ibubapa.

Meluaskan Pelibatan Sektor Swasta dalam Pendidikan

Amalan terbaik pada peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa pelibatan sektor swasta dalam pendidikan dapat meningkatkan prestasi sekolah, akauntabiliti dan autonomi serta akses. Kementerian berhasrat untuk menyemarakkan semula minat sektor swasta untuk menyumbang kepada pembangunan pendidikan melalui kolaborasi dan faedah berbanding.

Pada tahun 2017, Kementerian menetapkan 5% (secara kumulatif) sebagai sasaran keseluruhan peratus untuk peningkatan sektor swasta dalam pendidikan asas. Untuk mencapai sasaran tersebut, Kementerian akan membangunkan sebuah portal sebagai pusat sehati maya untuk mendapatkan maklumat mengenai sekolah yang memerlukan bantuan. Portal ini juga akan menjadi sumber maklumat kepada pelabur yang berminat untuk menyalurkan sumbangan dalam apa-apa bidang yang berkaitan dalam pendidikan yang dianggap sesuai dengan latar belakang dan bidang kepakaran organisasi mereka. Para pegawai yang bertanggungjawab ke atas program Perkongsian Awam Swasta (*Public Private Partnership*, PPP) pada peringkat Bahagian boleh dihubungi melalui portal ini.

Sejajar dengan Projek Permulaan dalam Bidang Ekonomi Utama Nasional - Pendidikan, EPP13 bertujuan memperkenalkan PPP bagi sekolah yang baharu dibina. Satu model PPP yang baharu akan diperkenalkan sebagai tambahan kepada model PPP sedia ada untuk meningkatkan sumbangan sektor swasta kepada program pendidikan, menyediakan lebih pilihan kepada jenis program dan model PPP, dan menjadikan PPP lebih luwes berasaskan minat penganjur. Model PPP yang baharu akan dibangunkan berdasarkan maklum balas dan input daripada sesi kumpulan fokus melibatkan pihak berkepentingan utama dalaman dan luaran serta pakar-pakar dalam bidang pendidikan. Kementerian juga menyasarkan untuk meningkatkan bilangan sekolah amanah kepada 105 buah daripada 83 buah pada tahun 2017.

Melaksanakan Piagam Pemimpin

Bagi memastikan kecemerlangan organisasi secara berterusan, satu pelan penggantian yang mantap perlu tersedia untuk menggantikan pemimpin sekolah yang bersara atau meninggalkan perkhidmatan. Pengganti jawatan tidak boleh dipilih hanya berdasarkan kekananan. Perancangan penggantian memerlukan pengenalan pastian dan pembangunan pemimpin pertengahan yang berpotensi untuk mengisi jawatan utama kepimpinan di sekolah. Langkah ini bukan hanya untuk menyediakan pemimpin pelapis tetapi juga memudah cara proses peralihan dan perubahan kepimpinan untuk sesebuah organisasi. Kami berhasrat untuk mengisi 80% kekosongan jawatan kepimpinan secara terus pada peringkat sekolah dengan pemimpin berprestasi tinggi. Institut Aminuddin Baki akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan hanya graduan yang cemerlang dikeluarkan melalui kursus Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL).

Mentransformasi IPG untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru

Kementerian berhasrat untuk mentransformasi IPG menjadi institusi latihan guru bertaraf dunia di Malaysia melalui penyediaan program latihan dan pembangunan guru yang dinamik. Walaupun masih berada pada peringkat awal transformasi yang akan berlangsung dalam tempoh sepuluh tahun, proses permulaan transformasi akan menumpukan kepada penambahbaikan peningkatan penyampaian dan sistem sokongan. Oleh yang demikian, IPGM telah menetapkan peratus sasaran pencapaian sebanyak 28% untuk keseluruhan proses transformasi pada tahun 2017 sebagai asas yang mantap kepada transformasi menyeluruh.

Memantapkan Pendidikan Bahasa Inggeris

The English Language Roadmap 2015-2025 dibangunkan untuk melakukan perubahan kepada pendidikan Bahasa Inggeris di seluruh negara. Pada tahun 2017, semua inisiatif berkaitan pembangunan Bahasa Inggeris akan diselaraskan bagi melahirkan keberhasilan murid yang holistik. Peningkatan kemahiran guru Bahasa Inggeris melalui ProELT akan diteruskan, manakala Program Dwibahasa (DLP) dan Program Imersif Tinggi (HIP) akan diperluas bagi memastikan anak-anak kita diberi peluang yang lebih luas untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris. Melalui beberapa usaha di atas dan seiring dengan kerja keras pada peringkat daerah dan sekolah, Kementerian menasakani untuk mencapai 80% kadar lulus bahasa Inggeris dalam kertas SPM Bahasa Inggeris pada tahun 2017.

Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu

PPPM berhasrat untuk mendapatkan peratus murid yang mendapat Kredit dalam kertas Bahasa Melayu (BM) menjelang tahun 2025 pada 90%. Makmal BM yang dilaksanakan pada tahun 2016 telah membangunkan pelan tindakan untuk tempoh sembilan tahun bagi mencapai hasrat tinggi tersebut. Dokumen Kerangka Standard BM, Pembangunan Profesional untuk Guru BM, dan Pelan Hala Tuju BM dijangka dapat disiapkan pada tahun 2017 yang akan menetapkan hala tuju peningkatan penguasaan bahasa dalam kalangan guru dan murid. Berdasarkan keputusan SPM Bahasa Melayu tahun 2016, Kementerian berharap 70% murid akan mendapat Kredit dalam SPM Bahasa Melayu pada tahun 2017. Semua sumber yang diperuntukkan untuk memantapkan penguasaan murid dalam BM akan dipergunakan bagi mencapai hasrat tersebut.

Melangkah ke hadapan, Kementerian merancang untuk menyelesaikan isu berkaitan guru bukan opsyen yang mengajar BM di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan memantapkan kemahiran pedagogi guru di kawasan pedalaman menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan untuk meningkatkan penguasaan dan penggunaan di dalam dan luar bilik darjah. Sarana BM atau kit aktiviti akan dibangunkan untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan.

Membangunkan Kemahiran Insaniah Melalui Aktiviti Kokurikulum

Pendidikan yang menyeluruh bukan sahaja memberi penekanan terhadap kecemerlangan pendidikan malahan juga penekanan kepada aspek pembangunan emosi, fizikal dan kerohanian. Kementerian beriltizam untuk membangunkan kemahiran insaniah murid melalui aktiviti kokurikulum. Kemahiran memimpin dan keusahawanan, penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan, antara lain, dapat dipupuk dan dipraktikkan melalui pelbagai projek di bawah pelbagai persatuan dan kelab di sekolah, dan juga melalui sukan dan permainan. Data asas mengenai tahap kemahiran insaniah akan diperolehi melalui penggunaan instrumen Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, dan Kokurikulum (PAJSK).

Memperluas Program Saringan Literasi dan Numerasi 2.0

Objektif program LINUS ialah untuk memastikan anak-anak kita menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun pertama pada peringkat pendidikan rendah. Berdasarkan keputusan yang menggalakkan pada tahun 2016, Kementerian menetapkan sasaran tinggi iaitu 100% murid Tahun 3 pada tahun 2017 menguasai literasi BM, Bahasa Inggeris dan numerasi. Kementerian berharap ibubapa juga akan turut serta bersama-sama dalam merealisasikan sasaran yang ditetapkan dengan memberikan penjagaan dan sokongan di rumah dan di sekolah untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi anak-anak mereka.

Membangunkan Program Pendidikan Pintar Cerdas dan Bakat

Kementerian juga sedang membangunkan program pendidikan yang dinamik untuk kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat. Pada tahun 2017, kami berharap dapat mengenal pasti bilangan kanak-kanak luar biasa yang berpotensi. Sebahagian daripada tugas akan memberikan tumpuan kepada penyediaan dasar yang bersesuaian untuk menyokong keperluan murid pintar cerdas dan berbakat.

Mengoptimumkan Perkhidmatan Sumber Manusia di Sekolah

Kajian yang dijalankan mengenai beban tugas guru pada tahun 2016 telah memberikan petunjuk awal mengenai ketakjajaran antara penawaran dan penempatan guru yang telah menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan guru. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia akan melaksanakan kajian bagi membangunkan garis panduan yang memperjelaskan peranan dan tanggungjawab guru bagi membantu dalam mengklasifikasikan kewajipan tanggungjawab kepada tugas utama, tugas sampingan, dan tugas tambahan pada tahun 2017. Kementerian juga akan mengumpul data asas untuk mengenal pasti bilangan guru yang diperlukan bagi setiap mata pelajaran mengisi jawatan dengan tepat di sekolah.

EKUITI

Sistem pendidikan berprestasi tinggi menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira geografi, jantina atau latar belakang sosioekonomi. Kementerian berhasrat untuk mengurangkan jurang pencapaian antara bandar-luar bandar sebanyak separuh, dan pengurangan jurang pencapaian sebanyak 25% dari segi sosioekonomi dan jantina pada tahun 2020.

Memantapkan Pelaksanaan Program Transformasi Daerah

Program Transformasi Daerah menasarkankan untuk merapatkan jurang pencapaian antara bandar dengan luar bandar dari segi keberhasilan murid. Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coaches Plus, SISC+*) dan Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partner Plus, SIPartner+*) yang berkeelayakan telah digerakkan, khususnya ke sekolah-sekolah yang kurang beruntung di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan jurang antara bandar dan luar bandar dapat dikecilkan. Pelan Intervensi Lima Langkah yang dibangunkan untuk peringkat PPD, jika dilaksanakan secara terperinci dan betul, akan membolehkan daerah mengenal pasti isu dan merancang intervensi khusus untuk menyelesaikan pelbagai kebimbangan mengenai akademik dan bukan akademik. Inisiatif ini akan dipertingkatkan dengan pelaksanaan satu kajian mengenai jurang pencapaian akademik dari segi jantina dan sosioekonomi.

Mentransformasi Pendidikan Orang Asli

Satu makmal telah dijalankan pada tahun 2016 bagi menyediakan pelan menyeluruh untuk mentransformasikan pendidikan Orang Asli. Oleh itu, satu inisiatif telah dibangunkan untuk mengurangkan jurang pencapaian pendidikan murid Orang Asli selari dengan aspirasi nasional untuk penyediaan ekuiti dalam pendidikan. Usaha untuk meningkatkan kadar kehadiran kanak-kanak Orang Asli termasuk menerapkan minat masyarakat dalam pendidikan, khususnya di setiap sekolah Orang Asli. Pemodelan semula sekolah Orang Asli memberikan harapan untuk peningkatan prestasi dalam UPSR dan meningkatkan keterujaan kanak-kanak Orang Asli ke sekolah. Penyelesaian di luar kotak lain yang telah dikenal pasti termasuk penyediaan pendidikan yang sehampir mungkin dengan rumah, melalui penjenamaan semula Kurikulum Asli Penan kepada Modul Intervensi Pedagogi Pribumi. Hal ini termasuk penyediaan naskah tambahan yang boleh dikeluarkan daripada buku teks sedia ada bagi membolehkan kanak-kanak Orang Asli melakukan pembelajaran kontekstual.



PERPADUAN

Sekolah adalah tempat yang paling penting untuk menerapkan dan memupuk perpaduan dalam kalangan murid kerana murid menghabiskan sebanyak satu perempat daripada masa mereka di sekolah antara umur 7 hingga 17 tahun. Melalui pergaulan dengan individu dari pelbagai peringkat sosioekonomi, agama, dan latar belakang etnik, murid belajar untuk memahami, menerima dan menghargai perbezaan. Keadaan ini membentuk satu set pengalaman dan aspirasi yang dikongsi bersama untuk membangunkan satu negara Malaysia yang bersatu padu. Kementerian beriltizam untuk mencipta satu sistem yang memberikan murid peluang untuk membina pengalaman dan aspirasi yang dikongsi bersama- sama yang merupakan asas kepada perpaduan.

Mengukuhkan Perpaduan di Sekolah

Mewujudkan perpaduan dalam kalangan Rakyat pelbagai ras, agama dan warisan merupakan cabaran terbesar negara. Kepaduan sosial dan perpaduan nasional merupakan agenda kebangsaan, dan Kementerian memainkan peranan utama dalam memastikan kejayaannya. Bersandarkan kepada Pelan Tindakan Perpaduan Nasional, Kementerian berhasrat untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Perpaduan Dalam Pendidikan. Pemimpin sekolah pada semua peringkat pendidikan diharapkan dapat menjadi agen perubahan yang signifikan untuk memberi panduan kepada guru dalam mereka bentuk dan melaksanakan aktiviti berkaitan perpaduan dan memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Modul mengenai perpaduan telah disediakan untuk memberi panduan kepada sekolah dalam melaksanakan aktiviti untuk membantu anak-anak kita memahami dan menghargai kepelbagaian. Penyertaan ibubapa dan masyarakat adalah penting dalam menyokong penyatuan masyarakat dalam sekolah serta masyarakat umum juga.



KECEKAPAN

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa mendapat pembiayaan sewajarnya, namun peningkatan keberhasilan murid tidak selalunya sepadan dengan sumber yang dilaburkan ke dalam sistem. Walaupun Kerajaan akan terus mengekalkan tahap pelaburan sedia ada dalam pendidikan, aspirasinya adalah untuk terus memaksimumkan keberhasilan murid dengan menggunakan tahap belanjawan sedia ada.

Mengoptimumkan Perbelanjaan Berdasarkan Keberhasilan Program

Kementerian sedang menimbangkan penggunaan kaedah baharu untuk mengoptimumkan sepenuhnya kontrak penyedia perkhidmatan di sekolah dengan memperkenalkan skop baharu dalam proses perolehan. Untuk memaksimumkan penggunaan kemudahan sekolah, kemudahan ini perlu diselenggara dan dinaik taraf. Bagi tujuan ini, Kementerian hanya akan mengutamakan aktiviti dan projek yang akan memacu sepenuhnya keberhasilan murid dalam perancangannya dan menghentikan program yang kurang efektif untuk memastikan belanjawan yang diperuntukkan digunakan secara berhemah.

Melaksanakan Struktur Organisasi Baharu Kementerian

Kementerian berhasrat untuk memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan mengenai struktur organisasi baharu Kementerian setelah semua keperluan proses yang sepatutnya telah dimuktamadkan sebelum pelaksanaan sebenar. Pelan komunikasi akan dibangunkan untuk setiap pihak berkepentingan pada setiap peringkat. Pembangunan pelan penggantian kepemimpinan untuk Kementerian juga dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada tahun 2017.

Menyediakan Infrastruktur Asas di Semua Sekolah

Penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah asas kepada kejayaan pembelajaran. Pada tahun 2017, 120 buah sekolah daif yang dikenal pasti akan diselenggara dan dinaik taraf, manakala Kementerian akan terus memantapkan pangkalan data ke arah perancangan dan penyelenggaraan yang lebih baik pada tahun 2018. Kami berharap peruntukan pembangunan yang diberikan oleh agensi pusat akan membolehkan sekolah-sekolah yang disasarkan dinaik taraf dengan kemudahan dan bangunan yang sesuai seperti yang telah dicadangkan.

Membangunkan Repositori Data Pendidikan dan Memperluas Penggunaan *Dashboard*

Kementerian berhasrat untuk mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kecekapan pengurusan sumber dengan mewujudkan sebuah repositori data yang bersepadu dan cekap. Data repositori ini menggabungkan pelbagai pangkalan data pendidikan utama yang akan mengupayakan pengurusan pendidikan pada pelbagai peringkat untuk membuat keputusan dengan lebih tepat dan bermaklumat. Dashboard pendidikan baharu sedang dibangunkan menggunakan alat *Business Intelligence* terkini untuk membantu Kementerian dalam analisis data dan penerokaan data. Untuk merealisasikan cita-cita ini, Kementerian komited untuk membangunkan kebolehan dan keupayaan dalaman melalui pendedahan kepada teknologi yang diperlukan serta penyediaan latihan.

Meningkatkan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Peningkatan dalam penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) pada tahun 2016 memberi isyarat bahawa murid dan guru telah bersedia dan menerima penyepaduan teknologi di dalam dan luar bilik darjah. Bilik darjah berteknologi yang dilengkapi dengan alat pembelajaran digital seperti komputer dan peranti mudah alih menawarkan lebih banyak kursus, pengalaman pembelajaran, dan bahan pembelajaran. Selain itu, dengan adanya teknologi, murid boleh mendapat akses kepada pembelajaran 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, mengukuhkan kemahiran abad ke-21, meningkatkanelibatan dan dorongan pembelajaran murid, dan memacu kemajuan pembelajaran. Kandungan VLE yang baharu dan ditambah baik akan terus dibangunkan pada tahun 2017 kerana penyediaan alat bantuan pembelajaran dan pengajaran yang menarik penting untuk membolehkan murid meneroka bahan pembelajaran alternatif bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

Melaksanakan Transformasi ICT

Selaras dengan Agenda Kerajaan Digital dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan disokong oleh pelaksanaan PPPM, Kementerian sedang membangunkan Pelan Strategik ICT bagi tempoh enam tahun ke arah mentransformasi ICT dalam Kementerian. Inisiatif ini bertujuan untuk memantapkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan dengan memanfaatkan prestasi teknologi sedia ada yang terkini.

Melaksanakan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid

Bagi mengoptimumkan perbelanjaan bajet, Kementerian juga menimbangkan dengan serius untuk mengurangkan kos operasi sekolah kurang murid (SKM). Kini terdapat 2,996 buah sekolah di Malaysia dengan enrolmen kurang daripada 150 orang murid per sekolah. Kos operasi bagi sesebuah SKM adalah dua kali ganda perbelanjaan untuk mengoperasikan sekolah dengan enrolmen yang optimal. Oleh yang demikian, Kementerian sedang meneroka idea untuk

menggabungkan beberapa sekolah jenis ini. Projek awal akan memberikan tumpuan kepada sekolah-sekolah dalam satu daerah. Pada tahun 2017, Kementerian akan memberikan latihan pembangunan profesional kepada guru dan guru besar daripada 393 buah SKM (sekolah dengan 30 orang murid atau kurang) untuk melaksanakan pengajaran pelbagai gred pada tahun 2018.

Membangunkan Prinsip Pembiayaan Saksama untuk Membantu Sekolah

Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam enrolmen pada peringkat rendah dan menengah. Perbelanjaan pendidikan menunjukkan kemajuan dalam pendidikan asas. Walau bagaimanapun, tahap kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan telah menimbulkan kebimbangan. Inisiatif pembiayaan saksama bertujuan untuk meningkatkan kesaksamaan dalam perbelanjaan dan keberhasilan pendidikan merentas semua jenis sekolah. Daripada menggunakan pembiayaan geran per kapita yang sama untuk semua jenis sekolah, Kementerian bercadang untuk mewujudkan pelbagai formula pembiayaan bagi menunjukkan keperluan yang berbeza untuk sekolah dengan ciri yang berbeza-beza. Pendekatan baharu ini bertujuan secara khusus untuk meningkatkan sokongan kepada sekolah kurang beruntung, dan merapatkan jurang prestasi sekolah. Oleh itu, pada tahun 2015, projek rintis selama dua tahun telah dilaksanakan di 232 buah sekolah di Negeri Sembilan. Keberhasilan yang diinginkan ialah menyemak semula mekanisme pembiayaan sekolah sedia ada dan melengkapkan dengan kaedah pengukuran untuk meningkatkan autonomi dan kebertanggungjawaban sekolah. Sekolah akan mempunyai keluwesan untuk menguruskan geran mengikut keperluan mereka. Sebagai tambahan, peruntukan bagi setiap murid juga boleh berubah mengikut keperluan membolehkan lebih banyak peruntukan diberikan kepada murid yang paling memerlukan. Perkaitan antara formula yang jelas dan kebijaksanaan sekolah dalam mengurus peruntukan adalah paling penting kerana sekolah dapat menghapuskan ketidakcekapan pengurusan dan memacu prestasi dalam sistem sekolah.

RINGKASAN

Inisiatif di bawah Gelombang 2 (2016-2020) PPPM akan direka bentuk dengan tujuan memacu perubahan yang telah dicapai dalam Gelombang 1. Untuk merealisasikan aspirasi yang termaktub dalam PPPM pada Gelombang 2 dan seterusnya mentransformasikan lanskap pendidikan negara pada tahun 2025, semua pihak dalam Kementerian mesti memahami matlamat yang telah ditetapkan, bekerja bersama-sama, dan mempunyai kesungguhan yang tidak berbelah bahagi untuk mencapai kejayaan. Ibubapa, masyarakat dan sektor swasta perlu membuat pelaburan dalam reformasi pendidikan bagi menyediakan anak-anak kita dengan masa hadapan yang gemilang.

1BestariNet	Projek melengkapkan sekolah awam di Malaysia dengan internet berkelajuan tinggi 4G dan VLE
3M	Kemahiran membaca, menulis dan mengira
4M	Kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul
4G	Teknologi tanpa wayar generasi keempat, yang boleh digunakan dengan telefon bimbit, komputer tanpa wayar dan peranti mudah alih yang lain
ABM	Anggaran Belanja Mengurus
ADSL	<i>Asymmetric Digital Subscriber Line</i>
AIM	Agensi Inovasi Malaysia
ALD	Peningkatan Pembangunan Kepimpinan <i>Accelerated Leadership Development</i>
APFEC	Forum Rantau Asia Pasifik berkaitan Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Asia Pacific Regional Forum on Early Childhood Care and Education</i>
ASED	Mesyuarat Menteri-Menteri Pendidikan dan Pegawai Tertinggi Pendidikan ASEAN <i>ASEAN Education Ministers and the Senior Education Officials Meeting</i>
ASWARA	Akademi Seni Budaya Warisan dan Kebangsaan
BI	Bahasa Inggeris
BIG	Bina Insan Guru
BKew	Bahagian Kewangan
BKK	Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
B&P	Budaya dan Pembelajaran
BLOSSOMS	<i>Blended Learning Open Source Science and Mathematics Studies</i>
BM	Bahasa Melayu
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
BPP	Bahagian Pembangunan Pendidikan
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPPK	Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
BPSBPSK	Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Kluster Kecemerlangan
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
CE	<i>Cambridge English</i>

CEFR	<i>Common European Framework of References for Languages</i>
CLO	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Learning Outcome</i>
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan <i>Continuous Professional Development</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEAR	<i>Drop Everything And Read</i>
DLP	Program Dwibahasa <i>Dual Language Programme</i>
DTP	Program Transformasi Daerah <i>District Transformation Programme</i>
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
ECCE	Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-kanak <i>Early Childhood Care and Education</i>
ELSQC	Majlis Kualiti dan Standard Bahasa Inggeris <i>English Language Standard and Quality Council</i>
ELT	Pengajaran Bahasa Inggeris <i>English Language Teaching</i>
ELTC	Pusat Latihan Bahasa Inggeris <i>English Language Training Centre</i>
ELTN	<i>Enhanced Teachers Learning Network</i>
FasiLINUS	Fasilitator Program Saringan Literasi dan Numerasi
GPN	Gred Purata Nasional
GPPT6	Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam
HE	Hubungan Etnik
HIEP	Program Holistik Pendidikan Inklusif <i>Holistic Inclusive Education Programme</i>
HIP	Program Imersif Tinggi <i>Highly Immersive Programme</i>
IAB	Institut Aminuddin Baki
IB	<i>International Baccalaureate</i>
IBMYP	<i>International Baccalaureate Middle Years Programme</i>
ICC	<i>In-country Consultant</i>
ICIR	<i>International Conference on Innovative Research</i>
IDEAS	<i>Institute for Democracy and Economic Affairs</i>
IEA	<i>International Association for the Evaluation of Educational Achievement</i>

IEP	Program Pendidikan Inklusif <i>Inclusive Education Programme</i>
IET	Latihan Pendidikan Inklusif <i>Inclusive Education Training</i>
ILKA	Institut Latihan Kemahiran Awam
ILKS	Institut Latihan Kemahiran Swasta
IMPak	Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
ISTE	<i>International Society for Technology in Education</i>
JIPS	Jawatankuasa Induk Pembangunan Staf
JKR	Jabatan Kerja Raya
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNIN	Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif K9
KAP	Kurikulum Orang Asli dan Penan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KEDAP	Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi
KiDT	Kursus i-THINK Dalam Talian
KITA	Institut Kajian Etnik
KMK	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
KPI	Petunjuk Prestasi Utama <i>Key Performance Indicator</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSBM	Kerangka Standard Bahasa Melayu
KSIB	Kumpulan Sokongan Ibubapa
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KV	Kolej Vokasional

LCML	Kursus Kepimpinan untuk Pemimpin Pertengahan <i>Leadership Course for Middle Leaders</i>
LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi <i>Literacy and Numeracy Screening</i>
LNPT	Laporan Nilai Prestasi Tahunan
LP	Lembaga Peperiksaan
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
MFIT	<i>Malaysia Fund-in-Trust</i>
MIGHT	<i>Malaysian Industry-Government Group for High Technology</i>
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia <i>Malaysian Qualification Agency</i>
MSP	<i>Managing Successful Programmes</i>
MYP	<i>Middle Years Programme</i>
MYR	Kajian Pertengahan Tahun <i>Mid-Year Review</i>
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan <i>Blue Ocean Strategy</i>
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan <i>Non-Governmental Organisation</i>
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara <i>National Key Economic Area</i>
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara <i>National Key Results Area</i>
NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan <i>National Occupational Skills Standard</i>
NPQEL	Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan <i>National Professional Qualification for Educational Leaders</i>
NPQH	<i>National Professional Qualification for Headship</i>
NPQS	<i>National Preschool Quality Standard</i>
OBBS	Bajet berasaskan Keberhasilan <i>Outcome-based Budgeting</i>
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OIC	Pegawai Bertanggungjawab <i>Officer-in-Charge</i>
PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PAV	Pendidikan Asas Vokasional

PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PDE	Pusat Data Enstek
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PEMANDU	Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi <i>Performance Management and Delivery Unit</i>
PIBG	Persatuan Ibubapa dan Guru
PIKeBM	Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu
PILL	Pelan Intervensi Lima Langkah
PISA	<i>Programme for International Students Assessment</i>
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PKK	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
PKLSMB	Pentaksiran Kompetensi Literasi Sains, Matematik dan Bacaan
PKS	Pusat Kecemerlangan Sukan
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional <i>Professional Learning Community</i>
PLD	Pusat Latihan Daerah
PM	Pengurus Program <i>Programme Manager</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PPKBIS	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPP	<i>Public Private Partnership</i>
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPP	Pusat Pembelajaran Pribumi
PPPK	Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Prasekolah hingga Lepas Menengah 2013-2025)
PRIme	Program Residensi dan Imersif
ProELT	Program Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris <i>Professional Upskilling of English Language Teachers</i>
PSMBM	Pelan Strategik Memartabatkan Bahasa Melayu
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
PVMA	Program Vokasional Menengah Atas

RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari <i>Sustainable Development Goals</i>
SDH	Sekolah Dalam Hospital
SEIP	Program Integrasi Pendidikan Khas <i>Special Education Integration Programme</i>
SHG	Sekolah Henry Gurney
SI	Sekolah Integriti
SIPartner+	Rakan Peningkatan Sekolah+
SISC+	Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah+
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKM	Sekolah Kurang Murid
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan <i>National Preschool Quality Standard</i>
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SMA	Sekolah Menengah Agama
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPTS	Sukan Prestasi Tinggi Sekolah
SSO	<i>Single Sign On</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

TMO	Pejabat Pengurusan Transformasi <i>Transformation Management Office</i>
ToT	<i>Training-of-Trainers</i>
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional <i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UI	Instrumen Penilaian Bersepadu <i>Unified Instrument</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
UKK	Unit Komunikasi Korporat
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
ULBM	Ujian Lisan Bahasa Melayu
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VETA	Akademi Latihan Pendidikan Vokasional <i>Vocational Education Training Academy</i>
VLE	Persekitaran Pembelajaran Maya <i>Virtual Learning Environment</i>
VSAT	<i>Very Small Aperture Terminal</i>
VTE	Guru Pendidikan Vokasional <i>Vocational Teacher Educators</i>
VTM	Pengurus Latihan Vokasional <i>Vocational Training Managers</i>
VTO	Pegawai Latihan Vokasional <i>Vocational Training Officer</i>
WICC	<i>World Invention Creativity Contest</i>
WP	Wilayah Persekutuan
WSL	Ketua Aliran Kerja <i>Work Stream Leader</i>
YER	Kajian Akhir Tahun <i>Year End Review</i>

Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok E8, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, PUTRAJAYA, MALAYSIA

www.moe.gov.my

